



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**2 NOVEMBER 2017,
6 NOVEMBER 2017 HINGGA 14 NOVEMBER 2017**

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 19 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng)	6
Soalan No. 22 – Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen)	8
Soalan No. 24 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa)	12
Soalan No. 25 – Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	13
Soalan No. 26 – Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey)	17
Soalan No. 27 – Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji)	20
Soalan No. 29 – Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee)	23
PENGUMUMAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI UNTUK MELANJUTKAN PERSIDANGAN DEWAN DIBAWAH PERATURAN 6A(1)	24
Kenyataan Oleh Y.A.B. Ketua Menteri di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 15 (1)(k).	24
SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018	
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	28
Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	34
SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) menyambung semula perbincangan.	42

Kandungan	Muka Surat
Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	54
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	57
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) menyambung semula perbincangan.	84
Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayooob Hussain Shah) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	87
Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	97
Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	103
Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	104
Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	110
UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	115

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
13.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
14.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
15.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
16.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
17.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
18.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
19.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
20.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
21.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
22.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
23.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
24.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
26.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
27.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
28.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
29.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
30.	YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
31.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
32.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
33.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
34.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
2.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
3.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
4.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
5.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
6.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

- Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
- Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

"Bacaan Doa".

Setiausaha Dewan:

Soalan Lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan lisan pada pagi ini mula dengan soalan 16, soalan daripada YB. Permatang Pasir. YB. Permatang Pasir telah pun mohon cuti sakit. So maka soalan 16 akan dilangkaukan. Seterusnya soalan 17, soalan daripada YB. Teluk Bahang. YB. Teluk Bahang belum sempat maka soalan 17 juga akan dilangkaukan. Seterusnya soalan 18, 18 soalan daripada YB. Pinang Tunggal. YB. Pinang Tunggal tak sempat maka soalan juga akan dilangkaukan. Seterusnya saya ingin persilakan soalan 19.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan, saya sempat datang soalan saya soalan 19.

No. 19. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat menaik taraf kawasan perumahan terutamanya kawasan perumahan di PPR Padang Tembak, Flat PPR dan sebagainya pada masa yang akan datang?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan dan terima kasih Ahli daripada Kebun Bunga yang sempat datang. Soalan 19 berbunyi berkenaan dengan taraf kawasan perumahan di PPR Padang Tembak iaitu di kawasan Kebun Bunga. YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menyediakan kediaman dan persekitaran yang selesa dan kondusif, keperluan bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf skim-skim perumahan awam sentiasa diberi perhatian. Pada tahun 2016, sejumlah RM11.2 juta telah dibelanjakan untuk menaik taraf serta menyelenggara kawasan dan kemudahan guna sama yang secara langsung memberi manfaat kepada semua 13,288 keluarga ataupun isi rumah di 28 Rancangan Perumahan Awam yang terlibat. Daripada jumlah itu, sebanyak RM2.075 juta telah dibelanjakan bagi kerja-kerja penaiktarafan dan penyelenggaraan perumahan awam di kawasan Padang Tembak.

Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM9.69 juta dengan RM1.4 juta daripadanya telah dibelanjakan bagi kerja-kerja penaiktarafan dan penyelenggaraan perumahan awam di Padang Tembak. Secara ringkas perbelanjaan ini melibatkan kos kerja pembaikan kerja keretakan di Blok E dan J yang bernilai RM1.01 juta dan kerja-kerja naik taraf serta penyelenggaraan lain yang melibatkan skop kerja awam, elektrik dan mekanikal yang berjumlah RM478,816.09. Inisiatif ini diteruskan pada tahun 2018 di mana Bahagian Perumahan telah memohon peruntukan bagi menjalankan kerja-kerja naik taraf dan penyelenggaraan di semua skim perumahan awam Kerajaan Negeri. Di antara permohonan-permohonan termasuk kos pelaksanaan kerja pembaikan keretakan bagi baki tujuh (7) di Padang Tembak ada sembilan blok semua, dua (2) telah di mana saya nyatakan telah berlaku untuk 2018 baki tujuh (7) akan dipertimbangkan untuk dibaikkan keretakannya iaitu kita anggar dalam satu jumlah RM2.968 juta.

Selain daripada penyediaan peruntukan naik taraf dan penyelenggaraan tahunan, Kerajaan Negeri juga sentiasa dan sedang merangka rancangan-rancangan pembangunan jangka panjang secara pembaharuan semula bandar ataupun *urban regeneration* bagi skim-skim perumahan awam yang lama seperti Rancangan Perumahan Awam Padang Tembak. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah pelan pemindahan penduduk, reka bentuk, ketumpatan dan kemudahan baru yang perlu disediakan di kawasan yang akan dibangunkan semula ini. Selain itu juga kaedah pelaksanaan projek ini perlu dibuat berdasarkan kepada laporan teknikal keadaan struktur bangunan sedia ada yang akan disediakan oleh pihak berkepakaran. Sekian.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Tambahan terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan, memandangkan di kawasan Kebun Bunga ada beberapa kawasan perumahan yang besar saya jelaskan Ladang Lada, Ladang Hong Seng, Kampung Mount Erskine, dan terbesar yang terbesar adalah Padang Tembak dan memandangkan rancangan *urban regeneration*...(dengan izin), adalah skim dan aspirasi Kerajaan Pulau Pinang saya minta Kerajaan Pulau Pinang ataupun EXCO memberikan kepada Dewan yang mulia ini, membekalkan kepada Dewan yang mulia ini secara jikalau boleh terperinci bagaimana dengan skim khususnya Padang Tembak dan Hong Seng memandangkan juga Hong Seng pada peringkat ini Ladang Hong Seng, *Hong Seng Estate*, mengalami dua (2) *area*, dua (2) kawasan yang YB. Datok Keramat, Hong Seng mengalami satu bencana yang cukup teruk kerana air di bawah tanah (dengan izin)... *underground water gashing out* dengan terus berterusan sampai hari ini menenggelamkan beberapa buah biji rumah dan air di dalam kawasan ini tidak boleh dihentikan sampai hari ini. Dan diberitahu oleh pihak Bomba dan pihak kejuruteraan bahawa kita kena buat sesuatu untuk *stop* memandangkan keadaan...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Soalan, saya tak bahas saya hanya nak berikan latar belakang memandangkan keadaan seperti berikut dan keadaan Padang Tembak di mana retakan dan laporan kejuruteraan juga mengatakan membaiki retakan dan ketidak dan masalah bukan untuk jangka masa panjang memandangkan perkara begitu di Hong Seng dan juga di Padang Tembak. YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya kena tekan Dewan yang mulia ini dan Kerajaan Pulau Pinang EXCO bahawa tindakan serta-merta kena dibuat. Hasil di Hong Seng dan juga di Padang Tembak dan saya minta jawapan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Soalan saya, apakah tindakan serta-merta akan diambil untuk kedua-dua kawasan yang saya sebut itu? Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Soalan?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okey. Kepada Kebun Bunga *actually* soalan saya adalah khusus kepada Padang Tembak, dan soalan yang ditanya tadi adalah berkenaan pada permulaannya apakah usaha yang sedang kita buat untuk skim pembaharuan semula ataupun *urban regeneration*. *Now*, kaedah *urban regeneration* ini telah pun dicadangkan pada tahun lepas oleh pihak Kerajaan Negeri di mana kita beri tumpuan kepada beberapa skim-skim perumahan awam terlebih dahulu, kedua-dua di bahagian Pulau dan juga di bahagian Seberang. Dan antara skim yang telah pun dikenalpasti adalah Padang Tembak *impact*, Padang Tembak, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri adalah antara skim perumahan awam yang lama sekali di Negeri Pulau Pinang dan seperti mana yang kita lihat dalam jawapan saya ada keretakan yang begitu teruk sekali di dua blok iaitu E dan J yang tidak membenarkan kita menunggu yang telah menyebabkan kita buat kerja-kerja penyelenggaraan ke atasnya sepertimana saya jawab tadi dan kita juga lihat kepada tujuh (7) lagi Blok yang ada baki tersebut di mana kita juga akan pada tahun 2018 akan ada bajet untuk menyelenggarakannya tetapi ini bukan skim pembaharuan semula, skim pembaharuan semula adalah skim holistik yang lebih besar dan tumpuan sekarang kita beri kepada Padang Tembak. Walaupun ia *on going* kita sedang melakukan kerja-kerja pembaikan keretakan kita masih dalam kajian dan penyelidikan secara terperinci seperti mana YB. Kebun Bunga tadi tanya ia belum dimuktamadkan lagi tetapi setelah PDC memuktamadkannya kita akan maklum semua butir-butiran secara terperinci kepada pihak YB. Kebun Bunga.

Berkenaan Hong Seng, Hong Seng adalah satu kes yang di mana baru-baru ini masalah seperti mana dibangkitkan oleh YB. Kebun Bunga telah dialami dan beberapa tindakan proaktif telah pun dilakukan di mana beberapa bangunan yang dikatakan tidak selamat lagi telah pun dirobuhkan dan penghuni-penghuni dipindah semula tapi berkenaan dengan Hong Seng, tiada rancangan untuk *urban regeneration* di situ walaupun kita boleh kaji sama ada ia perlu dibuat tetapi seperti mana Kebun Bunga

kata tadi keselamatan penduduk adalah yang terpenting dan perlu diberi keutamaan penduduk adalah yang terpenting dan perlu diberi keutamaan dan *in fact* sekarang akibat banjir besar yang berlaku beberapa hari sebelum ini ada juga kesan kepada Hong Seng dan kita senantiasa akan berada di *on the ground* untuk pantau keselamatan kerana itu adalah keutamaan akan diberi Kerajaan Negeri kepada penghuni-penghuni di kawasan tersebut. Sekian.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Soalan tambahan, terima kasih YB. Datok Keramat. YB. Yang di-Pertua, perkara ini adalah (dengan izin)... *urgent case* (kes kecemasan) dan saya tahu ada pihak-pihak tertentu dari pihak kerajaan sedang membuat ke semua (dengan izin)...*all we can do* untuk menyelamatkan kawasan ini dan juga keselamatan rakyat di kawasan. Saya amat terima kasih kepada semua agensi-agensi. Soalan saya adalah, kerana kes-kes macam di Padang Tembak dan juga Hong Seng, rakyat di kawasan Padang Tembak 3,770 unit dan di Hong Seng lebih kurang, kurang daripada 600 unit rumah-rumah dibina di atas lereng bukit dan memandangkan selepas 50 tahun, kedua-dua, lebih kurang 50 tahun, kedua-dua kawasan ini menjadi usang dan di bawah tanah Ladang Hong Seng banyak kawasan kerana air di bawah tanah telah mengwujudkan banyak ruang-ruang kosong yang mengakibatkan ketidakselamatan jangka pendek, cara membantu jangka pendek untuk membaiki bahagian demi bahagian adalah tidak mampan maksudnya *not sustainable*. Soalan saya bolehkah kita berikan satu jawapan untuk kita bawa balik kepada rakyat kerana jawapan tadi adalah (dengan izin)...*very general* maksudnya kita akan buat. YB. Yang di-Pertua, selama lima (5) tahun saya telah meminta di Dewan yang mulia ini tetapi tiap-tiap kali diberitahu kepada saya sebagai wakil rakyat bahawa kita akan mengendali, kita akan merancang, kita ada skim tetapi keadaan menjadi semakin teruk, jadi saya kena ada satu jawapan yang *solid*...(dengan izin). Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sekali lagi saya memperingatkan kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat soalan tambahan cuma yang berkaitan dengan pertanyaan asal. Saya ada hak untuk tolak segala soalan tambahan yang tidak berkaitan dengan pertanyaan soalan asal tetapi terpulang kepada EXCO kalau hendak jawab, jawablah, kerana kemungkinan soalan yang tidak bersangkutan paut dengan pertanyaan asal Yang Berhormat pun tidak akan dapat jawapan yang begitu memuaskan. So itu adalah sedikit peringatan kepada semua yang hendak tanya soalan tambahan itu biar soalan itu ada berkait dengan pertanyaan asal. Sila.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Yang di-Pertua Dewan, saya ambil kesempatan untuk jawab juga, seperti mana yang saya nyatakan untuk Padang Tembak walaupun kita ada satu rancangan untuk pembaharuan semula memandangkan keadaan begitu teruk saya tidak mahu ulang tetapi adalah penting untuk semua orang tahu hakikinya bahawa keadaan begitu teruk sekarang memang mengkehendaki Kerajaan Negeri mempercepatkan skim pembaharuan semula tersebut, *in fact* untuk makluman YB. Yang di-Pertua Dewan, untuk Padang Tembak, PDC telah pun diberi taklimat oleh perunding tetapi ia belum dimuktamadkan *but* ia adalah rancangan perumahan yang sedang diberi keutamaan di mana *urban generation* di Negeri Pulau Pinang adalah *whether this consense* tetapi *because of* Padang Tembak keadaannya tidak begitu tidak selamat *we had no choice*...(dengan izin) YB. Yang di-Pertua Dewan, tetapi untuk masuk dan buat kerja-kerja penyelenggaraan sementara menunggu skim pembaharuan semula berlaku kerana skim pembaharuan semula adalah satu skim yang begitu besar yang akan mengambil masa yang begitu lama dan kita tidak boleh tunggu.

So, *in fact* untuk Padang Tembak *we have taken proactive step to come in but* berbalik kepada soalan berkenaan Hong Seng adalah bukan soalan pokok seperti mana saya nyatakan walau pun tiada pembaharuan semula, saya difahamkan pihak perumahan kita telah pun sedia untuk menempatkan semula 13 keluarga daripada Ladang Hong Seng kepada Padang Tembak kita akan buat sedemikian dalam proses kerana seperti mana saya nyatakan itu adalah keutamaan keselamatan. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, saya hendak minta soalan seterusnya, soalan 20, soalan 20 telah pun dijawab oleh YB. Padang Kota bersama dengan soalan 5, maka soalan 20 telah pun dijawab dan seterusnya soalan 21, soalan daripada YB. Sungai Dua, Sungai Dua tidak sempat, jadi soalan ini pun akan dilangkau, soalan 22 saya persilakan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

YB. Yang di-Pertua Dewan, soalan saya soalan nombor 22.

No. 22 Apakah pencapaian Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPPP/SPEC) sejak penubuhannya pada tahun 2013? Adakah tujuan penubuhan Jawatankuasa tersebut sudah tercapai?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan dan kepada rakan saya daripada Bukit Tengah berkenaan pencapaian Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan ataupun dikenali sebagai SPEC sejak ia ditubuhkan pada 2013 di mana untuk makluman YB. Yang di-Pertua Dewan, dan Dewan ini YB. Bukit Tengah adalah merupakan antara satu daripada anggotanya.

Untuk makluman semua, Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) telah ditubuhkan dan bersidang untuk pertama kalinya pada 7 Jun 2013. Objektif utama jawatankuasa yang dipengerusikan oleh saya dan Bahagian Perumahan adalah untuk melihat semula dan memperbaiki proses pemilihan nama pemohon rumah kos rendah yang berharga maksimum RM42,000.00, kos sederhana yang berharga maksimum RM72,500.00 dan pelbagai kategori rumah mampu milik. Antara isu berbangkit yang membawa kepada penubuhan Jawatankuasa ini adalah had kelayakan pendapatan pemohon tidak dipatuhi, pembelian rumah kos rendah ataupun rumah sederhana rendah sebagai rumah kedua dan proses saringan pemilihan nama yang longgar.

Sehubungan dengan itu, langkah pertama yang diambil oleh SPEC adalah untuk membuat pindaan kepada borang permohonan PN1 dengan menetapkan syarat yang lebih ketat seperti pengesahan caruman ataupun tidak ada caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Selanjutnya jawatankuasa ini juga telah berusaha memastikan sistem maklumat perumahan digunakan sepenuhnya dalam proses penyediaan senarai nama. Kolaborasi maklumat dengan sistem yang digunakan oleh Pejabat Tanah dan Galian dan Pihak Berkuasa Tempatan terus dimanfaatkan agar nama-nama pemohon yang telah pun memiliki rumah tidak lagi tersenarai sebagai penerima tawaran. Selain itu SPEC juga memainkan peranan meneliti dan memperakukan senarai nama pemohon sebelum surat tawaran dikeluarkan oleh Bahagian Perumahan. Pendekatan ini diambil bagi memastikan pemohon yang terpilih benar-benar mematuhi syarat kelayakan, keutamaan dan giliran yang sewajarnya sejak penubuhannya pada tahun 2013 hingga September 2017, SPEC telah bersidang sebanyak 40 kali.

Sepanjang tempoh ini juga, *in fact* setelah jawapan ini disediakan, juga telah bersidang satu kali lagi, menjadikan 41 kali. Sepanjang tempoh ini juga Jawatankuasa tersebut telah memilih dan memperakukan tawaran kepada sejumlah 38,466 pemohon yang terdiri daripada 18,849 pemohon rumah kos rendah, 7,082 pemohon rumah kos sederhana rendah dan 12,535 pemohon rumah mampu milik pelbagai kategori. Secara kesimpulannya, Jawatankuasa ini telah melaksanakan transformasi yang positif kepada proses pemilihan dan penawaran rumah dan menjadikannya lebih sistematik dan telus. Dari itu SPEC telah terbukti telah pun berjaya mencapai objektif penubuhannya. Sekian.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Soalan tambahan. Saya difahamkan dalam proses pemilihan tersebut kita dapat tahu bahawa banyak mereka yang memohon telah menerima tawaran tetapi akhirnya mereka terpaksa, mereka tidak dapat membeli rumah-rumah kos rendah atau sederhana rendah itu disebabkan oleh kerana mereka tidak mendapat pinjaman daripada bank dan saya percaya kadar penolakan permohonan pinjaman daripada bank itu adalah tinggi. Dalam hal ini apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Skop tugas SPEC ataupun Jawatankuasa Pemilihan untuk memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja diberi ataupun ditawarkan sebuah rumah unit kos rendah ataupun kos sederhana rendah ataupun rumah mampu milik. Setelah kita buat tugas kita tersebut dan kita pastikan pemohon itu layak, surat tawaran akan keluar dan apabila surat tawaran itu keluar seperti mana YB. Bukit Tengah kata, ia keluar daripada pejabat saya pejabat kita di Bahagian Perumahan, kita tidak ada kawalan lagi. Kita cuma boleh beri dia tawaran. Pemohon menerima surat itu dia akan pergi kepada pemaju dan pemaju itu akan memproses atau pun menandatangani S&P ataupun perjanjian jual beli sekiranya wang pendahuluan 10% dapat dikeluarkan dan dia layak untuk mendapat pinjaman tetapi seperti mana YB. Bukit Tengah kata dan seperti mana saya nyatakan tadi, setelah surat itu keluar, ia di luar kawalan kita

kerana sekiranya bank tidak mahu beri pinjaman maka tawaran kita itu pun tidak bermakna kerana dia tidak boleh teruskan dengan perjanjian jual beli dengan pemaju dan malangnya YB. Dato' Speaker, ini bukan permasalahan baru YB. Bukit Tengah seperti mana kita tahu pada sidang DUN yang lalu, *in fact I think* dua (2) sidang yang lalu, bukan sidang yang lalu, pada November tahun dahulu sudah hampir satu (1) tahun sekarang, kedua-dua pihak, kita dan juga kerajaan dan juga pihak pembangkang di sini telah pun bersetuju kerana kita mengakui ini adalah hakiki yang kita tidak boleh lari iaitu kadar penolakan pinjaman yang begitu tinggi daripada bank-bank komersial dan kita setuju untuk buat satu usul bersama dan usul bersama ini telah pun sendiri oleh YB. Dato' Speaker dihantar kepada Bank Negeri Malaysia dan juga kepada Y.A.B. Perdana Menteri agar kita boleh campur tangan *intervening...* (dengan izin) supaya kita boleh ada satu perubahan di dalam polisi kita berkenaan pinjaman yang perlu dibuat ataupun diberikan kepada kategori pemohon kos rendah dan kos sederhana rendah di mana mereka secara lazimnya YB. Dato' Speaker berpendapatan rendah tetapi untuk maklumat Dewan yang mulia ini dan YB. Dato' Speaker sendiri, saya ingat YB. Dato' Speaker tidak menerima, mungkin YB. Dato' Speaker, boleh *confirm*, tidak menerima sehingga hari ini tiada apa-apa maklum balas berkenaan isu ini dan saya telah pun minta supaya ini dipercepatkan, perlu ada satu perbincangan dengan Bank Negara Malaysia berkenaan kadar penolakan ini.

Saya mendapati begini YB. Dato' Speaker, sebab utama bank-bank tidak mahu memberi pinjaman kepada kategori pemohon rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah adalah mereka dikatakan adalah dalam kategori berisiko (*risky category*) *that's is the main reason* tetapi kepada saya YB. Dato' Speaker i, apabila seorang itu memiliki satu rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah di Negeri Pulau Pinang, hari dia menandatangani perjanjian jual beli itu rumah yang kos rendah terutamanya RM42,000.00 yang dia *sign* S&P itu sebenarnya adalah dua (2) kali ganda ataupun tiga (3) kali ganda harga sebenar *the actual market value. The actual market value is not RM42,000.00, in fact* kita telah buat satu kajian dan PDC mengesahkan untuk membina satu unit kos rendah atau kos sederhana rendah, jangan kira *land cost just the actual construction cost for low and low medium cost is RM150,000.00* pada hari ini. Baru-baru ini saya dapat laporan, so kepada saya di mana risikonya? Sekiranya dia ingkar dalam pembayaran semula pinjaman tersebut bank boleh ambil semula unit tersebut dan apabila bank ambil semula unit tersebut *security* itu adalah dalam unit tersebut yang bukan berharga RM42,000.00 tetapi lebih.

So, saya berpendapat sebab itu adalah satu sebab yang bukan begitu munasabah dan saya selalu kata bank mesti ada pendekatan yang berlainan apabila melayan pemohon-pemohon yang datang daripada golongan berpendapatan rendah. Dia tak boleh layan mereka sama dengan mereka yang hendak beli rumah-rumah mewah dan sebagainya tetapi itu hakikatnya. Apabila seseorang saya selalu kata, seorang yang kaya pandu satu kereta yang mewah dan besar Mercedes ka apa pergi ke bank untuk dapat *loan* dia dilayan sama seperti orang yang ambil bas. Pergi ke bank itu untuk dapat *loan* kos rendah, kos sederhana rendah. Betul tak ini? Tak betul.

Kita mesti ada perbezaan di dalam cara kita nak layan dan lihat kepada kelayakan sesuatu itu. Dan untuk maklumat YB. Dato' Speaker, *this very good question* di bidang kuasa lain di negara lain di rantau ini Singapura atau pun Hong Kong di mana kita ada masalah sama. Bank-bank sudah ada pendekatan lain, mereka boleh layan mereka yang memohon untuk kos rendah, kos sederhana rendah yang golongan berpendapatan rendah ini, berlainan dan antara cara mereka boleh buat sedemikian ialah mereka boleh adakan kadar faedah yang berlainan untuk mereka. Mereka boleh adakan tempoh pinjaman yang lebih panjang mereka boleh tinggikan kaedah apa tu kadar faedah setelah beberapa tahun mula dengan faedah yang rendah dan tinggikannya ikut ekonomi pemohon tersebut. Kerana hari ini mungkin saya tak mampu untuk bayar begitu banyak tetapi ekonomi saya bertambah baik saya mampu. So kita tak boleh ada satu *standard one size fit all* pendekatan.

Dan oleh yang demikian itu satu atau dua pendekatan ataupun cara yang boleh *address this issue*. Tapi dalam bidang kuasa bidang kuasa lain ada banyak cara lain. So, *that issue is this YB. Dato' Speaker, we need to meet seriously meet to meet in fact I had a meeting with Dato' Jahara* yang telah Pengerusikan di ICU, *I was very very happy with Dato' Jahara* untuk jemput saya untuk *meeting* tersebut dalam bulan *I think was June or July. I think Datuk Farid couldn't make it okay but Dato' Jahara was there and there was full meeting* kita bincang banyak perkara dan isu ini pun saya ingat *is in the heart of Dato' Jahara because she also raised it but we cannot move forward*.

In fact, Penang untuk maklumat YB. Dato' Speaker, saya telah pun ada satu bengkel dengan Bank Negara Malaysia *we are the first state in the whole Malaysia that they actually came down after I asked them that was last year. Rather the year before 2015 and as a result* bengkel itu beberapa perkara kita buat untuk kurangkan jurang antara kita dapat buat tawaran dan antara mereka dapat beri pinjaman.

There is a very big gap. So we sent down we saw okay apakah ciri-ciri kelayakan perumahan? Apakah ciri-ciri kelayakan untuk pinjaman dari bank?. Kita cuba kurangkan jurang supaya kadar penolakan dapat kita kurangkan dan antara lain satu cara yang kita telah guna satu kaedah di Negeri Pulau Pinang adalah kita masukkan keperluan CCRIS supaya kita tahu pemohon ini, *the possibility*, kemungkinan besar akan pinjaman pemohonan pinjamannya ditolak supaya kita tidak minta dia buat pinjaman terlebih dahulu kita minta dia apa ni perbaiki apa ni status dia. Status kewangan beliau kerana melalui CCRIS kita akan tahu *this particular applicant most slightly there is very high possibility of been rejected because there is so many other outstanding loans...*(dengan izin) *etcetera (etc)*. *We have to improves your financial status first before we take you to the bank so, we can try to reduce that loan*. Dan juga kita ada satu badan dari pusat yang boleh apa ni membimbing pemohon-pemohon dengan kadar kewangan yang tidak begitu baik, cara bagaimana mereka pembaikan status kewangan mereka supaya apa ni *possibility* ataupun kemungkinan mereka dapat dapat pinjaman itu meningkat.

So, itulah jawapan saya kepada Bukit Tengah. Satu soalan yang begitu baik sekali. *Thank you*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih, YB. Yang Di-pertua Dewan. Yang Berhormat EXCO terima kasih di atas penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat EXCO saya bersetuju kerana saya mendapati kalau menyewa rumah pun dia lebih kurang RM200 sebulan kalau sewa rumah. Dibayar *low cost* pun lebih kurang *that figure* juga bahawa kemampuan untuk bayar memang ada kemampuan itu sebab itu saya rasa pihak bank seharusnya mempertimbangkan pemohon-pemohon yang dibuat oleh orang-orang berpendapatan rendah untuk mendapatkan kos rendah ini.

Saya nak minta dua benda Yang Berhormat EXCO yang pertamanya, saya difahamkan di Balik Pulau banyak rumah kos rendah kebanyakan dibina. Saya ingat ada 1,000 lebih tetapi saya tidak tahu dengan tepat jumlahnya itu.

Saya tidak mengharapkan EXCO menjawab sekarang juga mungkin boleh diberi jawapannya nanti. Yang kedua, saya nak minta Yang Berhormat EXCO pertimbangkan Borang PN1, Borang PN1 ni menggabungkan empat (4) kategori rumah *low cost* dan tiga (3) kategori rumah mulai dari RM200k-RM300k dan dari segi RM400k. Tapi asingkan rumah kos rendah daripada tiga-tiga ini kerana kriteria juga harus berbeza di antara yang memohon rumah kos rendah dengan rumah mampu milik ini. Saya rasa itu lebih memudahkan kita untuk melihat permohonan-pemohonan yang begini. Kemudian... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Satu lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasihlah kepada EXCO kerana mempertimbangkan permohonan rayuan yang saya buat bagi pihak penduduk tapi sudah tidak pasti berapa banyak yang dapat kelulusan tidak pastilah tapi saya nampak ada surat jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada YB. Datuk Pulau Betong. Saya akan dapat maklumat terperinci berkenaan berapa unit *low cost* dan *low medium cost*, kos rendah, kos sederhana rendah ada di Balik Pulau. Tetapi memang betul yang akan dibina yang telah pun kita luluskan dalam perancangan-perancangan pemajuan sepertimana Datuk faham apabila ada satu pemajuan kita ada satu syarat yang mengkehendaki pemaju-pemaju membina 30% rumah kos rendah ataupun kos sederhana rendah dan memang saya boleh sahkan di sini bahawasanya di Balik Pulau ada beberapa projek *low cost* dan *low medium cost* yang telah pun diluluskan dan saya akan beri secara terperinci kepada Datuk.

The second question is the good question di mana dalam perbincangan kita di peringkat perumahan pun ada dibangkitkan supaya YB. Dato' Speaker, sepertimana dicadangkan borang PN1 sekarang merangkumi semua jenis Perumahan Mampu Milik. *In fact, low cost* dan *low medium cost* sebenarnya sekarang juga telah pun dijenamakan semula sebagai Rumah Mampu Milik Jenis A dan B dan Jenis C adalah lebih daripada RM72,500 iaitu daripada RM150,000 sehingga sekarang RM300,000. Dahulu ada RM400,000 tetapi sekarang ada PN1 sehingga RM300,000. *Of course*, kita akan

pertimbangkan sepertimana saya yang telah pun dibangkitkan sebelum ini tetapi kita akan pertimbangkan kerana ada dari segi logistik dan sebagainya. Bagaimana kita hendak melaksanakan kaedah tersebut kita perlu bincang dan kaji dan saya akan bincang dengan pegawai-pegawai saya di perumahan yang juga penting sekali di sistem komputer kita bagaimana kita boleh buat sedemikian melaksanakan kaedah tersebut tetapi ia adalah satu cadangan yang baik kita akan kena ambil kira.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah tiga (3) soalan. Seterusnya saya persilakan soalan 23 dari YB. Bayan Lepas. Bayan Lepas pun tidak sempat berada dalam Dewan, 23 akan dilangkau dan seterusnya soalan YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Yang di-Pertua YB. Yang Di-pertuan Dewan, soalan saya ialah Soalan 24.

No. 24. Pekerja di sektor elektronik bekerja dalam persekitaran yang terdedah kepada pencemaran bahan kimia yang berbahaya seperti sinar X dan ergonomik. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerja di kilang elektronik? Apakah statistik kemalangan dan penyakit yang berpunca daripada bahan kimia tersebut?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih atas soalan daripada Ahli Kawasan Batu Uban. Penguatkuasaan dijalankan adalah berdasarkan peruntukan perundangan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 di bawah bidang kuasa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, JKKP. Akta-akta ini terpakai di semua tempat kerja kecuali angkatan tentera dan kerja-kerja di atas kapal belayar. Pemeriksaan kilang dijalankan setiap 15 bulan oleh pegawai JKKP mengikut Akta Kilang dan Jentera 1967. Sinaran X juga adalah tertakluk di bawah seliaan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB). Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Sumber Manusia sering bekerjasama dan menyalurkan peruntukan kepada *Federation of Malaysian Manufacturers (FMN)* dan juga *Malaysian Trade Union Congress* untuk melaksanakan latihan-latihan bagi menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerja di kilang.

Pada tahun 2017, JKKP Pulau Pinang hanya menerima sebanyak dua (2) kes keracunan pekerjaan akibat pendedahan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di sektor elektrik dan elektronik. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Ada dua (2) kemalangan jalan raya bukan lama 23 hari bulan Oktober dan bukan empat (4) hari lepas ada satu kemalangan jalan raya. Ini kemalangan jalan raya berkait dengan kerja atau *commuting accident is considered as a workplace accident*. Di kemalangan nombor satu ada lapan (8) orang meninggal dunia....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat soalan tambahan yang berkaitan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Ya, berkait dengan *electronic workplace* isu. So, apakah langkah-langkah ini punca kemalangan ini atas pelanggaran bas-bas kilang tak puas hati. So, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Soalan pertama adalah sama ada kemalangan yang berlaku baru-baru ini jalan raya adakah itu *workplace accident*? Saya tidak pasti sama ada badan-badan yang berkenaan yang akan siasat perkara ini akan mengiktirafkan ini sebagai *workplace accident* walaupun saya memang setuju bahawa adalah ini

pekerja yang akan pergi ke kilang pagi-pagi apa yang berlaku di Tol Juru ini adalah satu yang sangat-sangat sedih.

Dan apakah Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat saya rasa baru-baru ini / dengar bahawa SPAD di bawah Kerajaan Pusat ini telah menggantung lesen syarikat bas yang terlibat dalam kemalangan itu. Di samping itu pihak Polis juga telah menahan pemandu dua-dua bas ini saya pun tidak tahu selepas itu apakah perkembangan yang berikutnya.

So, jadi saya rasa apa yang berlaku dan ini perlu dicegah dan saya pun rasa bahawa bas-bas yang sebenarnya mengangkut pekerja-pekerja ini dan keselamatan bas-bas ini dan sama ada bas-bas ini mempunyai satu Sijil *Road holding* dan sebagainya perlu dikaji dan tapi saya rasa seperti biasalah dari negara ini selepas kemalangan itu semua dilupakan.

Jadi itu sesuatu isu yang serius di mana ini melibatkan pekerja-pekerja pada saat-saat pagi pada hari itu. Jadi saya rasa perkara ini perlulah perlu ditangani dan saya rasa jabatan-jabatan yang telah memulakan mengambil tindakan ini perlu apa ni adakan susulan supaya tindakan diambil dan bahawa ini perlu tidak berulang lagi. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Perai. Seterusnya saya ingin persilakan Soalan 25.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Dato' Yang di-Pertua soalan saya Soalan nombor 25.

- No. 25. (a) Sila nyatakan dengan terperinci tentang perkembangan terhadap cadangan pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kota Giam, DUN Sungai Pinang.
- (b) Adakah apa-apa perancangan pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang lain di Pulau Pinang memandangkan bilangan pemohon dalam senarai menunggu mencecah beribu-ribu orang. Sila jelaskan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, dan terima kasih kepada Ahli Kawasan Sungai Pinang yang menanya berkenaan perkembangan rancangan-rancangan PPR di kawasan beliau. Cadangan pembangunan Projek Perumahan Rakyat di Kota Giam telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan melalui surat Y.A.B. Ketua Menteri bertarikh 20 April 2017 kepada YB. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tapak yang dicadangkan adalah tiga (3) bidang tanah seluas 18 hektar termasuk dua (2) bidang tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan satu bidang tanah yang telah diwartakan untuk kegunaan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagai loji rawatan kumbahan di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Pembentungan.

Keputusan Kerajaan Negeri untuk mencadangkan tapak tersebut adalah selaras dengan kenyataan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 20 Julai 2017 di mana dalam kenyataan tersebut, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Syarikat Perumahan Negara Berhad ataupun (SPNB) pada masa ini sedang menjalin kerjasama pintar dengan IWK untuk memajukan kawasan perumahan secara menebus guna tapak kawasan kumbahan. Menurut beliau lagi IWK akan mengguna pakai teknologi baharu yang berupaya mengurangkan penggunaan keluasan tapak untuk loji kumbahan di antara 90 hingga 95% daripada keluasan semasa.

YB. Menteri dalam maklum balas beliau kepada Kerajaan Negeri bertarikh 8 Ogos 2017 telah menyatakan kesediaan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mempertimbangkan cadangan pembangunan PPR tersebut dan menyatakan komitmen Kementerian untuk mengadakan lawatan teknikal bagi menilai kesesuaian tapak. Meskipun begitu program lawatan yang diaturkan pada 9 Oktober 2017 yang lalu telah dibatalkan oleh pihak KPKT pada saat-saat akhir. Oleh yang demikian, Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diarahkan supaya berhubung dengan pihak KPKT bagi mendapatkan penjelasan terhadap pembatalan lawatan tersebut dan hala tuju pembangunan PPR seperti mana yang dicadangkan oleh Kerajaan.

KPKT pada masa ini sedang membangunkan dua (2) projek PPR di Pulau Pinang seperti berikut:

- (i) PPR Permatang Tok Suboh yang terdiri dari 231 unit kediaman teres satu tingkat yang dijadualkan siap pada 17 Ogos 2017. Namun masih belum siap; dan

- (ii) PPR Mak Mandin yang terdiri dari satu blok rumah pangsa 70 unit kediaman yang dijadualkan siap pada 20 Disember 2017.

KPKT sehingga kini masih belum memaklumkan kaedah pengisian yang diputuskan untuk kedua-dua PPR baru tersebut sama ada secara sewa beli, jual beli atau sewaan sepenuhnya yang mana mengikut prosedur biasa akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Dalam pada itu, seramai 1,662 pemohon PPR sehingga kini masih diletakkan di bawah kategori senarai menunggu. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,129 atau 68% terdiri daripada pemohon-pemohon di Daerah Timur Laut dan Barat Daya. Oleh yang demikian, kedua-dua projek yang terletak di bahagian Seberang Perai ini dijangka masih belum berupaya untuk menampung permintaan yang tinggi dari kalangan rakyat berpendapatan rendah di Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Soalan tambahan saya. Saya ingin tanya lawatan teknikal telah dibatalkan, tidak ada maklum balas yang terkini ka daripada KPKT? Apakah rancangan atau apa-apa yang akan dijalankan juga supaya kita nampak tertekan sangat daripada penduduk terutamanya 60% permintaan penduduk dari Daerah Timur Laut. Pejabat saya dibanjiri dengan permintaan dan pertanyaan tentang permohonan mereka, maka saya hendak tanya apakah lagi perancangan dari Kerajaan Negeri terhadap pembangunan PPR?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Seperti mana saya nyatakan tadi YB. Speaker, di keseluruhan Malaysia ada dalam lingkungan, ini jawapan saya dapat daripada KPKT, PPR sebanyak hampir 110,000 unit di semua negeri-negeri dan juga Wilayah Persekutuan dan daripada jawapan yang saya dapat dari KPKT, tidak boleh dinafikan, negeri yang mempunyai jumlah unit PPR yang terendah ialah Negeri Pulau Pinang iaitu dari keseluruhan jumlah yang saya sebut tadi, kita cuma ada 999 unit PPR di Negeri Pulau Pinang. *We have the smallest number of PPR in the whole of Malaysia, according to the answer from KPKT.* Selain daripada Wilayah Persekutuan, ada satu Wilayah Persekutuan iaitu Wilayah Labuan yang ada 500 tetapi negeri, *we are the smallest.* Oleh itu apa yang berlaku apabila saya dengan Ketua Menteri berjumpa dengan Tan Sri Noh Omar iaitu YB. Menteri Perumahan pada bulan Mac tahun ini dan kita bincang, antara lainnya, satu perkara tadi, pinjaman pun kita bincang tetapi antara lain satu perkara yang penting ialah PPR dan di dalam perbincangan tersebut, Menteri Tan Sri Noh Omar telah pun menyatakan kesudian beliau sekiranya pihak Pulau Pinang boleh mengenal pasti tanah, maklum kepada dia, dia akan datang untuk semak kesesuaiannya dan kalau sesuai dia akan bina kerana pembinaan PPR adalah di bahu Kerajaan Persekutuan dan kita menyelenggara, Kerajaan Negeri menyelenggara, itu adalah kaedah PPR dilaksanakan di Negara Malaysia.

Setelah perjumpaan itu, seperti mana YB. Sungai Pinang kata. Memang betul, apa yang dikata YB. Sungai Pinang, di bahagian Pulau kita ada satu permasalahan yang besar berkenaan dengan stok PPR yang ada iaitu memang *waiting list* begitu tinggi. Tadi saya kata *waiting list* ataupun kita ada *waiting list* 1,662 dan daripada itu 1,129 ataupun 68% bukan, 60% seperti YB. Sungai Pinang kata, hampir mencecah 70% adalah di bahagian Pulau dan di Pulau tiada unit.

Oleh yang demikian, apa yang berlaku setelah kita kembali, kita kenal pasti tanah itu di Kota Giam, kawasan Sungai Pinang. Kita telah tulis kepada pihak Kementerian untuk maklum kepada mereka. Untuk makluman YB. Dato' Speaker, dan semua di dalam Dewan ini juga, *this land in Kota Giam actually* ada tiga (3) plot, dua (2) plot Kerajaan Negeri, satu plot IWK, dua (2) plot ini terbahagi dengan plot IWK oleh itu kita telah cadangkan selain daripada dua (2) plot Kerajaan Negeri, IWK pun kita ambil kira kerana kenyataan Timbalan Perdana Menteri yang menyatakan memandangkan ada teknologi baru untuk IWK yang tidak memerlukan tanah yang begitu begitu besar, cuma mungkin 5 atau 10% bidang-bidang tanah IWK di keseluruhan Malaysia. Dia telah membuat kenyataan di pertengahan tahun ini bahawasanya kita akan guna baki tanah setelah teknologi baru itu masuk untuk tujuan perumahan. *That is the reason why* kita cadangkan tapak tersebut itu supaya ianya satu tapak sekali gus dan tidak dipisahkan oleh plot IWK. Kita telah cadangkan ini kerana kita berpendapat kalau pun dapat dilaksanakan PPR di situ, memandangkan saiz yang begitu besar, kita buat kiraan dengan kadar ketumpatan yang begitu tinggi

yang dibenarkan untuk PPR seperti mana kos rendah dan kos sederhana rendah. Kita boleh secara konservatif pun saya kata, *at least 20,000 units* Dato' Speaker, boleh dibina di situ, *at least, in fact more but conservatively also...*(dengan izin) *will be around 2,000 units, that is why* kita cadangkan tanah tersebut. *It is a very strategic location, it is in Jelutong, the heart of island* di mana banyak keluarga boleh ditempatkan sekiranya PPR di bina.

Namun demikian, kita begitu hampa sekali, apabila kita pergi ke tapak bersama dengan YB. Sungai Pinang, kita dimaklumkan lawatan tapak yang dirancang oleh pihak pegawai teknikal dari KPKT *at the last hour, last minute was cancelled*. Ia sepatutnya pada hari Isnin, *about 3 to 4 weeks ago*, *then* tiba-tiba Jumaat sebelum hari Isnin, *last minute* dibatalkan. Bukan ditangguhkan, kiranya ditangguhkan, saya boleh terima, ditangguhkan ke tarikh lain, tetapi ini dibatalkan tanpa sebab. Saya harap mungkin rakan saya dari Pulau Betong dapat bawa perkara ini semula kepada pihak mereka dan lihat apa yang kita boleh buat. *They are almost coming for a technical site visit but then at the last minute...*(dengan izin), saya tidak tahu mengapa ianya dibatalkan.

Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan 25(b). Ini untuk Pulau Pinang, saya hendak tanya, boleh tak guna *the same contractor*, sekarang kita dalam projek bina baru, sebagai contoh, Penanti tahun ini kita bina lapan (8) rumah baru. Kalau saya tengok data itu, 98 untuk semua daerah, bolehkah *the same contractor* yang bina rumah-rumah baru dengan kos RM40,000, tiga (3) bilik *houses*, memang kerajaan bina untuk orang susah, *instead of* kita bagi *free*, sebab tadi kata kos adalah satu faktor. Kita memang bina rumah-rumah baru untuk penerima yang berpendapatan RM1,500 ke bawah sekarang ini. Seperti saya kata Penanti telah bina lapan (8) buah rumah, *all together* data yang saya dapat adalah 98, so soalnya boleh tak kita guna kontraktor-kontraktor ini yang telah membina rumah-rumah untuk rakyat Penanti yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri untuk bina rumah-rumah kos rendah untuk rakyat lain dan kita jual. *That is the question*. Tak bolehkah kita guna *the same contractor*, kalau dia orang boleh bina untuk orang-orang susah.... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB Penanti, saya faham. Yang Penanti sebut pembinaan itu di bawah Pejabat Daerah untuk orang-orang yang perlukan di kampung.

Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Itu tidak dari Kerajaan Negeri. *What I mean is since* Kerajaan Pusat tidak bina PPR, Kerajaan Negeri boleh bina dengan menggunakan kaedah yang kita bina rumah-rumah untuk orang susah. Kontraktor-kontraktor itu boleh bina rumah dengan kos RM40,000.00 untuk rumah tiga (3) bilik.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya saya faham. YB. EXCO sila jawab.

Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Kita boleh bina di tempat-tempat yang ada tanah atau apa-apa untuk masyarakat kampung. *Do you understand what I am saying?* Mungkin PPR kena *select but I am saying we already have contractor* yang boleh buat rumah...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau kategori tidak sama, EXCO jawab tak samalah.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Boleh jawab. *Actually*, memang *we have to understand this question is a question* berkenaan dengan Projek Perumahan rakyat PPR. Seperti mana saya nyatakan tadi PPR adalah di bawah bahu Kerajaan Persekutuan, jadi mereka perlu bina, *first of all* tanggungjawab itu adalah tanggungjawab mereka dan memang mereka perlu bina. Tetapi *of course* kita sebagai Kerajaan Negeri kita ada bina

rumah kos rendah, kos sederhana rendah, seperti mana saya nyatakan tadi, *that's a separate category*. Kos rendah dan kos sederhana rendah adalah untuk dibeli, walhal PPR adalah untuk disewa oleh mereka yang tidak mampu beli pun RM42,000.00, *they are not even able to afford even the RM42,000.00 houses*. RM42,000.00 kos rendah adalah RM2,500 pendapatan sebulan dan ke bawah, kos sederhana rendah adalah RM3,500 ke bawah, PPR adalah RM1,500 dan ke bawah selain daripada syarat-syarat yang lain.

Of course di mana Kerajaan Negeri kita lihat sama ada kita hendak perkenalkan skim-skim lain untuk mereka yang golongan pendapatan rendah dan tidak mampu pun milik ataupun beli rumah kos rendah RM42,000.00 kita telah pun perkenalkan beberapa skim yang lain iaitu skim-skim seperti sewa beli, *that means* mereka akan menjadi pemilik setelah sekian lama menyewanya. Dua skim perintis telah pun kita mulakan, iaitu di kawasan Jawi, menerima sambutan yang begitu hebat dan saya telah pun nyatakan kepada Dewan sebelum ini kita akan cuba memperluaskan skim-skim sebegitu memandangkan *PPR is not forth coming to Penang, definitely we will look into that. Coming back to your issue contractor, to which I am not very clear about it, but ...*(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

I am saying is that kita sekarang sudah bina rumah-rumah baru dan kita bagi kepada orang-orang yang berpendapatan isi rumah RM1,500.00. Macam Penanti, *this year alone* kita bina lapan (8) buah rumah baru, kalau ikut data, 98 di Pulau Pinang. Tidak bolehkah kita guna kontraktor-kontraktor ini yang boleh membina rumah yang kita hanya bayar RM40,000.00 tiga (3) bilik? Memang kita tengah buat sekarang tetapi rumah-rumah itu kita bagi *free*, yang ini kita jual ataupun kita buat sewa beli untuk orang, sebab kita hendak tunggu PPR itu bertahun-tahun tidak dapat jawapan, baik kita perluaskan kita punya skim yang telah kita buat.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Boleh, saya akan bincang dengan YB. Penanti nanti bagaimana boleh kita buat.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB Lee Khai Loon):

Soalan tambahan.

YB Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, Penanti, nanti EXCO akan bincang dengan Penanti.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ada soalan tambahan berkenaan dengan jawapan YB. Datok Keramat bagi tadi khasnya untuk PPR yang akan dibina di Kampung Permatang Tok Suboh yang mempunyai lebih 200 unit dan lebih menarik adalah rumah PPR itu akan dibina secara rumah teres dan bukan rumah bertingkat-tingkat, bukan *high rise*. Tadi Datok Keramat kata ia sepatutnya disiapkan dalam bulan Ogos. Apakah punca-punca kenapa sehingga hari ini PPR yang dibina di Kampong Permatang Tok Suboh itu tidak siap dan macam mana Kerajaan Negeri akan menentukan siapa yang boleh memiliki rumah-rumah tersebut. Cuma memandangkan ada permintaan di Kampung Permatang Tok Suboh yang sekarang juga yang akan di usir keluar oleh tuan tanah yang di sebelah tapak pembinaan rumah PPR tersebut? Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Soalan daripada YB. Machang Bubuk. *Sorry*. Ada dua (2) soalan di situ. Satu adalah berkenaan kelewatan dalam pembinaan PPR Permatang Tok Suboh. Seperti mana saya nyatakan ini di jangka 17 dimaklumkan akan disiapkan 17 Ogos 2017 tapi sehingga sekarang belum siap tidak dimaklumkan bahawa ia telah siap dibina dan ini *of course* kita telah pun minta beberapa penjelasan daripada pihak Kementerian apa yang sedang berlaku, mengapa ada kelewatan dan kita sedang *follow up* dengan mereka kerana kita perlu unit-unit itu dengan secepat mungkin.

Berkenaan dengan siapa yang akan layak kita ada sistem saringan dan yang akan melihat pada kelayakan setiap pemohon PPR sepertimana saya nyatakan tadi kita juga mempunyai satu senarai menunggu yang begitu tinggi 1,600 lebih unit pemohon dan daripada itu hampir 500 adalah di bahagian Seberang. *We will consider* setiap pemohon itu sama ada dia layak ataupun tidak. Datang balik kepada mereka yang perlu ditempatkan semula daripada kawasan pemajuan tersebut. Kita memang akan memberi keutamaan kepada kes-kes sebegitu dan *of course* sekiranya pihak Yang Berhormat kawasan dapat memberi surat sokongan dan pengesahan bahawa mereka memang terjejas akibat pemajuan itu faktor itu memang kita akan ambil kira. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Datok Keramat. Seterusnya saya persilakan YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Soalan saya nombor 26.

No. 26. Apakah hala tuju Penang SME Centre dan adakah inisiatif ini dikira berjaya atau boleh ditambah baik lagi? Apakah nama-nama dan jenis yarikat yang menyewa di Penang SME Centre?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Dato' Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan daripada YB. Pulau Tikus mengenai dengan SME Centre. Pusat SME Pulau Pinang ataupun *Penang SME Centre* yang terletak di lokasi yang strategik iaitu di kawasan perindustrian Bayan Lepas dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) adalah bagi tujuan-tujuan seperti berikut:

- (i) membantu pembangunan pengagihan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Tempatan di dalam sektor-sektor strategik terutamanya dari segi pengurangan kos operasi dengan menyediakan kawasan kondusif dan ruang operasi pada kadar sewa yang bersubsidi;
- (ii) membantu syarikat-syarikat *start up* tempatan melalui pembinaan satu blok kilang empat tingkat di Taman Perindustrian Bayan Lepas dengan ruang penyewaan tersedia berjumlah 125,843 kaki persegi sebagai satu kemudahan dan sokongan khususnya kepada pengusaha-pengusaha IKS Tempatan. Buat masa ini, 50% ruang di premis ini telah disewa bagi menjalankan pelbagai aktiviti industri ringan dan juga sederhana merangkumi aktiviti-aktiviti pembuatan, pemasangan, pejabat urusan ataupun sebagai makmal penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D;
- (iii) menyediakan subsidi bagi penyewaan premis ini dalam bentuk bayaran perkhidmatan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan juga PDC. Dengan ini kadar sewa yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding dengan kadar sewa pasaran semasa;
- (iv) memantau dan merancang kemudahan dan khidmat sokongan yang berterusan kepada Industri Kecil dan Sederhana sebagai sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan penjanaan pendapatan kepada para pengusaha tempatan; dan
- (v) menambah baik kemudahan-kemudahan pusat ini berdasarkan *trend* industri dan permintaan daripada semasa ke semasa.

Mengenai dengan lapan (8) syarikat yang beroperasi buat masa kini di Penang SME Center adalah seperti berikut:

- (i) Nama Syarikat Innogrity Sdn Bhd. Pembuatan *test handler semiconductor*. Ini *manufacturing of the test handler* untuk *supply...*(dengan izin) kepada multinasional.
- (ii) LSP Advance Sdn. Bhd. pembuatan *test equipment electronic*. Ini juga *manufacturing of best equipment*, beza dengan yang pertama tadi (*test handler*) ini *test equipment* untuk elektronik.
- (iii) Fabtronic Sdn. Bhd. juga berkaitan dengan *semiconductor*.
- (iv) Macrogine Sdn. Bhd. Sokongan kepada industri juga *semiconductor*.
- (v) NLY Tech Solution Sdn. Bhd. Sokongan juga kepada *industry semiconductor*.
- (vi) Yusof Engineering Sdn Bhd Peranti Perubatan.
- (vii) Boston Scientific Medical Devices Sdn Bhd Peranti perubatan. Boston di dulu daripada Batu Kawan berpindah sementara di kawasan Bayan Lepas ini.
- (viii) FCA Services Sdn Bhd iaitu pembuatan automatif. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pantai Jerejak. YB. Pulau Betong, sila.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. YB. Pantai Jerejak saya ada beberapa soalan di sini. Satu.... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Peluang bagi dekat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya ambil setengah, setengah bagi. SME ini yang disebutkan oleh YB. Pantai Jerejak itu tertumpu kepada E&E sahaja dan ada banyak lagi SME-SME ataupun usahawan-usahawan SME yang memerlukan premis untuk membuka kilang mereka terutamanya macam berkaitan dengan makanan. Kita telah *developed* daripada usahawan kecil dan sampai ke peringkat SME tetapi bila hendak berkembang ada premis yang mereka hendak membuat produk mereka untuk melepasi berstatus halal dan sebagainya so mereka memerlukan premis-premis ini. Premis-premis ini tidak ada juga di Seberang Perai Tengah tidak ada, Seberang Perai Selatan tidak ada, Utara pun tidak ada. Apakah Kerajaan Negeri ada perancangan untuk membina premis-premis lain untuk membolehkan lebih ramai lagi bukan tumpu 88 orang tapi yang lebih ramai lagi? Satu dulu. Beri peluang kepada YB. Pulau Tikus.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Pantai Jerejak.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih di atas soalan tambahan tersebut. Sememangnya daripada senarai yang saya sebutkan tadi, majoriti adalah *supplier* kepada multinasional kerana mereka memerlukan sokongan daripada syarikat-syarikat SME untuk membantu multinasional. Kalau khusus mengenai dengan usaha-usaha IKS yang berbentuk *non electronic* atau *non semiconductor* ada satu lagi kawasan iaitu di kawasan Halal Park iaitu di Seberang Perai di Batu Kawan. Yang Berhormat boleh rujuk bukan kawasan SME Center ini saja yang ada. SME Center ini memang memfokuskan juga untuk membantu syarikat-syarikat multinasional. Bukan tidak ada, tetapi kita boleh berbincang dan bertemu dengan Penang Development Corporation (PDC) dan Invest Penang, dapatkan sebahagian daripada tempat yang disediakan ini ataupun telah ada kawasan khas dikhususkan untuk industri pemakanan halal ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Sila YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Telah banyak tahun dikenalpasti bahawa Pulau Pinang menghadapi cabaran untuk meningkatkan kepada peringkat yang lebih atas *to go up to the next level*. *Specifically* maksud saya adalah di mana walaupun ada pekerja multinasional yang keluar untuk membuka syarikat sendiri, IKS sendiri, tetapi perniagaan mereka lebih banyak untuk menyumbang ataupun menjual kepada multinasional yang telah mereka keluar daripada dan banyak maklum balas daripada mereka dalam industri adalah bahawa sebuah multinasional adalah begitu besar sampai anda boleh keluar membuka perniagaan sendiri dan jual sahaja kepada satu multinasional, anak anda sudah cukup makan boleh keluar negeri untuk belajar.

Maka *the hunger* daripada usahawan kita untuk membuat rekabentuk sendiri untuk meluaskan pasaran, kurang, lebih sukar dipupuk kerana mereka selesa dengan adanya multinasional. Tambahan lagi pernah saya bertemu dengan belia usahawan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Tikus bukan bahas. Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Belia usahawan di mana mereka kata kadang-kala bukan mereka tidak hendak tetapi mereka rasa jauh daripada Kuala Lumpur, jauh daripada Selangor. Kadang-kala maklumat tentang geran-geran tertentu ataupun perhubungan dengan mereka yang memberi geran-geran tertentu, *angel investor*, ketumpatan *angel investor* tiada di Pulau Pinang. Maka dengan adanya fizikal sahaja SME Center mungkin masih tidak mencukupi. Apakah usaha kerajaan untuk membantu mereka *level up*? Terima

kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tolong tambah sedikit lagi. Bilakah bangunan SME Center akan disiapkan?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih yang bertanya daripada YB. Pulau Tikus. Kita tidak menafikan *the establishment...* (dengan izin) SME Center ini adalah atas juga limpahan daripada keperluan multinasional untuk mengeluarkan mengurangkan kos mereka sebagai *out source* di mana sebahagian daripada *production* mereka mereka *out source* kepada syarikat-syarikat yang lebih kecil untuk *supply* balik kepada mereka.

Mengenai pertanyaan seperti yang telah ditanya tadi mungkin sebahagian daripada tempat yang kita sebut tadi 50% diberikan kepada mereka jika ada terdapat idea-idea yang baru dia perlu berbincang dengan lebih awal untuk menilai sama ada pasaran tersebut boleh mendapat maju ke depan, mungkin ia tidak melibatkan pasaran kepada *the existence multinational* boleh berbincang secara langsung dengan *Invest Penang* dan dapatkan geran-geran daripada mereka dan daripada MIDA yang sedia membantu untuk *start up* SME, SMI yang mungkin pasarnya tidak sama dengan SME pada kali ini. Jadi saya harap boleh dirujuk kepada Invest Penang dan juga PDC tentang perkara ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterus. YB. Penanti *last*.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya, saya hendak tanya. Tadi saya silap dengar flextronics pun ada kat situ? Tidak ada kat situ?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Fabtronic Sdn. Bhd.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tadi saya dengar ada flextrom pun ada di situ. Kalau flextrom

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

No. *flextronics is a multinasional*.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

I know but tadi mention the name of the eight...(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Tidak.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tidak ada?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Boston sahaja.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tapi tadi saya dengan flextronic. Tidak ada okey. Maknanya semua syarikat ini memang ikut *definition* SME? Okey.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Boston Scientific is big...it's not the SME.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, nanti minta penjelasan selepas ini. Saya hendak pergi ke soalan YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Soalan saya soalan nombor 27.

No. 27. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat meminta Kerajaan Persekutuan membina sebuah Hospital Besar yang baru untuk rakyat Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, menjawab soalan nombor 27 soalan YB. Seri Delima.

Pada masa sekarang Kerajaan Negeri sedang berbincang dengan Kementerian Kesihatan untuk menaik taraf rumah rehat Bukit Mertajam untuk dijadikan *Unit Physiotherapist Ward Palliative Case Unit* (PCU) dan juga Unit Cara Kerja Hospital Bukit Mertajam serta sedang berunding untuk menjadikan kuarters Kerajaan Negeri Nombor 5 dan 6 di Jalan Sepoy Lines sebagai Klinik Pesakit Luar Hospital Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk membina sebuah hospital besar yang baru di Pulau Pinang kerana Kementerian Kesihatan telah pun meluluskan beberapa projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan. Projek-projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) projek Menaiktaraf Hospital Besar Fasa 2, Projek Naiktaraf Perkhidmatan Transplan di Hospital Besar Pulau Pinang termasuk pemindahan sum-sum tulang jenis *allogeneic* dan blok wanita serta Kanak-kanak Hospital Besar Projek di bawah RMK-10.
- (ii) menaik taraf Kuarters Hospital Pulau Pinang Fasa 4, dan Blok Klinik Pakar Projek Penggantian Makmal Kardio Invasif (ICL) yang baru dan SPEKS baru untuk bahagian perubatan nuklear di bawah RM-11. Selain daripada tu projek *multi storey* blok di Hospital Seberang Jaya telah pun bermula dengan nilai kos sebanyak RM486.2 juta. Projek ini akan menempatkan penambahan sebanyak 316 buah katil. Apabila projek ini siap 2019, kesesakan Hospital Pulau Pinang akan dapat diatasi kerana pesakit-pesakit boleh mendapatkan rawatan di Hospital Seberang Jaya yang turut menawarkan perkhidmatan kepakaran perubatan seperti pembedahan kardioforasik pediatrik dan juga perubatan rehabilitasi dan lain-lain. Tambahan lagi projek naik taraf Jabatan Kecemasan Unit Forensik Dan Unit Patologi Hospital Balik Pulau juga akan turut dijalankan bagi memantapkan lagi perkhidmatan di kawasan Balik Pulau. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih, YB. Dato' Speaker. Bila dijangka disiap Yang Berhormat, 2019? Okey Terima kasih, saya berbalik kepada soalan asal saya saya ingin tanya apakah kekangan yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan di dalam melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian dan penaikan taraf ini dengan segera. Ini adalah kerana kita lihat semakin hari bila kita pergi ke Hospital Besar Pulau Pinang, kemudahan-kemudahan di situ sudah pun sampai ke tahap optima, di mana ramai sangat yang menunggu untuk mendapat rawatan, satu.

Kedua, kita juga lihat pada masa yang sama kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti bilik-bilik untuk merawat di mana pesakit-pesakit menerima rawatan daripada pegawai-pegawai perubatan juga sudah pun begitu sempit. Saya memahami kekangan yang dihadapi oleh Yang Berhormat dan juga EXCO kerana ini adalah suatu inisiatif yang sepatutnya diambil oleh Kementerian Kesihatan dan telah saya tanya soalan ini kelmarin. Kalau Timbalan Perdana Menteri boleh membuat pengumuman untuk membina satu hospital baru di Bangladesh, untuk pelarian Rohingya dalam masa satu bulan, mengapakah ia mengambil masa sekarang 2017, 2018, 2019, dua (2) tahun dan kemudahan-kemudahan yang dimaklumkan tadi juga tidak merupakan kemudahan-kemudahan yang mencukupi ia hanya merupakan (dengan izin)...*too little too late*. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan mengapa ia mengambil masa dua (2) tahun untuk melaksanakan penaikkan taraf apabila satu hospital baru boleh dibina di luar negara di Bangladesh dalam masa satu bulan bagi pelarian Rohingya, Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Menjawab pertanyaan YB. Seri Delima, perkara ini adalah masalah *prioritization*...(dengan izin), keutamaan. Sepatutnya kita bertuah Pulau Pinang bertuah kerana Timbalan Menteri Kesihatan adalah orang Pulau Pinang dan juga pemimpin besar parti Barisan Nasional UMNO, dan kita sepatutnya Pulau Pinang ini menjadi sebuah negeri yang mempunyai *priority* yang tinggi, keutamaan yang tinggi oleh Kementerian Kesihatan tapi malangnya saya sendiri melihat dan juga menghadapi masalah- masalah apabila pergi ke Hospital Besar (GH) dan saya juga sangat kesian melihat doktor-doktor, pegawai-pegawai perubatan dan terutama sekali *patient-patient*.

Apabila kita lihat kita cuba menerapkan nilai-nilai tinggi di Hospital Besar Pulau Pinang dengan mencadangkan supaya wad-wad lelaki dan perempuan dipisahkan tetapi malangnya tempat begitu sempit, bangunan begitu lama dan saya sangat sedih apabila Timbalan Menteri Kesihatan sendiri yang datang daripada Negeri Pulau Pinang tidak dapat melihat *priority* keutamaan ini, dan saya haraplah Pulau Betong ada bersama-sama yang satu-satunya ada daripada ADUN pembangkang sahabat-sahabat kita dari pembangkang supaya sepertimana YB. Datok Keramat meminta pertolongan kerjasama daripada ADUN-ADUN pembangkang untuk bersama-sama melihat keadaan kerana kalau Pulau Pinang diutamakan hospital diadakan, Balik Pulau hospital di naik taraf, GH dinaik taraf dan sebagainya yang untung semua kita termasuk pengundi-pengundi sepuluh ADUN yang ada bersama-sama kita.

So, inilah yang saya ingin menjawab persoalan Seri Delima iaitu kita minta supaya kita sama-sama berusaha agar kita mendapat tahap kesihatan, tahap perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan lebih cemerlang, terima kasih....(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan. Saya kena berdiri mempertahankan, Terima kasih...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan-soalan?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Betong lah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Pulau Betong lah, duduk lah ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Apa soalan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya belum buka mulut lagi lah. Terima kasih atas leteran Batu Maung. Leteran, leteran, saya kata leteran bukan kuliah. Kalau Professor dia kuliah, ini leteran.

YB. Dato' Speaker, saya memang bersimpati dengan masalah yang dihadapi Hospital Besar Pulau Pinang tetapi soalan yang ditanya tentang hospital yang baru untuk rakyat di Pulau Pinang so, tak semestinya ianya tertumpu di George Town, tak semestinya okey, setuju? Dalam bajet tahun ini pun telah pun diumumkan yang Hospital Balik Pulau akan di bina satu lagi blok baru tapi saya rasa dalam pertimbangan, dalam pengetahuan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang ada perbincangan dibuat untuk mengambil tanah PDC di Balik Pulau untuk membina hospital baru kerana masyarakat Pulau Pinang ini lebih kurang 800,000, 400,000 ada lebih kurang di Barat Daya ini. So, kenapa ditumpukan di Tanjung sahaja kenapa tak diagihkan di kawasan Balik Pulau Barat Daya juga sebab ini juga rakyat Pulau Pinang.

So soalnya adakah Kerajaan Negeri mempertimbangkan sekiranya kita membina hospital baru di kawasan Barat Daya nak bukan menganak tiri, men*jammed* kan....(gangguan) di hospital tanjung kerana memang dah pun penuh. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawab.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya tak sentuh langsung kata kita perlu satu hospital sahaja di Tanjung di George Town dan sebagainya. Saya kata anak-anak Pulau Pinang saya kata semua pengundi-pengundi semua saya kata 10 kawasan dalam 10 kawasan ini semua tempat ada, so apabila...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bina di Seberang Jaya, di Tanjung, di Balik Pulau kita bina di semua Pulau Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Saya jawab.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawab.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

So maksud saya ialah kenapa Pulau Pinang ini saya tak mau kata anak tiri, saya tak mau guna perkataan dianaktirikan, saya nak kata kenapa *priority*, keutamaannya begitu rendah sehingga setelah begini lama kita menghadapi masalah dengan hospital-hospital, baru kita nampak iaitu Seberang Jaya, sedang dinaiktarafkan. Baru kita dengar kata hospital pakar di sebuah hospital baru di Balik Pulau. So kita mengalu-alukan kalau di Pulau Betong sendiri pun kalau nak dirikan hospital, *Alhamdulillah*, kerana Pulau Pinang ini jalan raya nya baik, *transport system* nya baik, semua kita boleh menggunakan termasuk daripada Jawi punya pengundi pun boleh pergi ke Pulau Betong.

So maksud saya kita boleh di mana-mana saja mendirikan tetapi permintaan kita adalah utamakanlah Pulau Pinang jangan keutamaannya rendah untuk Pulau Pinang kerana kita bernasib baik mempunyai Timbalan Menteri Kesihatan dari Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi, bagi peluanglah Jawi...bagi Jawi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak puas hati dengan YB. Batu Maung ni...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak apa nanti bila bahas. Bahas *kaw-kaw*...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Di mana, adakah Kerajaan Pusat untuk berhasrat menambah baik dan memperluaskan atau memperbesarkan Hospital Sungai Bakap di mana memang keperluan yang diperlukan, ini soalan saya. Semalam saya nak jawab kepada YB. Penaga, semasa soalan 10 saya tapi tak sempat, semalam Penaga katakan bahawa MP yang di negeri Pulau Pinang tidak bangkit perkara tambahan hospital dan kemudahan asas hospital di Parlimen, saya katakan di sini *Members of Parliament* Batu Kawan sejak tahun 2013 telah bangkit untuk tambahan hospital baru di Batu Kawan tapi jawapannya tiada, sampai sekarang tiada satu jawapan hendak berhasrat untuk membina satu hospital baru. So saya nak tanya sini hospital baru tak kira bina di Pulau atau pun *mainland* memang ada keperluan dan *Members of Parliament* Batu Kawan pernah bangkit beberapa kali di Parlimen untuk membina satu hospital baru di Batu Kawan dan KADUN YB. Dato' Speaker di Bukit Tambun juga. Inilah hasrat untuk rakyat Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Terima kasih, YB. Yang di-Pertua Dewan dan YB. Jawi itulah memang hasrat kerajaan untuk kita memberi perkhidmatan kepada rakyat dan kira berharaplah supaya Kerajaan Pusat terutama sekali Timbalan Menteri Kesihatan akan mengutamakan Pulau Pinang tidak kira di Sungai Bakap, di Jawi, di Pulau Betong di mana-mana saja untuk kita mendapatkan hospital baru kalau susah sangat boleh jadi kita boleh buat panggilan telefon kepada Timbalan Perdana Menteri ataupun Perdana Menteri....

(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Jawab sudahlah...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Macam mana boleh keluar *that kind of statement*....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada bahasa kasar? Okey lah. Terima kasih kepada semua saya nak minta soalan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya cuma nak memuji YB. Batu Maung.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Puji itu okey lah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jawab soalan lebih baik daripada EXCO Kesihatan....(gangguan), hentam Barisan Nasional cukup-cukup hari ni.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey, okey. Yang lain...(gangguan). Masih ada sedikit masa. Saya nak pergi ke soalan no. 28, soalan Ketua Pembangkang tak sempat masuk no. 28 di langkau, no. 29 dipersilakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Sebelum itu saya ingin memohon maaf atas soalan lisan saya ada sedikit pembetulan *typo* dari RM100 ribu pembetulan kepada RM1 juta . Soalan saya soalan no. 29.

No. 29. Difahamkan bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah meluluskan Bajet Tahun 2017 untuk membina U-Turn di Gat Lebuh Magazine ke Lebuh Raya Tun Dr Lim Chong Eu dan dekat Sungai Pinang sebanyak RM100 ribu, adakah bajet tersebut mencukupi untuk melaksanakan projek ini?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih, kalau RM100,000 boleh lulus sekarang, RM100 juta itu lain cerita. Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan untuk jawapan kepada YB. Pengkalan Kota, projek menambah baik aliran lalu lintas di kawasan KOMTAR dan sebahagian Lebuh Raya Tun Dr Lim Chong Eu dari Gat Lebuh Cecil ke Gat Lebuh Prangin, Pengkalan Weld telah dirancang pada tahun 2015 untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan KOMTAR.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5.5 juta untuk tahun 2017 bagi menaik taraf Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu di antara Gat Jalan Prangin dan Gat Lebuh Cecil. Projek ini melibatkan komponen-komponen seperti berikut;

- (i) membina tanjakan berarah atau *directional ramp* untuk pembelokan ke kanan dari Gat Jalan Magazine ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu;
- (ii) membina pusingan U bertingkat di Lebuh Raya Tun Dr Lim Chong Eu di antara Gat Lebuh Macallum dan Gat Jalan Magazine; dan
- (iii) membina pusingan *U* pada paras jalan di persimpangan Lebuh Raya Tun Dr Lim Chong Eu dengan Jalan Sungai Pinang dan Lebuh Sungai Pinang.

Memandangkan struktur -struktur yang dicadangkan untuk dibina bagi projek ini terletak berdekatan dengan Tapak Warisan George Town, maka Jabatan Warisan Negara telah mensyaratkan laporan Penilaian Impak Warisan atau *Heritage Impact Assessment* disediakan terlebih dahulu sebelum projek ini diteruskan. Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah menyiapkan laporan HIA bagi projek ini. Laporan ini akan dikemukakan kepada Jabatan Warisan Negara sebaik sahaja laporan HIA bagi projek LRT George Town ke Bayan Lepas diluluskan oleh Jabatan Warisan Negara ini adalah untuk memberi keutamaan kepada proses kelulusan projek LRT terlebih dahulu. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, YB. Padang Kota. Ahli-ahli Yang Berhormat 1 jam 30 minit soalan lisan telah pun tamat selaras dengan Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, seterusnya sila Yang Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya nak buat usul dulu. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 9 November 2017, Khamis, dilanjutkan sehingga jam 11.00 malam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah pun kemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini, 9 November, hari Khamis sehingga jam 11.00 malam.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju, katakan "Tidak". Tiada bantahan. Usul dipersetujui. Sila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi. Dato' Yang di-Pertua, saya bangun juga....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Air Putih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okey, baik.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan telah pun menerima satu notis daripada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah pun memohon supaya Y.A.B. Ketua Menteri mengemukakan Kenyataan Ketua Menteri yang berkenaan dengan perkara-perkara ribut dan banjir yang telah pun berlaku pada 4 November 2017 dan Y.A.B. juga akan memaklumkan kepada Dewan ini tentang bantuan-bantuan kepada mangsa-mangsa ribut dan banjir.

Maka selaras dengan Peraturan 15(1)K, saya memandangkan perkara ini perlu disegerakan dan didahulukan daripada urusan-urusan mesyuarat yang lain maka saya setuju untuk Y.A.B. Ketua Menteri mengemukakan Kenyataan Ketua Menteri sekarang. Sila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Dato' Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan tadi oleh Dato' Yang di-Pertua bahawa saya bangun di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 15(1)k berkaitan dengan bencana alam, angin ribut kencang dan banjir yang berlaku pada 4 dan 5hb November yang lepas dan saya ingin ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana sudi untuk membenarkan saya bangun untuk memberikan kenyataan khas ini.

Dato' Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk melancarkan Program 'Pulau Pinang Bangkit' bernilai RM100 juta untuk membantu pemulihan dan pembinaan semula kehidupan rakyat pasca-bencana angin ribut kencang dan banjir terburuk dalam sejarah yang melandai Pulau Pinang pada 4 November dan awal pagi 5 November 2017.

Dato' Yang di-Pertua, Pulau Pinang dilandai tempias tiga (3) bencana alam sekaligus yakni Taufan Damre yang melandai Vietnam tapi tempias ke Pulau Pinang, angin ribut kencang yang paling kuat dalam sejarah Malaysia di mana kekuatan anginnya setinggi 40 batu sejam sehingga Feri Pulau Pinang boleh diangkat naik dan ditolak ke atas jeti konkrit. Tak pernah dilihat sebelum ini serta banjir besar di sempadan Negeri Kedah. Tempias ini yang paling teruk kerana air daripada Negeri Kedah melimpah ke Pulau Pinang dan menyebabkan paling ramai mangsa banjir. Lebih daripada mangsa angin ribut kencang dan banjir sebenar pada 4 dan 5 November 2017. Dari segi mereka yang dipindahkan ke pusat pemindahan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, pada 4 dan 5hb November 2017, hujan turun dengan lebat sehingga 372 millimeter dicatitkan di Stesen Pajak Song di SPU dan lain-lain tempat secara purata di antara 250 millimeter hingga 300 millimeter dalam masa 15 jam sahaja. Dan ini adalah rekod paling tinggi dalam sejarah negeri kita. Turut bayangkan bahawa sebulan hujan hanya sekadar 250 millimeter dan kita boleh lihat bahawa Pulau Pinang dilandai hujan di antara sebulan hingga setengah bulan dalam satu malam. Dianggarkan hampir 100,000 isi rumah di serata negeri terjejas akibat musibah ini.

Adalah dikesali bahawa tidak ada sebarang amaran awal diberikan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdahulu untuk bencana sebesar ini sehingga kami tidak bersiap sedia langsung untuk menghadapinya. Malah, Jabatan Kaji Cuaca hanya mengumumkan hujan peringkat merah iaitu yang paling lebat pada jam 9.30 malam. Pada malam 4hb November 2017 semasa angin ribut dan hujan sedang berjalan. Tidak ada amaran pun ada angin ribut kencang sampai 40 batu sejam. Kegagalan memberikan amaran awal diakui oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri secara terbuka dan juga oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam taklimat dalaman bila mereka melawat mangsa-mangsa banjir masing-masing pada 6 dan 7hb November ini. Kegagalan memberikan amaran awal telah menyebabkan aset-aset kelengkapan bencana seperti perahu, lori besar dan anggota penyelamat daripada semua jabatan tidak sempat dikerahkan sepenuhnya ke kawasan *hotspot*. Ini mencatatkan kerja penyelamatan khususnya bila angin ribut kencang ini menyebabkan lebih 100 tempat, pokok tumbang. Menghalang jalan raya sehingga kenderaan tidak boleh sampai ke kawasan banjir.

YB. Dato' Yang di-Pertua, semasa membantu kerja penyelamatan, saya sedar bahawa pihak Kerajaan Negeri bersama dengan PDRM, Jabatan Pertahanan Awam, MBPP, MPSP dan Jabatan Penyelamat Bomba tidak mampu menangani bencana yang terburuk ini. Itulah sebabnya saya telah menghubungi Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 3.30 pagi untuk meminta bantuan beliau, mengarahkan Angkatan Tentera Malaysia untuk mengerahkan anggotanya membantu kerja penyelamatan. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri kerana sudi dengar telefon saya pada 3.30 pagi dan juga bantuan lain yang diberikan oleh beliau. Terima kasih juga kepada ATM, YB. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan Kassim dan pasukannya serta agensi Kerajaan Negeri.

Adalah perlu Jabatan Kaji Cuaca memperbaiki sistem amaran awal dan juga ketepatan ramalan cuacanya. Sekiranya amaran awal yang tepat boleh diberikan, Kerajaan Negeri boleh bersiap-sedia menghadapi gelombang bencana pertama atau kedua atau ketiga yang diwar-warkan akan berlaku dan kami yakin dapat mengurangkan, menyekat dan menghadkan kehilangan dan kerugian yang dialami. Tanpa kesiapsiagaan ini, inilah yang menyebabkan kehilangan nyawa dan kerugian kewangan dilipat gandakan.

Dato' Yang di-Pertua, selepas 4 dan 5hb November, kita dikejutkan juga dengan amaran peringkat merah hujan lebat sebanyak dua (2) kali. Selepas 4 dan 5hb November, hujan lebat peringkat merah itu yang paling tinggi tetapi, yang kita lihat, tak ada hujan. Kita bersyukur. Sungguhpun ada amaran hujan peringkat merah, tapi tak ada hujan, kita bersyukur. Tapi kita pun bertanya-tanya, adakah bila ada amaran peringkat merah, bila tidak ada hujan, semua pun kita nak bersiap-sedia, dan ini tidak tepat. Adakah apa yang berlaku pada 4 dan 5hb November, bila tidak ada sebarang amaran langsung, tetapi bencana berlaku. Adakah kita kena was-was bila tidak ada amaran dikeluarkan oleh Jabatan Kaji Cuaca? Dengan izin, *when there's no alert, then you got to be very alert*. Malangnya, sebarang usaha untuk memperbaiki perkhidmatan dan juga amaran awal daripada Jabatan Kaji Cuaca adalah terlewat untuk tujuh mangsa banjir yang terkorban, yang kehilangan nyawa dan Kerajaan Negeri ingin mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka. Saya ingin memohon kebenaran Dato' Yang di-Pertua untuk meminta semua Ahli Dewan Undangan Negeri berdiri untuk bertafakur seminit untuk

mangsa-mangsa banjir ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya setuju. Sila para hadirin, sila berdiri. (Hadirin Dewan berdiri). Sila para hadirin, sila duduk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Kerajaan Negeri juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Perdana Menteri yang membelakangi perbezaan fahaman politik untuk melawat Negeri Pulau Pinang dan mangsa-mangsa banjir. Kerajaan Negeri harap beliau boleh mengumumkan bantuan kecemasan segera secara langsung kepada semua mangsa-mangsa banjir serta meluluskan permohonan Projek Rancangan Tebatan Banjir untuk Negeri Pulau Pinang sebanyak RM1 bilion.

Kerajaan Negeri telah diluluskan projek RTB sebanyak RM2.6 bilion sejak 12 tahun yang lepas. Akan tetapi daripada jumlah RM2.6 bilion ini, hanya RM1.02 bilion sahaja yang dibelanjakan. JPS Pulau Pinang tidak meminta baki RM1.6 bilion yang diluluskan tetapi iaitu tidak meminta baki RM1.6 bilion yang diluluskan tapi belum dibelanjakan. Sebaliknya JPS Pulau Pinang hanya meminta RM1 bilion bukan RM1.6 bilion, iaitu RM1 bilion untuk 13 buah Projek RTB di seluruh Negeri Pulau Pinang. Dan tentu ada lampiran yang berikutnya. Adalah diharapkan Y.A.B. Perdana Menteri boleh luluskan permohonan ini seperti mana beliau berjanji akan memberikan pertimbangan serius. Sepanjang krisis ini, kita telah menyaksikan semangat kental rakyat Pulau Pinang dan kebesaran hati ribuan sukarelawan dari Pulau Pinang dan seluruh Malaysia yang telah mendermakan wang, mengorbankan masa dan tenaga mereka untuk turun ke kawasan banjir bagi memberikan pertolongan. Semua telah melakukan sedaya-upaya mereka untuk bantu-membantu sesama sendiri. Walaupun mungkin tidak mengenali antara satu sama lain. Inilah yang boleh dikatakan hidup bermuafakat, ringan sama dijinjing, berat sama dipikul, dan saya bagi pihak Kerajaan Negeri ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka. Saya juga tersentuh dengan semangat perpaduan dikalangan masyarakat majmuk dimana rakyat berbilang kaum dan agama, membuka pintu rumah dan juga membuka hati mereka di Pulau Pinang. Orang Islam membantu mangsa bukan Islam. Dan orang bukan Islam membantu mangsa Islam. Inilah wadai semangat Malaysia dan kekitaan tanpa kira perbezaan kaum dan agama yang paling murni sekali. Kemurnian ini dicerminkan bila bilal surau rumah pangsa Taman Free School, Encik Sapno Tukijo telah membenarkan suraunya menjadi tempat teduh 70 mangsa-mangsa bukan islam di Lebu P.Ramlee daripada bahaya angin ribut dan banjir. Banyak pertubuhan bukan islam seperti Tzu Chi telah menjalankan pembersihan dan memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa Islam. Perpaduan inilah yang menjadikan kita bangga sebagai anak Negeri Pulau Pinang dan Malaysia dan disebalik kesedihan bencana alam sekitar ini. Kita bolehlah berasa selesa sedikit tentang semangat kekitaan ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang terlibat dalam kerja bantuan banjir dari Pegawai Perkhidmatan Awam sehinggalah ke masyarakat sivil. Pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri telah mengutamakan tugas mereka dan menunaikan kewajipan walaupun ramai diantara mereka merupakan mangsa banjir juga.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada komuniti perniagaan yang turut membantu dengan menyumbangkan tenaga kerja dan lain-lain bantuan. Saya sendiri telah menyaksikan wajah letih mangsa banjir dan mereka yang tidak kenal penat lelah dan bagaimana bantuan mereka telah mengukir senyuman dibibir mereka meskipun menghadapi kesukaran. Akan tetapi tentunya ada tempat atau mangsa banjir di mana bantuan Kerajaan Negeri atau Persekutuan tidak dapat sampai atas kekurangan sumber dan kelengkapan dalam suatu bencana sebesar ini. Dengan penuh rendah diri kepada mereka di mana mereka tidak boleh rasai keprihatinan dan juga ambil peduli oleh Pihak Kerajaan Negeri di mana bantuan tak dapat sampai dengan segeranya, saya bagi pihak Kerajaan Negeri ingin memohon maaf sekiranya berlaku sebarang kekurangan. Kerajaan Negeri amat prihatin dan ambil berat kepada setiap mangsa dan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki penyampaian perkhidmatan yang sedia ada.

YB. Dato Yang di-Pertua, kini air mulai surut kecuali di kawasan Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah yang masih menghadapi tempas banjir di Kedah. Bila air dari Kedah melimpah keluar daripada sungai-sungai di sini. Sudah sampai di sini kita boleh lihat inilah angka terbaru baru diberikan oleh YB. Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri. Bahawa sebanyak 12,559 mangsa daripada 3,052 keluarga dipindahkan. Ini adalah rekod di Pulau Pinang. Sampai 12,000. Dan daripada jumlah ini

YB. Dato' Yang di-Pertua, 6,028 dari SPU, 5,435 dari SPT kebanyakan kerana tempias daripada air yang melimpah keluar daripada Kedah. Tentu di SPS pun ada masalah pada hari bencana hanya 10 orang yang dipindahkan. Tapi telah naik kepada 405 orang juga kerana banjir besar di Kedah. So ini membuktikan apa yang saya sebut tadi bahawa sememangnya banjir tempias banjir Kedah merupakan satu faktor yang besar mengapa begitu ramai keluarga-keluarga dan mangsa-mangsa terpaksa dipindah. Sungguhpun YB. Dato' Yang di-Pertua, tak ada hujan di kawasan Seberang Perai Utara atau Seberang Perai Tengah tapi air terus naik sampai tiga (3) kaki. Adalah amat luar biasa sekali, tak ada hujan tapi air naik, kerana air yang begitu besar daripada Kedah mengalir masuk ke Pulau Pinang. Itulah sebabnya kadang kala kita dengar bahawa kononnya air yang kita angkat apabila air yang masuk ke Pulau Pinang kita kena bayar. Tapi apabila air banjir adakah kita boleh minta Negeri Kedah bayar? So itulah sebabnya kita lihat dalam bencana sedemikian, Negeri Pulau Pinang dan penduduknya terpaksa menderita atas tempias banjir yang berlaku bukan di Pulau Pinang tapi di berlaku di negeri berjiran iaitu di sebelah Negeri Kedah di kawasan Kulim.

Yang kita lihat sebenarnya DTL, DBD ada 315 mangsa daripada DTL daripada 84 keluarga untuk Daerah Barat Daya 376 mangsa daripada 109 keluarga. Ini adalah kesan secara langsung bencana yang berlaku bencana angin ribut dan juga banjir yang berlaku pada 4 dan 5 haribulan November. Tapi yang sebahagian besarnya adalah tempias daripada banjir di Negeri Kedah dan sehingga sekarang keadaan sekarang iaitu pada 9 November pukul 8.00 pagi iaitu empat (4) hari selepas bencana yang paling serius atau terburuk dalam sejarah Negeri Pulau Pinang, semua pusat pemindahan di DTL dan DBD telah tutup. SPU masih tinggal 2,465 jumlah mangsa daripada 619 keluarga. SPT masih tinggal 664 orang daripada 209 keluarga, SPS telah tutup semuanya. Dan ini kita harap boleh surut tapi sekiranya Negeri Kedah masih nak sumbangkan atau air masih datang daripada Negeri Kedah apa kita boleh buat. So itulah bala yang kita terpaksa hadapi daripada banjir yang berlaku dekat Negeri Kedah. So, tetapi di semua kawasan kecuali kawasan berhampiran dengan sungai kerana menerima air daripada Negeri Kedah kini kita boleh lihat bahawa air telah mulai surut dan ramai keluarga telah kembali ke rumah mereka. Dan inilah masanya, sudah sampai masanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan cadangan melaksanakan program pasca bencana. Keutamaan kita adalah untuk membolehkan mangsa banjir pulang ke rumah masing-masing dan membantu mereka kembali menjalani rutin harian hidup mereka.

Oleh itu saya ingin mengumumkan pelancaran Program Pulau Pinang Bangkit. Program Pulau Pinang Bangkit sebanyak RM100 juta Ringgit iaitu program pasca bencana Kerajaan Negeri untuk membina semula kehidupan mangsa banjir. Tiga (3) cabaran besar yang dihadapi adalah kerja pembersihan, kerja membaik pulih harta dan aset dan menggantikan apa yang tidak boleh dibaiki. Pertama sekali saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memberikan wang ehsan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada setiap isi rumah yang ditimpa banjir. Program ini dianggarkan akan menelan belanja sekurang-kurangnya RM50 juta sekurang-kurangnya 100,000 isi keluarga ataupun perniagaan terlibat. Setiap isi keluarga atau perniagaan hanya boleh pohon sekali sahaja untuk bayaran *one-off* RM500 ini untuk kerugian hartanah mereka. Jumlah wang ini tidak termasuk wang derma oleh orang awam. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan sebarang sumbangan wang. Semua sumbangan wang ini akan disalurkan sepenuhnya kepada mangsa banjir dalam bentuk projek-projek atau wang tunai. RM50 juta ini datangnya khusus dari Kerajaan Negeri. Yang wang derma, itu lain. Ini bila sampai kepada Kerajaan Negeri kita akan berikan samada dalam bentuk wang tunai kepada semua mangsa ataupun dalam projek-projek kepada mangsa-mangsa. Kita minta mereka yang hendak buat sumbangan terus kepada Kerajaan Negeri boleh berbuat demikian kepada Bendahari Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jangan tulis kepada Ketua Menteri la cuma saya tahu ramai yang nak tulis kepada Ketua Menteri tapi jangan. Yang kena tulis cek itu kepada Bendahari ataupun YB. Pegawai Kewangan Negeri iaitu Bendahari Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Kami hendak mengucapkan terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Menteri Besar nya Y.A.B. Dato' Seri Azmin Ali yang bukan sahaja derma RM1 juta wang tunai tetapi juga kerahkan hampir 200 orang ke Pulau Pinang untuk membantu kerja-kerja pembersihan. Ini adalah kawan selama-lamanya. Kedua, tentu saya pun ada terima panggilan dan juga keinginan membantu juga daripada YB. Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Tan Sri Noh Omar yang juga telah membantu untuk menghantarkan trak-trak dan lori dan sebagainya ini saya kena sebut. Dan ada panggilan sokongan daripada Menteri Besar Perak YB. Dato' Seri Zambri di mana beliau sebut selain dia akan berikan sumbangan dia sebut dia akan cuba hantar bantuan. Di ucapkan terima kasih kepada mereka. Sungguhpun dalam arena politik lawan tapi secara peribadi kawan macam dengan Yang Berhormat daripada Telok Bahang.

Kedua, bagi mengurangkan beban pasca bencana yang melibatkan kerja pembersihan penggunaan air yang banyak. PBA setuju untuk tempoh bayaran satu (1) pusingan atau satu *cycle* sepanjang dua bulan akan mengecualikan bayaran surcaj konservasi air atau *water conservation surcaj* untuk pengguna-pengguna domestik. Untuk pengguna domestik lagi selain daripada dikecualikan bayaran *water conservation surcaj* mereka juga akan diberikan diskaun 50% untuk *cycle* dua (2) bulan ini. Bagi pengguna komersial, PBA akan memberikan diskaun 25%. Ini adalah buat kali pertama pengguna komersial mendapat diskaun daripada PBA. Ini akan melibatkan penjimatan kepada mereka, kos kepada PBA tapi penjimatan kepada pengguna sebanyak RM10 juta.

Ketiga, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai akan menyediakan diskaun cukai pintu sebanyak 10% untuk semua hartanah. Ini dijangkakan melibatkan kos sebanyak RM40 Juta. So kalau sebelum ini kosong ini 10% diskaun diberikan. So mereka akan jimat RM40 juta dan tentulah untuk rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dalam bajet yang saya bentangkan pada minggu lepas saya telah umumkan bahawa Kerajaan Negeri mencadangkan memberikan pengecualian penuh kepada pemilik rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kampung iaitu masih kekal. Tapi sekarang untuk semua hartanah mereka akan dapat diskaun 10%.

Keempat, dokumen-dokumen Kerajaan Negeri seperti geran tanah yang hilang atau rosak akibat banjir akan digantikan secara percuma. Keseluruhan langkah-langkah Program Bangkit Pulau Pinang ini akan makan perbelanjaan sebanyak RM100 juta. Terdapat ramai individu dan peniaga yang berhasrat untuk memberikan bantuan pasca banjir. Industri perbankan telahpun mengumumkan penangguhan ke atas pembayaran semula pinjaman di samping pengecualian caj-caj tertentu untuk mangsa banjir Pulau Pinang termasuk Maybank, CIMB, Public Bank, RHB dan Bank Islam. Maklumat lanjut boleh didapati di *website* "Pulau Pinang Bangkit" yang akan dilancarkan dalam satu dua hari lagi. Akhirnya saya juga ingin mengumumkan bahawa hari Sabtu ini, 11 November 2017 adalah 'Hari Pulau Pinang Bangkit' untuk semua sukarelawan yang ingin keluar untuk membantu membersihkan kawasan-kawasan banjir. Kita mengalu-alukan rakyat Negeri Pulau Pinang dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya untuk bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang pergi ke kawasan yang terjejas oleh banjir dan memberikan pertolongan kepada mangsa banjir di dalam apa jua cara sekalipun. Tentu 'Hari Pulau Pinang Bangkit' akan dilanjutkan pada hari Ahad, 12 November, dua (2) hari tetapi kerana ramai pemimpin terpaksa pergi ke Kuala Lumpur untuk menghadiri Perhimpunan Kongres Khas DAP so pemimpin-pemimpin dari DAP tidak ada tetapi pemimpin dari PKR, kita punya sekutu akan ada untuk teruskan program atau 'Hari Pulau Pinang Bangkit' yang akan berlangsung pada 11 dan 12 November pada minggu ini. Kalau boleh mungkin kita akan lanjutkan pada minggu hadapan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk memastikan semuanya akan kembali kepada normal secepat mungkin. Kita mahu Pulau Pinang bangkit semula dengan segera. Kita mahu membina, memulih dan mengembalikan Pulau Pinang kesayangan kita ke tahap sebelum bencana berlaku pada 4 dan 5 November 2017 dan kita yakin dengan semangat kental dan hati yang cecal yang dibuktikan semasa bencana ini berlaku dengan iltizam semua rakyat Pulau Pinang kita dapat berjaya bangkit semula dengan melakukannya secara bersama. Bangkitlah bersama, bangkitlah Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Y.A.B. Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, penjelasan sedikit daripada Y.A.B...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kenyataan sahaja. Yang ini cuma satu kenyataan daripada Y.A.B. Ketua Menteri. Maka dengan seterusnya saya hendak sambung dengan sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2018 dan usul yang berkaitan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian. YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Salam sejahtera, Salam Reformasi, Salam Bersih. Terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen bagi Perbekalan 2018 yang telah berjaya dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari Khamis yang lepas.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah bertindak begitu pantas dan juga mengeluarkan satu pelan tindakan yang tepat untuk Pulau Pinang bangkit yang juga merupakan membantu rakyat khususnya mangsa-mangsa banjir untuk kembalikan kehidupan mereka seperti biasa. Dan memang itu adalah satu cabaran yang khas dan memang memerlukan kerugian yang telah dihadapi oleh rakyat itu juga susah untuk diganti kerana bencana ini memang diluar jangkaan semua orang. Dan tadi Y.A.B. Ketua Menteri juga ada memberi satu peringatan yang amat penting untuk Jabatan Kaji Cuaca tentang amaran-amaran tersebut yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kaji Cuaca itu. Saya sekali lagi ingin menegaskan kepada Jabatan berkenaan supaya kena betul-betul memikirkan macam mana untuk menyebarkan maklumat-maklumat tersebut dengan lebih efektif bukan sekadar kepada pihak Kerajaan Negeri atau jabatan-jabatan yang lain tetapi macam mana untuk menyebarkan maklumat-maklumat tersebut kepada rakyat biasa yang kadang-kala tidak dapat akses kepada maklumat-maklumat seperti itu dan inilah yang saya rasa penting dari segi kesedaran masyarakat awam terhadap bagaimana kita dapat mencegah dan berdepan dengan bencana yang mungkin akan berlaku pada masa akan datang.

Saya mengalu-alukan pembentangan belanjawan marhaen untuk orang ramai dan bukan sekadar untuk orang-orang yang tertentu sahaja. Dan pendekatan kerajaan yang berteraskan marhaen telah menunjukkan Kerajaan Negeri sentiasa memahami nadi rakyat serta peduli rakyat. Walaupun kebanyakan bidang kuasa dan tanggungjawab seperti kesihatan, tebatan banjir dan sebagainya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan atau tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif untuk mengatasi masalah-masalah atau membantu meringankan beban kehidupan rakyat. Kejayaan Kerajaan Negeri dalam mengurus kewangan negeri dengan cemerlang telah menunjukkan teladan serta memberi keyakinan kepada rakyat untuk terus memberi sokongan kepada Pakatan Harapan malahan sebagai batu loncatan untuk Pakatan Harapan menuju ke Putrajaya.

Pembangunan ekonomi di Negeri Pulau Pinang perlu berusaha untuk mengurangkan jurang di antara kekayaan dan kemiskinan. Usaha membasmi kemiskinan bukan sekadar menyediakan Agenda Ekonomi Saksama (AES) tetapi juga perlu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih penting untuk menjana pendapatan kepada rakyat secara umumnya. Saya ucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri yang berjaya, yang mengurangkan *gini coefficient* di Pulau Pinang di mana kehidupan B40 yang selama ini memang nampak banyak susah juga diambil berat dalam belanjawan yang telah dibentangkan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, sektor pertanian juga merupakan asas pembangunan negeri. Pengeluaran bahan-bahan makanan melalui sektor pertanian untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan-makanan *import* perlu diberi penekanan yang lebih oleh Kerajaan Negeri. Pemberdayaan golongan petani dan pekebun melalui pelbagai bantuan dan latihan perlu diadakan supaya mereka boleh meningkatkan produktiviti dan sekaligus dapat membantu golongan petani dan pekebun untuk menambahkan pendapatan mereka.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang usaha Kerajaan Negeri dalam keprihatinan terhadap membantu penduduk-penduduk Kampung Permatang Tok Subuh yang telah mengalami pengusiran secara paksa oleh pemilik tanah. Dalam belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, Kerajaan Negeri akan membina 39 unit rumah kampung kos rendah di Kampung Permatang Tok Subuh. Nasib penduduk kampung dapat dibela dan kehidupan asas juga dapat dijamin. Cuma ada satu perkara iaitu kerajaan, tapak yang telah dirancang untuk membina 39 rumah tersebut yang juga mempunyai 11 keluarga yang sedia ada yang tinggal di Lot 635 ini, mereka sekarang juga ingin memohon supaya Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan supaya bayaran untuk bantuan pemindahan itu dapat dipertingkatkan daripada RM2,500.00 kepada RM10,000.00. Itu adalah rayuan daripada 11 keluarga yang berada di Lot 635 ini supaya mereka dapat pindah keluar dan menantikan supaya projek 39 buah unit rumah itu dapat disiapkan. Ini boleh menunjukkan Kerajaan Negeri dalam menangani isu pengusiran secara paksa dari segi kemanusiaan dan juga merupakan satu *benchmarking* kepada negeri-negeri lain.

YB. Dato' Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin sebut adalah tentang nilai tanah yang tinggi. Akibat daripada penambahan jumlah penduduk dan pembangunan ekonomi yang pesat di Pulau Pinang, permintaan tanah untuk pembinaan rumah, perniagaan, industri dan lain-lain juga meningkat. Nilai hartanah juga naik dengan tinggi dan juga menyebabkan kemampuan untuk memiliki rumah itu menjadi rendah. Salah satu pendapatan atau hasil kepada Kerajaan Negeri adalah melalui permohonan-permohonan tukar syarat tanah dan pemberimilikan tanah kepada individu atau pihak swasta. Kebergantungan Kerajaan Negeri terhadap hasil yang dijana oleh tukar syarat tanah juga dipengaruhi oleh nilai pasaran. Dengan nilai tanah pasaran yang tinggi maka hasil Kerajaan Negeri juga dapat

bertambah. Namun nilai tanah yang tinggi merupakan *double-edged sword* yang boleh menyebabkan pasaran hartanah yang penuh dengan spekulasi. Malahan Kerajaan juga mengalami cabaran yang besar dalam proses pengambilan balik tanah untuk pembinaan infrastruktur seperti pelebaran jalan, pembinaan kolam takungan banjir dan parit, penyelenggaraan sungai-sungai khususnya di bahagian yang tidak mempunyai rezab sungai. Kesemua ini akan menjadi tanggungan dan beban kewangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan kemudahan-kemudahan asas. Contohnya, saya guna satu contoh, projek pelebaran Jalan Bukit Minyak yang sedang dijalankan yang baru-baru ini juga dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Anggaran kos pelebaran jalan sepanjang 1.6 kilometer adalah RM8 juta tetapi peruntukan untuk pengambilan balik tanah untuk projek tersebut adalah RM21 juta. Ini adalah dua kali ganda, lebih dua kali ganda kepada kos pembinaan. Inilah akibat daripada nilai hartanah yang tinggi yang menyebabkan beban kewangan kepada Kerajaan Negeri untuk menjalankan projek-projek untuk rakyat. Masalah nilai tanah tinggi ini juga akan menjejaskan cadangan-cadangan menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan untuk rakyat. Maka saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat mengkaji semula undang-undang tanah khususnya pengambilan balik tanah yang sedia ada serta menjalankan reformasi ke atas sistem pemilikan tanah supaya keadilan tanah itu dapat ditegakkan di Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya juga hendak sambung di mana pendapatan Kerajaan Negeri yang bergantung kepada pendapatan tanah di mana ia juga akan terjejas apabila sektor perumahan menjadi lembab dan hasil pendapatan daripada tanah untuk Kerajaan juga akan turun. *Penang Transport Master Plan* yang bergantung kepada *the funding model* melalui penjualan tanah hasil daripada tambakan laut, sekiranya sektor perumahan lembab Kerajaan Negeri mungkin ada masalah jual tanah itu dengan harga yang telah diharapkan itu. Kegagalan dalam jual tanah atau tebus guna tanah tebus guna dengan harga yang diharapkan itu ia mungkin akan menyebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat membayar hutang atau yang komitmen yang telah dipinjam oleh Kerajaan Negeri untuk menampung *Penang Transport Master Plan*. Kalau kelemahan dalam sektor perumahan tidak ditangani dengan baik mungkin ia juga boleh menjejaskan ekonomi Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, untuk pembangunan infrastruktur di kawasan Machang Bubuk, ada keperluan mendesak untuk menaiktaraf Jalan Kulim seperti apa yang dikatakan oleh YB. Berapit di mana banyak pembangunan-pembangunan perumahan telah diadakan di sepanjang Jalan Kulim, masalah kesesakan lalu lintas yang serius khususnya pada waktu kemuncak juga menyebabkan kesesakan itu mengurangkan produktiviti dan juga menjejaskan kualiti hidup penduduk-penduduk setempat.

Kedua adalah Jalan Persekutuan laluan Permatang Tinggi bahagian SPS, Seberang Perai Tengah telah hampir siap namun untuk Bahagian Seberang Perai Tengah masih tiada sebarang keputusan atau kelulusan maka saya pohon Kerajaan Negeri khususnya JKR dapat mengusahakan pembangunan tersebut dengan secepat mungkin, ya walaupun dia di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan tapi saya harap perkara itu dapat diusahakan dengan secepat mungkin dan ketiga juga Jalan Bukit Minyak Alma yang bahagian yang belum lagi dinaiktaraf seperti untuk seperti pembinaan bahagian pembahagi ke jalan untuk memastikan keselamatan lalu lintas perlu dilaksanakan dengan segera.

YB. Dato' Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya yang ingin saya bangkitkan di sini adalah tentang agihan peruntukan mengikut bilangan penduduk dan kampung, peruntukan ADUN. Sekali lagi saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan supaya peruntukan ADUN akan diberi mengikut bilangan pengundi serta bilangan kampung yang terdapat di kawasan-kawasan DUN ya, macam apa yang selalu dibangkitkan oleh YB. Penanti bahawa kawasan-kawasan, okey. Saya habiskan macam kawasan-kawasan yang di bandar dan juga di kawasan bandaraya yang banyak kawasan itu adalah di bawah kawal selia Majlis tetapi untuk kampung-kampung memang banyak kawasan itu infrastruktur, parit, jalan semua itu perlu diselenggara daripada Pejabat Daerah. So itulah yang kita harap ya ini setiap ADUN Kerajaan diberi peruntukan sebanyak RM300,000 setahun. Namun ada KADUN yang mempunyai bilangan pengundi yang begitu ramai seperti Paya Terubong mencecah 40,000 pengundi ya, hampir 40,000 pengundi tetapi ada yang kecil. So saya rasa itu adalah satu perkara yang penting. Cadangan saya adalah Kerajaan boleh meletakkan satu jumlah peruntukkan yang tetap kepada semua ADUN iaitu mungkin katakan RM200,000 setiap ADUN tetapi bagi bahagian yang seterusnya misalnya yang RM300,000 itu, RM200,000 ditetapkan kepada semua ADUN yang tinggal RM100,000 di letakkan dalam satu *pool* yang besar dan dibahagikan mengikut bilangan pengundi dan bilangan Kampung yang ada di KADUN masing-masing. So tidak ada implikasi kewangan yang terhadap Kerajaan Negeri cuma dari segi pembahagian itu akan dibahagikan mengikut keperluan daripada KADUN-KADUN yang mempunyai keperluan yang berasing. So saya bagi YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih kepada YB. Machang Bubuk. Walaupun saya faham cabaran yang dihadapi oleh kawasan-kawasan kampung namun pandangan saya sebenarnya cabaran di kawasan bandar dan cabaran di kawasan kampung kedua-dua adalah penting. Cabaran yang ada di bandar, kampung tidak mengalami dan maka kawasan bandar juga memerlukan peruntukan. Hanya dengan mengira bilangan penduduk dengan pengundi dengan kampung sahaja adalah tidak mencukupi. Namun saya setuju boleh kita menelitikan bagaimana peruntukan kita boleh dirancang semula. Namun hanya dengan penduduk dan kampung saya rasa adalah terlalu tidak adil kepada kawasan bandar yang juga ada cabaran kita sendiri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan saya nak tambah jika peruntukan yang kita tak cukup itu peruntukan P1602. Sebab P1602 yang kita kena buat lampu jalan, jalan *upgrade* naiktaraf jalan kampung, jalan baru, parit *and every* semua itu untuk pembangunan tapi P1603 itu adalah untuk program. Jadi rasanya keperluan di kawasan KADUN yang mempunyai banyak kampung sebab infrastruktur asasi selalunya tidak ada dibangunkan oleh pemaju perumahan dan *so far* maknanya benda itu mesti dibangunkan sendiri oleh ADUN guna peruntukannya yang disimpan di Pejabat Daerah.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Pulau Tikus dan YB. Penanti. Saya cuma *respond* dan nanti saya bagi YB. Jawi. Saya pun tahu Jawi pun ada banyak kawasan kampung. Saya memang setuju cara untuk agihan itu boleh kita bincang dengan lebih mendalam lagi. Cuma memang mengikut penduduk dan saja kampung tidak dapat menggambarkan kesemua aspek yang telah yang di kawasan-kawasan yang berlainan. Maka ini adalah satu cadangan supaya Kerajaan Negeri boleh mengkaji cara pengagihan yang lebih adil dan juga menepati kepada keperluan-keperluan yang ada di kawasan-kawasan yang berlainan dan saya juga setuju dengan YB. Penanti bahawa memang bukan sekadar infrastruktur tapi aktiviti seperti ada kadang kala pokok yang bahaya semua itu kena pergi tebang pokok, cantas pokok itu semua merupakan kos-kos yang kadang kala Majlis pun tidak dapat meliputi mengambil kira perkara-perkara tersebut. YB. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Ya, minta laluan daripada YB. Machang Bubuk. YB. Dato' Speaker, memang kawasan KADUN Jawi ada banyak kawasan luar bandar, kawasan kampung di mana kawasan luar bandar dan kawasan kampung ini sentiasa kita menghadapi masalah bukan sahaja jalan kampung, tiang lampu kampung, parit kampung dan kemudahan asas di kampung, kita terpaksa menggunakan peruntukan KADUN kadang-kadang peruntukan KADUN sudah habis dan kebanyakan projek kita juga minta Pejabat Daerah untuk minta bantuan supaya menaiktarafkan ataupun memperbaiki ataupun menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan.

Saya nak tanya satu soalan. Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Pejabat Daerah di setiap Daerah dari tahun 2013 hingga 2017 untuk penyelenggaraan memperbaiki jalan kampung, penyelenggaraan dewan, penyelenggaraan kemudahan asas, dan membuat parit kampung dan lain-lain untuk pembangunan desa?

Di sini jawapan yang saya terima saya juga terkejut jawapannya tahun 2013 cuma ada peruntukan yang dibelanjakan untuk Dewan Orang Ramai dan Dewan Serbaguna dan jalan kampung tiada, longkang parit pun tiada, kelima-lima daerah Negeri Pulau Pinang termasuk DTL, DBD, SPU, SPT dan SPS kosong cuma ada Dewan Orang Ramai dan Dewan Serbaguna. Tahun 2014 ada Dewan Orang Ramai ada jalan kampung ada RM300,000 kepada kesemua lima-lima daerah setiap daerah dapat RM300,000 tetapi untuk longkang dan parit tak ada kosong. Tahun 2015 Dewan Orang Ramai ada peruntukan di setiap daerah beratus-ratus ribu namun jalan kampung kosong, parit pun kosong. 2015, 2016 untuk Dewan Orang Ramai ada tambah banyak RM600,000, RM400,000 tapi di jalan kampung tak ada kosong, di parit longkang ada cuma di RM130,000 di Daerah Barat Daya, SPU kosong, SPT RM120,800, SPS RM142,000 dan tahun 2017 memang tak habis lagi tapi kosong sampai sekarang jalan kampung pun kosong kelima-lima daerah cuma parit ada sedikit perbelanjaan di Daerah Timur Laut RM10,500, Barat Daya kosong, SPU RM239,422, SPT RM86,400, SPS terus kosong.

Inilah kebanyakan kosong kosong ini saya tanya sama ada Pejabat Daerah tidak menjalankan tugas untuk meminta dengan Jabatan Kewangan Negeri kerana soalan saya tanya berapakah peruntukan yang boleh dibelanja oleh Pejabat Daerah atas permohonan dengan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang untuk memperbaiki jalan kampung, penyelenggaraan dewan, penyelenggaraan

kemudahan asas, membuat parit-parit kampung dan lain-lain pembangunan desa. Sama ada Pegawai-Pegawai yang bertugas di setiap daerah tidak menjalankan tugas dan menyebabkan ADUN-ADUN kita setiap kali minta tidak dapat, saya nak tanya dan minta SUK juga semak semak kelima-lima daerah pegawai-pegawai yang *in-charge* sama ada mereka ada menjalankan tugas mereka kerana setiap kali setiap daerah ADUN saya percaya mereka ada minta untuk membaiki jalan kampung, penyelenggaraan parit, cuci bukan cuci parit baiki, buat konkrit parit jalan kampung inilah jawapan yang saya terima. Saya pun hairan setiap kali saya minta awal tahun minta *next year* baru buat tapi kadang-kadang kita tak boleh tunggu kerana keperluan-keperluan asas terutamanya di kawasan kampung jika berlaku hujan lebat kita pun risau akan banjir dan berlaku perkara-perkara yang tidak disangka.

Maka saya sebagai ADUN di kawasan salah satu kawasan banyaknya kampung saya cadangkan kita memang kena ada satu peruntukan khas atau bajet khas untuk KADUN-KADUN yang di mana banyaknya kawasan kampung untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan juga pembangunan desa. Saya rasa pembangunan desa adalah salah satu pembangunan yang penting kerana penduduk-penduduk di kawasan desa memang memerlukan keperluan-keperluan asas ini. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Jawi yang begitu *passionate* tentang isu-isu yang berlaku di kampung dan saya harap perkara ini akan dijawab oleh pihak Kerajaan Negeri khususnya tentang apa yang telah dibangkitkan. Sekiranya tiada pemohonan itu daripada Pejabat Daerah maka itu adalah satu perkara yang amat serius kerana memang banyak permohonan-permohonan tentang naik taraf infrastruktur dan kemudahan itu memang khususnya di kampung-kampung memang kita ADUN saya rasa tiap-tiap tahun atau tiap-tiap bulan kita ada bangkitkan.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang penyelenggaraan lif untuk pangsapuri-pangsapuri kos rendah. Semasa bulan Ramadhan yang lepas, di KADUN Machang Bubuk di Taman Bidara ada dua orang lelaki dewasa telah membunuh diri dalam masa satu (1) minggu. Tragedi tersebut memang menyedihkan, kerana dia memberi satu *alarm* kepada kita semua tentang sosial ekonomi di kawasan flat atau rumah-rumah kos rendah. Kebanyakan penduduk-penduduk flat saya rasa bukan di kawasan Taman Bidara, tetapi juga di kawasan lain adalah keluarga yang berpendapatan rendah dan mengalami tekanan besar kerana kos sara hidup yang kian hari kian tinggi.

Kini pusat khidmat saya juga telah membuat pelbagai aktiviti di flat Taman Bidara bersama-sama dengan Rukun Tetangga dan juga Persatuan Penduduk Briged Wanita yang telah ditubuhkan. Setiap bulan kita adakan tayangan komuniti, dengan menyiarkan filem-filem kartun supaya ada sedikit hiburan di kalangan penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah.

Namun, hasrat terbesar bagi penduduk-penduduk di flat Taman Bidara adalah membaiki lif yang sudah rosak, lama dan kos pembaikan itu juga melebihi RM80,000.00. So, maka saya pun di sini ingin menyeru kepada pihak Kerajaan Negeri selain daripada kita menunggu tabung, kelulusan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia, kita juga boleh memperuntukkan satu tabung yang khas dari pihak Kerajaan Negeri supaya boleh membaiki lif-lif di flat-flat di kawasan flat-flat yang mempunyai masalah untuk membaiki lif mereka.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang bencana banjir dan tanah runtuh serta *climate change*...(dengan izin). Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri yang proaktif dalam melaksanakan projek-projek tebatan banjir. Sementara kita mengharapkan Kerajaan Persekutuan untuk menunaikan janji-janji dan tanggungjawab mereka, Kerajaan Negeri juga perlu meningkatkan kesedaran, pengawalan dan juga pemantauan terhadap projek-projek pembangunan khususnya di kawasan sensitif alam sekitar seperti kawasan lereng bukit, tadahan air semula jadi dan sebagainya untuk mengelakkan kejadian bencana daripada berulang.

Perubahan iklim atau lebih dikenali sebagai *climate change* telah membawa pelbagai masalah besar kepada manusia termasuk musim kemarau yang berlanjutan, taburan hujan yang banyak sehingga banjir telah mengancam nyawa dan harta benda manusia. Usaha Kerajaan Negeri untuk memulakan satu pelan adaptasi perubahan iklim yang komprehensif amat tepat pada masanya. Saya berharap konsep 3P (*Public, Private, Partnership*) dapat diamalkan dalam proses khususnya *public consultation, public consultation* dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan khususnya membuat keputusan dasar. Penglibatan *civil society* dan NGO dalam proses *consultation* ini amat penting untuk memastikan

keterbukaan dan pandangan orang awam itu diambil kira dalam proses pertimbangan sesuatu pembangunan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga perlu mengkaji undang-undang yang sedia ada serta prosedur kelulusan dan garis-garis panduan tentang pembangunan yang sedia ada supaya memastikan pembangunan khususnya di kawasan sensitif alam sekitar ini dipantau dengan rapi.

YB. Yang di-Pertua, saya juga ingin bangkit isu tentang pembersihan di kawasan kampung tersusun dan perkampungan. Isu berkaitan bahawa tiada pembersihan termasuk cuci longkang dan potong rumput di kawasan-kawasan perkampungan dan kampung tersusun telah berlanjutan sejak awal tahun 2017. Sehingga kini pembersihan longkang dan pemotongan rumput di kawasan tersebut hanya dilakukan dengan program gotong royong atau dengan peruntukan ADUN supaya menanggapi aduan-aduan yang telah dibangkitkan oleh penduduk-penduduk kampung tersebut.

Walaupun keputusan Kerajaan Negeri ada menyebut tentang gunapakai peruntukan Marris untuk menyelenggarakan jalan dan longkang di kawasan tersebut, tetapi sehingga kini masih tidak dapat dijalankan. Saya ingin tahu jawapan daripada Kerajaan Negeri, bilakah pembersihan di kampung-kampung tersebut dapat dimulakan.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang penguatkuasaan keatas pembuangan sampah haram. YB. Yang di-Pertua, saya pernah bangkit dalam Dewan yang lepas, masalah pembuangan sampah haram di sekitar Kampung Kuala Tasek dan juga Kampung Manggis telah saya bangkitkan. Mengikut jawapan YB. Padang Kota ke atas soalan bertulis saya, "Cadangan untuk pemasangan *removable* CCTV di kawasan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana beberapa faktor. Tiada kemudahan elektrik untuk membekalkan tenaga kuasa kepada CCTV kerana kawasan itu di kampung jauh dari jalan utama;

Kedua, tiada pusat atau tempat perletakkan *monitor* yang sesuai di kawasan berkenaan;

Ketiga, isu keselamatan seperti kecurian dan *vandalism* kepada peralatan yang disediakan".

Saya rasa masalah pembuangan sampah haram itu tidak dapat dibendung selagi tiada penguatkuasaan yang *serious* ke atas pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Mengikut jawapan YB. Padang Kota, kos yang dibelanjakan oleh MPSP untuk bersihkan tapak yang di Kampung Manggis dan juga Kampung Kuala Tasek adalah sebanyak RM3,343.00 yang meliputi kos pekerja, jentera dan pelupusan. Saya amat simpati dengan pekerja-pekerja MPSP yang terpaksa membersihkan kawasan tersebut, apabila ada orang yang tidak bertanggungjawab buang disana, bila kita buat aduan, MPSP hantar pekerja-pekerja pergi bersihkan, tapi perkara tersebut berulang-ulang.

Kita, pihak MPSP sampai bila nak membersihkan sampah haram tersebut? Maka ini bukan cara sekiranya kita sudah kena belanja RM3,000.00 lebih untuk mengerahkan pekerja MPSP untuk membersihkan. Kenapa tidak pergi pasang *removable* CCTV yang boleh kita dapatkan elektrik daripada tiang-tiang lampu elektrik yang ada di kawasan sana. Saya berharap kita ambil tindakan yang keras keatas golongan yang membuang sampah haram di kawasan tersebut. Sekiranya tidak bagi saman, dakwa juga mereka ke mahkamah supaya dapat membanteras orang-orang daripada membuang sampah secara haram.

YB. Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri yang telah merealisasikan Dasar Satu KADUN Satu Futsal. Kerja pembinaan futsal di kawasan DUN Machang Bubuk juga sedang dilaksanakan. Pembinaan gelanggang futsal ini akan menyediakan kemudahan bersukan kepada penduduk sekitar khususnya golongan remaja di Taman Sejahtera. Dan saya juga ingin berharap supaya Kerajaan Negeri akan terus perkasakan belia bukan sekadar di taman-taman tetapi di luar bandar dengan menganjurkan pelbagai kursus kepimpinan serta memberi peruntukan yang tetap kepada persatuan-persatuan belia yang berdaftar. Dan peruntukan tetap untuk pembangunan persatuan-persatuan belia yang di Pulau Pinang agar dapat menganjurkan program-program yang dapat memupukkan semangat perpaduan dan juga integrasi antara kaum.

YB. Yang di-Pertua, sebagai penutup saya sidang DUN kali ini merupakan kali terakhir dalam penggal ini bagi kita semua bermesyuarat. Dalam masa yang sama kita juga berdepan dengan musibah banjir yang paling serius dan teruk yang sejak saya jadi ADUN Machang Bubuk. Ya, memang kali ini adalah kali yang paling serius dalam sejarah Pulau Pinang juga. Sementara kita bermesyuarat di sidang DUN yang mulia ini, ramai yang dikalangan kita rakyat biasa sedang membantu dan juga membersihkan rumah dan cuba berusaha untuk mengembalikan hidup biasa seperti biasa dan mengharungi pelbagai cabaran dalam pasca bencana ini. Musibah banjir kali ini adalah satu peristiwa yang sedih bagi kita semua. Dalam masa yang sama, kita juga boleh belajar dalam pengalaman yang pahit ini, supaya kita boleh berdepan dengan cabaran yang bakal kita berdepan.

Apabila saya menziarahi mangsa-mangsa di kawasan Machang Bubuk, ramai di antara mereka amat yakin dan percaya dan amat yakin dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri. Mereka tidak marah, ada yang hanya mengadu tetapi mereka tidak marah. Mereka faham bahawa ini adalah bencana, ramai di antara mereka juga tunggu bantuan dengan penuh sabar. Mereka mengharapkan bantuan-bantuan itu sampai. Mereka amat terima kasih juga kepada semua pihak yang telah menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Selain itu, saya juga mendapati pelbagai inisiatif daripada masyarakat umum untuk tubuhkan pasukan sukarelawan mengumpul barang-barang keperluan dan juga membantu mangsa-mangsa banjir untuk berdepan dengan musibah. Ramai penduduk juga memberi bantuan kepada mangsa banjir dari segi kewangan dan tenaga.

Sebagai seorang warga Pulau Pinang, saya amat bangga dengan masyarakat *civil* dan NGO yang telah memainkan peranan yang begitu aktif dalam usaha ini. Namun, sebagai seorang ADUN atau kerajaan, kita mempunyai tanggungjawab yang lebih besar untuk mengkaji semula hala tuju pembangunan yang dilaksanakan di Pulau Pinang. Sebelum ini, pembangunan di Pulau Pinang begitu pesat walaupun di sebalik pembangunan adalah sumber ekonomi yang lumayan, tetapi kita juga tidak boleh mengabaikan kesan perubahan iklim dan bencana alam sekitar terhadap kita semua di rakyat Pulau Pinang ataupun di dunia. Kesemua risiko ini perlu diambil kira dalam proses pembangunan ini. Maka, bagaimana kita ambil kira aspek risiko kerosakan dan pemeliharaan alam sekitar dalam proses pembangunan ini penting. Ini adalah satu persoalan yang perlu dijawab oleh kita semua, malahan di seluruh Malaysia. Selepas bencana ini, saya mendapati bahawa kerjasama di kalangan semua pihak amat mustahak.

Walaupun kita berbahas, atau mempunyai berbeza pendapat dalam politik selama ini, tetapi apabila kita berdepan dengan musibah semua pihak semua tidak kira parti, tidak kira agama, tidak kira pendapat latar belakang semua boleh bekerjasama dengan baik. Tidak kira juga sama ada daripada kerajaan atau pembangkang. Maka saya berpendapat bahawa, hala tuju urus tadbir Kerajaan Negeri pada masa akan datang perlu juga tumpu pada usaha mewujudkan satu asas untuk menggembelngkan tenaga yang terbesar dalam masyarakat termasuk bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan yang fokus kepada isu-isu pembangunan. Marilah kita ketepikan sentimen musuh atau kawan, bersama-sama kita menumpukan semua pihak termasuk bakal-bakal dan juga rakyat untuk berjuang bersama-sama untuk memastikan Negeri Pulau Pinang yang tersayang ini dengan bersih, hijau dan kita bangkit bersama.

Dengan ini saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Kerajaan Negeri tak kira Negeri Persekutuan, Pejabat Daerah dan Badan-Badan, Agensi Kerajaan semua yang telah memberi sokongan dan juga bantuan kepada Machang Bubuk supaya dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di Machang Bubuk dan Pulau Pinang. Sekian terima kasih.

Saya mohon menyokong.

YB Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Machang Bubuk, saya silakan YB. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk memberi Ucapan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan tahun 2018 dan Usul Anggaran Pembangunan tahun 2018 dalam Dewan yang mulia ini.

Kali ini adalah kali terakhir untuk penggal ketiga belas ini untuk kita bersama-sama bersidang di Dewan ini dan saya nak *highlight* beberapa isu selepas saya dilantik oleh rakyat yang mewakili KADUN Jawi tahun 2013 sehingga kini telah beberapa sidang telah kita lalui. Kali ini saya kena rumuskan balik manakah projek yang telah dibuat, manakah projek yang belum dibuat dan apakah masalah-masalah yang masih dihadapi dan minta untuk penyelesaian.

Belanjawan marhaen adalah kenyataan dasar yang mencerminkan nilai-nilai teras Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, kita perlu menjaga kebajikan rakyat marhaen iaitu orang kebanyakan dan keluarga-keluarga pekerja. Kita harus memberikan harapan dan masa depan yang cerah supaya anak-anak muda kita tidak ketinggalan dalam ekonomi digital revolusi industri ke empat terutama penduduk-penduduk di kawasan luar bandar seperti di SPS KADUN Jawi, KADUN Bukit Tambun, KADUN Sungai Bakar, KADUN Sungai Acheh. Walaupun ia adalah salah satu kawasan luar

bandar tetapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak membiarkan kawasan ini ketinggalan zaman juga.

Pembangunan ekonomi. Saya sebagai ADUN kawasan Jawi sentiasa menekankan pembangunan ekonomi dan pembangunan infrastruktur supaya di KADUN Jawi supaya dapat meningkatkan pelaburan di kawasan ini justeru memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Seperti yang saya cadangkan pada tahun 2013 di Dewan yang mulia ini pada sidang pertama, KADUN Jawi cuma ada 5.15% atau seluas 310.71 hektar tanah yang digunakan untuk tujuan perindustrian. Ini adalah....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, saya nak *confirm* kan dengan YB. Yang di-Pertua Dewan, kita cukup korum ka tak cukup korum ni?

YB Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup, cukup, sila.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih YB. Telok Bahang yang ambil perhatian. Kita harus memperluaskan kawasan perindustrian untuk menarik pelabur-pelabur datang ke sini dan memperkembangkan industri dengan IKS tempatan di KADUN Jawi. Setelah cadangan saya yang dibuat pada tahun 2013 di Dewan ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat pengambilan tanah di kawasan Changkat dan Byram bermula pada tahun 2014 bagi tujuan pembangunan industri mengikut rekod Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, keluasan keseluruhan pengambilan untuk kawasan ini melibatkan tanah seluas 4191.29 ekar dengan fasa satu seluas 1234.6 ekar dan fasa dua seluas 2956.69 hektar. Walau bagaimanapun, keluasan sebenar yang telah diambil balik di kawasan ini bagi fasa satu adalah seluas 797 ekar dan telah diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2016.

Kini PDC dalam kajian menyediakan pelan induk untuk tujuan industri selaras dengan perkembangan pesat Taman Perindustrian Bandar Batu Kawan selaras dengan perancangan pembangunan koridor selatan. PDC sedang meneliti potensi pembangunan di fasa dua yang mana keluasan bergantung kepada kajian yang sedang dijalankan sebelum memutuskan untuk meneruskan pengambilan tanah bagi baki pengambilan seterusnya. Saya berharap agar PDC dapat mempercepatkan kajian untuk pelaksanaan rancangan fasa dua kerana pembangunan Bandar Cassia yang semakin pesat ini akan menarik banyak pelabur-pelabur di Changkat dan Byram pada masa yang akan datang. Sehubungan dengan itu, keutamaan kerajaan untuk pengambilan fasa seterusnya perlu diberi kepada pembangunan infrastruktur jalan raya yang akan menghubungkan Bandar Cassia dan kawasan Changkat dan Byram. Ini juga adalah cadangan saya semasa ucapan perbahasan dalam Dewan ini pada bulan Mei 2014, saya amat berharap projek pembangunan infrastruktur jalan raya ini dapat disiapkan dalam masa lima (5) tahun yang akan datang kerana jalan perantaraan ini amat penting untuk pembangunan ekonomi dan pembangunan infrastruktur di KADUN Jawi yang bersambung dengan KADUN Bukit Tambun iaitu Batu Kawan.

Saya percaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Pimpinan Pakatan Harapan dan pentadbiran yang berpegang kepada prinsip C.A.T. iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus dapat terus berkembang dan meningkat khususnya dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan yang menjadi dua (2) tunjang ekonomi dengan menyumbang lebih kurang 95% kepada KDNK Malaysia.

Isu kedua, Pertanian, Penternakan dan Perikanan. Sektor pertanian juga berkembang bersama-sama dengan pertumbuhan pesat sektor pembuatan dan pelancongan daripada 1.6% KDNK pada tahun 2007 kepada 2% KDNK pada tahun 2016 terutamanya industri penternakan ikan laut daripada hampir tiada apa-apa sektor perikanan laut di Pulau Pinang kepada kini antaran yang terbesar di Malaysia dengan nilai sebanyak RM1114 juta dengan 58,682 tan pada tahun 2015 iaitu penternakan ikan laut yang terbesar di Malaysia iaitu di kawasan Sungai Udang di KADUN Sungai Acheh. Ini adalah penting dan saya berpendapat sektor penternakan ikan haruslah diperluaskan. Sebenarnya, penternak-penternak ikan laut di Sungai Udang masih menghadapi satu masalah iaitu pencemaran air laut yang sentiasa menyebabkan ikan-ikan yang mereka ternak di laut mati dan mengakibatkan kerugian yang besar kepada mereka. Mereka mendakwa bahawa pencemaran air laut ini adalah disebabkan air lecet (larut lesapan) di Pulau Burung iaitu Pulau Burung di kawasan saya adalah tempat pelupusan sampah yang melimpah keluar ke laut. Untuk menyiasat kebenaran dakwaan tersebut, satu lawatan telah dibuat oleh EXCO Pertanian dan Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, iaitu EXCO Seberang Jaya bersama Persatuan Penternak Ikan dan Nelayan pada 9 Oktober 2017, jam 9.30 pagi di tapak pelupusan sampah

Pulau Burung dan mendapati memang ada prameter ban pecah dan air mengalir ke laut. Lanjutan daripada itu, satu mesyuarat telah diadakan pada 24 Oktober 2017, jam 1.30 petang di Komtar, Tingkat 53 untuk membincangkan dan memastikan pihak Syarikah PLB Sdn. Bhd. untuk mengambil tindakan segera memperbaiki keadaan prameter ban di Pulau Burung sementara menunggu fasa tiga dijalankan.

Pihak MPSP pula diberi tanggungjawab untuk memantau keadaan di tapak pelupusan sampah Pulau Burung untuk memastikan air lecet di Pulau Burung tidak mengalir di laut lagi. Bukan kali pertama saya bangkitkan perkara tapak pelupusan sampah di Pulau Burung ini kerana saya sentiasa mendapat aduan-aduan daripada penternak, persatuan penternak ikan sama ada nelayan, persatuan nelayan juga mereka bangkitkan bahawa ikan-ikan yang mereka ternak di laut mati juga ikan-ikan yang semua jadi pun kurang. Sama ada ini adalah pencemaran air kita minta Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan untuk meneliti isu ini dan menyemak dan memberikan satu laporan untuk menunjukkan sama ada air-air laut ini, pencemaran datang dari tempat mana dan punca mana. Saya berpendapat Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutamanya Jabatan Perikanan dan Jabatan Alam Sekitar perlu peka kepada isu-isu semasa ini supaya masalah seumpama ini tidak berulang lagi. Saya sekali lagi meminta Kerajaan Negeri Pulau Pinang melihat perkara ini secara serius kerana ia bukan saja menyebabkan kerugian kepada penternak-penternak ikan tetapi juga menjejaskan ekonomi kita.

Isu yang ketiga, Pembangunan Belia dan Sukan. YB. Dato' Speaker, pembangunan belia dan sukan untuk sesebuah negeri amat penting kerana kehidupan pada masa kini yang semakin maju, pemikiran anak-anak muda juga sudah mendahului dalam mana-mana bidang sukan. Saya melihat sukan sebagai salah satu cara untuk kita merapatkan hubungan kekeluargaan, sahabat handai sedang menyatukan kelompok-kelompok yang berbeza pendapat. Seperti contoh PYDC pernah menganjurkan satu piala PYDC ataupun perlawanan bola sepak dan YB. Telok Bahang juga turut menghadiri. Inilah telah menunjukkan bahawa kita sama-sama berniat baik dan juga untuk berminat untuk memperkembangkan sukan dan belia ini.

Sejak saya menjadi ADUN Jawi pada tahun 2013 pembangunan sukan dalam KADUN Jawi serta penyediaan tempat serta peralatan sukan amat kurang. Oleh itu, saya telah cuba sedaya upaya untuk menaiktaraf tempat-tempat sukan sedia ada seperti menambah alatan sukan di KADUN Jawi sehingga kini KADUN Jawi sudah ada gelanggang berbumbung bola keranjang di padang Taman Berjaya, Nibong Tebal, gelanggang berbumbung sepak takraw di padang Taman Berjaya juga, Nibong Tebal, gelanggang berbumbung sepak takraw di Kampung Bagan Buaya, Changkat dan Taman Berjaya. Tidak ketinggalan juga saya telah berusaha untuk melengkapkan semua permainan di padang kanak-kanak secara berfasa, *exercise equipment* dan lain-lain. Yang mana sehingga kini, saya telah menyediakan banyak peralatan permainan untuk golongan dewasa dan kanak-kanak di beberapa buah taman dan padang serta kampung contohnya di Taman Sri Bayu, Taman Berjaya, Taman Belatuk Padang Byram, Kampung Changkat, Kampung Bagan Buaya dan perkampungan Jawi, Taman Jaya. Taman Desa Indah dan tempat-tempat lain. Satu kompleks badminton bernilai RM2.5 juta terdiri daripada lapan (8) gelanggang atau enam (6) gelanggang yang akan dibina di Jalan Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan yang baru-baru diumumkan oleh Ketua Menteri dalam Bajet 2018 ini.

Saya juga ingin berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dan juga terutama kepada Ketua Menteri kerana beliau memang prihatin pembangunan belia dan sukan ini. Memang Belia dan Sukan adalah masa depan kita kerana pemuda-pemuda kini kena diberikan peluang kepada mereka supaya kita mengalakkan mereka melibati dalam sukan.

YB. Dato' Speaker, dalam Seberang Perai Selatan ini telah lahir ramai atlet yang telah berjaya dan ada yang tengah mewakili negeri dan negara dalam pertandingan sukan seperti Datuk Lim Chong Wei dan lain-lain. Untuk mempelbagaikan kemudahan sukan di Seberang Perai Selatan ini saya lihat ada beberapa jenis lagi sukan yang perlu ditonjolkan di sini antaranya menyediakan gelanggang *skateboard* serta memperkemaskan lagi gelanggang sedia ada. Yang kebanyakannya tidak diuruskan dengan baik. Baru-baru ini kita telah membuat permintaan untuk menyediakan gelanggang *skateboard* di kawasan tapak sukan yang berdekatan dengan Pejabat Daerah. Kita juga pernah menyuarakan cadangan dalam Mesyuarat Belia dan Sukan Negeri kepada Yang Berhormat Padang Lalang supaya diwujudkan satu pusat sukan di daerah SPS yang mana semua jenis sukan boleh ditumpukan di satu tempat atau kawasan yang berdekatannya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan, Yang Berhormat. Minta laluan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Ya. Silakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bercakap tentang sukan dan bola sepak ini saya ada terima rungutan tak tahu sama ada benar ataupun tidak bahawa pemain-pemain pasukan bola sepak Pulau Pinang tidak dibayar gaji dan elaun selama dua (2) bulan. Mungkin kita boleh minta pencerahan daripada EXCO berkenaan. Ini adalah perkara yang begitu serius kerana kalau betul pemain-pemain ini tidak menerima bayaran selama dua (2) bulan, saya rasa ia akan mencerminkan satu perkara yang begitu negatiflah. Maklumlah kelmarin bila Yang Berhormat daripada Pengkalan Kota berucap beliau telah memaklumkan bahawa jumlah tajaan yang diterima oleh pasukan bola sepak adalah lebih kurang RM34 juta jadi kalau begitu dan pemain-pemain bola sepak ini tidak diberi bayaran maklumlah mereka juga mempunyai keluarga masing-masing sebagai tanggungan walaupun prestasi pasukan bola sepak ini agak tercorot tetapi kita harus memastikan bahawa bayaran gaji dan elaun itu harus jalan seperti biasalah. Mungkin YB. EXCO berkenaan memberi penjelasan apakah pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Seri Delima. Saya pun ada dengar ada beberapa kawan yang sampaikan *message* ini dan kita mintalah EXCO berkenaan untuk menjelaskan terima kasih YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta penjelasan sedikitlah pasal bola sepak ini. Yang Berhormat saya difahamkan kalau itulah hakikatnya ini satu permasalahan yang kita hadapi secara serius sebab jumlah peruntukan hampir RM34.5 juta. Negeri Perak mereka mengendalikan pasukan mereka hingga separuh akhir dengan jumlah wang lebih kurang RM30 juta dan kita terima sampai RM34 juta dan masih belum dapat membayar gaji pemain-pemain ini adalah satu perkara amat memalukan dan sudah tentu patutlah *performance* kita jatuh dan *player* tidak dapat bagi *commitment* yang baik. Saya rasa apa EXCO Sukan cari seorang lakilah yang sesuai.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan Yang Berhormat. Ini bukan soal lelaki ataupun perempuan, jangan diskriminasi sepatutnya YB. Telok Bahang kita tarik balik kenyataan itu. Kita memperkecilkan keupayaan wanita malahan ada pemain-pemain bola sepak wanita yang lebih handal daripada Yang Berhormat sendiri. Tau kah Yang Berhormat? Jadi saya, ini bukan isu wanita atau lelaki. Ini isu, saya tanya saya bukan buat tuduhan, sama ada benar ataupun tidak pemain-pemain pasukan bola sepak ini tidak dibayar gaji atau elaun selama dua (2) bulan? Ini adalah rungutan yang kita terima. Bagi pihak saya ini bukan isu tentang sama ada EXCONya adalah wanita ataupun tidak, saya percaya EXCO berkenaan adalah memang handal tetapi kemungkinan besar perkara ini tidak dibawa kepada perhatian beliau dan soalan saya berkisar balik kepada tajaan yang diterima. Kalau kita menerima tajaan RM35 juta, bukan satu juta dua juta, RM35 juta, RM34.6 juta saya difahamkan, sepatutnya gaji dibayar seperti yang kita kena bayar tiap-tiap bulanlah. Mengapa ada kelewatan? Jadi setuju YB. Telok Bahang tarik balik kenyataan yang memperkecilkan kaum hawa tadi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, ini yang masalah Kerajaan Negeri punya *backbencher* ini, bila kita sebut macam itu, dia terus kata *lock jump...*(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jelaskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

So maksud dia seorang wanita pegang apa sukan, bola sepak menjadi main nombor satu di Negeri Pulau Pinang. Saya tak tau berapa kali EXCO wanita kita masuk ke stadium dan lihat bola. So maksud saya, selain daripada kalau wanita boleh betul-betul minat bola sepak lain, tak ada masalah, masalah dia sini kita tak nampak EXCO wanita ini pegang sukan minat bola sepak, dan tak pernah dengar *statement* pun mendesak FFP bayar gaji. Ini bukan timbul diskriminasi atau apa pun, minat, tak

nampak minat. Salahkah saya minta tukar? Yang Berhormat cepat-cepat cakap, *oh*, diskriminasi, diskriminasi, Yang Berhormat tau kita Ketua Pembangkang pun wanita, kita sokong, kan. So jangan cepat-cepat melatah. Ini masalah, bila jadi banjir, “Ah” Persekutuan, bila jadi itu “*haa*”, Datuk Najib, bila jadi ini, Shah Headan. Masalah ini. So saya Yang Berhormat berlapang dadalah, berlapang dadalah, saya betul-betul Yang Berhormat tak *mood* pun sebab banjir tempat saya duk minta *chain saw* nak potong pokok lagi ni. Yang Berhormat nak gaduh dengan saya pagi sampai petang pun tak ada masalah. Saya *anytime* boleh *take it*. Tapi Yang Berhormat, saya pun *frust* pasal bola sepak. Pembangunan saya di kawasan saya Yang Berhormat pakai duit sendiri. Tak mendapat satu sen daripada FAP ataupun daripada EXCO Belia, tak sepuluh sen pun tak dapat. Tak pernah tanya pun dan *league* yang saya buat di Balik Pulau itu 1000 orang mai Yang Berhormat, 1000, 40 *team*, YB. Jawi nak buat bola sepak tidak ada pasukan nak join, saya hantar 10 pasukan, sebab apa Yang Berhormat kalau Ketua Menteri bagi *chance* saya boleh *boycott* Piala Ketua Menteri tapi pasal semangat kesukanan, kalau tidak ada pasukan masuk, malu tak Ketua Menteri Pulau Pinang? Sukan kita tak politikkan dan sukan pun bukan kita diskriminasi wanita saya kata minatnya kurang, tak sesuai untuk seorang wanita yang tidak minat untuk menjaga bola sepak. Faham Yang Berhormat, cakap banyak-banyak jadi putih sat lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Faham, faham, faham. Terima kasih. Saya cuma nak tanya saya berminatlah dengan isu topik bola sepak ini tapi masa yang sama memang handallah Telok Bahang, memang handal atas isu bola sepak dan saya setuju Telok Bahang memang menunjukkan minat atas isu bola sepak ini tapi saya boleh menyokong Yang Berhormat jadi EXCO untuk isu sukan dengan syarat Yang Berhormat setuju untuk lompat parti mai belah sini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Hai. Saya kena jawab. Ini tak kan *standard* saya EXCO, *standard* saya Menteri Belia dan Sukan. Masalah betul.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Memperkecilkan *size* keupayaan saya. Saya pernah juara Negeri Pulau Pinang tau *under 18 teen football* Sekolah Sungai Ara Pulau Pinang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Setuju, setuju, Jawi bagi. Setuju.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Seri Delima dan juga YB. Telok Bahang, saya sambungkan ucapan saya. Apa yang kita lihat pada hari ini gelangang kerana sukan yang ada terletak di tempat-tempat berbeza dan jauh daripada satu dengan yang lain dan ini telah memberikan kesulitan kepada pihak penganjur yang ingin menganjurkan berbagai pertandingan sukan di satu tempat. Saya amat berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memberi pertimbangan dan mengambil serius ke atas perkara yang saya bangkitkan ini.

Isu keempat pembangunan kawasan luar bandar, kampung. Di Daerah Seberang Perai Selatan memang terkenal dengan banyak kawasan kampung yang mana keperluan untuk membaiki jalan kampung penyelenggaraan dewan, penyelenggaraan kemudahan asas dan membina parit kampung adalah amat tinggi. Sebenarnya peruntukan KADUN Jawi setiap tahun memang tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan penyelenggaraan ini. Sehubungan dengan itu saya terpaksa meminta Pejabat Daerah untuk membaiki jalan, kampung dan parit tapi jawapan yang saya dapat melalui soalan bertulis saya adakah Pejabat Daerah tidak membelanjakan peruntukkan tersebut untuk projek atau kerja-kerja penyelenggaraan jalan kampung pada tahun 2013, 2015, 2016 dan 2017 untuk perbelanjaan parit pada 2013, 2014, dan 2015 juga tiada perbelanjaan. Soalan yang hendak saya tanya di sini sama ada ianya disebabkan tiada permohonan yang dibuat oleh Pegawai Pejabat Daerah dengan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang ataupun Pegawai Pejabat Daerah mengingatkan bahawa ADUN kawasan memang

ada peruntukkan sendiri biarlah ADUN untuk membelanjakan habis barulah Pejabat Daerah. Oh, minta sama ada ini saya nak pastikan mengapa perkara ini boleh berlaku kerana saya percaya Pegawai-pegawai Pejabat Daerah memang bertanggungjawab di setiap daerah untuk menjalankan tugas mereka kerana ini adalah satu keperluan asas dan tugas tanggungjawab mereka. Kalau pegawai yang memegang jawatan itu tidak menjalankan tugas maka beliau tidak layak untuk memegang jawatan tersebut biarlah orang lain yang berminat untuk menjalankan tugas.

So saya nak minta satu jawapan yang boleh berikan kepada kita supaya untuk menjelaskan sama ada mengapa penyelenggaraan perbelanjaan ini tidak digunakan ataupun tidak diuruskan. Saya berpandangan bahawa Pejabat Daerah mempunyai tanggungjawab untuk membaiki dan membuat jalan kampung dan parit kampung kerana ini adalah kemudahan asas yang penting kepada penduduk-penduduk di kawasan kampung. Di sini saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempertimbangkan untuk memberi satu peruntukan khas atau bajet khas untuk KADUN yang ada banyak kawasan kampung, seperti KADUN Jawi, KADUN Sungai Aceh, KADUN Bukit Tambun, KADUN Sungai Bakap, KADUN Machang Bubuk, KADUN yang lain-lain juga ada banyak kampung. Saya percaya peruntukan khas ini akan dapat membantu lebih ramai penduduk di kawasan kampung KADUN-KADUN yang saya sebut tadi termasuk KADUN Penanti.

Isu kelima, kawalan dan pencegahan banjir. Banjir adalah satu bencana yang memang menakutkan kepada penduduk-penduduk kerana setiap kali hujan lebat, saya rasa saya akan rasa risau dan bimbang sama ada pintu air dan rumah pam di KADUN Jawi berfungsi atau tidak. Di KADUN Jawi terdapat tujuh (7) buah rumah pam iaitu Rumah Pam Nibong Tebal, Rumah Pam Kampung Che Aminah, Rumah Pam Victoria, Rumah Pam Kampung Sanggang A dan B dan terdapat dua (2) buah pintu air iaitu Pintu Air Pulau Burung, dan Pintu Air Kampung Baru.

Setiap kali semasa cuaca mendung saya akan telefon Jurutera Daerah JPS, Jabatan Pengairan dan Saliran untuk menanya sama ada rumah pam dan pintu air berfungsi dengan baik. Sama ada pekerja-pekerja bertugas di tapak rumah pam atau pintu air serta sampah sama ada sampah-sarap yang ada tersekat diperangkap sampah rumah pam ini telah dibersihkan. Jawapan yang saya terima adalah sangat positif, iaitu semua pam berfungsi dengan baik dan ada petugas di tapak rumah pam. Walau bagaimanapun saya berasa kecewa kerana jawapan ini sebenarnya bukan gambaran yang sebenar di tapak. Sekali lagi saya akan terima panggilan telefon daripada penduduk atau Ahli-ahli JKK di kawasan itu atau pembantu saya bahawa pam tidak berjalan sebab pekerja rehat dan tiada pekerja yang bertugas di tapak apabila hujan. Adakah ini sikap yang betul untuk seseorang pekerja? Saya faham ada banyak pintu air dan rumah pam yang dijaga oleh pekerja ikut shift, dan ada pertukaran shift, dan ada juga cuma bekerja pada waktu pagi sampai pukul petang 5.00 sahaja. Saya tanya adakah pekerja-pekerja yang jaga pada waktu pagi hingga petang selepas pukul 5.00? Kalau selepas pukul 5.00 hujan turun, sama ada pekerja itu bertugas untuk pergi balik ke pintu air itu atau rumah pam untuk buka dan memberikan rumah pam atau pintu air berfungsi? Jawapan yang saya tanya Pengarah JPS memang mereka ada tugas begitu, tapi jawapan yang dijawab oleh Pegawai JPS di Seberang Perai Selatan, saya tak mau sebut nama beliau, pegawai itu katakan tak ada. Selepas waktu kerja kita tak kerja. Inilah sikap seseorang pegawai. Kalau kita ada sikap seseorang pegawai ini yang tidak bertanggungjawab maka ADUN dan penduduk akan susah. Penduduk akan menghadapi masalah banjir...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Ya silakan YB. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Daripada apa yang dibangkitkan oleh YB. Jawi saya juga ingin meluahkan perasaan saya. Dan di sini saya juga nak tanya adakah setuju bahawa YB. Jawi bahawa satu kaedah, kaedah pemantauan yang lebih ketat terhadap pegawai atau pekerja diadakan? Dan tindakan yang tegas mesti diambil bahawa di kawasan saya di kawasan Sungai Pinang, Jelutong, di mana pam ada di rumah pam di Jalan Madrasah, selalunya bila ada hujan kita bermasalah. Walaupun ada rumah pam. Dia ada banyak alasan bahawa kalau bukan *trip* berlakunya *trip*, bila hujan berlakunya *trip* jadi tidak boleh berfungsi. Maka penduduk di kawasan itu mengalami air masuk ke dalam rumah dan kamilah wakil rakyat tempatan perlu berdepan dengan mereka dan saya rasa ini lah di mana kita perlu lihat serius dan ini bukan berlaku sekarang sahaja sudah bertahun-tahun dan saya juga sudah bangkitkan isu sedemikian ataupun sampah sarap yang tersangkut. Maka apakah tanggungjawab mereka? Kemungkinan ada komunikasi yang kita tidak

fahamlah memang kalau jurutera dia akan beri, di sini juga ada soalan bertulis saya tanya tentang rumah pam dan pintu air di kawasan Jelutong dan jawapannya adalah semua pam-pam JPS telah melantik kontraktor menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas semua pam-pam yang melibatkan kos penyelenggaraan sebanyak RM6,000.00 setahun tetapi saya tahu memang ada kerja penyelenggaraan. Cuma bila apabila berlakunya hujan apakah jawapan yang diberi adalah *trip*, keadaan rumah pam yang *trip* dimana ia tidak dapat berfungsi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Sungai Pinang memang saya setuju, saya ingat nasib YB. Sungai Pinang juga sama dengan KADUN Jawi mendapati bahawa pekerja-pekerja yang selalu memberikan alasan di mana rumah pam *trip*, satu rosak ataupun tidak berfungsi ataupun pekerja tidak ada mereka katakan ada. Ini adalah masalah-masalah yang dihadapi oleh saya juga, saya harap pihak JPS boleh mengambil tindakan terhadap pekerja yang tidak bertanggungjawab yang tidak bersikap baik. Ini kerana kalau pekerja seperti ini masih bertugas nama baik Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutama di bawah pimpinan Pakatan Rakyat yang CAT ini akan tercemar oleh golongan pekerja yang tidak bertanggungjawab ini. Saya percaya perkara seperti ini juga ada banyak berlaku di KADUN lain. Saya di sini ingin minta pihak JPS agar pastikan pintu air dan rumah pam beroperasi tidak kira waktu pagi, petang mahupun tengah malam semasa air laut surut.

Semasa banjir berlaku pada 9 September 2017 dan 15 September 2017 di KADUN Jawi, saya terima banyak aduan daripada penduduk bahawa ada banyak rumah pam dan pintu air tidak berfungsi dan juga *trip* serta tiada pekerja yang bertugas di sana. Saya ingin tegaskan sekali lagi adalah tanggungjawab pihak JPS untuk memastikan pam dan pintu air sentiasa dalam keadaan yang baik dan diselenggarakan dari semasa ke semasa dan bukan semasa bencana berlaku hujan turun, maka pam-pam air atau rumah pam ini akan *trip*. Jangan tunggu sampai hujan turun baru kata pam rosak dan tidak boleh jalan. Begitu juga dengan sampah yang terdapat diperangkap sampah rumah pam yang patut dibersihkan dari masa ke semasa. Kerja-kerja pencucian parit dan mendalamkan sungai oleh pihak JPS haruslah dijalankan juga sekurang-kurangnya dua (2) atau tiga (3) kali setahun. Di KADUN Jawi ada beberapa tempat di mana parit dan sungai sungai sudah dua (2) atau tiga (3) tahun tidak dicuci selepas pertukaran Jurutera Daerah iaitu JD. Ini juga adalah salah satu punca menyebabkan banjir berlaku kerana kita faham ada beberapa sungai di mana seperti contoh Parit B2 yang baru dicuci dua (2) minggu yang lepas maka memang ada penduduk-penduduk yang menyalahgunakan rizab tanah JPS ini untuk tanaman-tanaman ataupun binaan-binaan tetapi...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Jawi. Saya ingin bertanya kepada YB. Jawi sama ada ini sudah sampai masanya kepada pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama JPS untuk membuat audit ke atas semua pintu-pintu air, semua rumah-rumah pam dan mana-mana lagi kawasan yang menadah air seperti empangan-empangan, mengauditkan tentang struktur dan juga keberkesanan *servis* yang diberi sebagai satu usaha untuk menghindari (*prevention*) daripada banjir berlaku bila hujan lebat lagi sekali. Sebab dalam Dewan ini beberapa Ahli Yang Berhormat menyuarakan tetapi saya rasa secara keseluruhan di seluruh Pulau Pinang perlu dibuat audit, pertama.

Kedua, kita sekarang dalam krisis *post* banjir selepas banjir. Kita mendapat aduan yang rata-rata orang yang keluarga atau mangsa yang sudah dapat balik ke rumah kerana air sudah suruh sekarang sedang mencuci rumah dan nombor 2 sedang mengangkut semua alat-alat perkakas, harta benda yang rosak dan mereka sekarang tidak ada tempat hendak letak, letak atas jalan, tepi jalan dan sekarang tidak ada siapa hendak kutip, tiada siapa hendak angkut. Semua sampah sarap sudah jadi sampah sarap, tilam buruk, segala *furniture*, peralatan dan sebagainya. Jadi saya hendak minta Kerajaan Negeri mengwujudkan satu *task force* untuk menyusun usaha untuk mengangkut. Pihak MPSP sudah tidak mahu jawab dah, MBPP pun tidak mahu jawab dah sebab semua kenderaan, lori semua sudah dikeluarkan dihantar, semua kakitangan sudah terlibat sangat tetapi kita perlu juga pihak NGO, pihak swasta terlibat di dalam usaha yang kita kata selepas banjir ini, *post* banjir yang bila sekarang sedang menghadapi masalah besar oleh rakyat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Ahli Kawasan Jawi sambung.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Telok Ayer Tawar. Memang saya setuju rumah-rumah pam dan pintu audit perlu diaudit. Ini adalah satu cadangan yang baik. Saya teruskan ucapan saya YB. Speaker, sekali lagi pegawai JPS haruslah bertanggungjawab untuk memastikan setiap parit dan sungai dicuci dan didalamkan mengikut jadual....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Jawi, tajuk ini sudah habis kah?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Tajuk ini ada lagi 2 muka surat lagi, saya habiskan tajuk ini dan nanti sambung 2.30 petang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya juga bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak JPS dalam meluluskan Permit 4B bagi tujuan pengeluaran pasir di sungai kecil Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan Sungai Junjung, Daerah Seberang Perai Tengah supaya dapat mendalamkan sungai dan mengurangkan banjir berlaku. Saya mencadangkan banyak lagi sungai juga boleh diuruskan kerana ini adalah salah satu cara untuk mencegah banjir yang berlaku di tempat-tempat. Pada 9 September 2017 dan 15 September 2017 semasa banjir kilat berlaku di Daerah Seberang Perai Selatan terutamanya kawasan KADUN Jawi, kita mendapati air sungai yang turun adalah bewarna kuning dan berlumpur. Sehubungan dengan itu, adalah kemungkinan banjir tersebut adalah berpunca daripada kerja-kerja pengorekan tanah-tanah, tanah merah, tanah bukit serta batu-batu di kuari-kuari di Seberang Perai Selatan, khususnya di kawasan Lima Kongsi, Valdor, Sungai Baung, Relau dan lain-lain kuari yang berdekatan.

Dengan itu saya mencadangkan agar pihak MPSP, JPS dan Jabatan Alam Sekitar mengadakan audit semula ke atas kuari-kuari tanah dan batu di sekitar kawasan Seberang Perai Selatan supaya semua syarat kawalan dan teknikal telah dipatuhi. Jika mendapati bahawa ada pihak yang tidak mematuhi syarat-syarat tersebut maka pihak MPSP boleh mengambil tindakan yang tegas untuk menghentikan kerja-kerja kuari tersebut, terutama juga air-air bukit yang datang dari Negeri Kedah juga adalah salah satu punca yang menyebabkan banjir kilat yang berlaku pada 9 September 2017 dan juga 15 September 2017.

Sejak tahun 2008 sehingga September 2017 sebanyak 2,207 projek tebatan banjir dengan kos RM300.09 juta telah dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Projek-projek ini telah melibatkan kerja-kerja pembinaan sistem saliran pencegahan banjir, menaik taraf sistem saliran sedia ada dan lain-lain. Projek-projek ini tidak termasuk kerja-kerja bagi penyelenggaraan sistem saliran yang sedia ada. Manakala sebanyak 32 projek tebatan banjir bernilai RM1,074 juta telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui projek-projek di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9 yang bermula pada tahun 2006 hingga Rancangan Malaysia Ke-11 setakat September 2017. Kerajaan Persekutuan seharusnya memberikan peruntukan sebanyak RM2.6 juta kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi sehingga hari ini cuma RM1.02 juta yang dibelanjakan untuk melaksanakan projek tebatan banjir. Saya hendak cadangkan, adakah setuju YB. Telok Ayer Tawar bahawa ini juga haruslah diaudit kerana mengapa Rancangan Malaysia Ke-9 sampai Rancangan Malaysia Ke-11 setakat tahun 2017 masih RM1.02 juta sahaja yang dibelanjakan untuk projek-projek tebatan banjir di Negeri Pulau Pinang? Adakah kerana di bawah pimpinan Pakatan Harapan dan Kerajaan Persekutuan tidak memberikan banyak peruntukan kepada Kerajaan Negeri? Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun melancarkan Bersih, Hijau Penang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terlibat secara langsung untuk memelihara persekitaran yang baik di Daerah Seberang Perai dan di sebelah Pulau supaya seluruh Negeri Pulau Pinang dapat dihijaukan dengan tanaman pokok-pokok serta menjaga kebersihan sekitarnya. Baru-baru ini MPSP telah mengadakan program penanaman pokok sebanyak 3,002 pokok sempena sambutan bulan kemerdekaan pada bulan Ogos di mana sebanyak 105 pokok telah ditanam di Padang Taman Beratur dalam KADUN Jawi. Program ini memang amat baik untuk penghijauan di Seberang Perai, kita tidak ada bantahan.

Walau bagaimanapun, sebelum sebarang kerja-kerja penghijauan yang melibatkan menanam pokok yang berjumlah besar dilakukan pihak MPSP mahupun MBPP perlu mempertimbangkan dahulu sama ada mereka mempunyai tenaga kerja dan peralatan jentera serta kenderaan yang mencukupi dan berupaya untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan kerja-kerja kekemasan semasa pokok tumbang.

Apa yang saya bangkitkan hari ini sebenarnya adalah berkaitan dengan kejadian banjir yang baru-baru berlaku pada 4 dan 5 November 2017 ini. Kita dapat lihat betapa kekurangan tenaga dan jentera di Jabatan Landskap MPSP apabila peratusan pokok besar yang tumbang di Seberang Perai dan bencana banjir pada 4 dan 5 November 2017 ini hanya ada sebuah *sky lift* sahaja untuk setiap daerah. Daerah SPU, SPT dan SPS cuma ada sebuah sahaja *sky lift* untuk permohonan potong pokok dan dengan ini saya ingin mencadangkan agar MPSP menyediakan sekurang-kurangnya setiap daerah kena ada tiga (3) hingga lima (5) *sky lift* bagi setiap daerah untuk melancarkan kerja-kerja hariannya untuk mencantas pokok atau pokok tumbang dan kerja-kerja yang diaturkan oleh *sky lift* dapat dijalankan dan begitu juga dengan tenaga kerja yang perlu diambil perhatian kerana ini adalah penting. Kalau kita ada banyak pokok-pokok yang sedia ada setiap kali kita hendak buat permohonan ataupun aduan kepada pihak MPSP untuk cantas pokok maka kena tunggu masa yang lama. Memang kita risau masa yang lama kita tunggu ini kadang-kadang sebelum pihak MPSP ambil tindakan untuk cantas ataupun potong, pokok itu telah pun jatuh kerana ada ribut kuat. Ini adalah salah satu masalah yang kita hadapi, saya rasa cadangan saya kepada Kerajaan Negeri dan juga MPSP, dimana setiap daerah sekurang-kurangnya mesti ada tiga hingga lima *sky lift* untuk bersiap sedia berkhidmat di setiap daerah. Saya tidak tahu di MBPP ada berapa buah *sky lift* yang ada untuk berkhidmat. Saya hendak mencadangkan saya sambung balik.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jadi pembahas, lepas itu jadi Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri pula. Terima kasih YB. Jawi, Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak tangguh untuk rehat dan kita sambung balik pada jam 2.30 petang nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersambung semula. Sekejap YB. Jawi. Sebelum itu, saya ingin membuat pemakluman iaitu sekiranya kita tidak ada pembahas selepas ini, kita akan terus menggulung. Diminta semua EXCO siap sedia, kalau ada rakan-rakan kita sama ada di pihak pembangkang ataupun di pihak Negeri yang ingin berbahas tolong panggil mereka masuk. Silakan YB. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih YB. Timbalan Speaker. Saya sambung balik isu keenam. Kerja-kerja awam jalan raya dan pasar. Kesesakan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang adalah salah satu cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pada pendapat saya, sementara kita menunggu kelulusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri boleh cari cara penyelesaian alternatif supaya dapat mengurangkan sedikit sebanyak isu kesesakan lalu lintas. Kita memang harap Kerajaan Persekutuan dapat meluluskan projek MRT di Negeri Pulau Pinang ini secepat mungkin untuk manfaat kepada penduduk-penduduk dan pengguna-pengguna jalan raya di Negeri Pulau Pinang. Contohnya, Kerajaan Negeri boleh menyediakan jalan raya yang sedia ada ke arah menjadikan jalan sehalu dan lain-lain cara. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM61.2 juta pada tahun 2018 berbanding dengan RM42.3 juta pada tahun 2017 untuk kerja-kerja jalan raya. Ini telah menunjukkan komitmen dan keprihatinan Kerajaan Negeri untuk menambah baik dan melebarkan jalan raya. Saya minta agar Kerajaan Persekutuan juga boleh menambah baik Jalan Persekutuan di KADUN Jawi, Daerah Seberang Perai Selatan dan di lain-lain tempat. Saya berpendapat projek *Park 'N' Ride* yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mengurangkan sedikit sebanyak masalah kesesakan lalu lintas. Pada masa kini terdapat dua (2) projek *Park 'N' Ride* yang sedang diuruskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu *Best Free*

Trade Zone bagi pekerja kilang yang tinggal di kawasan Bayan Lepas hingga yang tinggal di Seberang Perai dan *Best KOMTAR* bagi penjawat awam yang berkhidmat di KOMTAR dan tinggal di Seberang Perai. Saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri membuat pertimbangan mewujudkan kawasan *Park 'N' Ride* di Daerah Seberang Perai Selatan, Jawi dan juga Daerah Barat Daya iaitu di Balik Pulau.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan dan saya tidak ambil masa yang panjang. Yang Berhormat, *Park 'N' Ride* ini pada pendapat Yang Berhormat, adakah ianya sesuai kerana cuaca kita panas dan kalau mereka hendak bekerja akan cepat berpeluh kalau kita *compare* dengan negara-negara sejuk. *Park 'N' Ride* ini betul-betul tidak mengganggu jalan raya yang sedia ada tetapi kita ini macam *squeeze*. Apa pandangan Yang Berhormat bagaimana hendak buat di George Town ini dengan keadaan yang sempit?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Telok Bahang. Saya berpendapat bahawa *Park 'N' Ride* memang mendapat sambutan yang baik dan buat sementara waktu kita harap program *Park 'N' Ride* ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan masalah-masalah kesesakan lalu lintas dan juga kita harap YB. Telok Bahang boleh bagi tahu kepada Perdana Menteri dan juga Menteri-menteri di Barisan Nasional supaya mempercepatkan dan meluluskan Projek MRT di Negeri Pulau Pinang. Ini adalah amat penting.

Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan penambahbaikan dan pembinaan pasar awam baru bagi tempat-tempat yang ada keperluan. Di KADUN Jawi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang yang telah meluluskan dan menyiapkan projek tambahan bumbung di Pasar Awam Nibong Tebal pada tahun ini dengan perbelanjaan RM199,962.00. Pada tahun 2014 saya pernah mencadangkan melalui surat saya bertarikh 21 Julai 2014 dan membangkitkan perkara ini dalam Dewan ini juga untuk menaik taraf bumbung kompleks gerai makanan dan minuman di Taman Sentosa, Nibong Tebal. Satu perbincangan juga telah diatur oleh MPSP pada 30 November 2016 mengenai cadangan projek ini tetapi sehingga hari ini masih tiada keputusan sama ada MPSP atau Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menaik taraf kompleks gerai makanan dan minuman di Taman Sentosa, Nibong Tebal. Untuk makluman, kompleks yang sedia ada ini didapati sudah tidak sesuai digunakan kerana reka bentuk bumbungnya yang rendah dan banyak bahagian gerai-gerai telah semakin rosak. Saya mohon agar kompleks gerai ini dapat dinaiktaraf dengan secepat mungkin untuk keperluan penduduk-penduduk tempatan dan untuk penjaja-penjaja yang berniaga di kawasan Nibong Tebal, KADUN Jawi ini.

Isu ketujuh, pembangunan perumahan. Projek pembinaan semula rumah-rumah di Ladang Kalidonia, Ladang Byram dan Ladang Victoria telah saya bangkit dalam Dewan ini beberapa kali yang lepas tetapi sehingga hari ini semua masih dalam perancangan. Saya mohon agar Kerajaan Negeri dapat melaksanakan projek pemindahan semula rumah-rumah di Ladang Kalidonia, Ladang Byram dan Ladang Victoria secepat mungkin kerana penduduk-penduduk di kawasan yang terlibat ini memang mengharapkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat membantu mereka untuk mendapatkan satu tempat penginapan yang lebih elok dan selesa. Saya telah dimaklumkan bahawa Pentadbiran CMI telah menyediakan deraf untuk cadangan pembangunan Projek Perumahan Mampu Milik di atas tanah Kerajaan Negeri di atas Lot 1534 Mukim 11, Ladang Kalidonia, Nibong Tebal. Di samping itu projek pemindahan semula kuil, sekolah Tamil dan penduduk-penduduk di Ladang Byram juga perlu dipercepatkan. Di Ladang Victoria dan Ladang Changkat saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk merancang pemindahan semula rumah-rumah di tempat tersebut.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana menubuhkan Jawatankuasa Penilaian (TPM80) Pulau Pinang yang telah meluluskan sebanyak 75 projek perumahan yang berjumlah RM11 bilion di mana pembiayaan sebanyak RM7 bilion ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% iaitu TPM80 Pulau Pinang. Sehingga hari ini berapa kawasan rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah telah dibantu oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Program HAPPY? Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Program HAPPY tetapi sekarang berapa yang di Seberang Perai dan juga di Pulau, berapa rumah kos rendah dan kos sederhana rendah telah dibantu di bawah Program HAPPY? Kerajaan Negeri daripada 75 projek yang telah diluluskan terdapat 31 projek telah pun siap dan peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM2.5 juta.

Saya di sini ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meneruskan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% ini dan kalau boleh memperluaskan lagi kerja-kerja penyelenggaraan dan menambah lebih banyak bajet untuk tabung ini pada masa hadapan untuk membantu rakyat di kawasan-kawasan rumah pangsa termasuk kawasan-kawasan rumah pangsa YB. Timbalan Yang di-Pertua iaitu KADUN Sungai Bakap.

Pembangunan hospital. Hospital adalah tempat yang penting kepada semua penduduk terutama golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Kos-kos rawatan di hospital yang tinggi menyebabkan ramai penduduk tidak mampu membuat rawatan di hospital swasta dan terpaksa menerima rawatan di hospital dan klinik kesihatan kerajaan. Hospital adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat iaitu Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional. Semalam saya dengar YB. Penaga, tapi hari ini dia tidak ada, beliau kata bahawa Dewan Undangan Negeri dan ADUN-ADUN di sini tidak sesuai untuk membincangkan isu-isu pembinaan ataupun menambah kemudahan asas untuk hospital di Dewan ini. Saya di sini hendak ucapkan sekali lagi mungkin YB. Penaga tidak begitu peka terhadap kemudahan-kemudahan yang penting untuk hospital. Memang ini adalah tugas ataupun tanggungjawab di bawah Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kesihatan tetapi sebagai wakil rakyat di sini kita ada hak untuk bertanya, meminta dan membawa suara-suara dan permintaan-permintaan rakyat untuk dibincangkan di dalam Dewan ini supaya dapat disampaikan, tetapi YB. Penaga mungkin suka guna cara lain, beliau juga ada katakan bahawa *MP, Members of Parliament* juga ingin persoalkan isu-isu hospital di Parlimen. Saya di sini hendak katakan kepada YB. Penaga, menurut maklumat yang diberikan oleh MP Batu Kawan, sejak tahun 2013 beliau telah banyak kali bangkitkan sama ada Kerajaan Pusat ingin memperluaskan atau memperbesarkan hospital di Sungai Bakap dan tambahan untuk hospital baru di Batu Kawan. Jawapan sampai hari ini masih tiada apa-apa tindakan yang diambil walaupun telah dibangkitkan di Parlimen.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan. Saya telah bangkitkan perkara ini berulang kali dan akan membangkitkannya sekali lagi kerana persoalan bangkit sekarang ialah, saya minta juga pendapat Yang Berhormat di atas isu ini. Kita di Pulau Pinang, menurut statistik merupakan pembayar cukai ketiga terbesar dalam Negara Malaysia, namun demikian kita lihat bahawa kekurangan dan kekangan yang dialami oleh Hospital Besar Pulau Pinang ini telah dibangkitkan beberapa kali. Walaupun kita lihat seperti yang telah dimaklumkan oleh YB. Batu Maung tadi, Timbalan Menteri Kesihatan adalah seorang daripada Pulau Pinang, namun demikian keluhan rakyat Pulau Pinang yang seringkali menghadapi macam-macam masalah bukan sahaja di Hospital Besar Pulau Pinang tetapi juga di Seberang Jaya. Kita lihat umpamanya tempat letak kereta tidak mencukupi, di Pulau Pinang tidak mencukupi. Malahan saya difahamkan nasihat oleh doktor-doktor dan juga pegawai-pegawai yang bekerja di hospital, sekiranya kita membawa warga emas untuk mendapat rawatan, kalau boleh bawalah kerusi roda sendiri kerana kalau kita hendak sampai di situ dan hendak tunggu sehingga dapat kerusi roda untuk membawa mereka mendapatkan rawatan ia akan mengambil masa yang lama. Ini bukan sahaja bercakap tentang isu kerusi roda, tetapi isu untuk menaikkan taraf hospital itu. Seperti yang dimaklumkan pagi tadi, saya pun hairan mengapa mengambil masa yang begitu lama, semuanya cuma pada tahap perancangan, perancangan, perancangan sahaja yang akan mengambil masa lebih kurang dua(2), tiga (3) tahun untuk disiapkan. Tetapi pada masa yang sama seperti yang saya ulangi sekali lagi, bila sahaja ada masalah yang dihadapi oleh pelarian-pelarian Rohingya di Bangladesh, pengumuman dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri di mana dalam masa sebulan satu hospital dibina dengan pengumuman bahawa lebih kurang 500 katil akan ditambah untuk hospital tersebut. Ini adalah satu perkara yang saya rasa rakyat di Pulau Pinang tertanya atau pun adakah ini sikap yang diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan semata-mata kerana di Pulau Pinang bukanlah Barisan Nasional yang memerintah? Mungkin mereka tidak mahu memberi kemudahan-kemudahan ini terutama menaikkan taraf Hospital Besar semata-mata kerana rakyat di Pulau Pinang memulaukan Barisan Nasional. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Seri Delima, memang saya setuju dan sokong apa yang telah diucapkan oleh YB. Seri Delima. Di Negeri Pulau Pinang banyak penduduk-penduduk ada bayar cukai, adalah kutipan cukai yang ketiga negeri yang terbesar di Malaysia ini. Adakah keperluan-keperluan asas ini seperti pembinaan hospital, memperbesarkan hospital, penambahan katil dan lain-lain kemudahan, adakah ini permintaan keterlaluan? Saya hendak tanya di sini, saya hendak tanya dengan YB. Penaga tetapi dia tidak datang, saya hendak tanya dia sama ada sebagai wakil rakyat kita mewakili suara rakyat untuk ucap di sini, minta kepada Kerajaan Persekutuan, minta Kementerian Kesihatan dan minta Timbalan Menteri Kesihatan di Pulau Pinang ini, adakah salah, adakah ini *platform* yang salah?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, berterus teranglah seperti saya, Yang Berhormat hendak jadi Ahli Parlimen kah? Soalan-soalan ini boleh ditanya di dalam Parlimen, ini sidang DUN. Jadi kita hendak jawab macam mana. EXCO jawab pun pegawai sediakan jawapan. Saya faham Yang Berhormat hendak jadi Ahli Parlimen, bawa bertenang sat, *jack* CM lebih-lebih tahun hadapan tanya soalan di Parlimen. Bincang, bincang, boleh bagi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih niat baik Telok Bahang. Saya tidak berminat untuk apa-apa kerusi. Saya cuma wakil rakyat di sini untuk terangkan apa yang permintaan rakyat kerana saya rasa walaupun ini di bawah Kerajaan Persekutuan, *Member of Parliament* kita banyak kali tanya pun tidak ada jawapan. Sama ada Menteri-Menteri yang ambil bahagian portfolio ini mereka tahukah tanggungjawab atau melaksanakan tugas-tugas mereka di setiap negeri? Bukan saja di negeri-negeri tertentu tapi di seluruh tempat, kerana ini adalah keperluan asas.

Saya sambung balik dengan ucapan saya. Saya pernah cadang dan bangkitkan dalam Dewan ini supaya Hospital Sungai Bakap dan Balik Pulau kena ditambah baik dengan segera untuk kemudahan-kemudahan hospital dan doktor kepakaran di hospital tertentu. Hospital Sungai Bakap di KADUN Sungai Bakap iaitu KADUN Timbalan Speaker. Kita pernah membuat satu lawatan bersama YB. Timbalan Speaker untuk melihat keadaan dan juga mendengar pesakit-pesakit di sana, di mana mereka memang rasa sudah lama hospital ini dan memang keperluan untuk memperbesarkan ataupun memperluaskan Hospital Sungai Bakap ini. Tapi sampai hari ini kita masih tidak dapat lihat apa-apa rancangan yang dirancang oleh Kerajaan Pusat untuk memperbesarkan Hospital Sungai Bakap kerana hospital yang tanpa pakar doktor ini memang mendatangkan banyak masalah kepada pesakit-pesakit yang telah dihantar ke Hospital Sungai Bakap ini.

Kita kerap dengar bahawa ramai pesakit yang dihantar ke Hospital Sungai Bakap dan Hospital Balik Pulau ini terpaksa dihantar ke hospital lain selepas satu (1) hari, selepas dua (2) hari kerana kekurangan doktor pakar untuk merawat. Ini telah mendatangkan masalah kepada pesakit dan menyusahkan pesakit. Adakah masalah ini akan berterusan sampai bila? Sampai lagi lima (5) tahun, sampai lagi sepuluh tahun? Saya minta Kementerian Kesihatan Malaysia boleh meneliti keperluan doktor pakar dan juga keperluan untuk memperbesarkan Hospital Sungai Bakap dan Balik Pulau supaya penduduk-penduduk Daerah Barat Daya dan Daerah Seberang Perai Selatan dapat manfaat untuk pergi ke hospital ini untuk merawat.

Peruntukan dan Bajet Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 yang baru-baru ini diumumkan oleh Perdana Menteri kita juga tidak menyebut untuk memperbesarkan keperluan Hospital Sungai Bakap. Dalam Bajet 2018 Kerajaan Persekutuan bukan sahaja tidak menambah peruntukan untuk kesihatan dan perubatan malah mengurangkannya. Jumlah penduduk di jangka bertambah 1.32% pada tahun 2018 dan penggunaan rawatan di hospital kerajaan akan semakin bertambah kerana kos rawatan di hospital swasta yang tinggi dari segi peruntukan Bajet 2018, farmasi dan bekalan adalah dikurangkan kalau dibandingkan dari tahun 2016 sebanyak RM1.595 bilion tahun 2017 turun adalah RM1.292 bilion dan tahun 2018 turun jadi RM1.227 bilion. Setiap tahun semakin kurang peruntukan yang dibekal oleh Kerajaan Pusat untuk farmasi dan bekalan. Adakah ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Ya, sila.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Jawi. Saya ingat jumlah-jumlah itu harus diperhalusi. Kita di sini bukan pakar dalam bidang perubatan mungkin seorang daripada Batu Uban boleh memberi sedikit pencerahan tapi kita dimaklumkan bahawa ubat-ubat yang dibekalkan di hospital-hospital, dahulunya diberi bekalan sampai tiga (3) bulan dan didapati *patient* tidak guna sepenuhnya dibuang dan sebagainya. Jadi dibekalkan sebulan sahaja kali ini selepas itu dia datang minta balik supaya ianya tidak membazir. Didapati ada penjimatan dan kaedah ini mereka yang dibekalkan begitu banyak tidak habis boleh dipulangkan balik ubat itu untuk diguna balik sekiranya ia masih boleh digunakan.

Jadi mana-mana pihak berwajib pun seharusnya mencari kaedah untuk membuat penjimatan supaya tidak membazir dan terbuang. Kita harus fahami masalah yang dihadapi sekarang supaya kewangan itu boleh disalurkan untuk tujuan-tujuan lain sepertimana yang YB. Jawi minta untuk baiki untuk tambah lagi kemudahan di hospital-hospital.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan. Saya pun menerima ubat dari Hospital Besar Pulau Pinang. Pada dua (2) minggu yang lepas, biasanya bekalan satu (1) bulan tetapi cuma dapat setengah bulan. Kelmarin pergi sudah penuh 14 hari tidak ada langsung, minta beli sendiri. Itu lah keadaan yang saya pun sudah dengar dari pesakit lain tetapi kini saya merasa sendiri. Jadi itu pun bukan satu perkara yang harus di pandang ringan sebab memang melibatkan banyak pesakit yang mungkin hadapi keadaan yang sama.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Tambahan lagi bagi mereka yang kurang berkemampuan kadangkala perjalanan untuk ke hospital juga amat menyusahkan. Ada yang orang tua-tua susah untuk berjalan hendak pergi hospital. Situasi yang kadangkala mereka buat keputusan saya mati di rumah cukup saya tidak perlu pergi hospital. Ada yang diminta oleh doktor kembali tetapi mereka tidak pergi kerana perjalanan terlalu susah. Jadi apabila meningkatkan pula kekerapan keperluan pergi ke hospital ada impak besar ke atas mereka. Tambahan lagi walaupun peruntukan menurun, perbelanjaan menurun tetapi sebenarnya populasi kita meningkat. Jadi peratusan populasi yang menerima perkhidmatan itu sebenarnya menurun lebih banyak lagi daripada penurunan peruntukan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya tertarik dengan YB. Padang Kota. Saya mintalah untuk golongan yang kurang berkemampuan tapi golongan yang berkemampuan tidak payah pergi ambil *advantage* hospital. Yang Berhormat seorang yang berkemampuan. Kalau keadaan begitu lebih baik cari *private* hospital. Ini kita tahu tidak cukup, kita tidak tahu sebab apa? Kita tidak tahu sebab apa tidak cukup kita tidak tahu sampai bila *supply* boleh *or not*...(dengan izin) tapi kalau keadaan yang macam ini wakil rakyat orang yang berkemampuan berilah kepada orang yang kurang berkemampuan *priority* untuk mengambil ubat tersebut sebab kita tidak tahu *detail* macam mana.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Ini bukan isu tentang soalan orang yang berkemampuan tidak berkemampuan. Ini adalah satu kesimpulan yang pergi ke hospital untuk mendapat rawatan adalah daripada golongan kebanyakannya golongan marhaen...(gangguan). Dengar dulu Yang Berhormat. Saya beri penjelasan... (gangguan). Duduk dulu Telok Bahang kalau hendak bahas.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya hendak katakan dalam akta atau Enakmen Ahli Dewan Undangan Negeri saya berhak dapat rawatan, saya berhak. Kalau tidak dapat pun saya beli sendiri saya bukan hendak bising tetapi ini memang satu masalah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kita tidak tahu. Soalan ini kena tanya di Parlimen. Apa Yang Berhormat buat saya hendak jawab kami hendak jawab? Ini Parlimen punya soalan...(gangguan). Cakap di sini untuk apa untuk politikkan. Kita ada masalah banjir tidak mahu cakap... (gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini semua tidak logik kita ada masalah lain.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:.

Duduk. Ini semua buat untuk rekod.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Telok Bahang belajar dulu. YB. Dato' Speaker, kita membangkitkan perkara ini di sini kerana ini adalah Dewan Undangan Negeri di Negeri Pulau Pinang. Di mana kita membangkitkan masalah-masalah rakyat.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada kekangan yang dihadapi oleh para guru. Di mana dalam mengajar di sekolah, macam-macam kekurangan dihadapi oleh mereka. Di mana mereka diminta untuk membuat lawatan seumpamanya untuk mendapatkan pengalaman kokurikulum ke sesuatu destinasi. Belanja untuk pergi balik, bayaran tambang bas dan sebagainya diminta guru itu untuk bayar dulu. Lain-lain perkara seperti makanan dan sebagainya diminta guru-guru itu untuk membayar dulu apabila telah dibayar dan mereka membuat permohonan untuk mendapat balik bayaran daripada Kementerian Pendidikan dimaklumkan bahawa mereka perlu tunggu untuk lima (5) atau enam (6) bulan. Saya cakap dari pengalaman isteri saya sendiri yang merupakan seorang guru. Ini bukan perkara yang diada-adakan. Kita lihat di semua tempat bukan saja di hospital malahan di sekolah. Perbelanjaan-perbelanjaan yang sepatutnya digunakan untuk manfaat rakyat, murid-murid telah pun dipotong di mana kita lihat bahawa banyak sangat kekangan yang dihadapi oleh mereka di mana mereka tidak dapat menumpukan perhatian kerjaya mereka sebagai seorang guru atau pun doktor ataupun pegawai perubatan. Rakyat sendiri menghadapi masalah ini sebab itu kita membawa kepada Dewan yang mulia ini perkara-perkara ini dan juga dengan harapan walaupun YB. Telok Bahang bukan merupakan seorang menteri atau timbalan menteri tetapi saya beranggapan satu hari nanti YB. Telok Bahang akan menjadi menteri mungkin ataupun....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Amin. Amin.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Okey. Ataupun boleh menyampaikan keluhan di Pulau Pinang melalui kami di sini untuk memastikan bahawa perkara-perkara ini diberi perhatian.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya beri kesimpulan. YB. Telok Air Tawar saya beri satu kesimpulan. Cuba pergi ke Hospital Besar Pulau Pinang esok dan lihat kalau ada bekalan ataupun kemudahan kerusi roda di mana kita boleh membawa ayah atau ibu kita yang tidak boleh berjalan, darah tinggi, kencing manis mungkin kehilangan anggota badan yang boleh menggunakan kerusi roda untuk dapatkan rawatan. Sekurang-kurangnya kena tunggu 45 minit, satu jam. *This is* Hospital Besar Pulau Pinang. Macam mana tidak ada kerusi roda? Silakan.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya hendak petik apa yang Seri Delima cakap tadi untuk bawa ke Parlimen kenapa suruh Ahli Telok Bahang bawa ke Parlimen? Ramai wakil Parlimen depan ini. Tidak payah, suruh dia orang yang bercakap. Dia orang yang dilantik oleh rakyat untuk menjadi ahli Parlimen dan bersuara tentang masalah rakyat. Tidak payah suruh kita buat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Itu biar, kenapa YB. Telok Air Tawar melenting. Biar YB. Telok Bahang jawab.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tidak mengapa. YB. Jawi sudah satu jam. Sila buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Isu terakhir ini. Saya rasa memang ADUN bertugas memang ADUN yang baru seperti ADUN Telok Air Tawar Ketua Pembangkang ini sudah lama *senior* kita hendak *respect senior*....(dengan izin) tapi saya berasa satu keperluan asas sebab ADUN kita mewakili penduduk-penduduk, pengundi-pengundi kita yang sentiasa menyuarakan kepada kita, membuat aduan kepada kita mengapa saya pergi hospital tidak ada dapat ubat? Mengapa saya pergi hospital tidak ada kerusi roda? Mengapa hospital kita tidak diperbesarkan? Adakah sebagai ADUN kita duduk diam? Saya bersama YB. Timbalan Speaker yang hari itu telah melawat ke Hospital Sungai Bakap. Keesokan hari saya telah tulis surat kepada Kementerian Kesihatan minta jawab mengapa? Tidak akan kita duduk setiap lima (5), enam (6) bulan kita datang ke Dewan kita bangkit kita syok sendiri tidak ada. Kita ada jalankan tugas kita tapi kebetulan ini adalah keperluan yang penting dan ini adalah musim bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri kita dan juga Ketua Menteri kita. Kita

dapat bahas di sini....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Biar saya habiskan ini. Kita bahas di sini kita bezakan di sini bagi rakyat Negeri Pulau Pinang bagi rakyat seluruh Negara Malaysia bandingkan adakah siapa kerajaan betul-betul ambil berat kepada rakyat, adakah Pakatan Harapan yang betul-betul perhatikan atau Kerajaan Pusat yang betul-betul perhatikan isu yang dibangkit oleh kita dalam Dewan ini. Satu (1) tahun tak selesai tahun kedua selesai, tahun kedua tak selesai tiga (3) tahun selesai tapi isu yang kita bangkit ini untuk Kerajaan Persekutuan lima (5) tahun pun tak selesai, 10 tahun pun tak selesai seperti tebatan banjir, luluslah bajet. Apa susah RMK-9 sampai RMK-11, sampai hari ini tak boleh selesai. Ini adalah masalah betul betul mereka ikhlas nak jalankan tugas atau tidak ikhlas terus seperti YB. Padang Kota kata tadi jawab soalan kepada YB. Pengkalan Kota kalau RM100,000 terus. Pagi tadi yang soalan pembetulan RM1 juta tu. So inilah masanya kita bangkitkan di sini adalah untuk bahas dan bagi tahu rakyat supaya kita memang ada sampaikan suara rakyat seperti untuk rekod, tapi mungkinlah salah faham, YB. Telok Bahang mungkin mahu saya Jawi, tolong bangkitkan atau cakap dengan Perdana Menteri dia mahu jadi Menteri dia mau jadi *Member of Parliament* minta maaf hari tu saya, *miss a chance*...(dengan izin) untuk pergi ke Perdana Menteri yang lawat di SPT ini untuk cakap dengan dia YB. Telok Bahang berniat untuk jadi Menteri bagi dia *chance*, cari satu tempat Tasek Gelugor ke, Kepala Batas ke, mana-mana bolehlah, Nibong Tebal pun bolehlah datang, Balik Pulau pun boleh kerana Timbalan Menteri Kesihatan ini kurang peka isu ini. YB. Telok Bahang layak, tidak apa, saya cari satu peluang bagi Perdana Menteri datang saya cakap sama dia.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ya, Pakatan yang tak ada Harapan, saya nak bagi tahu isunya di sini, kita tak tau apa isu tapi ada dua perkara utama, pertama sekali semua orang ubat terlampau murah tiada kerajaan mana boleh *supply* ubat yang murah dan kualiti yang baik. Yang Berhormat sebagai Kerajaan Negeri patut *appreciate* benda-benda ini, ucap juga terima kasih, tak ada ucap terima kasih takkan nak tunggu saya jadi Menteri baru nak ucap, nak *jack* ka? Tak bagilah projekkan.

Yang kedua kajian juga tengah kenalpasti pasal masalah pembaziran ubat so kita kena dapat semua maklumat yang tepat-tepat barulah kita boleh buat satu rumusan Yang Berhormat tapi sebab *you* dah minta dengan masalah ini saya minta Yang Berhormat juga kena dapat *some feedback* supaya *be fair* nak komen. Ini seolah-olah Kerajaan Pusat tak ada niat nak bantu nak tolong tengok banjir pukul 3.30 pagi hantar *army* mai, tolong, tak ucap terima kasih pun....(gangguan). Saya juga (gangguan) baru nak buat. So macam nilah Yang Berhormat, satu lagi kalau tak sakit jangan pi ambil ubat lah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Jawi saya cuma nak satu ringkasan. Bila kita diberitahu tentang semua perkara-perkara ini kita mula memikir bagaimana jumlah RM2.6 bilion itu boleh menyumbang...(gangguan). Boleh menyumbang kepada...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk, teruskan YB. Jawi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Macam mana duit itu boleh digunakan bagi manfaat rakyat RM2.6 bilion....(gangguan)

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan :

Dua-dua boleh berucap lagi satgi berucap sendiri, terus, silakan YB. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada YB. Timbalan Dato' Speaker. Saya nak jawab soalan kepada YB. Telok Bahang tadi yang terangkan bahawa beliau pertikaikan YB. Padang Kota pergi hospital untuk ambil ubat. Saya rasa inilah minda ADUN Barisan Nasional yang kena tukar, kerana sebagai wakil rakyat ataupun rakyat biasa kita berhak untuk pergi ke hospital kerajaan. Contoh seperti tahun lepas tahun 2016 anak perempuan saya dilahirkan kebetulan tarikh ini adalah sama dengan tarikh Ketua Pembangkang, *birthday*

yang sama tapi nasib tak sama, kita anak perempuan saya lahir di Hospital Besar Pulau Pinang tahun 2016 bulan Mei, 18. Tapi adalah saya ada peluang untuk pergi Hospital Pulau Pinang maka saya rasa saya sendiri akan rasa kerana ada banyak isteri-isteri orang lain yang mereka melahirkan anak mereka bagitau saya, *you* ADUN minta sebutkan masalah ini yang dihadapi oleh mereka, susah betul kerana tempat inilah yang memberikan saya peluang untuk merasai sendiri. Setiap kali saya bangkitkan ucapan ini memang akan sentuh isu hospital. Bapa saya pun telah dirawat tiga (3) tahun sebelum itu di Hospital Seberang Jaya. Walaupun tahun ini dia telah mati tapi saya pun rasa betapa susahnyanya bapa saya semasa di rawat di hospital kerajaan di Seberang Jaya tiga (3) tahun yang lepas katil tak ada, bilik tak ada, katil cuma letak di kaki lima. Katil nak letak di kaki lima pun nak kena tunggu beberapa jam baru dapat diatitkan. Saya pun tak cakap, saya ADUN ni bapa saya, saya nak *first class*. Inilah kisah benar dan tadi Yang Berhormat Padang Kota bangkit pun kisah benar apa salahnya kita ambil ubat di hospital kerajaan dan tadi kita dengar YB. Telok Bahang bangkitkan kita nak jimatkan ubat ada orang bazirkan ubat. Saya nak katakan di sini siapa nak ambil ubat banyak-banyak tapi tak mau makan, kalau dia betul-betul sakit dia bawa pi hospital, kita ada pantang tau, sapa tak sakit *you* panggil dia duduk hospital dia marah *you*, kita pi tanya orang-orang tua, nenek kita, ibu bapa kita pi hospital, dia pantang, hei, saya tak sakit mengapa panggil saya pi hospital, dia pantang, itu *sui*, tak mau, *sui*.

So memang inilah penting kerana pesakit ada keperluan baru pi hospital tak kan *you* panggil satu orang ambil cuti pi tunggu di hospital tiga (3) jam, empat (4) jam setengah hari untuk dapatkan itu ubat yang kos RM80, RM100, RM200 sapa mau? Masa itu emas. Memang dia sakit ada keperluan baru pi hospital ini hujah-hujah yang katakan kita kurangkan bekalan farmasi ubat kerana banyak orang bazirkan ubat. Inilah minda menteri, minda Menteri Barisan Nasional. Kalau kita bagilah kita *chance* untuk memimpin ataupun masuk ke Putrajaya kita tukarkan semua ni.

Tadi kita dengar YB. Seri Delima katakan RM2.6 bilion, RM2.6 bilion boleh bina berapa hospital, boleh beli berapa buah kerusi roda, betul? YB. Seri Delima setuju. Saya tak mahu tanya sana, saya nak tanya katakan mereka tak boleh jawab, mereka bukan Menteri tapi saya tanya YB. Seri Delima, betulkah? RM2.6 bilion boleh beli berapa...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya nak tau, ada satu kajian yang buat di USM ada ramai pesakit membazir ubat? Kita ada buat satu kajian memang ada membazir ubat *is a definite* kajian, *do you have understanding about it?*

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya nak katakan, YB. Batu Uban memang faham, kena faham, kalau 100 orang tak ada, 100 orang semua baik mesti ada satu (1), dua (2), tak baik. Kalau YB. Batu Uban kata macam tu, kita pun boleh katakan adakah 100 rumah itu, 100 rumah jimat air? Tak ada, mesti ada satu (1), dua (2) buah rumah bazir kan air. 100 pemimpin Barisan Nasional mesti ada satu (1), dua (2) juga yang bagus, betulkah? YB. Teluk Bahang bagus...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, saya minta maaf saya tertarik dengan perbincangan ini apa yang dicadangkan oleh YB. Batu Uban adalah seolah-olah kerajaan telah mengurangkan bekalan ubat kerana banyak-banyak orang telah membazirkan ubat, satu. Adakah itu logik? Adakah itu objektifnya, tidak...(gangguan). Soalan *no, no, I'm asking you a question, you, ya*. Jadi saya ingin nyatakan di sini memang seperti yang dinyatakan oleh YB. Jawi ada orang yang membazirkan perubatan tapi sebagai kerajaan kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa ubat itu mencukupi, isu sama ada pesakit, ada pesakit yang membazirkan ataupun tidak menjadi isu bukanlah isu asas di sini. Sebagai sebuah kerajaan yang menyediakan perkhidmatan asas perubatan, perubatan wajib disediakan, ini kerusi roda pun tak ada. Apa cakap tentang perubatan, kerusi roda pun tak ada.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Lagi satu ni banyak ubat kena masuk banjir pun kita tak tau, sebab apa, Kerajaan Negeri gagal mengawal banjir, *planning*, berapa banyak rumah banjir...(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

Kita nak bahas isu ini...(gangguan). Cakap isu GH tak boleh bahas kat sini...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila YB. Jawi teruskan...(gangguan). Sila YB. Jawi teruskan. Pasal duk sebelah ni, berat, kalau tengah tak berat. Silakan YB. Jawi. Buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih, YB. Timbalan Dato' Speaker, saya nak jawab satu soalan memang, banjir ini mungkin ada ADUN-ADUN sampai hari ini mereka tak faham, banjir ini bencana alam, siapa duduk di sini nak panggil dia hujan banjir, sapa mahu? Adakah Kerajaan Negeri pergi buka paip air semua bagi dia banjir? Kalau betul ini *you* boleh *blame* kan kerajaan buat. Kerajaan yang buat banjir siapa yang buat dia banjir? Adakah semua yang duduk di sini kita berdoa, semua EXCO berdoa banjir turun hujan, tak ada, kalau tak ada itu bencana yang berlaku. Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Najib sendiri yang umumkan ini adalah bencana, kalau YB. Telok Bahang tak tahu, saya tak faham pasal hari tu YB. Telok Bahang tak pergi bersama Perdana Menteri, dia tak ada ucapan kena pergi balik tanya pemimpin Barisan Nasional, Pengerusi Barisan Nasional, hari ni banjir hari itu banjir adalah kerana Kerajaan Negeri yang menyusahkan atau betul-betul bencana? Kalau betul-betul bencana kita akur bencana, kita jangan macam politik, ahli politik yang macam kedai kopi, duduk di kedai kopi tiap-tiap hari cakap marah Kerajaan Negeri banjir...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer TAwar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Biarkan saya habis, sat-sat...(gangguan). / sikit saja, habis dah, itu politik ke tepi. Kita kena faham kita tak mau jadi politik kedai kopi, kita mahu cakap fakta di sini. Dewan Undangan Negeri ada untuk pemimpin -pemimpin kita cakap fakta kisah benar, kerana banjir Pulau Pinanglah, kesesakan Pulau Pinanglah, apa cuaca panas Pulau Pinanglah.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Banjir teh tarik pun Pulau Pinang ...(gangguan). SP semalam kita nampak juga macam tu juga.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Musim ini durian tak jatuh Pulau Pinang lah, harga makanan jual mahal Pulau Pinang lah, rumah minyak tak cukup Pulau Pinang lah, ada tandas rumah anda tak boleh *flush* pun Pulau Pinang, tak ada. Ini lah kita bincang kisah yang betul atau fakta seperti JPS tak salurkan peruntukan itu dari RMK-9 sampai RMK-11, 2006 sampai 2017, 11 tahun tak boleh siapkan? Itu salah siapa? itulah fakta kita terima saja, kalau yang betul-betul.... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, ni duk merepek, Yang Berhormat saya nak bagitau Yang Berhormat ini kita banjir dah 120 kali, 120 kali ka kita bencana? So sebab tu kita kena buat *study*. 100 tahun punya limpahan air hujan, kita tak boleh ni senang-senang salah Tuhan, betul *you* kena plan kena *able to absorb* apa-apa yang problem, so *you* tak boleh(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

RMK-9, RMK-10 RMK-11 ada *plan* diluluskan mana projek itu... (gangguan). Mana projek itu?.... (gangguan). Saya ingat Datok Keramat ada sini dia mesti bangkit punya, 18 tahun...(gangguan) mana RTB Sungai Pinang...(gangguan). Mana RTB Sungai Pinang? Kawasan KOMTAR juga kena *effected* kerana...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Cakap sorang-sorang...(gangguan). Silakan YB. Jawi. Sudah lebih satu jam.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya rasa yang *dont know how to manage*....(dengan izin). YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan adalah Kerajaan Pusat kerana Kerajaan Pusat tak tahu agihkan duit itu, mungkin duit itu mereka salurkan ke negeri lain...(gangguan). Kalau pandai agih tak tahu pun beli kerusi roda, tak tau nak bina untuk hospital besar cuma nak tau bina banglo besar....(gangguan). Bagi-bagi YB. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Kita katakan kesihatan itu khazanah *health is wealth* kita bangkit balik kepada ubat kalau seperti apa yang dikatakan oleh YB. Teluk Bahang bahawa *manage how to manage?* Kalau sesuatu kerajaan betul-betul perhatian terhadap kesihatan rakyat *manage* lah. Kalau isu bazirkan ubat ini, ini adalah satu isu yang bukan isu pokok, saya rasa. Yang peruntukan itu mesti untuk kebaikan dan kesihatan rakyat. Mak saya pun pergi ke hospital, banyak dan bermacam-macam ubat dia ambil. Kalau yang lebih, kita akan beri balik. Kita beri balik. Memang diberi kelebihan. Inilah *management*, itulah persoalan di hospital.

Tapi peruntukan untuk bekalan ubat ini, saya rasa ini adalah satu *management* juga tapi saya tak ada pokok, tak ada dengan bazir. Cuma macam mana bekalkan peruntukan. Saya difahamkan bukan satu (1) tahun sahaja, sudah bertahun-tahun. Perbekalan ubat ini memang bermasalah. Ini diperkatakan oleh YB. Pulau Tikus. Seperti penduduk di kawasan saya, semuanya miskin. Kena pergi berkali-kali. Kalau dia boleh dapatkan ubat untuk satu (1) bulan dia kena pergi dua (2) kali, kalau untuk dia kurangkan bekalan itu dan ini juga mengambil masa pegawai perubatan, mereka juga perlu, perlu apa tu.... (gangguan). Jadi ini makan masa semua orang membazirkan masa semua rakyat kita dan tenaga kita juga. Jadi, inilah, inilah pokok macam mana peruntukan perlu diberikan dan juga ini suara rakyat. Kalau tidak boleh dibangkitkan di sini, kami rasa kecewa, sangat kecewa. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih YB. Timbalan Dato' Speaker, saya nak jawab. Banyak soalan nak jawab. Saya nak jawab YB. Batu Uban dulu. Bazir, macam mana kategorikan bazir? Contohnya, pesakit A yang pergi ambil ubat satu (1) bulan, lepas tu dia makan, lepas dia makan satu (1) minggu, dia rasa tak selesa, mungkin alergik ubat itu. Lepas itu dia pergi tengok balik doktor, doktor katakan bahawa ini ubat tak sesuai, ataupun dia ambil ubat itu dia pergi makan, eh, tak dapat baik, tak dapat pulih, dia tengok lagi tapi dia berhenti ubat itu. Adakah ini dikatakan bazir? Macam mana kategori bazir? Kajian USM macam mana ubat itu bazir? Macam mana? *Try and error*, so katakan. Contohnya Mr. B pergi ambil ubat, lepas dia makan tapi dia ambil ubat satu (1) bulan, lepas dia makan satu minggu dia telah meninggal dunia. Macam mana ubat yang *balance* tiga (3) minggu itu? macam mana? Bazir, macam mana kategorikan bazir? Saya nak contohkan. Contoh-contoh....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini doktor barulah..tak payah bahaslah ini..tak payah bahas.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya belum habis lagi. Batu Uban belum habis lagi. Di sini saya nak cakap, saya belum habis lagi....(gangguan). Sebagai kerajaan, apa yang kita bagi adalah perkhidmatan. Kita tak boleh katakan kerana ia bazirlah, tak mau bagi *you* lah, kerana *you* tak baik tak bagi lah. Sebagai contoh sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita memberikan peruntukan kepada Ahli-Ahli Pembangkang, 10 Ahli Pembangkang juga. Tapi mereka tak mau guna. Adakah bazir? Tak ada. Adakah ini dikategorikan bazir? Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada bagi peruntukan kepada 10 Ahli Pembangkang termasuk YB. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Itu namanya penjimatan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Adakah ini bazir? Mereka tak mau guna. Ayo, mengapa Kerajaan Negeri begitu bazir bagi kepada mereka, mereka tak mau guna. Kalau bagi kepada mereka, mereka tak mau guna, apa yang kita boleh buat? Takkan kita, dia ambil ubat balik.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Jawi, penjelasan. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya pun ambil ubat dari hospital selama sembilan (9) tahunlah. Baru dua (2) tahun kebelakangan ini saya disekatlah. Sepatutnya dua (2) bulan sekali, sekarang dipanggil satu (1) bulan mai datang balik ambil ubat. Jadi ini memang pada hakikatlah semua akan terlibat dan saya rasa ini pada hakikat kawan YB. Telok Bahang kena maklum kepada Timbalan Menteri, kawan baik, kena maklum ini akan menyusahkan rakyat jelata di Pulau Pinang. Dulu tak ada masalah ni. Dulu dua (2) tahun sebelum tu, selalu dapat ubat yang cukup. Dua (2) bulan, dua (2) bulan. Tetapi dalam kebelakangan ni mungkin masalah 1MDB mengakibatkan masalah ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, kita pi tengok doktor, tak ambil ubat pun kena *charge*. Sekarang Yang Berhormat pergi jumpa doktor dua (2) kali. Yang Berhormat boleh jumpa doktor dua (2) kali. So Yang Berhormat tengok, Yang Berhormat sudah cakap benda-benda yang kita tak tau *facts*. Yang Berhormat boleh cakap begitu sahaja. Yang Berhormat sebagai EXCO sepatutnya kalau tau satu lagi kaunter ubat tak cukup, buatlah pengorbanan sikit. Bagilah rakyat marhaen dulu. Bentang bajet marhaen, tapi orang yang berkemampuan tidak ada sifat marhaen. Kalau dia tahu itu isu, buatlah pengorbanan...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Itu bagi susah orang, susah rakyat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat tidak ada sifat pengorbanan....(gangguan). Diri orang pun nak pi ambil juga. Kita tidak tau apa *problem*, tapi Yang Berhormat...(gangguan). Yang Berhormat tidak ada sifat marhaen, kesian sebagai seorang....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila YB. Jawi. Lain duduk. Sudah terlalu lama ni YB. Jawi. Silakan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Okey.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Pindah tajuk lain.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Bazir tak habis lagi. Saya sambung balik bazir. Kategori bazir ini saya terangkan sekali lagi sebagai kerajaan kita memang ada tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan. Saya beri contoh yang dibangkitkan oleh YB. Seri Delima, mungkin kerusi roda itu menteri katakan bazirlah, panggil penduduk sendiri ambil mai. Mungkin, bazir tak payah bekal. Begitu banyak 30, 50 kerusi roda. Kalau *you* mau guna sendiri bawa mai, mungkin. So ini minda seseorang Menteri. Kalau mereka setiap hari ingat, ohh saya tak mau, kurangkan ubat kerana bazir. Dia tak layak jadi Menteri. Dia tak layak jadi wakil rakyat atau *Member of Parliament* mewakili Kerajaan Negara Malaysia.

Saya sambung balik, ini telah menunjukkan Kerajaan Pusat sudah tidak pentingkan khidmat rawatan dan bekalan ubat serta perkhidmatan hospital. Di mana perkhidmatan hospital dan ubat dan rawatan adalah kemudahan asas yang rakyat berharap untuk dapatkan kerana rakyat ada bayar cukai, ada bayar macam-macam cukai, ini adalah hak setiap rakyat. Untuk peruntukan hospital baru juga telah dikurangkan, bukan sahaja bekalan farmasi ubat, untuk peruntukan hospital baru juga telah dikurangkan daripada RM210,221,849 pada tahun 2017 kepada Bajet Tahun 2018 jadi RM179,900,200. Inilah fakta yang betul, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Bajet untuk tahun 2018. Peruntukan hospital baru juga dikurangkan. Saya tak tahu sama ada nasib Hospital Sungai Bakap di kawasan KADUN YB. Timbalan Dato' Speaker, ada peluang ka? Ada harapan ka? Untuk membina, memperbesarkan Hospital Sungai Bakap. Tapi saya percaya kalau rakyat semua bersatu hati, bekerjasama, kita tukarkan Kerajaan Persekutuan, jadikan Pakatan Harapan untuk memimpin, saya akan jamin di sini, untuk memperbesarkan Hospital Sungai Bakap di KADUN YB. Timbalan Dato' Speaker memang ada peluang, ada harapan. Betul ka? Kita kekalkanlah, kita bahaskan di sini, hari ini, kita nak terangkan dan bandingkan macam mana Kerajaan Persekutuan setiap hari tahu kutip duit, kurangkan subsidi, tak mau subsidi petrol, semua duit pergi mana? Kutipan GST ini pergi mana?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, ni syok ni. Bagi laluan sikit la. Rakyat sekalian, minta yang tengok *live* tu, ingat la ni lagi satu janji. Dulu sebelum memerintah 2008, 9 bulan nak selesaikan banjir, sekarang ni sembilan (9) tahun dah.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Isu ini, isu ini saya telah bangkitkan dalam perbahasan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya minta laluan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Jawi, Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Beri laluan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Ini diputar-belitkan oleh Pembangkang. Hari tu dalam perbahasan saya cakap, ADUN Kawasan KOMTAR yang bekas ADUN KOMTAR, YB. Ng Wei Aik sekarang Ahli Parlimen Tanjong. *Banner* tersebut hanya untuk projek di Taman Trafik. Itu masalah memang 40 tahun tak boleh selesai, dalam sembilan (9) bulan kawasan tersebut selesai. Bukan semua kawasan. Yang Berhormat jangan silap dan putar-belitkan kenyataan ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Itu yang orang faham.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Itu saya sudah jelaskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Bukan saya yang putar-belit. Yang Berhormat yang putar-belit. *Banner* yang tulis macam tu. So kita nak faham macam mana lagi? (gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk. Sila teruskan YB. Jawi...(gangguan). Sila teruskan Ahli Kawasan Jawi, atau saya panggil yang lainlah untuk berucap.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih YB. Timbalan Dato' Speaker, sekali lagi saya terangkan sebagai ahli politik, jangan baca surat khabar ataupun baca *banner*, baca atas saja tak baca bawah. Seperti kita nak baca ucapan Bajet 2018 Kerajaan Negeri Pulau Pinang, jangan baca muka surat depan saja, kena baca habis. Apa yang dia *highlight*kan, apa yang dia pentingkan kepada rakyat, ini yang penting. Kalau sebagai ahli politik, tanggungjawab kita tak baca habis semua, tapi kita katakan yang terbaliknya ataupun sebaliknya, cerita tak benar maka macam mana rakyat akan mempercayakan kita? Macam mana pengundi kita akan memberikan sokongan anda pada pilihan raya akan datang kerana kita pilih *you*, *you* baca atas tak baca bawah. Baca tengok *banner*, tengok atas tak tengok bawah. Tak boleh. Betul ka Timbalan Speaker? Inilah hujah yang saya nak terangkan. Janganlah setiap kali putar alih untuk merosakkan nama baik Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bukan kita cakap sembilan (9) bulan selesaikan untuk semua tebatan banjir, untuk hanya projek tersebut. Seperti contoh KADUN Jawi, saya pun rasa banyak yang projek tak selesai tapi kita tengok Kerajaan Negeri ada berhasrat selesaikan banyak dan kurangkan. Kali ini memang Jawi tak banjir, kita kena terima kasih kepada YB. Padang Kota kerana beliau meluluskan untuk pengorekan dan pencucian parit dan ini berkesan. Saya nak terima kasih kepada YB. Padang Kota. Sekian.

Okey, saya sambung lagi. Ini pula adalah pengurangan sebanyak RM30 juta daripada tahun sebelumnya dan mungkin hanya mencukupi untuk 100 buah katil hospital baru. Inilah jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada rakyat. Bukan sahaja rakyat di Negeri Pulau Pinang, rakyat di seluruh Malaysia. Kerajaan Pusat tidak memberi tumpuan kepada perkhidmatan hospital jika dibandingkan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Bajet Marhaen 2018 ini untuk menjaga kebajikan dan kesihatan rakyat melalui program 'Penang Sihat' untuk membantu rakyat. Saya tak tahu YB. Telok Bahang ada baca habis ke untuk Bajet Marhaen 2018 ni. Tapi takpa, saya terangkan sedikit kepada YB. Telok Bahang. Setiap tahun, setiap isu rumah berpendapatan RM5,000 ke bawah akan diberi kredit RM300 dalam kad "*I Love Penang*" untuk membayar yuran perkhidmatan pesakit luar beserta ubat dengan had RM50 setiap rawatan. Untuk individu yang tidak berkahwin dengan pendapatan kurang daripada RM2,500. Ini adalah satu permulaan yang bagus kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang

perhatikan bahawa Kerajaan Pusat tidak mampu ataupun tidak berniat untuk memberikan banyak peruntukan untuk membantu di hospital kerajaan. Maka, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan peruntukan di bawah "*I Love Penang*" program, "Penang Sihat" program untuk kad "*I Love Penang*" untuk penduduk-penduduk dan golongan RM5,000 ke bawah dan juga golongan pendapatan RM2,500 ke bawah ke bawah dan juga golongan pendapatan RM2,500 ke bawah. Untuk *individual* yang tidak berkahwin mereka juga dapat manfaat RM100 yang pendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan akan mendapat kredit RM190 setahun dengan had sama juga RM50 setiap kali rawatan.

Di sini saya nak, tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang walaupun dipimpin selama sembilan (9) tahun ini. Banyak kerja-kerja kadang-kadang kita kekurangan peruntukan daripada tanggungjawab yang sepatutnya dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat tetapi tidak dilaksanakan kerana peruntukan tak salurkan tetapi kita mampu juga, kerja juga untuk cuba selesaikan banyak-banyak perkara. Kerana inilah kerajaan yang betul-betul prihatinkan rakyat seperti contohnya pagi ini Ketua Menteri telah ucapkan bahawa setiap rumah yang setiap keluarga akan dapat RM500 ini adalah salah satu tindakan yang bagus, cepat dan pantas kerana untuk membantu rakyat walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengeluarkan sebanyak RM100 juta, kalau tak silap, untuk selesaikan masalah. Inilah telah menunjukkan keikhlasan dan untuk selesaikan masalah-masalah yang banjir akibat bencana bukan akibat Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini. So, di sini saya ucapkan sekian terima kasih. Saya pohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih, Salam sejahtera, dan Salam Bersih saya ucapkan kepada YB. Timbalan Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, puan-puan yang bersama kami pada Dewan ini. Saya ucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang menyertai sesi perbahasan Belanjawan Pulau Pinang 2018 di Dewan Undangan Negeri pada petang ini.

YB. Timbalan Dato' Speaker, saya ingin sentuh tentang rekod prestasi ekonomi. Prestasi ekonomi Negeri Pulau Pinang menunjukkan peningkatan cukup membanggakan. Saya mengucapkan, ingin mengucapkan syabas. Pulau Pinang boleh. Perkara yang saya cukup bangga bagi Pulau Pinang ialah kenaikan jumlah pelaburan. Ini menunjukkan pelabur-pelabur asing menyakinkan akan Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya sangat berharap kenaikan jumlah pelaburan akan berterusan dengan bantuan Pentadbiran C.A.T iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus.

Di samping itu, saya berharap Kerajaan Negeri dapat mengurangkan perpindahan kilang-kilang pembuatan ke Negeri China, Vietnam dan Indonesia. Akibat krisis kewangan sedunia dan terhakisnya kos perbandingan iaitu *comparative cost advantage* negeri ini. Memangnya susah untuk bertanding dengan Negeri China sebagai hub pembuatan global. Tetapi Kerajaan Negeri mungkin boleh menyediakan lebih banyak insentif untuk menarik pelabur. Saya percaya peluang pekerjaan yang lebih akan mengelakkan anak-anak Pulau Pinang bekerja di tempat lain dan juga menarik pekerja-pekerja dari negeri lain. Sektor pembuatan masih bergantung kepada pekerja asing pada masa kini. Kesan ekonomi negara semakin menjadi lebih teruk sejak awal tahun 2017. Setiap rakyat Pulau Pinang mengalami tekanan kekurangan wang untuk menyara hidup keluarga mahupun sendiri. Kenaikan harga barang makanan tidak terhenti-henti akibat GST 6% dan kemerosotan mata wang Malaysia menyebabkan harga makanan tempatan dan makanan import menjadi lebih tinggi. Semua rakyat Pulau Pulau sama ada sebagai pengguna, penjaja atau peniaga kecil adalah mangsa utama GST. Saya merayu kepada Kerajaan Negeri dibawah Y.A.B. Ketua Menteri Lim Guan Eng terus berusaha mengurangkan impak negatif krisis kewangan dan GST ini.

Industri pelancongan. Dalam soalan lisan saya baru-baru ini. Saya telah tanya tentang Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, iaitu tidak dapat menampung bilangan pelancong dan ketibaan penerbangan yang kian bertambah sama ada dari domestik atau antarabangsa. Soalan berbunyi "Apakah perancangan oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?"

Baru-baru ini, Perdana Menteri telah mengumumkan akan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dalam ucapan Bajet 2018. Maka, saya berharaplah Kerajaan Pusat akan memberi keutamaan kepada projek ini memandangkan bilangan penumpang telah mencecah 6.7 juta orang pada tahun 2016, melangkaui kapasiti 6.5 juta orang empat (4) tahun sebelum dijangkakan. Di samping ini, saya berharap Kerajaan Negeri akan lebih giat mempromosikan Pulau Pinang sebagai

destinasi pelancongan paling digemari. Makanan kita, kebudayaan dan sejarah kita yang hidup subur serta Bandaraya kita yang menjanjikan peluang dan kebebasan terus menjadi kegemaran ramai. Kedatangan pelancong tempatan ke Negeri Pulau Pinang terus meningkat. Setiap hujung minggu atau cuti awam Pulau Pinang dipenuhi kenderaan dan bas pelancong. Tahniah. Harap-harap Kerajaan Negeri terus mewujudkan lebih banyak tempat atau produk pelancong yang baru. Bagaimanapun kita perlu satu perancangan komprehensif pelancongan jangka panjang.

Baru-baru ini dalam Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Ketua Menteri, Kad Pintar "*I Love Penang*". Ini saya suka sangat. Kad Pintar "*I Love Penang*" merupakan satu pengumuman unik kepada semua lapisan masyarakat di Pulau Pinang terutamanya golongan remaja. Sebagai sesebuah Kerajaan yang matang, keprihatinan terhadap kepada golongan remaja harus dititikberatkan kerana mereka merupakan tulang belakang Pulau Pinang pada masa kelak. Semangat "*I Love Penang*" yang dipupuk dari semasa ke semasa akan memanfaatkan rakyat Pulau Pinang dari segi Pembangunan Negeri dan semangat patriotik. Selain itu, rakyat yang sudah berkeluarga dan jumlah pendapatan iaitu suami dan isteri di bawah RM5,000 berhak untuk mendaftar diri untuk mendapatkan intensif percuma sebanyak RM300 setahun untuk menikmati perkhidmatan doktor swasta di bawah Program Penang Sihat. Ini merupakan satu kaedah untuk meringankan beban rakyat yang dikasihi. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Penghargaan golongan Warga Emas dan OKU. Penghargaan golongan Warga Emas dan OKU juga ditingkatkan dari RM100 ke RM130 setahun. Iaitu satu kenaikan 30%. Kedua-dua golongan ini merupakan golongan yang perlu diambil berat oleh semua lapisan masyarakat. Dan bukan sahaja bergantung kepada Kerajaan Tempatan. Semua anak di sini, saya ingin serukan haruslah menjaga ibu bapa kita sama ada tua atau sakit. Ini adalah satu kurniaan tuhan sekiranya ibu bapa kita boleh hidup melebihi 60 tahun.

Memperkasakan wanita. Peranan suri rumah tangga sepenuh masa dalam menyumbang pembinaan keluarga adalah amat penting. Penghargaan dan pengiktirafan atas jasa mereka perlu dititikberatkan sehingga sekarang masih tidak ada inisiatif konkrit Kerajaan Pusat atau Negeri untuk mengiktiraf nilai sumbangan ekonomi suri rumah dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Walaupun suri rumah belum diberikan nilai sumbangan di dalam KDNK, Kerajaan Negeri mungkin boleh menaikkan bantuan kepada suri rumah tidak bekerja melalui Program Ibu Emas sebagai satu tanda penghargaan kepada kaum wanita.

Ucapan saya semasa penggal yang keempat, saya merayu agar Kerajaan Negeri mengadakan satu polisi penjagaan kanak-kanak atau tadika untuk meningkatkan penyertaan wanita sebagai tenaga kerja. Sebelum itu, saya berterima kasih kepada Kerajaan Pulau Pinang kerana memperkenalkan Program Ibu Emas dengan pembayaran RM100 setahun tetapi saya berharap ia juga dapat dipertingkatkan lagi. Bantuan penjagaan anak untuk ibu bekerjaya. Dari tahun 2018 insentif sebanyak RM300 setahun akan dibayar kepada ibu bekerjaya merupakan satu langkah besar yang menunjukkan Kerajaan Pulau Pinang memang prihatin terhadap golongan wanita dan menggalakkan lebih ramai lagi wanita supaya bekerja sama ada di Agensi Kerajaan atau pihak swasta. Saya telah cadangkan supaya insentif diberi kepada ibu bekerjaya untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Saya difahamkan bahawa *allowance* insentif mungkin akan juga diberi insentif RM300 ni, insentif sebanyak RM300 setahun ini. Yang inilah selepas bertahun kita cadangkan dan saya juga berharaplah bahawa pusat jagaan kanak-kanak yang telah didaftar. Saya difahamkan akan diberi kelonggaran dan kekurangan dalam pembayaran pembangunan, *development*. Kurangkan untuk pembayaran petak kereta dan lain-lain. Ini adalah satu langkah yang sungguh menggalakkan. Saya berterima kasih kepada Kerajaan Tempatan dan juga usaha daripada EXCO wanita iaitu daripada Padang Lalang.

Pengurusan banjir di Pulau Pinang. Kerajaan Pulau Pinang juga bertungkus-lumus untuk mengatasi masalah banjir yang baru berlaku pada 4 hari bulan dan 5 hari bulan November yang lalu. Saya amat terharu apabila mendapati, apabila kita nampak banyak pihak mahu pun swasta atau NGO dari seluruh Malaysia sanggup menghulurkan bantuan kepada rakyat Pulau Pinang untuk merentasi cabaran ini. Seperti kawan-kawan sukarelawan daripada Johor. Sekumpulan pemuda daripada Johor telah menyumbangkan masa dan tenaga mereka di kawasan Sungai Pinang untuk membantu, mencuci dan membersihkan halaman rumah penduduk terutamanya warga tua. Dan saya berharaplah rakyat akan bersabar kerana pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan memang berdaya upaya untuk membantu rakyat memulihkan Pulau Pinang ke keindahan asalnya. Satu tepukan harus diberikan kepada semua pekerja Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang bekerja hampir 24 jam sehari. Saya nampak mereka bekerja pada larut malam. Sebab tak ada banyak kenderaan di jalan raya. Mereka sedang bersihkan jalan, bersihkan longkang, bersihkan selut di atas jalan raya. Inilah *unsung hero* yang selalu saya katakan. Kita perlu beri penghargaan kepada golongan kakitangan JPP ini. Sampah sarap yang

bertimbun-timbun telah diselesaikan oleh pekerja dengan sistematik.

Seperti mana yang dimaklumkan, luas permukaan Pulau Pinang hampir 1,048 kilometer persegi. Kalau 80% kena banjir ini bermakna hampir 848 kilometer persegi yang perlu dibersihkan atau dibaik pulih semula. Ini merupakan satu cabaran yang cukup besar. Tapi saya yakin rakyat Negeri Pulau Pinang pasti akan mengatasinya dengan kerjasama dari semua pihak yang berkenaan.

Pengecualian semua lesen penjaja. Pengecualian semua lesen penjaja dan pemberian kanopi "*Love Penang*" kepada penjaja tempat terbuka merupakan satu langkah yang dapat menarik perhatian para pelancong tentang kesungguhan Kerajaan Negeri terhadap rakyatnya. Ini adalah kerana pelancong terpicat hati terhadap keenakan makanan di sekitar Pulau Pinang. Di sini saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memperuntukkan wang untuk pembinaan gelanggang badminton di Sungai Pinang. Bukan sahaja gelanggang badminton di Sungai Pinang, saya ingin mengucapkan terima kasih 'Konsep Kota' sebagai satu komuniti pusat membeli belah jalanan seni dan budaya akan diadakan di kawasan Sungai Pinang iaitu di Persiaran Sungai Pinang. 'Konsep Kota' harus diwar-warkan kerana ini akan mewujudkan unsur baru untuk menarik minat rakyat Pulau Pinang dan pelancong asing supaya membeli belah di tempat tersebut. Pulau Pinang merupakan salah satu tempat perlancongan yang disukai ramai. Jadi tempat peranganin mestilah unik dan memanfaatkan semua pihak. Walaupun setakat ini, cuma hanya terbuka untuk mempromosikan seni warisan dan budaya masyarakat Melayu. Saya berharap kaum Cina, kaum India atau warga asing juga berpeluang untuk mempromosikan budaya di situ. Pemantauan yang ketat harus diamalkan dari semasa ke semasa untuk memastikan kontena-kontena tersebut dijaga dengan baik, barangan yang dijual bermutu tinggi dan sebagainya. Harga sewa juga boleh disubsidi oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menarik minat dan mewujudkan pasaran.

Tentang gelanggang, selain daripada gelanggang yang akan dibina diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri di Sungai Pinang iaitu 12 gelanggang badminton, terdapat juga inisiatif swasta untuk membina Akademi Badminton Pulau Pinang yang bernilai RM22 juta dengan 16 gelanggang badminton beserta kemudahan-kemudahan lain di Persiaran Karpal Singh. Saya berterima kasihlah, saya harap-harap kita Pulau Pinang akan wujudnya lebih banyak, lebih ramai tokoh-tokoh badminton seperti Dato' Lee Chong Wei dan yang lain-lain.

Saya ingin sentuh tentang unit kecemasan bencana. Bencana alam berlaku dan tidak dapat dielakkan. Seperti yang dimaklumkan kebakaran di Lorong Madrasah pada 1 hari bulan November yang melibatkan sembilan premis mengakibatkan 10 keluarga kehilangan tempat kediaman mereka. Sehingga hari ini, masih ada beberapa keluarga masih menginap di dewan madrasah, di surau untuk sementara tetapi sudah sembilan (9) hari. Berlakunya bencana kita menghadapi kekurangan unit kecemasan, bilik kecemasan untuk mangsa-mangsa bencana dan saya difahamkan bila bencana berlaku seperti kebakaran, kebelakangan ini *land slide* yang mengakibatkan ramai keluarga, beberapa keluarga terpaksa pindah daripada tempat kediaman mereka. Jadi soalan bertulis saya nombor 11 berkaitan dengan bilangan unit kecemasan untuk membantu mangsa-mangsa bencana. Saya difahamkan cuma 10 unit sahaja diperuntukkan untuk menempatkan mangsa-mangsa bencana secara sementara iaitu empat (4) unit di Daerah Timur Laut, empat (4) unit di SPT dan dua (2) unit di SPS. Memang ini adalah tidak mencukupi seperti di kawasan saya telah perlukan pada setakat ini mereka memerlukan enam (6) unit kecemasan bencana. Tetapi lain kawasan juga menghadapi masalah sedemikian. Saya difahamkan masih ada 18 unit telah direzab untuk projek tebatan banjir JPS di Taman Sri Pinang iaitu di Daerah Timur Laut di kawasan Sungai Pinang. Saya ingin mencadangkan beli unit-unit tersebut untuk tujuan skim penempatan mangsa-mangsa bencana memandangkan kita memang menghadapi kekurangan unit kecemasan pada masa kini.

Projek penaiktarafan sistem saliran di Lorong Perak. Kawasan Lorong Perak terselamat daripada bencana alam kali ini. Ini menunjukkan bahawa projek penaiktarafan memang, sistem perparitan memang berkesan. Jadi saya agak sedih kalau ada tuduhan bahawa bagaimana Kerajaan Negeri menggunakan wang untuk tebatan banjir, projek tebatan banjir dan banjir berlaku di sana sini, di sini sana, tetapi memang ada dua projek penaiktarafan telah dijalankan di kawasan Sungai Pinang di mana kita nampak memang berkesan. Di kawasan seluruh Lorong Perak terselamat daripada banjir bencana alam pada 5 hari bulan November ini bukan sahaja pada 4 hari bulan dan 5 hari bulan November ini, 15 hari bulan September juga selamat dan di kawasan hilir Sungai Pinang di mana akan siapnya kolam tadahan pada tahun depan. Mujurnya kolam tadahan ini sedang dalam proses penaiktarafan. Jadi hilir Sungai Pinang di mana Taman Serina, Serina Bay dan di kawasan perumahan sekeliling tidak mengalami banjir pada kali ini. Inilah saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Padang Kota dan JPS dan juga MBPP Bahagian Kejuruteraan yang bersama-sama kita bekerja bertungkus lumus untuk menjayakan dan mengurangkan berlakunya banjir.

Maka saya di sini, saya bersyukur sebagai seorang wanita, saya bersyukur kerana Kerajaan Negeri mengambil banyak langkah proaktif terhadap penglibatan wanita dalam kepimpinan, pentadbiran awam seperti usaha yang diambil oleh PWDC memperjuangkan kesaksamaan gender melalui polisi dan proses kerajaan lebih *inclusive* dan efektif secara mengambilkira golongan berbeza dengan keperluan berbeza amat disanjung. Dan usaha oleh PWDC seperti mengamalkan budaya hormat menghormati keluarga lebih harmoni dan suami isteri menyokong satu sama lain, wanita, lelaki, anak perempuan dan anak lelaki diberi peluang saksama. Saya percaya ini akan disokong dan mesti disokong oleh semua lapisan masyarakat. Dengan ini saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Saniswara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Timbalan Dato' Speaker. Saya turut serta dalam perbahasan pembentangan belanjawan untuk tahun 2018. Walaupun saya tidak bersedia sepenuhnya, tetapi saya akan cuba untuk sedikit sebanyak memberi pandangan saya di atas bajet, belanjawan yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri.

Sebelum itu saya ingin juga bagi pihak KADUN Seri Delima dan rakyat Seri Delima mengucapkan takziah, simpati kepada keluarga mangsa-mangsa banjir yang terkorban akibat malapetaka banjir yang telah menimpa kita baru-baru ini terutamanya kepada ahli-ahli keluarga tujuh (7) orang yang telah meninggal dunia. Kita berharap bahawa mereka akan cuba menghadapi cabaran ini dan saya ingin berkongsi rasa simpati saya kepada apa yang telah menimpa mereka dan saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana pagi tadi Ketua Menteri telahpun mengumumkan bantuan banjir di bawah tajuk 'Pulau Pinang Bangkit'. Sesungguhnya saya percaya bantuan ini akan dapat sedikit sebanyak mengurangkan beban yang dialami oleh rakyat di Pulau Pinang akibat banjir yang berlaku. Saya pada masa yang sama ingin bertanya kepada Dewan yang mulia ini sama ada pengumuman bantuan banjir RM150 juta oleh Perdana Menteri itu adalah sesuatu yang benar-benar ikhlas? Saya minta maaf, bukan niat saya untuk membuat tuduhan tetapi daripada perbahasan pada hari ini kita lihat pengumuman RM150 juta ini merupakan satu cerita lama. Bukanlah sesuatu yang baru. Jadi persoalannya adalah sama ada pengumuman ini hanya dibuat untuk tujuan untuk membuat pengumuman sahaja. Adakah terdapat apa-apa niat ikhlas Kerajaan Persekutuan untuk benar-benar memberi bantuan pertolongan ini untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir bagi mengatasi masalah banjir yang dalam setahun telah berlaku beberapa kali, lebih kurang dua (2) atau tiga (3) kali.

YB. Timbalan Dato' Speaker, saya pada masa yang sama ingin menarik perhatian Timbalan Dato' Speaker kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan banjir. Dewasa ini kita dengar tuduhan-tuduhan dilemparkan terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang kononnya terdapat pembangunan yang tidak terkawal. Pembangunan di lereng bukit dan tidak ada penyeliaan ke atas pembangunan-pembangunan ini yang menyumbang berlakunya banjir dan tanah runtuh. Tetapi tuduhan-tuduhan ini adalah tuduhan liar bagi fikiran saya, kalau kita lihat pada hari ini dan kelmarin, tidak ada hujan lebat namun berlaku banjir di kawasan Seberang Perai dan ini adalah disebabkan oleh kita difahamkan bahawa kemungkinan sebab *Dam* Kuala Muda telahpun dibuka menyebabkan air itu mengalir ke laut. Dan dalam proses itu ia juga menyebabkan kawasan-kawasan perumahan di sepanjang sungai itu juga turut dimasuki air dan dinaiki air. Kita ambil isu tentang tanah runtuh. Baru-baru ini berlaku kejadian di Tanjong Bunga. Tuduhan dilemparkan kononnya bahawa pembangunan di lereng bukit itu dibuat tanpa mengikut ketetapan ataupun garis panduan pembangunan yang telah pun ditetapkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan sebab itu berlakunya *incident* tanah runtuh di kawasan tersebut. Saya ingin menunjukkan satu kesimpulan di dalam Dewan yang mulia ini. Di mana kita lihat walaupun tidak terdapat sebarang pembangunan yang baru, gambar-gambar menunjukkan bahawa tempat tersebut masih lagi mengalami kejadian tanah runtuh. Ini bagi menjawab tuduhan yang dibuat oleh beberapa NGO-NGO seperti Penang Forum, seperti Sahabat Alam Malaysia, *Consumer Association*, kita lihat pada hari ini dalam Surat Khabar Utusan Malaysia, satu kenyataan dibuat Utusan Malaysia memang bukan merupakan satu surat khabar yang mempunyai apa-apa kredibiliti tapi namun mereka hanya memetik kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Sahabat Alam Malaysia S.M. Mohammad Idris dalam tajuknya "Hentikan Projek Arahkan Semua Pemaju Hentikan Projek Di Lereng Bukit Yang Sedang Dijalankan", kononnya dilemparkan tuduhan projek-projek inilah yang menyebabkan tanah runtuh di lereng bukit.

Kalau kita lihat kepada Surat Khabar *The Star* kemarin, saya bukan niat untuk mempromosikan *paper* ini, dulu kalau saya mempromosikan *paper* ini tapi sekarang bukan untuk mempromosikan tetapi terpaksa juga saya menunjukkan surat khabar ini kerana ia menunjukkan satu gambar di Bukit Bendera di

mana tidak ada sebarang pembangunan di lereng bukit, ini adalah di Bukit Bendera bangunan-bangunan yang dibina itu adalah satu (1) masjid yang dibina lebih kurang 25 hingga 30 tahun yang dahulu dan satu (1) kuil, masa Barisan Nasional dibina, tidak ada satu pangsapuri dibina di situ ataupun sebarang bangunan baru dibina. Tetapi kita lihat dalam gambar ini masih berlakunya kejadian tanah runtuh di lereng bukit, di bukit ini merupakan satu bukti kita saya ini sebagai peguam menggunakan buktilah. Walaupun di mahkamah keterangan YB. Bertam pun tahu surat khabar tidak boleh diterima tetapi di Dewan yang mulia ini kita menggunakan kesimpulan yang sama di kawasan Bukit Bendera ini tidak ada bangunan baru dibina bangunan-bangunan yang wujud di situ adalah satu (1) masjid dan satu (1) kuil itu pun dibina lebih kurang 30 tahun yang lalu yang dahulu semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional tetapi berlaku juga kejadian tanah runtuh.

Jadi perkara yang saya tekankan di sini adalah janganlah kita secara melulu membuat tuduhan menyatakan bahawa banjir berlaku sebab Kerajaan Pulau Pinang tidak menjalankan pembangunan secara teratur, tanah runtuh berlaku kerana pembangunan berlaku secara tidak teratur, ada yang ADUN-ADUN yang sampai nak (dengan izin)...pergi *on hunger strike*, *hunger strike* daripada 7.00 pagi hingga 7.00 malam. Saya pun boleh *hunger strike* 365 hari tak ada masalah *hunger strike* kerana kononnya membantah terhadap pembangunan ini.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta penjelasan, siapa ADUN yang *hunger strike*, saya nak tau.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tak taulah, saya pun tak tau, saya mungkin di tepi-tepi saya pun ada tetapi saya cuba bawa kepada perhatian janganlah *exaggerate*....(dengan izin) jangan jadi cuba jadi popular di kalangan masyarakat semata-mata kita nak menghentam kerajaan. Ini merupakan satu kesimpulan, bolehkah Sahabat Alam Malaysia, *Consumer Association* kawan saya dulu Encik Suthakar daripada The Star menjawab kejadian tanah runtuh ini berlaku di Bukit Bendera tempat di mana tidak ada sebarang pembangunan.

Apa yang kita perlu akui adalah (dengan izin)...*there is a global climate change*, perubahan dalam keadaan alam sekitar disebabkan *global warming*. Ini menyebabkan kita kadang kala menerima hujan yang lebat, angin yang kencang macam Ketua Menteri katakan tadi yang berlaku sehingga feri pun dinaikkan dan diletakkan di atas jeti di Pulau Pinang. Perkara-perkara ini berlaku sebab memang terdapatnya perubahan dalam iklim, perubahan alam sekitar dan bila kita menyatakan bahawa Pulau Pinang menjalankan pembangunan yang tidak terkawal, kita juga membuat tuduhan terhadap pegawai-pegawai kerajaan. *We also accusing the government staff*, pegawai-pegawai kerajaan sama ada di Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara ataupun di George Town atau di Balik Pulau di Barat Daya hanya melaksanakan tugas mereka sahaja. Mengatakan bahawa kita berkompromi dengan pihak pemaju, membenarkan kemajuan-kemajuan atau pembangunan-pembangunan tanpa menyelia, tanpa mengawal adalah sesuatu yang saya rasa adalah tidak patut kita nyatakan kerana ini merupakan satu tuduhan semata-mata yang langsung tidak benar.

Jadi kita harus was-was dalam kenyataan-kenyataan yang kita keluarkan dan saya juga ingin menyeru Yang Berhormat-Yang Berhormat terutamanya daripada pihak pembangkang mungkin YB. Bertam tidak hadir tetapi Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar dan Yang Berhormat daripada Pulau Betong telah hadir dalam satu forum yang diadakan di Pulau Pinang seminggu yang lalu yang dipanggil *Penang Forum*, dalam *Penang Forum* itu kononnya pihak-pihak yang hadir, hadirin di situ membincangkan isu-isu tentang bagaimana hendak memelihara alam sekitar di Pulau Pinang.

Saya tidak menerima sebarang jemputan. Jemputan-jemputan hanya dikeluarkan secara SMS dan bila kita hadir di situ juga Yang Berhormat daripada Pulau Tikus hadir dan bila diberi peluang untuk memberi penjelasan, saya difahamkan beliau dihentam. Para hadirin di situ enggan menerima ulasan beliau dan pendapat beliau di atas isu tersebut. Saya ingin tanya juga kepada YB. Telok Ayer Tawar saya difahamkan beliau juga berucap dalam *Penang Forum* dan beliau juga membidas Kerajaan Negeri Pulau Pinang kononnya Wakil-wakil Rakyat termasuk Ketua Menteri tidak hadir sebab kita tidak prihatin kepada isu alam sekitar, saya kurang bersetuju, bukan kata kita tidak hadir sebab kita tidak begitu prihatin terhadap isu alam sekitar. Dalam perbincangan tersebut kalau pihak forum mengadakan satu forum dimana kita dibenarkan untuk berbahas, mengemukakan pandangan-pandangan kita dengan hadirin yang betul-betul minat tentang isu ini bukan sahaja hanya saya difahamkan pada hari itu yang hadir semuanya kebanyakannya penyokong-penyokong daripada Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, YB. Seri Delima tak hadir dan sekarang dok membuat andaian-andaian berkenaan dengan perkara yang YB. Seri Delima tidak tahu sehabisnya, ada ahli *backbenchers* yang juga hadir dan ianya adalah satu forum atau *platform* yang melibatkan rakyat yang prihatin tentang masalah di kawasan mereka, ahli-ahli mereka dan masalah Pulau Pinang secara amnya. Tidak ada unsur politik dalam forum tersebut boleh tanya yang hadir ada dua (2) orang Pulau Tikus dan ini, *okay*. Samalah Perai pun tak hadir *you are not parting to the session*.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya dijemput tetapi dia tentukan satu tarikh dan masa kemudian jemput sama kita, mintalah sama ada kita boleh datang ka tak ada itu saja.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dia jemput ramai, dia *open it is an open* forum.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Kalau kita buat *open* kita boleh panggil ribu-ribu orang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Jemput datang, datanglah.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

(*Common courtesy*), dia memang jemput, saya kata masa itu saya ada program. Lain, tidak boleh hadir, bukan kita tolak, minta maaf, bukan kita tolak, saya sebenarnya minta bahawa mereka adakah, menentukan satu tarikh di mana, kita boleh datang, itu sahaja.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dia orang tak jemput siapa-siapa berucap yang bentang adalah yang bercakap adalah orang yang membentangkan *paper*.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Macam ini macam ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Yang membentangkan *paper* itu semua itu yang telah membuat beberapa kajian, penyelidikan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Macam ini YB. Telok Ayer Tawar, kita tak ada masalah kalau dia adalah satu forum alam kalau dia menbentangkan dasar-dasar kerajaan mengenai alam tak ada masalah. Tapi saya rasa ada segelintir yang *hijack Penang Forum* untuk menghentam dan menggulingkan Kerajaan Negeri. Itu saya rasa tak patut. So seolah-olahnya menunjukkan bahawa forum ini sama ada mereka yang menganjurkan forum tidak boleh kawal situasi ataupun mereka membiarkan itu berlaku sebab memang itulah tujuan supaya menjatuhkan Kerajaan Negeri. Ada juga wartawan, ada juga wartawan *senior* dia bersuara kuat yang katakan kerajaan ini mesti digulingkan. Saya tanya itu sahajalah bukan mereka kritik kerajaan tentang isu *environment*, alam sekitar dan sebagainya, itu tak ada masalah. Ini *Penang Forum* ini bukan satu pentas yang baru memang dia sudah kritik beberapa dasar saya tak *problem* tapi apabila saya nampak bahawa forum ini di*hijack* oleh segelintir supaya dia mahu menggulingkan kerajaan dan dia mengalu-alukan Ahli-ahli daripada Barisan Nasional seperti Wira Alam itu saya rasa saya bangkitkan tujuan dia...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ini forum ia kita saya rasa YB. Penanti pun boleh bersuara menyatakan apa yang berlaku *we all witness to it...*(gangguan). Kalau boleh saya bagi satu (1) *point* sahaja di sini. Itulah adalah Pentas Suara Rakyat, pandangan rakyat, hasrat rakyat, cadangan rakyat nak dengar, dengar, tak mau dengar kita rakyat kita ada juga kuasa, ya. Apa salahnya rakyat bersuara, katanya Kerajaan Pulau Pinang telus terbuka so dengarlah suara rakyat.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Bagi laluan, saya rasa YB. Telok Ayer Tawar kita tak ada masalah dengan forum kita tak ada masalah dengan pandangan berbeza tapi di samping itu saya ingat YB. Telok Ayer Tawar pun bagi peluang kepada kita supaya setuju, itu sahaja. Tak semestinya saya apa ini bersetuju dengan apa yang disuarakan dalam forum. Itu hak kita so kenapa dikatakan kerajaan kita *arrogant*, Ketua Menteri *arrogant*, Ahli-ahli EXCO *arrogant*, sengaja, kenapa memperkecilkan Perayaan Deepavali pada masa itu? Bukan saya tidak tuduh kenapa ada seorang atau dua (2) orang dia kata bila tanya, bila mana semua ini Ahli-ahli EXCO dia kata oh, dia orang hadiri Deepavali Rumah Terbuka dan seorang juga saya tidak tahu siapa katakan Deepavali *House bullshit*, adakah mereka berani mengatakan Hari Raya Aidilfitri ini *bullshit*? Adakah mereka mengatakan bahawa Tahun Baru Tahun Baru Cina *bullshit*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dato' Timbalan Dato' Speaker, Ahli Perai menunding jari ke sini salah itu. Kita tidak ada peranan langsung di dalam penganjuran forum itu.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya tidak tuduh...(gangguan). Inikah Forum Rakyat? Di mana dia menghina masyarakat India, menghina Perayaan Deepavali.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Don't tell us, you tell them.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya tidak boleh terima ini. Saya tidak tuduh *you*. Ada segelintir sana.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

And you have said your points.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Dah dicakap dalam media semua, kenapa ulang-ulang sini.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Kenapa mempertahankan satu (1) forum, tujuan saya rasa tujuan baik tetapi kenapa mereka yang bertanggungjawab membiarkan segelintir untuk *hijack* untuk tujuan kepentingan politik itu pertanyaan saya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bukan Pembangkang di sini untuk menjawab. Tanyalah mereka kenapa tanya kami? Nak soal, soal kenapa?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan sekejap.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya, sila Penanti.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dulu YB. tak mau bagi, tak apa saya bagi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Oh tak saja je saya nak beritahu *actually* kan saya dapat emel daripada yang mula yang 23 Persatuan Penduduk itukan? Lepas itu masa itu kita tak tahu jadi ke tak lepas itu diorang hantar *another* emel kata hari itu. Jadi kita datang dan saya rasa pembentangan yang dibuat oleh Dr. Kam dengan dia ialah pakar di USM dia buat analisa hujan dengan banjir *over the years*. So dan juga ada Dato' Agatha

and *of course* kita ada juga persatuan penduduk seperti Meena dan *of course* Suthakar ada di situ. Tapi macam saya nak cerita di Penanti pun masa ada dialog-dialog penduduk yang JKKK saya sendiri pun buat sependuk dan tulis dalam pen merah semua masuk dalam Penang Kini kata *resign* ADUN ke dengan MP kesemua. Tapi bagi saya penduduk itu kita kan bagi saya, okey dia nak luahkan perasaan dia tidak setuju dengan sesuatu pembangunan yang dibuat sebagai contohnya macam di kawasan saya *Solar Farm* itu dia tak setuju. Dia memang tidak setuju so kita buat dialog panggil pakar macam apa yang *Penang Forum* buat itu ada pakar-pakar yang datang macam yang dialog *Solar Farm* pun ada pakar-pakar yang datang tapi bila satu *crowd* dalam satu bilik yang kita ada persatuan penduduk daripada 23 persatuan penduduk ada mangsa-mangsa banjir ada satu (1) orang dari

ada satu orang dari *pack*, *pack hall* tak tahu la *I think about 2*, *I* tidak tahulah tapi *it was pack* lah. Tetapi saya duduk depan, *and then somebody hacker something*, saya *seriously* tidak dengar *word* Deepavali atau apa sebab, yang *I* tahu Mr. Suzaka dia cakap dia teringat rumah dia kena banjir masa Deepavali. So, tidak ada. Bila lepas itu bila tengok dalam media baru tahu, oh ada *somebody hacker* pasal Deepavali ke. Jadi saya nak sebut, forum itu bagi saya orang yang bagi macam pakar-pakar, pakar-pakar *legal* macam Dato' Agatha, pakar-pakar macam Dr. Kam *and then* pakar *geo-technical* seperti Encik Aziz dari Tanah Liat dari kawasan saya. Dan juga *of course*, kita ada persatuan-persatuan penduduk yang masa *especially* masa open Q&A. *Open Q&A*, dia orang semua akan tanya macam-macam soalanlah *and* itu adalah perkara yang normal.

Macam saya di Penanti pun, saya dapat petisyen macam itu perkara biasa. Dan *at the end of the day*, orang-orang yang memang membantah suruh saya *resign*, JKKK saya *for example resign* semua sekali sebab membantah suatu keputusan yang dia orang rasa saya tidak sokong dia, tapi saya *still, you know* buat *river run* kat tempat dia, membangunkan jeti, buat *all the project* sana sekarang. *I mean* tidak semesti orang yang membantah kita itu, sesuatu isu itu dia *totally against* kita....(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Minta laluan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tidak semestinya.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Minta laluan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Minta laluan apa ini Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sila. Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya sebenarnya tidak ada apa-apa terhadap *Penang Forum* ataupun pakar-pakar bagus saya rasa. Dan saya rasa Penanti pun tidak boleh katakan Penanti tidak tahu mengenai apabila mereka memperkecilkan, menghina perayaan Deepavali. Perayaan Deepavali. Saya tidak tahulah. Saya tidak tahu. Tetapi ini memang sudah dikeluarkan, dan saya rasa siapa yang sebut itu Deepavali ini *bullshit*, dia bukan anak jantan. Kalau *you* betul-betul anak jantan, keluar katakan saya yang katakan Deepavali ini *bullshit*. Beranikah? Siapa-siapa yang menghadiri *Penang Forum*, adakah dia berani datang depan-depan ataupun bagi satu sidang akhbar, saya yang katakan bahawa Deepavali *bullshit*. Beranikah? Inikah *Penang Forum*?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta. Minta laluan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Inikah perbincangan tentang alam.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya kalau ada orang cakap macam itu, saya dengar saya pun marah. Tetapi, saya tidak dengar dan tidak ada, kalau ada siapa sahaja yang cakap.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya ingat, tunggu Yang Berhormat saya sudah cakap dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat. Saya berbalik kepada, terima kasih apa yang dimaklumkan oleh YB. Perai, sepatutnya ialah satu kenyataan yang tidak sepatutnya dikeluarkan, kerana kita pada masa itu hanya masih lagi belum selesai dengan majlis-majlis rumah terbuka.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yes, YB. Seri Delima saya juga bersetuju dengan YB. Telok Bahang. Kalau kenyataan yang berbau penghinaan macam itu, kita juga tidak setuju. Cuma persoalan saya sebagai salah seorang yang tidak hadir di dalam forum tersebut, adakah perkataan tersebut diucapkan oleh salah seorang Speaker, diucapkan oleh MC itu sendiri, dan kita *stay put* kita yang hadir *stay put* seolah-olah kita bersetuju. Tetapi kalau suara itu datang daripada suara ramai, bagi saya itu adalah perkara yang kita tidak boleh elak. Begitu juga di dalam Dewan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okey. Saya rasa dalam dunia yang termoden ini, dengan alat-alat komunikasi yang tercanggih kita boleh tahu, kita boleh tahu apa yang berlaku. Tetapi kadang-kadang, saya orang yang sana pun tidak tahu siapa yang utarakan itu. Saya pun tidak tahu sebenarnya siapa? Ada orang dituduh, tetapi dia nafi. Tidak apalah. Kita bagi dia *benefit of doubt*. Saya cuma tanya, bahawa ada perkataan ini disebutkan. Itulah saya rasa kenapa dalam suatu forum yang murni, di mana kita bincang dengan alam, kerosakan alam, Dasar Kerajaan Negeri, saya rasa inilah perkara-perkara yang murni dan saya rasa pakar-pakar adalah ikhlas. Saya tidak mempersoalkan. Saya cuma mempersoalkan kenapa ada segelintir kenapa EXCO ini telah dijemput, saya dijemput, yes CM pun dijemput. Kebanyakan daripada kita ini masa itu adalah perayaan Deepavali, rumah terbuka, kita tidak boleh hadir ada juga program-program lain. Tetapi kenapa apabila bangkit soalan mana Ahli-Ahli EXCO ini pergi, ada satu suara katakan, Oh! dia orang menghadiri Rumah Terbuka Deepavali. Selepas itu, kata Deepavali *bullshit*. Ini yang berlaku, ini memang saya sudah dengar *tape* itu. Bukan saya ini merekakan atau menciptakan sesuatu, tetapi saya rasa tidak ada masalah dengan *Penang Forum*, *Penang Forum* ini bukan sekarang memang ia sudah berbincang beberapa isu berkaitan dengan alam sekitar. *I've no problem*. Tapi, mereka yang ada, saya rasa YB. Penanti pun ada, mungkin YB. Penanti pun tidak tahu...(gangguan). Saya habiskan, habiskan dahulu. Tidak tahu dengan YB. Telok Ayer Tawar, saya tidak tuduh pembangkang siapa-siapa tetapi cuma saya bertanya, kenapa musim perayaan Deepavali ini, ada mereka ini yang memperkecilkan perayaan itu. Itu sahaja. Adakah ini kita boleh terima, itu saya tanya siapa-siapa kalau mereka betul-betul memperjuangkan rakyat, kita betul-betul berani ini, saya minta mereka kalau siapa-siapa dia anak jantan, keluar dan katakan saya yang sebut itu. Itu sahaja.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) :

Terima kasih YB. Timbalan Dato' Speaker. Saya berbalik kepada isu *Penang Forum*, dan perkara yang dibangkitkan oleh YB. Telok Ayer Tawar. Daripada berita yang kita baca dalam surat khabar dan juga di laman web, kita dapati bahawa YB. Telok Ayer Tawar telah hadir dalam forum tersebut. Betul

tidak, dan pada masa yang sama telah mengkritik, mengecam Ahli-ahli EXCO kerana tidak hadir dalam forum tersebut dan mengeluarkan kenyataan kononnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang, EXCO tidak begitu prihatin tentang isu-isu berkenaan dengan alam sekitar....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih YB. Seri Delima. Dalam *Penang Forum*, seperti mana disebut oleh YB. Penanti tadi, ia hanyalah satu pembentangan kertas kerja, analisa, pandangan dan sebagainya. Kemudian ada Q&A. Bila Q&A itu, semua orang tanya, semua orang beri pandangan lagi sekali. Semasa itu tidak ada apa timbul pun cerita Kerajaan Negeri, Deepavali tidak ada sebab *is not in our mind. You know, we are talking about problem* rakyat. Mungkin selepas itu bila diminta diulaskan, ditanya pandangan selepas itu oleh beberapa pemberita dan sebagainya, mereka tanya saya. Saya kata ini persepsi rakyat. Salahkah saya beri pandangan saya? Persepsi rakyat bila bukan sorang pun tidak datang, wakil yang datang *backbenchers* adalah dua (2), tiga (3) orang. Jadi ini persepsi rakyat dan saya rasa menzahirkan pandangan dan persepsi rakyat pun tidak ada silapnya. Tidak ada silapnya. YB. Seri Delima pun cakap macam-macam di luar itu, saya tidak pernah tempelak YB. Seri Delima kata macam-macam pun. Itu persepsi Seri Delima. Ya. *I think ...*(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II :

Boleh. Boleh.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya ingat cukuplah, cukuplah setakat ini cakap pasal ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri II :

Bukan. Saya tidak mahu panjangkan isu ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya.

YB. Timbalan Ketua Menteri II :

Saya cuma mahu tanya soalan pada Telok Ayer Tawar, adakah YB. setuju bahawa perkataan Deepavali *bullshit* patut tidak dikeluarkan. Setujukah, tidak.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya. Dia, kita tidak tahu sebab saya sendiri tidak dengar benda itu dicakap. Jadi kita tidak mahu isu-isu yang mengundang.

YB. Timbalan Ketua Menteri II :

Jangan elakkan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Mengundang....(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II :

Soalan saya ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Perasaan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II :

Simple, simple sahaja.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya, saya tidak setuju.

YB. Timbalan Ketua Menteri II :

Setuju. *Okay*, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak ada masalah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya hanya dukacitalah, kalau betullah Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar tidak bersetuju tentang kenyataan yang dikeluarkan sepatutnya kalau boleh dalam forum itu, menegur pihak-pihak yang terlibat...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Timbalan Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) :

Let me finish.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau kami dengar, YB Penanti pun tidak dengar, YB. Telok Bahang pun tidak dengar. Saya pun nak tanya YB. Kebun Bunga ada dengarkah?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) :

Saya tidak dengar. Saya duduk di depan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kami semua duduk di barisan hadapan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) :

YB. Seri Delima, minta laluan. Bagi saya, perkataan Deepavali *bullshit* adalah satu yang tidak wajar ya, dalam satu negara yang berbilang bangsa, berbilang kaum, berbilang agama. Begitu juga kalau Hari Raya Aidilfitri dikatakan *bullshit* malah Gong Xi Fa Cai pun dikatakan *bullshit*. Masalahnya hari ini, semua ADUN-ADUN yang hadir tidak dengar apa yang berlaku, satu.

Yang kedua YB. Perai pun dengar melalui telefon ya, mendengar perkataan *bullshit* mungkin yang kata itu adalah orang yang menyampaikan telefon itu sendiri, kita pun tidak tahu. Jadi perkara ini, saya rasa tidak wajar. Tidak wajar diperdebatkan. Di pihak kami, memang kita tidak akan setuju.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) :

Okey.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) :

Dan kita tidak akan membenarkan benda ini menjadi satu lumrah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) :

Okey. Kita tidak mahu buang masa atas isu *bullshit* ini, kita berbalik kepada isu yang lebih penting. Dalam forum tersebut, saya difahamkan bahawa para hadirin memang (dengan izin) saya gunakan istilah Bahasa English *partisan* bukannya *non partisan* bukannya semua hadirin itu sedia untuk mendengar ulasan-ulasan, pendapat secara objektif tetapi datang ke situ dengan saya difahamkan tujuannya adalah hanya untuk menyerang, serang hendap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan EXCO. Sebab itu apabila Yang Berhormat satu-satunya *backbenchers* yang hadir, YB. Pulau Tikus cuba mempertahankan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri memberi penjelasan secara teratur dan terperinci, pihak-pihak yang ada di situ menempelak beliau. Mengeluarkan macam-macam kenyataan.

Saya ingin tanya kepada YB. Telok Ayer Tawar dan Ahli-ahli pembangkang. Bagi pihak kita sendiri kalau betul kita ingin menganjurkan satu (1) forum begitu, kita boleh mengadakan forum tersebut pada masa yang sesuai. Saya difahamkan tujuan Yang Berhormat-Yang Berhormat hadir termasuk dengan ada daripada golongan Parti Gerakan, MCA, MIC saya tidak dengarlh dengan tujuan hanya untuk memperhangatkan isu ini. Hanya untuk menguatkan persepsi supaya rakyat di Pulau Pinang kononnya mendapat persepsi bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak begitu prihatian atas isu alam sekitar. Saya ketika itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) :

Penjelasan, penjelasan. Adakah YB. Seri Delima menyangkal bahawa ada rakyat Pulau Pinang terjejas dengan banjir. Rakyat pula ada rakyat, saya tidak kata semua saya kata ada sekumpulan, kumpulan rakyat Pulau Pinang yang bimbang tentang pembangunan-pembangunan yang berlaku di Negeri Pulau Pinang. Ada rakyat Pulau Pinang yang telah membuat kajian, melihat perangkaan dan sebagainya bahawa tebing-tebing bukit, lereng-lereng bukit ini akan timbul masalah jika dibangunkan dengan berleluasa? Ini adalah kebimbangan yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang. Mereka bersuara, mereka berkumpul untuk mendengar pakar-pakar bagi penjelasan analisa. Adakah itu salah? Kalau Kerajaan Negeri Pulau Pinang begitu terbuka, begitu telus dan ditegur oleh rakyat, terimalah teguran itu. Jawablah betul, tidak betul? Ini forumnya untuk menjawab. Kalau tidak betul, tidak berasas, kata macam itu. Bagi alasan, mereka menegur dia orang bagi alasan, dia orang bagi justifikasi, bagi kajian.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan, terima kasih. Adakah saya dengar ataupun interpretasikan ulasan Yang Berhormat di mana anda kata jika semasa di forum kita ada sesiapa yang memberi ulasan negatif ataupun mengkritik kita patut jawab....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Mereka mengkritik, rakyat mengkritik selalu, kritik semua orang, semua pihak kami pun kena, sana pun kena tapi saya kata inilah forumnya kalau kritikan tak betul ataupun apa yang pandangan dia orang bagi tak berasas inilah forumnya untuk menceritakan balik, menerangkan balik... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan, Yang Berhormat, pasal kritik ni kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. Untuk orang melayu kitala, takut orang kritik pasal pemerintahan sebab BN....(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

I think soalan di sini bukan kita takut ataupun takut dengan kritikan Kerajaan Negeri. Ini bukan isu *at all*. Kalau katakan *Penang Forum* atau mana-mana masyarakat sivil ini mengkritik saya rasa *Penang Forum* ini memang sudah berlaku lama-lama dah, isu adalah segelintir datang dia mengulingkan kerajaan, jawapan saya pada mereka kalau tujuannya menggulingkan kerajaan, tubuhkan parti politik, jangan sembunyikan di bawah *Penang Forum* itu sahaja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat saya terima kasih YB. Perai. YB. Telok Ayer Tawar, kita sedar kebelakangan ini memang terdapat kejadian banjir yang seringkali berlaku dan juga kejadian-kejadian tanah runtuh. Tetapi masalahnya fokus *Penang Forum* pada hari tersebut adalah untuk menyalahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas segala perkara dan saya telah tadi memberi kesimpulan sebelum YB. Telok Ayer Tawar masuk, kesimpulan yang kita lihat dalam gambar surat khabar The Star ini. Kejadian yang berlaku di *Penang Hill* (Bukit Bendera), di mana tidak ada sebarang pembangunan di lereng bukit, bangunan-bangunan yang dibina bagi manfaat Yang Berhormat yang telah baru masuk tadi, bangunan-bangunan yang telah dibina di situ hanya adalah satu masjid dan satu kuil dibina lebih kurang 25-30 tahun yang lalu. Tidak ada sebarang pembangunan di lereng bukit tetapi masih berlaku kejadian tanah runtuh. Nak menyalahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Soalan saya, adakah *Penang Forum* pada hari itu mengadakan forum dengan *open heart*....(dengan izin) dengan niat untuk membincangkan semua hal ini ataupun tumpuan mereka hanya untuk menghentam bantai Kerajaan Negeri Pulau Pinang katakan semua yang berlaku ini salah Kerajaan Negeri Pulau Pinang....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Seri Delima lupa. Mungkin dulu YB. Seri Delima kata masih pakai seluar pendek ka apa ka, *Penang Forum* jugalah yang membuat bantahan yang kuat ke atas pembangunan Bukit Bendera. Dan masa itu DAP begitu bersama sekali dengan *Penang Forum* sehingga semua rancangan yang nak dibuat di Bukit Bendera masa itu dibatalkan dan walaupun tak dibangunkan Bukit Bendera, tadi YB. Seri Delima tunjuk gambar dan memang kita semua dah baca dan berlaku juga tanah runtuh. Inilah kebimbangan yang terbukti. Kebimbangan mereka 30 tahun dulu ka, 20 tahun dulu ka, terbukti bahawa jangan kita ganggu alam semulajadi ya. Kita ganggu dan inilah kesannya jika kita tidak merancang ataupun kita membangun walaupun tak bangunkan pun jadi, kalau bangun bayangkan apa yang akan jadi....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan, nak *explain* sekejap. Sebagai Ahli PAC kan ada PAC *report* yang dikeluarkan pada Mei 2017 di sidang DUN yang lepas, di situ ada menceritakan pasal pencerobohan bukit di Bukit Bendera, di Relau dan juga di Telok Bahang. Jadi pencerobohan bukit di Bukit Bendera itu yang kita pi tengok yang besar-besar itu adalah kegiatan pertanian. Itu yang berlaku, itu yang di dalam Laporan Audit Negara. Sebab itu kita pergi siasat dan laporan itu boleh dibaca oleh Ahli-ahli Dewan tapi isunya seperti yang YB. Padang Kota banyak kali kata sebab pada 15 September, semasa saya menghadiri mesyuarat bersama dengan Jabatan Hutan juga salah satu punca banjir pada 15 September adalah juga daripada kegiatan pertanian di kawasan bukit. Itu memang berlaku. Jadi tak semestinya sebab itu saya pun selalu cakap pasal, *you know* bukit-bukit itu tak boleh dibuang pokok-pokok, kadang orang buat pertanian, kadang orang buat kubur, macam-macam. Jadi jangan kita fikir hanya kena ada pembangunan dari segi *you know* hotel ka apa ka.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Sikit sahaja, YB. Dato' Speaker, mengenai apa yang YB. Seri Delima menyatakan mengenai bagaimana deskripsi *Penang Forum*, pandangan saya yang berada di dalam forum tersebut pada hari itu, saya rasa *Penang Forum* adalah satu forum di mana pelbagai-bagai pandangan orang dengan niat ataupun dengan cadangan ataupun pendapat yang tidak sama. Mereka datang ke forum ini ada yang tak suka kerajaan semasa, ada yang *pro* kerajaan, tetapi apa yang penting lagi adalah hasrat pakar-pakar yang gunakan banyak masa untuk menyediakan setuju ataupun tidak bersetuju dengan kajian mereka adalah satu perkara tetapi adalah banyak pakar dengan sesungguhnya menyediakan pandangan mereka dan presentasi mereka untuk berbincang dengan kerajaan.

Dan dari segi sebagai satu kerajaan, kita kena sentiasa *engaged* dengan rakyat, suka atau tidak suka dicabar dimaki ataupun dituduh atau tidak kita kena (dengan izin)...*face it*. Kita kena bertemu dengan mereka. Jadi saya rasa pendek kata, adalah tidak wajar dan tidak adil menyenaraikan, melabelkan ataupun menuduh *Penang Forum* sebagai satu *partition* dengan satu niat sahaja. Ia bukan satu *partition* tapi satu forum di mana pelbagai rakyat Pulau Pinang dengan kepentingan diri termasuk *housing association*, termasuk jiran-jiran di kawasan banjir ataupun bencana termasuk pakar, termasuk akademi banyak. Jadi menuduh mereka sebagai satu *partition* yang satu niat baik atau tidak, adalah tidak adil. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Kebun Bunga. Sepatutnya YB. Kebun Bunga yang hadir dalam *Penang Forum* itu bangun dan mempertahankan Kerajaan Negeri. Saya dukacitalah, biar saya habis dulu. Kerana satu-satunya YB. *backbenchers* walaupun seorang wanita yang berani bangun untuk memberi penjelasan adalah Y.B. Pulau Tikus. Saya memberi tabik hormat kepada Yang Berhormat kerana cekal, tabah walaupun diasak, diperli dalam keadilan Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada belah sana yang tak mempertahankan beliau....(gangguan). *let me finish...*(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat ini tidak betul. Benda yang tak betul kena buat *correction* sekarang juga. Kita tak terlibat dalam ni kita nak senyum sinis pun tak tergamak, kesian. Sebagai seorang lelaki Yang Berhormat patut hadir...(gangguan). Yang Berhormat takut...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Telok Bahang jangan mencelah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya beri penjelasan, saya beri penjelasan, mengapa saya tidak mahu hadir. *Penang Forum* ini tidak mahu mendengar penjelasan, saya tanya Yang Berhormat. Kita lihat di Jalan P.Ramlee, di Sungai Pinang, Jalan Syed Madar, Kampung Melayu yang dilanda banjir baru-baru ini. Ada apa-apa pembangunan di situ? Adakah banglo dibina di situ? Adakah rumah-rumah dibina di situ? Tidak ada pembangunan tetapi banjir masih berlaku. Sanggupkah *Penang Forum* mendengar penjelasan ini daripada kita? Yang Berhormat, *hold on, let me finish*, saya tak mahu membuang masa sebab itu saya tak hadir *Penang Forum*, *is the waste time* ...(dengan izin) tetapi saya memberi penghormatan kepada YB. Pulau Tikus kerana beliau hadir pada hari itu memberi penjelasan walaupun diasak diperli dan sebagainya. Seperti yang saya katakan, *Penang Forum* kalau betul mereka ingin menyelidik perkara ini, akan membuat penyelidikan yang lebih jelas, saya pun tidak hadir tapi saya difahamkan bahawa

kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pakar-pakar kononnya, semuanya menyalahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, banjir.... (gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Penjelasan YB. Seri Delima, YB. Seri Delima tidak ada di forum itu bukan semua ada yang boleh ada yang ada di dalam ADUN-ADUN yang ada di forum ini tahu ada yang menyokong pandangan kerajaan dan ada yang sedikit yang kritik kerajaan. Lagipun atas perkara yang YB. Seri Delima mengatakan kita tak ada yang tidak mempertahankan hak ataupun mempertahankan kerajaan, Yang Berhormat tak tahu. Apa Yang Berhormat adalah apabila presentasi diberikan, kita orang dijemput naik, takda dijemput tak boleh naik. Jadi kita memang boleh pergi cabut mikrofon atau tidak tapi kita tak buat begitu. Jadi kritik atas orang tertentu ataupun YB. Pulau Tikus adalah dalam dialog yang mereka ada *mic* dan dengan *the floor*. So juga ini pendek sahaja, tetapi seperti yang saya nyatakan YB. Seri Delima tak ada di forum itu. Oleh itu YB. Sri Delima tak tahu mengenai perkara ini. Jikalau *you* ada, *you* pun mungkin akan bukan sokong dengar apa pandangan mereka. Sebenarnya lebih daripada 85% pada anggaran sayalah adalah mengenai penjelasan, ada satu - dua orang yang datang untuk *haggling*, parti politik pun ada tapi mereka juga dihentikan diminta hentikan pada peringkat itu jikalau tengok video. Ini bukan satu forum yang hentam apa ni kerajaan ada sedikit ada jugalah. Ini saya nak jelaskan. Saya tak nak menjadi tak adil seperti *bashing* la. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sila YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya dengar nama saya. Saya hanya ingin memberi maklum balas secara ringkas. Yang pertama juga, jika saya berada di dalam bahasa Inggeris kita kata (dengan izin)...*in your shoes* pada masa itu ataupun jika saya menghadiri mana-mana forum di mana penyokong parti saya *heckle* ahli politik lain, saya mungkin akan berdiri untuk kata biar dia bercakap ataupun memberi dia peluang. Saya rasa sebenarnya sudah beberapa kali DUN bersidang dalam penggal ini kita pun kenal kita dua pun adalah ahli politik yang saya sedikit banyak pengalaman, anda banyak pengalaman. Kita tahu bagaimana berbincang secara matang. Tetapi saya pun faham bahawa pada situasi itu memang berlaku dengan cepat. Kadangkala pun *not prepared to do anything* kan. *But* bagi saya masa itu semasa *heckling* bolehlah ahli-ahli politik lain yang berada di sana berdiri untuk membantu penganjur untuk mengawal situasi kerana penganjur sebagai orang awam, orang awam sebenarnya biasanya kurang pengalaman untuk mengawal situasi berbanding ahli politik. Itu satu.

Yang kedua, sebagai maklum balas tentang perlu untuk merampas *mic* bagi *backbenchers-backbenchers* lain untuk bercakap juga. Sebenarnya pada sesi tersebut telah habis kesemua pembentangan sampai sesi Q & A dan pihak penganjur berminat ingin tahu maklum balas daripada ahli politik yang ada. Jadi saya rasa jika mana-mana ahli Pakatan Harapan yang ingin bercakap juga tentu amat dialu-alukan. Tetapi mungkin selepas pengalaman saya, ahli politik Pakatan Harapan lain pun segan nak berdiri untuk menyatakan apa-apa. Tetapi saya rasa kalau ada ahli politik Pakatan Harapan yang ingin berkata apa-apa pada hari tersebut, tentu *floor is open to you*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih di atas penjelasan itu walaupun kita tidak hadir. Dewan yang mulia ini... (gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Seri Delima terlalu banyak, panjang, kita bercakap tentang tajuk ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya faham. YB. Timbalan Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya faham tapi saya hari ini (dengan izin)...nak *settle the score* tentang *Penang Forum* dengan bukan saja *Penang Forum*, tetapi yang ada dalam Dewan ini yang hadir dalam *Penang Forum* di sebelah sana dan di sebelah sini juga.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ubah tajuk lain.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih. Tapi saya akan singkatkan. Saya hanya ingin merumuskan dan ingin mengatakan sepatutnya di sebelah sini yang hadir pada hari itu berdiri mempertahankan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana seperti yang telah saya katakan berbalik kepada isu bajet tentang isu banjir ini, bukannya semua banjir dan tanah runtuh berlaku disebabkan oleh pembangunan. Beri penjelasan itu. Saya bukan merupakan seorang pakar, 50 meter, 60 meter, *can you not at least...*(dengan izin) *stand up and says* Jalan P. Ramlee, Jalan Sungai Pinang, Jalan Syed Madar, Air Itam, Paya Terubong mana ada pembangunan? Mana ada rumah dibina? Bolehkah kita hanya menyalahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sahaja? Ini kesimpulan. Di Bukit Bendera, berlakunya tanah runtuh. Adakah ini disebabkan oleh pembangunan? Sebab apa tidak ada? Kecualilah YB. Pulau Tikus yang berani hadir, berani bangun, berani jawab. Lain-lain semuanya diam, tapi memberi penjelasan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Not Fair, saya nak cakap, saya ada di situ.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

This is my floor Penanti, *this is my floor. Please.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tak apa. Penanti duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Please, this is my floor. Dalam perkara ini. Saya rasa pihak-pihak harus sedar termasuklah Yang Berhormat daripada Pembangkang seperti yang dikatakan oleh YB. Pulau Tikus, kalau benar kita lihat dalam forum itu hadirin adalah semuanya daripada satu pihak sahaja. Kalau saya sendiri yang hadir, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang juga ada hadir, kalau ada daripada yang hadirin itu yang mengeluarkan kata-kata yang tidak sopan, perlu dan sebagainya saya akan minta mereka supaya benarkan pihak-pihak untuk memberi pandangan mereka tanpa diganggu. Jadi isu ini adalah.... (gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Beri laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sila YB. Perai. Saya akan teruskan YB. Timbalan Dato' Speaker.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Masih forum lagi.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Sedikit penjelasan YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Ini hangat topik ini dan.... (gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Kita punya persidangan ini berlain daripada Parlimen.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya, ya, okey. Saya ini(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terlalu merewang.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya gunakan ini YB. Timbalan Dato' Speaker. Kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada apa ini ahli daripada Pulau Tikus, seterusnya kita tukarkan nama Pulau Harimau. Sebab pada hari *Penang Forum* ini memang dia berani menyuarakan pandangan dia walau bagaimanapun beliau tidak dinafikan di *heckle*, diganggu, dikacau sehingga beliau tidak boleh menyuarakan pandangan. Jadi

itu memang menunjukkan bahawa siapa-siapalah yang cuba menjelaskan, memberi satu pandangan yang lebih neutral atau pandangan yang berlainan, mereka tidak dibenarkan sebab saya rasa ada segelintir yang akan kacau mengganggu. Oleh kerana itu saya tidak tau sama ada *backbenchers*, *backbenchers* lain daripada Pakatan Harapan menghadiri sana mereka bimbang takut, ataupun tidak mau bincang memberi satu pandangan yang lebih objektif mengenai isu alam dalam forum itu. Saya tidak tau sama ada ataupun mereka rasa apa yang diutarakan mereka yang mengkritik Kerajaan Negeri ini secara hangat-hangat ini mungkin mereka lebih rasional daripada pandangan yang sebenarnya.

So saya tak pasti tapi walau bagaimanapun saya rasa pandangan saya adalah berbeza. Bukan saya datang sini mempertahankan kerajaan, ada kesalahan, bukan semua yang Kerajaan Negeri buat salah, apa yang dibuat oleh Ahli-ahli Barisan Nasional semuanya betul, tidak, ini bukan hitam putihkan. Ada banyak kehalusan, ada banyak apa ini *middle ground*, tapi apa yang saya rasa apa saya ingin tekankan lagi bahawa mereka ini memang walaupun saya rasa objektif murni, ikhlas mengadakan forum tapi forum ini telah *dihijack* oleh ada segelintir dan saya rasa Pulau, Seri Delima sebut nama juga mereka yang seolah-olah memberi gambaran yang lebih objektif tapi mereka sebenarnya gunakan forum itu untuk saya katakan kita mahu jatuhkan Kerajaan, untuk mahu jatuhkan apa ini. Saya rasa tak apa ini politik, siapa-siapa pun boleh jatuhkan Kerajaan Negeri, siapa-siapa pun boleh mendirikan Kerajaan Negeri tapi lagi saya katakan bahawa betul-betul dia tak maukan Kerajaan Negeri ini itu hak mereka tolong tubuhkan satu....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tak perlu, tak perlu.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Dan mencabar, bertanding saya rasa Pilihan raya ini, depan ini mungkin beberapa bulan bertanding dan jatuhkan kita, itu demokrasi.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tak perlu lagi Penanti nak alih tajuk.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Not I, saya rasa tak adil nak terus menuduh saya macam ini.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dak, dak.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sekejap.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tak perlu.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya nak mohon *please*.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Timbalan Dato' Speaker. Saya juga ingin rumuskan mengatakan bahawa untuk makluman Dewan yang mulia ini..

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Lain tajuk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Satu, satu (1) isu sahaja, di antara yang hadir pada hari tersebut dan menghentam Kerajaan Negeri

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Masih lagi *Penang Forum*.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Timbalan Dato' Speaker, *you* tak beri Penanti berucap atas isu ini dan *you* masih... (*gangguan*) tadi *you* baru bahawa tadi tak bincang perkara ini lagi, ini tak adil terhadap Penanti.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila duduk, sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Timbalan Dato' Speaker, saya pernah memberi bantuan sendiri kepada salah seorang yang hadir dalam forum tersebut bersama dengan...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Forum lagi?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat keluar Dewanlah YB. Timbalan Dato' Speaker tak boleh kawal Dewan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Keluarlah, keluarlah kalau *I mean we having a debate here when you ask for opportunity I give, but lets debate*. Kalau berani kita *debate* kalau tak berani keluar Dewan. Sebab saya bahaskan perkara ini hari itu Yang Berhormat Telok Ayer Tawar menggunakan peluang ketidakhadiran kita dan menghentam cerita kita hari itu. Hari ini saya bagi peluang untuk jawab.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Timbalan Dato' Speaker, bagi jawab.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa yang nak dihentam, kan saya katakan tadi itu persepsi, dalam Dewan ini pun tadi Perai kata, *oh!* nak menjatuhkan Kerajaan Negeri. Semua orang ramai bercakap nak menjatuhkan Kerajaan Putrajaya. Kita tak ada bising apa, jatuhlah bagi lawanlah bertandinglah, tak ada masalah. Jadi siapa pun tak boleh bersuara, mengkritik, menzahirkan pandangan, kerisauan, pandangan kenapa bimbang? Kenapa takut? Kenapa nak tutup mulut semua? Kenapa? Takut?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Seri Delima, wakil rakyat orang politik, tapi wakil rakyat adalah rakyat, rakyat boleh bersuara. Dalam Dewan ini kita boleh bersuara apa saja kita ada imuniti tapi sebagai rakyat Pulau Pinang, Dato' Jahara, YB. Telok Ayer Tawar hadir menyuarakan hak beliau, menyuarakan hasrat, menyatakan pandangan dan berbagai-bagai di dalam *Penang Forum* itu hak dia, kalau katalah beliau mengatakan sesuatu yang dianggap sebagai memfitnah, saya rasa di luar sana berbagai-bagai tindakan boleh diambil. Berbagai-bagai, itu hak kita untuk bersuara, mungkin kita bergelar wakil rakyat, tapi kita tetap seorang rakyat, rakyat Pulau Pinang kita nak bersuara hak kita.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Okey. Saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sat, sat *please*. Sekejap ja. Okey. Saya apa yang saya pergi ke situ tujuan sebab saya memang tak tau pasal banjir yang berlaku di Pulau. Sebab saya pernah mengalami pengalaman saya sebut dalam *Penang Forum* itu saya punya pengalaman banjir di Penanti. Jadi saya pergi situ hanya untuk mendengar sebab pakar-pakar ada, macam geoteknikal semua tu ada, memang saya sukalah dengarnya. Jadi ada juga dari dan masa Q& A *open*, Q&A dia orang suruh saya pergi ke depan, saya pergi saja kata dia orang kata nak bawa ini suruh bawa ke sidang DUN. So saya kata okey, saya akan apa ini baca, saya minta *slide*, kalau tengok *some of the* undang-undang yang saya sebut dalam saya perbahasan saya ambil dari *slide-slide* dari pakar-pakar itu sebab supaya nanti EXCO boleh jawab dan saya sendiri bila dipanggil pergi ke depan, saya *fair* saya kata saya memang tak tahu pasal keadaan banjir di Pulau. Yang saya tau di Penanti dan saya akan bawa ke sidang DUN dan kita akan dengar dan saya ingat masa itu Telok Ayer Tawar ada sebut yang dia akan bawa usul, usul pasal yang lereng bukit. So masa saya, saya *just* kata kita akan bawa dalam sidang DUN isu-isu yang macam disebut, apa boleh kita boleh *control* untuk mengurangkan risiko banjir. Itu saja. *It is that* mungkin masa YB.Yap dia sampai lewat, dia tak dengar so dia terus cerita kata banjir itu disebabkan oleh hujan tapi sebelum itu Doktor Kam dia dah ceritakan dia dah bagi data-data. Jadi mungkin sebab itulah kot. Kan. *I means, I'm just trying to explain why the crowd* marah masa itu. *Because* sebelum *itu the first presentation was* Doktor Kam, *so I told you* masa tu kata "oh!" Doktor Kam dah *present*. Mungkin...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

I give you benefit of the doubt...(dengan izin) YB. Penanti, mungkin mereka yang marah-marah *heckle – heckle* itu mengakibatkan gangguan jadi saya apa yang saya cuba mengatakan itu tidak jelas disuarakan. Namun dan saya rasa banyak, saya rasa semua yang hadir pada hari itu, semua yang hadir pada hari itu tahu bahawa *heckless* itu adalah *heckless* yang dirancang, *hecklers* yang merupakan yang datang bersama dengan Parti Politik untuk secara adil mungkin bukan Parti Barisan Nasional, okey.

Apa yang saya cuba mendapatkan penjelasan daripada *Penang Forum* pada hari itu, sebenarnya saya cuba memberi pendirian yang *neutral* untuk memahami apa yang mereka untuk mengurangkan jurang antara pendirian Kerajaan Negeri dengan pendirian *Penang Forum*. Jadi saya bertanyakan pendapat mereka tentang pendirian Kerajaan Negeri bahawa ada hujan lebat pada hari tersebut, bahawa sebenarnya garis panduan untuk pembinaan di lereng bukit Kerajaan Negeri adalah sudah pun konservatif. Sebenarnya *Penang Forum* mereka dengar sebab mereka berdiri di belakang saya sahaja. Mereka dengar telah pun dengar soalan-soalan saya tetapi tiada seorang pun kecuali Doktor Kam dia jawab tentang hujan lebat tetapi dua (2) soalan saya lagi tidak dijawab langsung. Soalan saya mengenai sama ada Akta Parit dan Jalan Raya adalah lebih sesuai ataupun akta di bawah JPBD adalah lebih sesuai tidak dijawab. Soalan saya tentang lereng bukit dan garis panduan kita yang konservatif pun tidak dijawab. Tak apa, mungkin semua pun telah terganggu oleh situasi tersebut. Namun saya rasa Yang Berhormat daripada apa Yang Berhormat telah suarakan tadi, saya rasa Yang Berhormat sendiri pun tidak dengar baik-baik apa yang telah saya katakan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Okey, kita bincang *Penang Forum* apabila kita minum kopi di luar. Saya akan teruskan isu pokok. Sedikit berkenaan dengan alam sekitar. Bila kita ingin mengadakan projek-projek pelebaran jalan, YB. Timbalan Dato' Speaker, kita lihat bahawa apabila kita ingin mengalihkan pokok-pokok yang besar ini, banyak sangat tentangan yang kita hadapi daripada NGO-NGO juga. Ada juga NGO-NGO yang pergi memeluk pokok tidak mahu kita memotong pokok dan sebagainya. Ada juga wakil-wakil rakyat yang pergi memeluk pokok dan tidak mahu kita memotong pokok dan sebagainya. Tetapi bila berlakunya angin kencang seperti yang berlaku pada hari Sabtu yang menyebabkan banyak pokok yang tumbang di Pulau Pinang dan juga di Seberang dan menyebabkan kerosakan harta benda menimpa kenderaan, rumah dan sebagainya, kita lihat bahawa ahli-ahli dan pengerusi NGO-NGO ini tidak turun padang. Biarlah ia dirakamkan di Dewan yang mulia ini sehingga sekarang yang hanya turun adalah wakil-wakil Parti Politik, sukarelawan, orang-orang individu-individu tertentu yang nak datang membantu tetapi pengerusi-pengerusi NGO-NGO ini langsung tidak kelihatan seperti Sahabat Alam Malaysia, *Consumer Association*, Penang Citizen Chan Group, *Penang Forum* dan sebagainya terutamanya kita lihat Dato' S.M Idris, *I like to mention his name here* sebab beliau adalah orang yang begitu lantang menyuarakan bantahan tentang pengalihan pokok-pokok besar yang lama walaupun terdapat jaminan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan pokok-pokok ini dialihkan dengan cara-cara di mana pokok ini akan

dikeluarkan dicabut keluar, ditanam semula untuk memastikan pokok itu terus dipelihara untuk masa akan datang, masa akan datang namun ia menerima tentangan daripada pihak-pihak seperti NGO ini. Ini saya mencadangkan kalau boleh dalam tahun-tahun yang akan datang supaya Pihak Berkuasa Tempatan sama ada di pulau ataupun di seberang memberi perhatian kepada pokok-pokok yang lama terutamanya yang berada jalan di tepi-tepi jalan ataupun di sepanjang jalan seperti di Jalan Masjid Negeri supaya kalau pokok-pokok itu sudah lebih kurang 50 atau 60 tahun, 40 tahun sudah pun usianya lama kalau perlu ditebang saya rasa wajarlah ianya ditebang kerana kita tidak boleh membiarkan nyawa rakyat Pulau Pinang tergadai akibat kemalangan-kemalangan yang boleh disebabkan oleh kejadian pokok-pokok ini tumbang akibat angin yang kencang.

Berkenaan dengan kawasan Seri Delima, ada satu, dua perkara yang ingin saya sentuh dalam perbahasan ini. Dalam ucapan bajet oleh Y.A.B. Ketua Menteri beberapa pengumuman yang memberangsangkan telah dibuat terutamanya dalam ucapan di muka surat 10 di mana peruntukan-peruntukan disediakan untuk memastikan bahawa pusat-pusat ruang awam dan bangunan-bangunan komuniti itu ditambah baik.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa dalam ucapan Belanjawan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, beliau juga telah menyentuh tentang makanan kegemaran rakyat Pulau Pinang, makanan dan juga kebudayaan dan sejarah di mana perkara-perkara atau subjek-subjek ini telah diberi perhatian oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam menyediakan bajet pada tahun yang akan datang. Di kawasan Taman Tun Sardon di kawasan saya di Seri Delima di Gelugor, terletak satu astaka, astaka itu adalah di bawah kawalan ICU, Pejabat Pembangunan Persekutuan di mana sejak kebelakangan ini terdapat rungutan daripada peniaga-peniaga di situ yang berniaga yang menjual makanan dan juga pengunjung-pengunjung, tempat itu adalah satu tempat yang masyhur, terkenal dengan penyediaan makanan-makanan seperti mee sup dan sebagainya di mana bumbung di tempat tersebut dan keseluruhan bangunan di tempat tersebut sudah pun usang. Dan bila berlakunya hujan lebat dan angin kencang, tempat tersebut bocor dan juga kadang kala menyebabkan lantainya terkena air dan menyebabkan keadaan di mana pengunjung-pengunjung ke tempat tersebut boleh tergelincir dan jatuh. Ada juga rungutan bahawa bekalan air ataupun tekanan air di kawasan tersebut semasa cuci tangan dan ke tandas juga tidak begitu kuat.

Saya berharap semoga dalam tahun yang akan datang semasa belanjawan ini diuruskan tempat tersebut iaitu astaka makanan di Taman Tun Sardon diberi perhatian di mana kalau boleh keseluruhan bangunan astaka tersebut dinaiktarafkan. Baru-baru ini saya berterima kasih kepada YB. EXCO Kerajaan Tempatan, YB. Chow Kon Yeow, Ahli Kawasan Padang Kota yang telah pun memperuntukkan sejumlah wang untuk menaik taraf pasar awam di situ. Di mana kalau sebelum 2008 tidak ada kemudahan lif tetapi sekarang terdapat kemudahan lif dan bangunan tersebut juga telah diubah suai di mana tempat-tempat untuk menjual ayam dan sayur-sayuran, ikan dan sebagainya telah pun dinaik taraf dan kemudahan ini disambut baik oleh penduduk di situ. Cuma kalau boleh saya berharap Dewan Balai Rakyat di bahagian atas, di bahagian bawah adalah pasar, di bahagian atas adalah tempat balai rakyat yang digunakan untuk majlis-majlis keramaian. Kalau boleh saya berharap YB. Padang Kota juga boleh memperuntukkan wang untuk memasang penghawa dingin di tempat tersebut, *aircond...*(dengan izin) YB. Timbalan Dato' Speaker, supaya tempat tersebut lebih selesa kerana bangunan tersebut sekarang mempunyai semua kemudahan, ada tandas yang telah dinaiktarafkan, terdapat lif, terdapat juga kemudahan-kemudahan seperti tempat makanan yang diperluaskan tetapi kemungkinan dengan pemasangan penghawa dingin itu ia boleh membenarkan rakyat yang tinggal di situ untuk menganjurkan lebih banyak majlis di balai rakyat tersebut seperti majlis perkahwinan dan majlis-majlis yang lain.

Satu lagi isu yang ingin saya bahas dalam perbahasan saya adalah tentang Jambatan Pulau Pinang. Dalam pembentangan bajet Belanjawan Persekutuan baru-baru ini Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan pemansuhan beberapa tol di Selangor dan di Kuala Lumpur. Di Pulau Pinang, rakyat Pulau Pinang sudah membayar Tol sejak tahun 1983 kalau tidak silap saya, mungkin 1983, mungkin 1984 atau mungkin 1985, tempoh yang begitu panjang.

YB. Timbalan Dato' Speaker, sekarang kita mempunyai dua (2) jambatan. Kalaulah boleh saya menggesa Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyeru Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan kalau boleh tol bagi Jambatan Pulau Pinang itu dimansuhkan. Dengan pemansuhan tol di Kuala Lumpur dan Selangor satu perkara yang pada masa dahulu kita fikir mustahil berlaku. Kalau dahulu saya fikir tol di Malaysia dimana-mana kita perlu bayar sampai mati, kita bawa kereta sampailah kita mati kena bayar tol. Tetapi dengan pemansuhan tol di Selangor dan Kuala Lumpur, maka menjadi kenyataan sesuatu yang boleh dilakukan kalau terdapat tekad untuk melakukannya. Mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada seberang di situ boleh demi Kerajaan Negeri bagi rakyat Negeri Pulau Pinang merayulah meminta kepada Y.A.B. Perdana Menteri untuk mempertimbangkan kalau boleh

tol di Jambatan Pulau Pinang yang pertama itu dimansuhkan. Kalau tidak boleh mansuhkan sekaligus untuk semua kenderaan, sekurang-kurangnya untuk kenderaan-kenderaan jenis motokar dahulu. Mungkin kenderaan-kenderaan berat seperti bas dan kenderaan berat seperti lori boleh minta dibayar. Ini adalah perkara yang kita perlu memberi penekanan. Sebab kita telah membayar tol selama masa yang begitu lama dan tiap kali kadang kala dalam satu hari saya sendiri pun berulang alik ke seberang dengan adanya urusan di mahkamah, urusan lain, urusan keluarga sekurang-kurangnya dua (2) kali. Ada juga Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO yang saya percaya dalam seminggu dua ini, dalam lima (5), enam (6) hari ini, dalam satu hari terpaksa berulang alik ke Seberang untuk meninjau kerja-kerja pembersihan akibat banjir ini sekurang-kurangnya dua (2) atau tiga (3) kali, bayangkan tiap-tiap kali kita lintas jambatan, gunakan jambatan, kita terpaksa bayar.

Jadi perkara ini adalah sesuatu yang saya minta kalau boleh EXCO berkenaan ataupun Yang Berhormat-Yang Berhormat, semua Yang Berhormat Pembangkang tidak ada di sini, kawan saya YB. Bertam ada di sini, mungkin YB. Bertam boleh sampaikan hajat dan niat saya supaya dipertimbangkan, kalau bolehlah oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam bajet yang akan datang kalau kita boleh mansuhkan pengutipan tol untuk Jambatan Pertama Pulau Pinang. Tetapi kalau kita mungkin dalam masa dua (2) atau tiga (3) bulan nanti pilihan raya kita ambil alih Putrajaya tidak perlulah, mungkin kita akan mansuhkan juga, saya akan syorkan kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan Y.A.B. Perdana Menteri yang baru.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Mungkin atau akan?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Mungkin.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Mungkin, mungkin biasalah sebab dalam manifesto Pakatan Harapan juga telah berjanji untuk mansuhkan Tol Sungai Nyior tetapi sampai sekarang pun kita masih bayar juga. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

No. Untuk makluman YB. Bertam, itulah YB. Bertam kena faham kerana Tol yang dikenakan sekarang semuanya adalah di bawah kawalan kerajaan persekutuan. Kalau kita jadi Kerajaan Persekutuan jadi saya rasa bolehlah kita mansuhkan tol tetapi kalau kita belum lagi jadi Kerajaan Persekutuan, mustahil lah.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

YB. Seri Delima, dalam dunia ini tidak ada yang mustahil semua boleh buat. Bila kita boleh berjanji kepada rakyat ingin mansuhkan, tentulah semasa kita berjanji tersebut kita pun sudah tahu itu di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan pada masa yang sama apabila Kerajaan Persekutuan memutuskan untuk memansuhkan tol di Kuala Lumpur, di Selangor, di Bukit Kayu Hitam, kerajaan bayar ya, bukan kata sekadar bagi arahan. *We pay* kepada syarikat yang memegang konsesi melebihi RM100 juta setahun. Jadi kalaulah Kerajaan Negeri Pulau Pinang ikhlas boleh berbincang dengan Kerajaan Pusat mansuh Tol Sungai Nyior tetapi pampasan kepada syarikat konsesi di bayar oleh Kerajaan Negeri. Tentu Kerajaan Pusat akan bersetuju, tidak ada masalah. Kalau hendak berjanji dengan rakyat, kita kena laksanakan. Itu sahaja. Saya minta.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih YB. Bertam, tetapi saya masih memohon YB. Bertam untuk panjangkan permintaan saya kerana isu berkenaan dengan pemansuhan Tol Jambatan Pertama Pulau Pinang itu merupakan sesuatu yang ditanya oleh rakyat di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Boleh YB. Seri Delima, tetapi saya rasa lebih elok kalau isu tol ini kita bawa di dalam Parlimen. Saya minta supaya Yang Berhormat berjumpalah dengan Ahli-ahli Parlimen di dalam Pakatan Harapan, Kasturi kah, *our Chief Minister* sekali pun, mereka boleh bawa isu ini. *Insyaa-Allah*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya rasa perkara ini boleh dibawa di Parlimen tetapi pada masa yang sama perlu dibincangkan di Dewan yang mulia ini kerana ini adalah perkara yang melibatkan masyarakat di sini di Pulau Pinang. Sebabnya saya berbincang tentang isu pemansuhan tol ini adalah Yang Berhormat, faham bahawa sejak kebelakangan ini kos sara hidup telah pun meningkat dan kita lihat bahawa pengumuman kelmarin *detail fuel prices* RON 95 (petrol) telah pun naik lebih kurang RM0.07 sen. Manakala RON 97 RM0.06 sen dan diesel RM0.03 sen. Tiap-tiap kali berlaku peningkatan dalam harga petrol dengan bayaran GST, dengan masalah-masalah lain, berlakunya banjir di Negeri Pulau Pinang, kalau tidak boleh kita mansuhkan sekali pun sekurang-kurangnya untuk sebulan dua. Bagilah rakyat Negeri Pulau Pinang guna Jambatan Pertama Pulau Pinang *free*. Bagi tujuan untuk mereka mengatasi masalah-masalah disebabkan oleh banjir ini, mungkin ini merupakan satu permulaan. Ini adalah sesuatu yang boleh diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kalau Kerajaan Persekutuan benar-benar sedar akan keperitan yang dialami oleh rakyat Negeri Pulau Pinang, maklumlah bayangkan ini membawa kepada topik saya yang sebenarnya. Kalau saya tinggal di Seberang, keluarga saya tinggal di kawasan George Town, ayah dan ibu saya tinggal di kawasan George Town, saya tidak mampu beli rumah di sini, saya beli rumah di Seberang. Akibat banjir baru-baru ini, rumah ayah ibu kena, rumah saya pun kena. Jadi terpaksa saya ulang alik datang ke sini bantu bersihkan rumah ayah dan ibu pada masa yang sama menyediakan alat-alat seperti perkakas, tilam dan sebagainya dan pada masa yang sama saya perlu ulang alik ke kawasan rumah saya sendiri. Jadi bayangkan kalau saya berulang alik di antara Pulau dan Seberang dalam katakan sehari dalam seminggu ini 2, 3 kali dengan kenaikan harga petrol, dengan kenaikan kos sara hidup, GST dan sebagainya, bolehkah kita sebenarnya menampung perbelanjaan yang tiba-tiba berlaku? Mungkin ini adalah perkara yang boleh kita bincangkan, mungkin YB. Bertam boleh membawa perkara ini. Kelmarin pun saya dengar Yang Berhormat pergi bermesyuarat bersama Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, mesyuarat tergepar di Kuala Lumpur ataupun di Putrajaya. Mungkin nasib baik saya dapat berjumpa Yang Berhormat pada hari ini sekurang-kurangnya sebelum sebarang pengumuman dibuat, boleh hantar SMS katakan ada permintaan daripada YB. Seri Delima kalau boleh beri percuma Jambatan Pulau Pinang untuk sebulan dua untuk rakyat Pulau Pinang guna untuk masa yang tersingkat sahaja supaya kita dapat membantu rakyat bersama-sama dengan mengatasi masalah yang berlaku disebabkan oleh malapetaka banjir yang berlaku baru-baru ini.

Beralih kepada isu yang lain, saya juga tertarik dengan kenyataan YB. Padang Besar, Ahli Parlimen Padang Besar, bukan, ini bukan Penang Forum. Tetapi YB. Padang Besar daripada parti Barisan, UMNO khususnya yang menyatakan bahawa bencana malapetaka banjir yang berlaku di Pulau Pinang ini adalah disebabkan oleh penganjuran majlis-majlis yang tidak tertentu. Beliau merujuk kepada *October Fest*... (dengan izin). Dan beliau menyatakan bahawa disebabkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menganjurkan *October Fest* maka berlakulah banjir dan masalah tanah runtuh dan sebagainya. Saya tidak berpeluang untuk berbahas isu ini kecuali pada hari ini. Saya rasa sejak kebelakangan ini setiap satu perkara yang berlaku di Pulau Pinang yang tidak elok semuanya disalahkan ke atas Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kalau berlakunya banjir, salah Kerajaan DAP sebab menganjurkan majlis *October Fest*. Kita tidak pernah menganjurkan *October Fest*. YB. Timbalan Dato' Speaker, sebenarnya ianya dianjurkan oleh *Malaysian German Society*. Saya kurang pasti apakah tujuan kenyataan itu dikeluarkan oleh Yang Berhormat daripada Padang Besar, mungkin beliau ingin meraih populariti di Parlimen tetapi umum mengetahui bahawa banyak juga tempat lain yang banjir. Kelantan pun banjir, Kedah pun banjir, Perlis pun banjir dan baru-baru ini juga berlaku di Lebuh raya Persekutuan, di Kuala Lumpur. Tuduhan bahawa banjir ini berlaku kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang membenarkan penganjuran *October Fest* adalah sesuatu kenyataan yang saya rasa tidak masuk akal dan suatu kenyataan yang *very immature*... (dengan izin), yang dikeluarkan oleh seorang Ahli Parlimen. Pada masa yang sama, saya juga ingin menyeru beberapa pihak yang memandang rendah terhadap Ketua Menteri kerana Ketua Menteri telah terpanggil untuk meminta bantuan daripada Timbalan Perdana Menteri pada pukul 3.00 pagi akibat bencana banjir yang menimpa rakyat Pulau Pinang.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa sebagai seorang ahli *backbenchers*, tindakan yang dibuat oleh Ketua Menteri adalah sesuatu yang saya rasa dibuat pada waktu yang tepat, dibuat demi rakyat Pulau Pinang. Jikalau kita masih lagi boleh lihat paparan ataupun, (dengan izin), kejadian yang berlaku di mana Ketua Menteri dalam keadaan yang begitu tertekan, membuat panggilan kepada Timbalan Perdana Menteri, meminta Timbalan Perdana Menteri menghulurkan bantuan dengan menghantarkan tentera darat adalah sesuatu, (dengan izin)... *he has to do*. Kerana ini merupakan nasib rakyat Pulau Pinang. Dan dalam keadaan tersebut, saya sebagai ahli *backbenchers* juga berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri yang pada hari itu pada pukul 3.00 pagi menerima panggilan telefon daripada Ketua Menteri dan telah pun berjanji untuk menghantar tentera. Kita lihat tentera telah pun turun untuk bersama-sama membantu dalam kerja-kerja pembersihan, pengalihan pokok-pokok yang telah tumbang dan

sebagainya.

Saya rasa bahawa ini merupakan satu tindakan yang elok ataupun menunjukkan bahawa Ketua Menteri kita tidak mementingkan isu politik, membelakangkan politik dan mementingkan nasib rakyat Pulau Pinang di mana dalam keadaan tersebut beliau membuat panggilan meminta bantuan daripada Timbalan Perdana Menteri. Dan Timbalan Perdana Menteri juga membelakangkan politik dan sanggup memberi bantuan yang diperlukan. Tetapi persoalan yang saya ingin tanya adalah perlukah terdapat panggilan daripada Ketua Menteri pada hari tersebut? Bukankah menjadi satu tanggungjawab untuk Kerajaan Persekutuan tanpa sebarang panggilan dibuat untuk menghulurkan bantuan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau faham prosedur bencana ini, sebenarnya pada pukul 1.00 pagi semua anggota tentera di Pulau Pinang sudah di *mobilised*, Yang Berhormat *check* dulu *the facts*. Pukul 3.30 pagi telefon tetapi sebenarnya sudah ada anggota tentera dalam kawasan. Dan tidak baik kalau kita ada sangka buruk terhadap anggota tentera yang memang telah pun ada dalam kawasan. Untuk makluman Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta maaf, saya hendak minta penjelasan. YB. Seri Delima tadi bila YB. Seri Delima timbulkan isu ini saya dah rasa seronok dah sebab dari segi *positive thinking*, katanya Ketua Menteri pukul 3.30 pagi telefon dan telefon diangkat oleh Timbalan Perdana Menteri, itu *very positive*. YB. Seri Delima juga terus menunjukkan bahawa kita meletakkan politik di sebelah tanpa kita meletakkan perbezaan politik dan saling bantu-membantu, bagi saya itu adalah sesuatu yang positif. Tiba-tiba YB. Seri Delima keluar pula soalnya, patutkah? Bagi saya, YB. Seri Delima, macam Ketua Menteri sendiri pun dia hanya akan minta bantuan apabila beliau terdesak. Selagi beliau boleh *control* seluruh Negeri Pulau Pinang dengan tentera dan aset yang ia ada, tak mungkin dia akan minta tolong.

Begitu juga dengan banjir yang berlaku sebelum-sebelum ini, dia tidak telefon pun Kerajaan Pusat sebab Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh *handle*. Tetapi hari ini beliau merasakan bahawa beliau tidak mampu lagi dan beliau terus telefon Timbalan Perdana Menteri dan terus bantuan diterima. Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, macam mana yang disebut oleh YB. Telok Bahang, bahawa aset tentera di bawah Hishammudin Tun Hussein, pukul 1.00 pagi arahan telah pun dikeluarkan, bukan 3.30 pagi. Jadi saya minta kepada Yang Berhormat, kalau kita hendak ambil perkara ini dalam konteks yang positif, biarlah ia terus dalam konteks yang positif.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan salah faham tentang niat saya. Pertamanya saya telah nyatakan memang saya berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri dan juga kepada anggota tentera kerana mereka telah datang ke kawasan saya sendiri untuk membantu. Di Jalan Sultan Azlan Shah, dua (2) lori askar Tentera Darat telah datang membantu, membantu saya mencantas pokok dan mengalihkan pokok yang ketika itu tumbang di atas jalan raya dan menghalang lalu lintas daripada Gelugor ke Bayan Lepas.

Saya bangkitkan perkara ini kerana menurut Brigadier General Mohd Arshad Raji, beliau telah mengeluarkan satu kenyataan iaitu dahulu beliau adalah bekas Brigadier General dan berkhidmat dengan tentera, (dengan izin) saya memetik kenyataan yang beliau telah keluar dalam satu kenyataan surat khabar. Beliau nyatakan seperti berikut dalam bahasa Inggeris, "*There is a standard operating procedure where it comes to deployment military personnel for natural disasters*" *President Bridg. General Mohd Arshad Raji said, calling upon the Deputy Prime Minister Ahmad Zahid Hamidi, seeking aid from the Armed Forces was not necessary...(dengan izin). We have a command of control, an SOP and it is very clear and it applies to all the states when there is an emergency the state security should be automatically activated. Ya, the State Security Council should be automatically activated. Let me just go on....* (dengan izin), YB. Timbalan Dato' Speaker, *Penang Chief Minister Lim Guan Eng may not have been briefed or there was no military commander there to brief him and advised him, Arshad said during a press conference here.*

Jadi menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Brigadier General Arshad Raji, beliau menyatakan tidak ada keperluan untuk Ketua Menteri menghubungi Timbalan Perdana Menteri. Beliau menyatakan bahawa memang terdapat satu *Standard Operating Procedure* (SOP) di mana sekiranya berlaku malapetaka seperti banjir ini, tentera senantiasia harus bersiap sedia untuk turun padang dan membantu. *Anyway*, berbalik kepada isu pokok di sini adalah walaupun kita berterima kasih kepada tentera dan Timbalan Perdana Menteri, kemungkinan besar kita berharaplah supaya perkara ini, masalah banjir,

malapetaka banjir dan tanah runtuh tidak berlaku lagi. Tetapi pokoknya adalah menjadi satu *Standard Operating Procedure* bahawa sekiranya berlaku masalah-masalah seperti ini, menurut kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Brigadier General Mohd Arshad Raji beliau menyatakan bahawa walaupun tidak dihubungi, pihak tentera sepatutnya bersiap sedia untuk turun memberi bantuan sekiranya diperlukan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, sebab itu saya sebut, ini daripada mulut Dato' Seri Hishammudin bin Tun Hussein dalam perjumpaan kami semalam. Tentera telah pun diarahkan seawal 1.00 pagi. Dato' Seri Zahid Hamidi cuma mendapat panggilan telefon daripada CM pukul 3.30 pagi. Benda itu telah pun, *has been taken care of*. Itu ceritanya dan hari ini Yang Berhormat bangun seolah-olah hendak mempertikaikan bahawa tadi kata *positive thinking*, menerima dengan baik dan mengucapkan terima kasih tetapi sekarang mempertikaikan pula, *which is not right*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tidak mempertikaikan, *let me just make it very clear*, saya tidak mempertikaikan, saya masih lagi berterima kasih seperti yang saya katakan, tentera ini datang ke kawasan saya sendiri dan membantu saya. Tetapi yang saya cuba bawa ke perhatian Dewan yang mulia ini adalah, *let me now give you the answer*, sepatutnya pegawai yang terkanan sekali di Pulau Pinang bagi tentera harus juga bersama-sama dengan kita sewaktu umpamanya kita mengadakan Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah, satu, ataupun Majlis Keselamatan Negeri di mana kita bermesyuarat, di mana Ketua Menteri boleh terus berhubung dengan Komander tersebut. Tidak perlu untuk Ketua Menteri untuk menghubungi Timbalan Perdana Menteri. Mungkin lewat tetapi kita bernasib baik di mana Ketua Menteri telah berjaya menghubungi Timbalan Perdana Menteri dan kita berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri yang telah menjawab panggilan itu pada pukul 3.30 pagi.

Tetapi perkara yang sepatutnya saya menyarankan di sini adalah *the centre of command* harusnya berada di Pulau Pinang, seperti di mana Ketua Menteri boleh berhubung dengan Ketua Polis di Pulau Pinang, pegawai-pegawai di Pejabat Daerah, penghulu-penghulu dan sebagainya, pegawai-pegawai kebajikan, Pegawai-pegawai Bomba dan sebagainya.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Seri Delima, *are you telling the Dewan* yang CM tidak ada akses kepada Pegawai Daerah, Ketua Polis, *are you telling the Dewan?*

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Can I finish, can I finish? YB. Bertam tidak faham, seperti Yang Amat Berhormat dapat menghubungi pegawai-pegawai ini, saya menyarankan supaya Kerajaan Persekutuan menyarankan pegawai terkanan tentera yang berada di Pulau Pinang, mungkin kemnya di Sungai Ara ataupun di Butterworth, di Seberang Perai, juga disarankan untuk sentiasa mendampingi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Supaya kita dapat menghubungi beliau jikalau berlakunya masalah begini. Apa yang saya cuba tekankan di sini adalah seperti yang saya katakan, kita tidak mahu perkara ini berlaku sekali lagi tetapi kita harus mengadakan satu perhubungan di antara Pejabat Ketua Menteri, barisan EXCO dan juga tentera. Walaupun tentera memang berada di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan, di bawah Kementerian Pertahanan, tetapi berkenaan dengan isu-isu memberi bantuan semasa berlakunya masalah banjir, api, tanah runtuh, umpamanya kejadian yang berlaku di Batu Feringghi tempoh hari. Kita berjaya menghubungi Pejabat Bomba, CPO, mungkin juga pada masa yang akan datang kalau boleh kita juga memerlukan bantuan tentera untuk datang turut membantu. Apa yang saya cuba sarankan di sini adalah boleh dipertimbangkan di dalam Dewan yang mulia ini, oleh pegawai-pegawai berkenaan supaya apabila mengadakan Mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri kita mendapati wakil-wakil daripada pihak Kastam, pihak Imigresen, Polis semuanya hadir. Pegawai-pegawai kanan semuanya hadir Bomba tetapi pegawai-pegawai tentera tidak hadir. Pegawai-pegawai kanan tentera tidak hadir. Mungkin perkara ini boleh di beri perhatian dan pada masa-masa yang akan datang kita boleh dengan izin, berhubung terus dengan pegawai-pegawai kanan tentera untuk meminta bantuan. Bayangkan saya rasa kita boleh menjimatkan masa sekiranya dapat menghubungi dengan pegawai-pegawai tersebut pada masa yang terdekat supaya bantuan dapat dihulurkan dengan lebih cepat dan pantas daripada kita berhubung dengan Menteri di Putrajaya....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, Yang Berhormat ini kena faham. Saya ingat Yang Berhormat ini berbelit-belit punya susah hendak faham Yang Berhormat ini. Ini cakap Bahasa Malaysia. Yang Berhormat, saya

hendak *check result* SPM Yang Berhormat, Bahasa Malaysia dapat berapa? Yang Berhormat kena faham tentera ini modus operandi dia tidak sama dengan Polis, tidak sama dengan Pegawai Daerah. Sudah kita maklumkan tadi *they are ready on the ground...*(dengan izin) pukul 1.00 so sudah tentu jadi tanggungjawab Ketua Menteri telefon pihak tentera. Dia sudah *ready* semua. Ini berulang-ulang kali. Macam mana Yang Berhormat boleh menang kes-kes di mahkamah? Saya pun hairan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Timbalan Speaker pun kawal sikit Dato' Speaker.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Saya masih lagi mengendalikan Dewan ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ya, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tadi YB. Telok Bahang kata tidak suka saya mengendali... (gangguan). Saya boleh keluarkan YB. Telok Bahang... (gangguan). Sila duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dengar YB. Telok Bahang. Hormat Dato' Speaker, okey. Saya tidak mahu buang masa dengan YB. Telok Bahang, Dato' Timbalan Speaker. Saya cuma ingin mencadangkan perkara itu dan beralih kepada isu yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini iaitu isu bola sepak.

Isu bola sepak ini adalah isu yang menarik perhatian saya. Pengumuman-pengumuman yang dibuat oleh Ketua Menteri dalam pembentangan bajet memang menyentuh sukan-sukan lain badminton, futsal dan sebagainya tetapi seperti yang telah pun di bahas oleh YB. Pengkalan Kota kelmarin saya tidak begitu berpuas hati dengan prestasi pasukan bola sepak kita yang tercorot dan merundum. Saya kurang pasti apakah sebabnya perkara ini berlaku. Terdapat tuduhan daripada rakyat Pulau Pinang golongan tertentu kebanyakannya pemuda yang menyatakan bahawa seolah-olah kita tidak berminat dengan membangunkan lagi pasukan bola sepak kita ataupun memberi perhatian kepada prestasi pasukan bola sepak kita.

Terdapat tuduhan saya kurang pasti kerana saya tidak terlibat secara langsung dalam *Football Association Of Penang...*(dengan izin), Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang. Tetapi kenyataan ini sedikit sebanyak mempunyai asasnya. Saya membawa perkara ini dalam Dewan yang mulia ini kerana perkara ini adalah perkara yang menarik perhatian ramai (dengan izin)...*football is a sport with ground sense political boundaries, transient gender...*(dengan izin). Sesuatu yang diminati oleh semua. Di rumah juga bila kita menonton bola sepak, kita sekeluarga. Saya ini ialah penyokong pasukan *Liverpool* daripada muda lagi dan di Malaysia saya juga menyokong pasukan Pulau Pinang tapi sekali sekala pernah berpeluang bila ada masa untuk pergi menonton di stadium tapi masalahnya sekarang pasukan bola sepak kita telah terkeluar daripada Liga Super. Apakah nasib pasukan bola sepak kita? Bagaimanakah kita ingin meningkatkan prestasi pasukan bola sepak kita?

Kita juga menerima aduan daripada pemain-pemain bola sepak telah saya bangkitkan tadi kononnya pembayaran gaji dan elaun selama dua (2) bulan tidak dibayar. Macam manakah perkara ini boleh berlaku? Saya minta Yang Berhormat memandangkan YB. Pantai Jerejak juga adalah seorang aktif *sportsman* yang boleh main bola sepak lari pun lebih kuat daripada saya. Saya minta perkara ini diberi perhatian. *There is something very serious...*(dengan izin). EXCO juga perlu memberi perhatian. Gaji yang asas itu harus dibayar elaun harus dibayar kerana bila kita melantik seorang presiden dan juga pemain-pemain bila menandatangani kontrak, kita kena memastikan kontrak itu adalah kontrak yang mewajibkan kita membayar gaji tidak kira prestasi sama ada pemain itu main dengan baik, main dengan tidak baik ataupun sekiranya beliau telah mengalami kecederaan dan mendapat rawatan kita harus membayar gaji. Bayangkan masing-masing mempunyai keluarga tersendiri dan mereka juga mempunyai komitmen. Jadi Dewan yang mulia ini harus mengambil perhatian dan satu penjelasan saya mohon diberikan oleh Yang Berhormat berkenaan tentang nasib pemain-pemain bola sepak ini jangan.... (gangguan). Silakan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, saya cuma hendak dapatkan maklumat tentang gaji yang dibayar kepada setiap pemain untuk mewakili Negeri Pulau Pinang sebab saya difahamkan kebanyakan yang memenangi Piala Malaysia dan sebagainya gaji yang dibayar amatlah tinggi. Saya berkesempatan berada bersama Kedah dan sebagainya mereka dibayar dengan jumlah yang begitu tinggi dan tidak ada langsung masalah gaji tidak dibayar sebulan, dua bulan, tiga bulan dan sebagainya.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Minta izin. Memang saya telah juga memberi komen kelmarin mengenai dengan sukan bola sepak ini. Jumlah yang disebutkan oleh YB. Padang Kota kelmarin, jumlah tersebut sebenarnya mencukupi kalau satu pasukan dalam *Liga Super* boleh dikatakan isu (dengan izin)...*should be top five position*. Jadi oleh kerana memang satu cabaran untuk memastikan pemain era waktu ini dengan gaji yang tinggi tapi walau bagaimanapun, memang satu *post mortem* perlu dilakukan dan sekarang ini kita telah jatuh ke Liga Perdana mungkin tidak sebanyak jumlah itu yang pada tahun-tahun hadapan.

Cuma untuk makluman, ada satu lagi piala saya ingin hendak memaklumkan Piala Emas Raja-Raja. Saya cuba membantu dalam pasukan ini dan kita telah berjaya masuk peringkat akhir Penang lawan dengan Kelantan pada hari Sabtu ini. Saya harap Penang boleh menang dan boleh mengembalikan semula semangat secara keseluruhan. Jadi itu yang saya menekankan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Pasukan Pulau Pinang ini mempunyai pemain-pemain. Terima kasih YB. Pantai Jerejak atas penjelasan itu. Mungkin saya boleh mencadangkan Yang Berhormat daripada Pantai Jerejak menyandang jawatan sebagai *President Football Association*. Kita lihat pada suatu masa yang lalu kita ada pemain yang bernama Faiz Subri yang memenangi Piala Puskas. Tendangan gol yang ajaib itu tetapi selepas beliau mendapat Anugerah Piala Puskas, kita lihat pasukan Pulau Pinang tidak begitu menyerlah. Persoalannya adalah mengapa berlaku perkara begitu?

Kita lihat pada masa yang lalu kita selalu memberi peluang kepada pemain-pemain daripada Pulau Pinang yang lahir di Pulau Pinang. Kebanyakannya adalah daripada Pulau Pinang di mana mereka bangga dengan menyarung jersi Pulau Pinang untuk bermain untuk Negeri Pulau Pinang dan prestasi mereka juga begitu baik. Saya bercakap perkara ini adalah sesuatu yang berlaku pada tahun 80'an dan 90'an. Di mana kita ada seperti Shukur Salleh Nalakarupan, Karupan bukan Nalakarupan, Karupanan di mana pemain-pemain ini begitu baik dan mereka tidak melalui satu latihan-latihan yang begitu lasak.

Namun demikian mereka dapat berjaya merangkul beberapa piala pada ketika itu di mana Pulau Pinang terkenal sebagai salah satu gergasi bola sepak kebangsaan di Malaysia. Perkara ini saya minta YB. EXCO untuk memberi perhatian kerana sekiranya tidak saya risau ia boleh membangkitkan kemarahan rakyat Pulau Pinang terutamanya pemuda yang merupakan penyokong-penyokong tegar pasukan bola sepak di mana sejak kebelakangan ini juga dengan izin, pendapat-pendapat mereka lantang disuarakan dalam laman *facebook* dan beberapa kritikan juga dilemparkan terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dua atau tiga isu lain yang saya perlu sentuh saya akan sentuh dengan ringkas. Pertama, berkenaan dengan Hospital Besar Pulau Pinang saya telah memberi pandangan saya tadi di mana saya ingin menyeru Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan pembentangan bajet ini saya rasa pemberian-pemberian ganjaran seperti pembayaran wang untuk warga emas sebanyak RM130.00, pemberian "*I Love Penang*" card akan dapat sedikit sebanyak menampung perbelanjaan perubatan rakyat di Pulau Pinang. Kalau saya adalah seorang warga negara Pulau Pinang yang mendapat kad "*I Love Penang*" dan saya pergi untuk mendapat rawatan di hospital swasta ataupun di klinik swasta pembayarannya RM20.00. Saya percaya wang itu boleh digunakan untuk saya mendapat rawatan mungkin lima (5), enam (6) kali dalam masa setahun. Jadi saya menyambut baik. Saya menyambut baik cadangan yang telah di buat dan saya percaya ia dapat mengurangkan beban rakyat Pulau Pinang terutamanya sejak kebelakangan ini kita lihat juga di mana banyak daripada mereka warga Pulau Pinang terutamanya warga emas menghadapi banyak juga penyakit-penyakit yang kronik seperti kencing manis, darah tinggi dan penyakit-penyakit seperti selsema kadang kala berlaku dan juga denggi. Jadi pemberian wang sebanyak RM130.00 ini saya percaya dapat sedikit sebanyak mengurangkan beban perbelanjaan perubatan tetapi pada masa yang sama saya menggesa Kerajaan Persekutuan untuk memberi satu komitmen dengan lebih serius berkenaan dengan Hospital Besar Pulau Pinang satu, Hospital Seberang Jaya, dua dan Hospital di Balik Pulau di mana semua yang saya berjumpa bercakap mengaku bahawa tahap hospital itu sudah pun sampainya tahap optimum tidak boleh menerima pesakit-pesakit dan kita belum lagi bercakap

tentang perkara di dalam hospital.

Kalau YB. Timbalan Dato' Speaker cuba esok pagi bawa kenderaan pukul 8.00 untuk parkir di kawasan hospital untuk masuk untuk mendapat rawatan begitu susah untuk kita meletakkan kenderaan. Timbalan Dato' Speaker, tidak ada masalah ada seorang pemandu kenderaan, saya pun tidak ada masalah kerana ada pemandu tetapi bayangkan warga emas ataupun *single mothers*... (dengan izin), yang ingin pergi untuk mendapat rawatan untuk anak-anak mereka. Masalah tempat letak kereta, parkir di Pulau Pinang ini merupakan satu masalah yang serius dan lebih kritikal kalau kita bincang tentang letak kenderaan di hospital besar.

Jadi selain daripada itu juga kita lihat tempat-tempat dimana pesakit pesakit dimasukkan wad-wad sudah pun capai tahap yang optima dan kadang kala kita lihat pesakit-pesakit ini terpaksa tidur atas katil dekat-dekat kaki lima, wad tersebut juga hospital, tersebut juga merupakan hospital yang sudah lama bangunannya. Di mana ciri ciri keselamatan hospital tersebut juga tidak begitu tentu. Untuk makluman YB. Timbalan Dato' Speaker, kita sudah pun luput apa yang berlaku di Johor Bahru dalam setahun lebih satu kebakaran yang begitu teruk di Hospital Besar Johor Bahru yang telah mengakibatkan kematian pesakit-pesakit di hospital tersebut. Ketika itu kita sibuk dan kita pada masa itu membahaskan isu itu di Dewan yang mulia dan kita juga menuntut supaya satu audit keselamatan dibuat di Hospital Besar Pulau Pinang untuk memastikan bahawa keselamatan pesakit-pesakit terjamin.

Kalau kita pergi ke tingkat Blok A di mana diletakkan pesakit-pesakit yang menjalani pembedahan jantung, pembedahan otak kita lihat bahawa hospital atau Blok A memang sudah pun padat dan hanya terdapat tempat yang begitu sempit untuk pesakit-pesakit di situ menerima rawatan. Saya tidak pernah melihat, dengan izin alat pemadam api kurang pastilah sama ada atau tidak di kawasan hospital di tempat di mana beradanya baru-baru ini lawatan saya terakhir seorang penduduk di kawasan saya yang berada di hospital adalah dua (2) minggu yang lalu tidak ada sebarang alat pemadam api, kita kurang pasti sama ada pejabat Bomba mengadakan apa-apa pemeriksaan berkala untuk memastikan bahawa kesiapsiagaan untuk menghadapi kemalangan seperti ini di Hospital Besar Pulau Pinang dipastikan memang berada dalam tahap yang siap sedia. Ini adalah perkara yang perlu diberi perhatian, saya menggesa YB. EXCO Kebajikan, YB. Sungai Puyu yang selalu prihatin tentang isu-isu kebajikan yang memang melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya untuk memberi perhatian kalau boleh dan juga Yang Berhormat daripada Seberang Jaya, YB. EXCO Kesihatan supaya melawat Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya, Hospital Balik Pulau dan juga Hospital di Nibong Tebal untuk memastikan di Jawi bukan sahaja bangunan itu memang boleh menerima pesakit-pesakit tetapi pada masa yang sama boleh juga sedia menghadapi sebarang kemalangan seperti kebakaran dan sebagainya.

Pada masa yang sama, saya menggunakan peluang ini untuk merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya tidak membelakangkan rakyat di Negeri Pulau Pinang, supaya memberi perhatian kepada permintaan rakyat di Pulau Pinang dan kalau boleh mengumumkan sekurang-kurangnya pembinaan satu Hospital Besar yang baru di Pulau di tapak tanah yang boleh saya percaya disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan kemudahan-kemudahan asas seperti tempat letak kereta yang besar yang sesuai dan juga penyediaan kemudahan-kemudahan lain seperti kerusi roda dan sebagainya. Ini adalah perkara yang asas saya bangkitkan perkara ini sekali lagi di Dewan yang mulia ini kerana saya risau kemungkinan walaupun mungkin tidak betul persepsi saya mungkin saya silap tetapi kemungkinan keutamaan tidak diberikan kepada pembinaan hospital di Pulau Pinang, hospital baru sebab keadaan Negeri Pulau Pinang bukanlah Kerajaan Barisan Nasional.

Kita berbincang tentang soal kebajikan rakyat. Saya menyeru Kerajaan Persekutuan supaya tidak pada bila-bila masa membelakangkan kebajikan rakyat Pulau Pinang kerana kita juga merupakan pembayar cukai dan saya bercakap tentang masyarakat marhaen walaupun terdapat hospital-hospital swasta banyak di Pulau Pinang, Island Hospital, Gleneagles Hospital, hospital-hospital yang lain dan sebagainya. Kebanyakan golongan yang tinggal di Pulau Pinang tidak dapat mampu membiayai kos perubatan di hospital-hospital swasta. Pada masa yang sama kemudahan-kemudahan yang ada di hospital kerajaan juga, saya boleh katakan adalah lebih baik kesimpulannya adalah seperti apabila kita pergi untuk mendapatkan rawatan *glaucoma* mata. Daripada laporan yang kita terima ayah dan ibu saya sendiri pernah pergi mendapat rawatan *glaucoma*, pembedahan selaput mata yang dikeluarkan dan digantikan Hospital Besar Pulau Pinang lebih cekap, pakar-pakar yang ada di Hospital Besar Pulau Pinang lebih berkebolehan dan bayarannya juga adalah bayaran yang munasabah. Jadi bukan saja itu kalau kita bincang tentang pembedahan jantung, *open heart surgery* dan sebagainya, Hospital Besar Pulau Pinang masih mempunyai reputasinya tersendiri doktor-doktornya yang berkerja di situ memang berkebolehan dan saya difahamkan statistik pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di Hospital Besar Pulau Pinang terutamanya di wad jantung semuanya berjaya pulih dan kembali dan berkhidmat menjalankan kehidupan mereka seharian seperti biasa. Saya tidak memandang rendah tentang

kebolehan hospital swasta tetapi perbezaanya adalah sebagai rakyat biasa kalau saya bukan seorang professional, saya hanya bekerja sebagai seumpamanya seorang *supervisor* ataupun kerana kerani am rendah, kerani *lawyer* dan gaji saya hanya lebih kurang RM1,500 atau RM2,000, saya juga berhak untuk mendapat rawatan yang sama seperti orang yang berkemampuan. Berbalik kepada isu pokok Hospital Besar Pulau Pinang sekarang memang berkebolehan tetapi kemampuannya sudah pun kita mula (dengan izin)...*is a challenging demand*. Kalau kita pergi duduk di wad pesakit luar tiap-tiap hari ramai yang menunggu untuk mendapat rawatan dan pada masa yang sama seperti yang saya katakan rawatan-rawatan juga tidak boleh diberikan secara sempurna kerana wad-wad yang ada di situ juga sudah pun padat.

Jadi saya ingin merumuskan supaya direkodkan di dalam Dewan yang mulia bahawa wakil rakyat daripada Seri Delima dalam sidang ini telah membangkitkan isu berkenaan dengan hospital berulang kali. Merayu bukan menuntut, merayu supaya dibina dengan segera satu hospital baru di Pulau Pinang, kerana seperti yang saya katakan sudah pun optima di mana Hospital Besar Pulau Pinang tidak boleh menerima pesakit-pesakit yang sejak kebelakangan ini sudah pun meningkat.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan, YB. Seri Delima bajet Kerajaan Persekutuan baru saja dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 27 Oktober dan saya masih ingat lagi dalam perbentangan tersebut Perdana Menteri menyebut walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan di bawah Barisan Nasional tapi tetap kita memberi projek-projek yang besar Kerajaan Negeri Pulau Pinang salah satunya pembesaran *airport* yang akan dilaksanakan dalam bajet kali ini dan juga satu lagi ialah Hospital Pulau Pinang yang melibatkan tambahan 320 katil dan sebagainya. Ini telahpun disebut oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam bajet dan satu lagi saya nak maklumkan kepada YB. Seri Delima, kalau YB. Seri Delima nak pergi Hospital Seberang Jaya kita tak ada tempat *parking* pun sebab tempat *parking* yang sedia ada, kantin pun telah diroboh sebab nak buat pembinaan tambahan hospital dan sebagainya. Kontraktor pun sedang membuat kerja-kerja tersebut dan kita boleh tengok kalau di Hospital Seberang Jaya semua yang hadir akan letak kereta malah di luar hospital itu adalah dalam pelaksanaan dan satu lagi yang menariknya saya berterima kasih juga pada YB. Seri Delima, tadi saya ingat dia nak hentam hospital kerajaan, rupanya dia puji mengatakan hospital kerajaan lebih baik daripada hospital swasta Pulau Pinang. Di Kepala Batas, apabila kita membina Hospital Kepala Batas tujuan kita adalah sebagai sebuah hospital daerah *to cater* untuk rakyat yang berada di sekitar utara Pulau Pinang, Seberang Perai Utara. Rupanya apabila hospital itu siap yang ramai yang masuk adalah pesakit dari Kedah, Sungai Petani, daripada Baling, daripada Kuala Ketil dan sebagainya, Sebab kita tak ada satu polisi yang mengatakan bahawa hospital Pulau Pinang hanya untuk rakyat Pulau Pinang. Begitu juga hospital *General Hospital* malah di Balik Pulau dan sebagainya. Jadi apa yang perlu kita buat hari ini saya rasa walaupun dikatakan jumlah hospital itu permintaan nya terlalu tinggi, tidak dapat *cater* tapi saya kita kena bersabar sebab dalam bajet 2018 telah dibentangkan oleh Perdana Menteri dan masuk dah tentang elemen-elemen pembesaran hospital dan sebagainya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih di atas makluman yang diberikan oleh YB. Bertam. Beralih kepada isu tentang lapangan terbang antarabangsa, ini adalah satu topik yang saya selalu memberi ulasan tiap-tiap kali kita bersidang saya cuma ingin meminta supaya berterima kasih di atas pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri bahawa sejumlah wang yang akan dibelanjakan bagi menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tetapi saya cuma ingin menegur Yang Berhormat daripada Bagan Jermal supaya memastikan bahawa kerja-kerja yang dilakukan itu dilakukan dengan lebih baik lagi, mutunya lebih baik. Saya menerima baik pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri tentang kerja-kerja yang dilakukan dilaksanakan bagi meningkatkan kemudahan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tapi saya cuma ingin menegur supaya YB. EXCO Negeri Pulau Pinang turut serta memastikan bahawa mutu kerja yang dilakukan itu adalah baik kerana kita lihat selepas kali terakhir mereka membuat mengubah suai Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang selepas enam (6) bulan bila berlakunya hujan lebat dengan izin, tempat di dalam Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang itu telah pun banjir. Di mana ketika itu penumpang-penumpang terpaksa jalan masuk ke tempat untuk menaik kapal terbang itu dengan keadaan di mana Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang itu, (dengan izin)...*check-in counter* dan sebagainya banjir dan keadaannya teruk dan bangunan bumbung yang baru dibina juga telah bocor di mana kita lihat terdapat gambar-gambar yang masih lagi ada di laman web terletaknya baldi-baldi untuk menakung air.

Kita berharap pengumuman oleh Perdana Menteri dilaksanakan dengan lebih telus di mana kontraktor-kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja ini adalah kontraktor-kontraktor yang berkebolehan, bertauliah yang mempunyai kelulusan dan bukannya pekerja-pekerja Bangla ataupun warga negara asing yang langsung tidak ada sebarang kemampuan, selalunya kita lihat bila melaksanakan, kerja-kerja seperti ini kontraktor itu di alibabakan, kontrak itu diberikan kepada seorang pihak beliau mengambil kontrak itu tetapi tidak melaksanakan kerja itu sendiri tetapi menyerahkan kerja itu kepada pekerja-pekerja asing yang langsung tidak ada sebarang kemampuan. Selalunya kita lihat bila melaksanakan kerja-kerja seperti ini, kontrak itu dialibabakan. Kontrak itu diberikan kepada seorang pihak, beliau mengambil kontrak itu tapi tidak melaksanakan kerja itu sendiri, tetapi menyerahkan kerja itu kepada pekerja-pekerja asing yang langsung tidak mempunyai kemahiran dan juga tidak begitu bertanggungjawab. Hanya sekadar melaksanakan kerja, tidak memastikan kualiti dan selepas kerja, mereka meninggalkan tempat itu. Sekiranya berlaku apa-apa masalah seperti kebocoran dan kerosakan, yang menanggung akibat kebocoran dan kerosakan ini adalah rakyat Pulau Pinang yang menggunakan kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman)

Yang Berhormat, saya setuju pandangan Yang Berhormat bahawa kontraktor yang berwibawa, kontraktor yang lebih telus kena dilantik. Tapi, dalam sektor pembinaan, Yang Berhormat kena faham, *there is always a main-con, and there is always a sub-con*. Jadi kalau *sub-con* buat *solid work* dan sebagainya, yang akan bertanggungjawab tetap *main-con*. Dia kena bertanggungjawab untuk memastikan tidak berlakunya kebocoran dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya setuju dengan saranan Yang Berhormat bahawa EXCO daripada Bagan Jermal kena memastikan *from day one*, apa saja pembinaan yang dibuat di Pulau Pinang yang melibatkan wang Persekutuan ataupun wang Negeri haruslah dilaksanakan dengan penuh *best ability* lah ya, yang terbaik. Itu amat penting sebab di Pulau Pinang ni *airport* nya adalah merupakan pintu masuk ke utara. Jadi kita nampak apabila berlakunya penambakan, baik pulih, *renovation* dan sebagainya, penggunaan barang-barang juga adalah pada *sub standard*. Pada nilai-nilai yang saya rasa cukup menyedihkan dan saya minta supaya perkara ini dapat kita sama-sama memastikan ianya tidak berlaku. Benda siap tapi hasilnya adalah amat murah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya berterima kasih di atas pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat daripada Bertam. Pada masa yang sama, saya beralih kepada isu tentang prestasi ekonomi. Di mana, seperti yang diumumkan oleh Ketua Menteri. Kita lihat terdapat juga pihak-pihak yang telah mula ataupun sejak 2008 lagi memberi sokongan kepada ekonomi Pulau Pinang dengan membuat pelaburan-pelaburan yang begitu memberangsangkan dan salah satu faktor yang menyebabkan sumbangan kepada peniaga-peniaga asing ataupun syarikat-syarikat asing ini mula melabur di Pulau Pinang adalah lawatan-lawatan yang dibuat oleh Ketua Menteri ke luar negara dan juga barisan EXCO ke luar negara dan saya di sini cuma ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa lawatan-lawatan yang dibuat mungkin perlu lagi dipertingkatkan kerana hasil daripada lawatan-lawatan ke luar negara ini, kita lihat syarikat-syarikat besar telah mula memberi minat, menunjukkan minat mereka dan mula memberi perhatian kepada Pulau Pinang dan mula menyokong ekonomi Pulau Pinang dan juga mula melabur di Pulau Pinang. Salah satu perkara yang saya cukup tertarik adalah penerbangan langsung Qatar Airways, langsung daripada Doha. Ini merupakan satu perkara yang saya kata adalah menarik kerana kebanyakan pelancong-pelancong daripada Eropah ataupun di seluruh dunia merujuk kepada Qatar Airways sebagai satu syarikat penerbangan yang begitu terkenal dan menjadi popular. Maka, menjadi mudah untuk pelancong-pelancong daripada bukan sahaja Asia Tenggara tetapi daripada Eropah dan seluruh pelusuk dunia menggunakan penerbangan ini untuk datang ke Pulau Pinang mula-mulanya dan perkara ini adalah perkara yang saya rasa perlu diberi kepujian. Kalau kita berbanding dengan lawatan baru-baru ini oleh Perdana Menteri ke Amerika Syarikat, kita ambil satu kesimpulan di mana Perdana Menteri telah melawat ke White House dan berjumpa dengan Donald Trump, Presiden Amerika Syarikat. Di mana, Perdana Menteri telah membuat macam-macam pengumuman. Kononnya ingin membeli beberapa buah pesawat, ingin menggunakan wang KWSP untuk membuat pelaburan dan sebagainya tetapi apakah hasilnya yang kita dapat? Yang rakyat Malaysia dapat? Negara Malaysia dapat? Hasil daripada pengumuman-pengumuman ini. Kita buat perbandingan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Perbandingan ini adalah perbandingan yang begitu mustahak. Kita lihat hasil daripada rundingan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri, Ketua Menteri, kita dapat menjemput Qatar Airways untuk menerbangkan pelancong-pelancong dari seluruh dunia ke Pulau Pinang. Apakah hasilnya kepada rakyat Pulau Pinang? Kalau datangnya lebih banyak pelancong-pelancong ke Pulau Pinang, tak kiralah daripada Asia Barat, Asia Tenggara, Pulau Pinang menjadi makin popular. Maklumlah seluruh rakyat Pulau Pinang daripada pemandu teksi, peniaga makanan, pengusaha-pengusaha hotel, penjual-penjual kain,

semuanya akan mendapat manfaat daripada ketibaan pelancong-pelancong ini melalui Qatar Airways. Kita bandingkan dengan apa yang dibuat oleh Perdana Menteri bila beliau pergi ke...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan. Bukankah dengan hadirnya Qatar Airways itu juga penglibatan daripada Kerajaan Persekutuan? Kementerian Pengangkutan, Persekutuan. Kementerian Pengangkutan di bawah Kerajaan Persekutuan dan *airport-airport* pun di bawah Kerajaan Persekutuan. Kalau Kerajaan Persekutuan tidak terlibat sama ataupun tidak membenarkan, sebab Kerajaan Persekutuan begitu prihatin dan bersama-sama memajukan. Yang Berhormat tak boleh *biased* dalam *statement* ni. Yang pertama sekali Yang Berhormat kena sedar penglibatan Kerajaan Persekutuan begitu ketara dalam proses Qatar Airline datang ke sini. Yang Berhormat kena buat banyak *research* sikit lagi la Yang Berhormat, kurang menarik la.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman)

Minta laluan YB. Seri Delima. Saya rasa perbandingan yang dibuat oleh YB. Seri Delima ni mungkin sebab waktu pun dah terlalu petang. YB. Seri Delima kena faham, kalaulah Qatar Airways tidak pernah terbang ke Putrajaya, mungkinlah, KLIA, minta maaf, mungkinlah Ahli Kawasan Seri Delima boleh berasa begitu bangga instead of KLIA, dia datang ke *airport* Pulau Pinang. Tapi Qatar Airways ni dah masuk ke *airport* KLIA ni, dah bertahun-tahun, dah lama sangat dah. Jadi depa rasa selesa dengan *airport* kita di Kuala Lumpur, depa rasa selesa dengan kehebatan, kemajuan pembangunan negara kita di Kuala Lumpur dan sebagainya dan depa rasa perlu untuk depa terbang pulak ke Pulau Pinang. Maksud dia saya juga nak maklumkan kepada YB. Seri Delima bahawa *airport* Langkawi yang tak seberapa tu pun, dapat menarik *direct flight from China*. Tapi kita tak bising pun mengatakan bahawa, nak mendabik dada dan sebagainya sebab YB. Seri Delima rasa Qatar Airways memilih Pulau Pinang walhal Qatar Airways ni dah pi merata-rata. Saya pi Mekah kali pertama pun dengan Qatar Airways. Ikhlas saya habaq. Dah lama sangat dah YB. Seri Delima. Sebab tu bila YB. Seri Delima nak rasa bangga dengan kehadiran Qatar Airways ke sini, memang sebagai rakyat Pulau Pinang saya rasa bangga. Depa nak mai negeri kita saya rasa seronok. Tapi janganlah dibuat perbandingan seolah-olah Qatar Airways tak pernah pergi ke *airport* lain YB. Seri Delima. Enam suku dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya dah perelaskan sedikit, Yang Berhormat daripada Bertam dan Telok Bahang mungkin salah faham apa yang saya cuba sampaikan. Yang saya cuba sampaikan adalah apa yang kita dapat lihat sebagai satu pembangunan, satu perkara yang baik di mana perkara ini kita buat perbandingan sebab sebagai rakyat biasa, warga di Pulau Pinang akan merasai perkara ini iaitu dengan ketibaan ramai lagi pelancong, pengusaha-pengusaha hotel, pemandu teksi dan pengusaha-pengusaha gerai makanan dan sebagainya dan butik dan kedai-kedai pakaian akan berjaya menjual produk-produk mereka dan mencari pendapatan. Saya membuat perbandingan ini kerana kita lihat daripada perbezaan kehadiran Perdana Menteri di White House. Perbincangan beliau yang dirakamkan dan disebar, ditularkan dalam *whatsapp* dan sebagainya. Apakah manfaat yang diperolehi oleh kita daripada lawatan itu? Tidak ada sebarang manfaat langsung bagi rakyat Malaysia. Apa manfaat? *What benefit was there from The Prime Minister's visit...*(dengan izin). YB. Dato' Timbalan Speaker, *to the White House, nothing in return*. Tetapi berbanding dengan usaha Kerajaan Pulau Pinang, tak perlu pun kita pergi ke Qatar, boleh berbincang di Pulau Pinang dan mengaturkan penerbangan langsung ke Pulau Pinang dan secara tidak langsung dan mungkin secara langsung memajukan lagi ekonomi di Pulau Pinang. Ini adalah perbezaan yang cuba saya terangkan. Kalau tak faham YB. Teluk Bahang dan YB. Bertam tolong faham dan bentang....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Mungkin boleh buat kesimpulan, saya nak tangguh dalam masa lima minit lagi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak beritahu kepada Dewan ini, lawatan Perdana Menteri ke Amerika baru-baru ini. Kalau Yang Berhormat tak tahu, *investment* Amerika di Pulau Pinang saja sebanyak RM40 bilion, *investment*. Sebab tu bila buat lawatan ini, mengekalkan hubungan yang baik. Tapi pada yang sama kalau Yang Berhormat nak hujah logik ini, pada dua (2) tahun, tiga (3) tahun yang lepas, Ketua Menteri buat lawatan di Hong Kong 18 kali. 18 kali buat lawatan di Hong Kong dan kepentingan Hong Kong dengan Negeri Pulau Pinang hanya RM57 juta. Sepatutnya sebelum Yang Berhormat berkata yang demikian, Yang Berhormat nak sindir Ketua Menteri ka? Pergi Hong Kong 18 kali, ada *investment* di Penang RM57 juta,

apa manfaat? Kira nak cakap kat Ketua Menteri. Dan Perdana Menteri pergi ke Amerika, mengekalkan hubungan yang baik, ada *investment* di Pulau Pinang saja RM40 bilion. Jangan tengok skop yang ini, pi *check*. Yang Berhormat *check* dengan MITI. Kalau tak tau, *check* dengan MITI. *Existing, existing*, dengan Intel, dengan macam-macam syarikat yang ada. Ada *investment about* RM40 bilion, ini pergi 18 kali, perniagaan RM57 juta. So Yang Berhormat kalau nak sindir CM pun janganlah macam tu, beliau tengah berusaha keras membangunkan negeri. Tak puas hati ka? rupanya Yang Berhormat pun tak puas hati dengan Ketua Menteri sendiri ya? Kalau logik itulah..kalau logik ini.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman)

YB. Seri Delima, mintak laluan sikit. Saya rasa YB. Seri Delima mempersoalkan kehadiran Perdana Menteri ke *White House* ini macam seolah-olah tidak ada manfaat. Saya harap YB. Seri Delima kena faham, sebagai pemimpin negara, apabila kita dijemput oleh sebuah negara yang lebih besar dan lebih berdaulat dan sebagainya tentulah itu satu penghormatan. Macam Prince Charles dan Camilla datang ke Pulau Pinang, rakyat dia mungkin tanya *why go to* Pulau Pinang, negeri banjir, tanah runtuh, bukit sini runtuh, semua ditebang, *nothing good about that*. Tapi dia datang juga dan kita rasa bangga. Kita boleh cerita, Prince Charles, Camilla Parker, *they have been here*. Itu kita rasa bangga tak? kita rasa bangga. Mungkin rakyat dia akan persoalkan. Jadi saya rasa YB. Seri Delima sepatutnya ubah sedikit *mindset*, jangan terlalu negatif.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya akan cuba untuk buat kesimpulan YB. Timbalan Dato' Speaker, satu.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Jangan cuba-cuba, buat terus.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Timbalan Dato' Speaker. Saya akan hormat. Saya bukan macam YB. Telok Bahang. Saya hormat YB. Timbalan Dato' Speaker. Pertamanya, kalau tanya tentang kedaulatan yang lebih kuat dan sebagainya saya rasa Malaysia lebih berdaulat dan lebih kuat daripada Amerika Syarikat. Satu, okey. Satu *and I'll explain to you why*. Dua, kita tak perlu takut dengan Amerika Syarikat. Kita adalah negara yang berdaulat sendiri. Tak perlu kita pergi ke White House untuk tunduk kepada Presiden Donald Trump. *We don't owe him a living...*(dengan izin). Satu, tak perlu membuat pengumuman nak beli kapal terbang, nak gunakan wang EPF dan sebagainya tak perlu, *number one. Number two*, Prince Charles dan Camilla datang ke Pulau Pinang nak tahu sebab apa? dia nak lihat kerajaan yang ditadbir oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Beza dengan Putrajaya yang ditadbir oleh kerajaan yang penuh dengan rasuah, itu perbezaannya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan Yang Berhormat. YB. Timbalan Dato' Speaker, macam ni kalau bahas, *standard* lagu ni so boleh fikir. Menuduh yang bukan-bukan. Macam mana kita boleh tak mau tanya soalan. Tengok, adakah boleh menuduh tak suka-suka. Bagi bukti, bagi contoh? *report* SPRM? semua ada. Saya nampak YB. Seri Delima ni nak jadi semua. Nak jadi Polis, nak jadi tentera, satgi nak jadi pegawai daerah, nak jadi pemain bola sepak, saya simpati la Yang Berhormat. Macam la tidak ada orang lain boleh fikir.

So YB. Seri Delima, saya harap ulangtahun T.Y.T. yang akan datang, boleh anugerah Dato la, Dato' Seri ka, Tan Sri ka, Yang Berhormat jangan buang masa banyak Dewan ni, fokus la. Kalau kata... (gangguan) kalau kata Malaysia berdaulat, maka Yang Berhormat dah *recognize* Perdana Menteri mentadbirkan satu negara yang berdaulat. Kedaulatan. Terima kasih kerana akhirnya mengaku juga Malaysia di bawah pimpinan Dato' Seri Najib sebuah negara yang berdaulat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan terpaksa berhenti rehat dan akan sambung semula pada jam 8.00 malam nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.15 petang.

Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha Dewan :

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan masih ada Yang Berhormat yang sedang tunggu untuk berbahas, dan YB. Seri Delima pun sudah angkat sebanyak 2 jam 40 minit untuk perbahasan sesi yang lepas. Saya lebih suka supaya YB. Seri Delima boleh tamat dalam masa kecederaan kerana Yang Berhormat minat sangat bola sepak. Lima (5) minit saya bagi masa kecederaan. Sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Dua (2) isu yang saya ingin bahaskan dalam masa lima (5) minit ini. Saya cuba ringkaskan. Pertama adalah dengan isu perumahan. Di mana saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu (1) pengumuman oleh Perdana Menteri ketika PRU ke-13. Satu di kawasan Air Itam di mana dijanjikan tentang pembinaan rumah-rumah PRIMA dan satu lagi di kawasan Seri Delima Bukit Gelugor, saya sendiri di mana terdapat Perkampungan Kastam. Sehingga sekarang projek itu masih lagi belum bermula, jadi saya ingin tanya kepada Kerajaan Negeri dan EXCO berkenaan. Bilakah projek perumahan PRIMA ini akan tiba di Pulau Pinang? Projek ini belum lagi dimulakan. Walaupun janji dibuat beberapa kali, kita tidak melihat satu (1) unit rumah pun dibina di Pulau Pinang bagi rakyat Pulau Pinang dan pada masa yang sama, ketika projek itu masih lagi belum mula. Satu lagi masalah yang dihadapi oleh saya, di kawasan saya adalah berkenaan dengan Perkampungan Kastam. Di mana terdapat lebih kurang 36 keluarga di Perkampungan Kastam di Gelugor di mana ia merupakan tapak projek PRIMA. Daripada 36 keluarga ini, lebih kurang 15 atau 16 keluarga merupakan pesara yang bekerja dengan Kastam Diraja Malaysia. Yang bakinya masih lagi bekerja dengan Kastam Diraja Malaysia. Mereka sekarang menghadapi masa depan yang tidak tentu kerana diberikan notis oleh pihak Kastam untuk meninggalkan rumah-rumah mereka di mana tapak itu akan menjadi salah satu tapak yang akan digunakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengusahakan projek PRIMA. Dan saya difahamkan bahawa projek itu telah diserahkan kepada pihak Ideal. Di mana pada asalnya pihak Kastam telah menjalankan rundingan pegawai-pegawai kastam kanan daripada Putrajaya telah datang membuat janji kepada pegawai-pegawai kastam ini bahawa mereka akan diberi pampasan satu (1) unit rumah kos rendah sama ada di kawasan Gelugor ataupun di kawasan Barat Daya. Pada masa itu, kebanyakan mereka masih lagi bekerja dengan Kastam Diraja Malaysia dan pada masa itu kebanyakan daripada mereka diberitahu walaupun secara asas, pada dasarnya mereka diperlukan untuk mengosongkan dulu rumah tersebut kerana rumah tersebut merupakan rumah kerajaan yang di berikan kepada mereka sebagai Kuarters Kastam. Mereka apabila diberitahu atau diberikan notis sepatutnya mengosongkan kuarters itu dan menyerahkan milikan kosong tetapi apabila beberapa mesyuarat diadakan dengan pihak Pegawai-pegawai Kastam tertinggi, Pegawai Kastam telah menerima rayuan-rayuan yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Kastam yang tinggal ini di kuarters kastam dan memberi janji akan memberikan pampasan satu (1) unit rumah. Sekarang mereka menghadapi masalah kerana projek PRIMA akan dijalankan di situ, dimajukan. Dan ada pihak-pihak yang menghasut mereka mengatakan bahawa kononnya projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Projek ini dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri lah yang sepatutnya memberi pampasan kepada mereka. Pihak-pihak tertentu seperti pemimpin-pemimpin daripada Parti Makkal Sakti iaitu Thanenthiran telah datang dan menghasut membuat kenyataan-kenyataan menuduh Kerajaan Negeri kononnya tidak prihatin kepada kesemua 36 keluarga ini kebanyakannya mereka kesemuanya kecuali satu (1) atau dua (2) merupakan pegawai-pegawai kanan kastam yang bekerja dengan kastam daripada bangsa Melayu.

Saya telah dihubungi oleh mereka dan apabila mereka menghadapi masalah diusir pada tiga (3) atau empat (4) minggu yang lalu di mana jentolak sudah sampai kenderaan-kenderaan berat untuk memecah rumah-rumah yang di duduki oleh mereka mujurlah dengan campur tangan YB. Padang Kota dan campur tangan daripada YB. Datok Keramat, saya berjaya mendapatkan satu surat dan memberhentikan cadangan oleh pihak Kerajaan Persekutuan, JKPTG untuk merobohkan, memecahkan kuarters-kuarters mereka di mana satu persetujuan dicapai. Rumah-rumah yang kosong sahaja dirobuhkan, manakala rumah-rumah yang diduduki, didiami oleh mereka telah dibiarkan.

Saya di sini menggesa Kerajaan Negeri kalau boleh memastikan bahawa Kastam Diraja Malaysia, JKPTG, Kerajaan Persekutuan memberi pampasan kepada 36 keluarga ini kerana walaupun mereka merupakan pesara Kastam, bekas kakitangan Kastam, nasib mereka kita harus membela.

Kerana mungkin pihak JKPTG akan mengatakan bahawa Pegawai-pegawai Kastam ini tidak mempunyai hak untuk menuntut pampasan seperti yang diberikan kepada penduduk-penduduk di Kampung Buah Pala. Saya akur mempunyai perbezaan. Penduduk-penduduk di Kampung Buah Pala adalah penduduk-penduduk yang diberikan TOL (*Temporary Occupational License*) dan dengan campur tangan Kerajaan Negeri kita memberikan mereka satu pampasan rumah teres 2 tingkat. Saya sebagai wakil rakyat di kawasan itu merayu supaya pihak JKPTG di paksa, diberi paksa, dipaksa dan diberi tekanan supaya memastikan bahawa mereka melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan bahawa kesemua 36 keluarga Pegawai Kastam ini di bela kerana janji dibuat oleh pihak Kastam dan pihak JKPTG. Bahawa kononnya mereka akan diberi pampasan yang sewajarnya. Buat masa ini saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dan juga YB. Padang Kota dan YB. Datuk Keramat kerana saya percaya membuat beberapa rundingan dengan pihak pemaju di mana pihak pemaju telah meminta ketua kepada penduduk-penduduk di situ menyerahkan satu senarai penduduk-penduduk di situ supaya satu rundingan dapat dilaksanakan dijalankan di mana kalau sekurang-kurangnya boleh pihak pemaju akan mempertimbangkan memberikan penduduk-penduduk di situ satu (1) unit kalau boleh satu (1) unit pangsapuri sekurang-kurangnya untuk tiap-tiap keluarga secara percuma. Ini adalah perkara yang saya bawa perhatian kepada Dewan Yang Mulia ini dan berharap YB. EXCO, Yang Berhormat Datuk Keramat dapat memberi perhatian yang sewajarnya. Isu terakhir yang ingin saya sentuh....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Isu terakhir.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Silakan. Silakan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Adakah YB. Seri Delima setuju bahawa setiap kali pilihan raya atau masa kempen pilihan raya kerajaan parti komponen Barisan Nasional suka untuk memberikan janji-janji yang mana kalau mereka menang mereka akan bina sesuatu. Contohnya pada tahun 2013 di kawasan Parlimen Nibong Tebal di mana calon BN telah datang dan untuk pancing undi di mana telah mengeluarkan kenyataan kalau dia menang akan binakan satu perhentian bas ataupun terminal bas di depan Pekan Nibong Tebal depan Maybank tapak kosong itu. Tapi sampai sekarang memang tak ada. Saya dengar sebelum tahun 2013 penggal yang lepas iaitu 2008, beliau juga ada keluar dan memberikan kenyataan yang sama.

Adakah pembinaan-pembinaan seperti kemudahan-kemudahan asas ini perhentian bas dan lain-lain rumah. Adakah dekat pilihan raya keluar untuk cuba nasib ataupun nak pancing undi dan kalau tak menang. Oh!, saya tak payah laksanakan tugas. Adakah YB. Seri Delima setuju bahawa setiap kali pilihan raya. Tahun ini belum sampai lagi mungkin tahun depan akan sampai. Saya nak tanya YB. Seri Delima setujukah cara-cara untuk parti-parti politik berkempen dengan cara sebegitu?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya percaya. Sebab itulah saya membangkitkan topik ini iaitu berkenaan dengan isu perumahan. Kita lihat pengumuman demi pengumuman seperti selalu dibuat di atas macam-macam topik dibuat berkenaan dengan isu penebatan banjir, isu perumahan dan isu-isu lain kalau kita lihat baru-baru ini pengumuman juga telah dibuat ataupun telah dijanjikan atau telah diberikan taraf kerakyatan kepada lebih kurang 150 orang India selepas beberapa kali permohonan dibuat kerana mereka tidak memiliki kad pengenalan yang sah. Status taraf kerakyatan. Tiba-tiba menjelang pilihan raya sebanyak 150 atau 160 orang telah dipanggil dan satu majlis diadakan di Kuala Lumpur dalam kehadiran Presiden MIC di mana kad pengenalan telah diberikan dan memang ia meraikan satu liputan yang begitu luas dalam surat khabar kononnya Kerajaan Persekutuan akan membela nasib orang India di mana kita tahu itu bukanlah hakikatnya sebaliknya nasib rakyat Malaysia khususnya yang berbangsa India lebih terbela kalau kita bandingkan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih terbela di Pulau Pinang.

Jadi jawapan saya kepada YB. Jawi adalah janji-janji ini hanya dibuat sebagai janji kosong sahaja. Kita lihat penindasan-penindasan yang dibuat terhadap rakyat India sejak dulu lagi oleh Kerajaan Persekutuan dimana selalu sahaja terdapat masalah-masalah melibatkan kaum India tidak diberi perhatian oleh Barisan Nasional. Barisan Nasional sentiasa meminggirkan kaum India. Kononnya MIC mengatakan bahawa mereka membela rakyat Malaysia yang berkaum India tapi hakikatnya adalah selepas di Pulau Pinang kita mengambil alih masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang berkaum India diberi perhatian. Umpamanya saya beri kesimpulannya pembinaan sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang hanya dilakukan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima. YB. Seri Delima. Lima belas minit. Setuju 5 minit sekarang sudah 15 minit.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussian Shah):

Ini dah tahap melampau YB. Dato' Yang di-Pertua....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sabar Yang Berhormat. Isu yang terakhir....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussian Shah):

Mana ada bola 15 minit masa kecederaan. Tak pernah ada tau 15 minit waktu kecederaan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pengadil di sini. Pengadil di sini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussian Shah):

Pengadil berat sebelah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Jadi hakikatnya adalah Kerajaan Barisan Nasional selama ini telah meminggirkan kaum India. Dan mereka tidak memberi sebarang kepentingan kepada perkara-perkara yang membelenggu kaum India hanya Pakatan Harapan setelah kita mengambil alih memberi perhatian kepada...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey YB. Jawi. Soalan *closed* dah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Isu pening la. / punya kawasan pun ada....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No.No.No tak mau. Seri Delima saya sudah beberapa anda sebut isu terakhir, tapi tak sampai terakhir pun.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dan isu terakhir saya sekarang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Oh ya. Ini la saya tunggu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ya. Kita lihat. Saya tertarik dengan beberapa perkembangan semasa pasca banjir berlaku. Terutamanya dengan tindakan masyarakat berbilang kaum di Pulau Pinang bersama-sama mengharungi masalah banjir ini. Sesungguhnya seperti yang telah diucapkan oleh Ketua Menteri dengan izin dalam tiap-tiap bencana terdapat rahmatnya sendiri. *In every situation, there is a silver lining*. Dalam kes ini kita lihat kelmarin terdapat satu berita dalam laman web yang menunjukkan tiga (3) kaum bersama di Seberang Perai memasak di satu lokasi. Orang Melayu, yang beragama Buddist, yang beragama India bersama-sama memasak. Mungkin YB. Pantai Jerejak hadir, boleh menerima cadangan saya.

Perkara yang selalu menarik saya adalah, yang menarik saya dalam perkara ini adalah tindakan seorang pengarah dan bilal di Surau Taman Free School dan saya ingin merakamkan nama mereka di sini. Saya difahamkan seorang bernama Zakaria Malik dan seorang lagi bernama Sapno Tukijo, pengarah dan bilal di Surau Taman Free School yang telah memberi perlindungan kepada sekumpulan mangsa banjir yang bukan beragama Islam. Saya mengambil kesempatan ini, mungkin tidak ada Yang Berhormat yang mencadangkan supaya mereka diberi perhatian, dianugerahkan darjah kebesaran kerana kedua-dua mereka ini menunjukkan bahawa *I've always heard this...* (dengan izin), YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, *Rahmatul Al Amin, it means, Islam transcend it's good for all.* Ini saya kurang pastilah tetapi *this is what it means, Rahmatul Al Amin. Rahmatul Lil Al Amin. Thank you very much.* Walaupun saya telah hadir dalam beberapa majlis-majlis keramaian seperti berbuka puasa dan sebagainya pernah saya dengar ucapan oleh YB. Batu Maung, YB. Pantai Jerejak tentang maknanya perkataan ini. Saya mohon mencadangkan supaya kedua-dua mereka ini diberikan satu penganugerahan di sisi agama Islam. Saya difahamkan *you have this...* (dengan izin), Tokoh Maal Hijrah. *Am I correct?* Ataupun satu penganugerahan darjah kebesaran kerana tindakan kedua-dua mereka menunjukkan bahawa masjid dan surau menjadi tempat untuk kita mendapat perlindungan walaupun kita bukan merupakan seorang yang beragama Islam. Perkara ini mungkin kita lihat tidak dilakukan. Mungkin tidak ada kejadian-kejadian berlaku di kuil Hindu dan kuil Cina tetapi saya percaya jikalau berlaku mungkin mereka juga akan memberi perlindungan. Tetapi dalam kejadian ini perkara ini adalah perkara yang begitu menarik saya dan saya walaupun bukan merupakan seorang yang beragama Islam, merasakan bahawa tindakan-tindakan sebeginilah yang dapat mengeratkan perpaduan di antara kaum, mengeratkan silaturrahim di antara kaum. Silakan, Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Yang pasal yang masak berbilang kaum yang masuk dalam FMT itu semua ialah Kembara Kitchen yang tolong masak untuk Penanti, *which is my sister William Cheah and Yi Lyn, and the whole team and the chef is from,* adalah dari Johor, dia Melayu dan team Kembara Kitchen ini adalah *multiracial team.*

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Okey. So saya berterima kasih di atas maklumat yang telah diberikan dan dengan ucapan itu, YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Seri Delima. Tadi sudah maklum kepada saya. Sila YB. Telok Bahang. 35 minit yang dijanjikan. Paling maksimum.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayob Hussain Shah):

Mana ada tambah kecederaan masa 20 minit main bola, belum ada lagi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila. Jangan nanti...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu masa dahulu, tempoh sembilan bulan adalah tempoh keramat. Tempoh yang menjanjikan mimpi indah bagi rakyat Negeri Pulau Pinang kerana tempoh sembilan bulan inilah yang memberikan harapan tinggi bahawa kejadian banjir tidak dapat, akan dapat diatasi oleh Kerajaan Negeri sekarang. Dalam bahasa Cina,...(bahasa Cina). 40 tahun banjir, sembilan bulan selesai. Itulah.

Malah diberitakan bahawa pada tahun 2015 ada Ahli Yang Berhormat berjanji untuk membotakkan kepala jika Pulau Pinang mengalami sekali lagi banjir. Namun sekarang, tempoh sembilan bulan ini hanya tinggal janji. Janji yang nampaknya masih tidak tertunai. Andai kata kita semua terlupa atau tidak tahu statistik, berikut akan dapat mengingatkan kita betapa *flood friendly* nya....(dengan izin). Negeri Pulau Pinang. Tahun 2014 kekerapan banjir berlaku sebanyak 30 kali, 2015 26 kali, 2016 30 kali, 2017 22 kali. Statistik di atas menunjukkan secara puratanya bahagian-bahagian di Negeri Pulau Pinang akan mengalami kejadian banjir lebih daripada dua kali sebulan atau lebih daripada 100 kali dalam tempoh empat tahun kebelakangan. Ini bukanlah satu pencapaian yang harus dibanggakan. Banyak perkara yang dicanang bahawa Kerajaan Pakatan mencapai perubahan dalam tempoh 10 tahun memerintah berbanding dengan 50 tahun. Yang menjadi tanda tanya ialah mengapa? Mengapa dibiarkan berulang sedemikian rupa? Mengapa dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang dikatakan

menghadapi banjir? Kita tidak boleh mencari jalan pintas dengan menunding jari kepada Kerajaan Persekutuan kerana dikatakan Kerajaan Negeri prestasinya lebih baik dari negeri-negeri lain. Bahkan diwar-warkan lebih baik daripada Kerajaan Barisan Nasional yang kita sudah tahu amat baik yang memerintah negeri ini sebelumnya di dalam banyak hal. Mengapa Negeri Pulau Pinang tidak menjadi lebih baik di dalam hal menyelesaikan masalah banjir? Mengapa masih belum cukup peringatan dan pengajaran dari kesengsaraannya ini yang dilalui oleh rakyat sehinggakan banyak kes kehilangan nyawa berlaku akibat kejadian banjir? Mengapa adanya pengondolan kawasan-kawasan bukit? Mengapa begitu taksud dengan projek pembangunan di kawasan tanah tinggi dan lereng bukit? Mengapa masih diberi lampu hijau untuk menjalankan projek pembangunan walhal ianya tidak mendapat kelulusan atau sokongan dari Alam Sekitar? Mengapa masih dibanggakan dengan perbelanjaan sebenar berbanding belanjawan defisit saban tahun sedangkan perbelanjaan perlu untuk menangani banjir tidak disalurkan dengan mencukupi dan yang diperlukan tidak pula dibelanjakan semaksima mungkin? Mengapa negeri yang dikatakan bagus pengurusan kewangannya gagal pula mengurus isu banjir yang lebih 100 kali berlaku? Mengapa kesan taufan dari negara jiran atau seumpamanya yang amat jarang berlaku dipersalahkan sedang ada lebih 100 kali lagi banjir yang tiada kaitan dengan mana-mana taufan?

Jika mahu disenaraikan persoalan dan kemusykilan, saya rasa lebih panjanglah senarainya. Namun suatu perkara yang kita dapat pastikan ialah apabila isu-isu yang memberi kelebihan kepada pihak Pakatan yang sering kita dapati adanya pelbagai cadangan dan gesaan agar pelbagai suruhanjaya dibentuk untuk memberi pendedahan kepada rakyat. Contohnya, desakan penubuhan Suruhanjaya Diraja untuk gantikan pasukan petugas khas dilantik kabinet bagi membantu siasatan kerugian Bank Negara dalam urusan pertukaran matawang asing sekitar tahun 1990-an, desakan penubuhan Suruhanjaya Diraja terhadap 1MDB, desakan penubuhan Suruhanjaya Diraja untuk siasatan terhadap tragedi Memali, desakan penubuhan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) serta anak syarikatnya Felda Global Ventures Berhad (FGV). Sehubungan ini, mengapa tidak dibuat satu suruhanjaya siasatan untuk tujuan ini, suruhanjaya siasatan khas ini perlu, perlu dianggotai oleh ahli-ahli yang bebas daripada pengaruh politik dan tenaga pakar yang terlibat dalam sektor-sektor berkaitan dan Bukan Badan Kerajaan. Bebas dari halangan daripada mana-mana pihak yang berkepentingan. Menggariskan dengan jelas sebab-sebab kejadian banjir yang berulang sepanjang tahun kebelakangan. Membentangkan hasil siasatan secara menyeluruh kepada wakil Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di Pulau Pinang serta kepada rakyat Pulau Pinang secara umumnya bagi menyelaraskan dengan prinsip CAT Kerajaan Negeri. Meneliti, mengkaji dan seterusnya melaporkan cadangan-cadangan bagi penyelesaian isu banjir. Memberi cadangan agar pihak-pihak yang terlibat dapat mengambil tindakan-tindakan susulan yang berteraskan kepentingan rakyat. Rekod menunjukkan Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang bermula tiga tahun yang lalu hanya menerima peruntukan bernilai 4.28% bagi tahun 2014, 3.9% bagi tahun 2015, 2.36% bagi tahun 2016, akhirnya 2.6% bagi tahun 2018 untuk jumlah peruntukkan keseluruhan. Data tersebut jelas membuktikan bahawa peruntukan disediakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang kepada jabatan utama yang terlibat dalam proses mengatasi banjir semakin menurun walhal kekerapan banjir pula semakin meningkat.

Saya sebenarnya kurang faham bagaimana peruntukkan yang semakin kurang saban tahun ini mampu membantu dalam usaha mengatasi antara permasalahan utama rakyat Pulau Pinang pada hari ini. Saya juga sebenarnya terkilan melihat jurang dalam peruntukkan di antara Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Ketua Menteri. Menurut data, Jabatan Ketua Menteri telah menerima peruntukkan bernilai 20.08% bagi tahun 2014, 23.24% bagi tahun 2015, 38.46% bagi tahun 2016 dan baru-baru ini, 30.24% bagi tahun 2018 daripada jumlah keseluruhan peruntukkan belanjawan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Peruntukkan untuk Jabatan Ketua Menteri sahaja terlalu tinggi berbanding dengan peruntukkan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang kepada Jabatan Pengairan dan Saliran bagi mengatasi masalah banjir yang kian menjadi masalah besar rakyat negeri ini. Saya pelik sebenarnya melihat keadaan ini. Bagaimana peruntukan yang sebegitu sedikit berbanding dengan peruntukan Jabatan Ketua Menteri mampu memberi ruang dan peluang kepada usaha mengatasi banjir di negeri ini. Tidak cukup dengan keadaan sebegini, Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang juga telah menghabiskan hampir RM305 juta untuk kajian terowong bawah laut yang tidak lengkap sehingga ke hari ini. Sebegitu banyak wang rakyat dihabiskan untuk perkara-perkara yang tidak membawa manfaat pada hemat saya yang mustahak kepada rakyat negeri ini. Manakala masalah-masalah yang lebih penting seperti banjir yang jelas mengakibatkan kesan buruk kepada kehidupan seharian rakyat tidak diberikan perhatian yang wajar. Walaupun Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pernah menjanjikan penyelesaian terhadap banjir kepada rakyat negeri ini dalam proses mendapatkan kuasa. Nampaknya kini, janji sekadar janji manakala rakyat terus menderita. Adakah ini yang dikatakan sebagai Kerajaan Rakyat? Saya dengar sekarang di *coffee-coffee house*...(dengan izin), di kedai-kedai kopi yang telah menyamakan, sinonim, DAP adalah *'Developer Associate Party'*. Ini bukan saya kata, ini yang saya

dengar. Benar atau tidak, saya tidak pastilah. Cuma itu yang saya dengar.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, pertama sekali saya berpendapat bahawa Y.A.B. Ketua Menteri perlu meneliti semula jurang dalam jumlah peruntukkan ini supaya mengagihkan peruntukan yang bersifat lebih realistik dan berteraskan keperluan rakyat dapat disediakan. Peningkatan dalam keadaan banjir di Pulau Pinang semakin merisaukan. Tempat-tempat yang suatu ketika dahulu tidak pernah banjir kini mula mengalami banjir. Air banjir pula semakin hari semakin keruh, yang mana membuktikan secara jelas ia tidak berpunca dari peningkatan kadar hujan sahaja dan kejadian air pasang semata-mata. Nampaknya sudah tiba waktu bagi Y.A.B. Ketua Menteri bersama rakan-rakan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mewujudkan satu badan pakar khas yang bebas untuk menasihati Kerajaan Negeri di atas soal-soal berkaitan masalah-masalah alam sekitar di negeri ini. Terlalu banyak projek-projek pembangunan yang jelas menjejaskan alam sekitar diluluskan.

Jangan kita lupa pada insiden tanah runtuh di tapak pembinaan bangunan di Lengkok Lembah Permai, Tanjong Bunga yang meragut 11 nyawa baru-baru ini. Sebegitu juga dengan kejadian tanah runtuh di Tanjong Bunga yang akibat peristiwa banjir baru-baru ini. Adakah Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sedar akan realiti di sebalik kejadian-kejadian ini yang tidak melainkan kerana dasar mereka sendiri yang memberi laluan kepada projek-projek pembangunan yang jelas memberi kesan kepada kemenjadian alam sekitar di negeri ini. Kawasan-kawasan bukit yang menjadi zon tadahan air kini mula diganggu, dirata, dihapus untuk memberi laluan kepada projek-projek pembangunan yang langsung tidak memberi manfaat kepada rakyat. Kawasan-kawasan persisiran laut yang menjadi ruang saluran keluar air kini cuba di ubah menjadi akan datang menjadi pulau-pulau eksotik buatan manusia ditambah untuk memberi laluan kepada projek-projek perumahan yang mampu lihat sehingga menghimpit ruang saluran keluar air.

Pembangunan di negeri ini pula dilakukan terlalu ekstensif sehinggakan tanah yang sepatutnya menjadi ruang tadahan air semula jadi kini dipenuhi dengan projek-projek yang dijadikan tanah *over dense* lalu tidak memberi ruang kepada air hujan untuk menyalur keluar.

YB. Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya membuat perbandingan perbandingan belanjawan dan perbelanjaan sebenar bagi tahun 2016 dengan 2015 untuk 5 jabatan dari Laporan Belanjawan Kerajaan Negeri. Di antara Jabatan tersebut :-

- (i) Jabatan Pertanian peruntukan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM11.9 juta, perbelanjaan sebenar RM10.4 juta. Peruntukan yang tidak dibelanjakan RM1.4 juta bersamaan dengan 12%;
- (ii) Jabatan Hutan peruntukan sebanyak RM5.64 juta lebih kurang RM5.4 juta, perbelanjaan sebenar RM5.13 juta. Peruntukan tidak dibelanjakan RM0.325 juta bersamaan dengan 6%;
- (iii) Jabatan Kebajikan Masyarakat peruntukan belanja RM10.4 juta, perbelanjaan sebenar RM9.5 juta. Peruntukan tidak dibelanjakan RM0.8 juta bersamaan dengan 8%;
- (iv) Jabatan Pengairan dan Saliran peruntukan pada 2015 RM47 juta, perbelanjaan sebenar RM46 juta. Peruntukan yang tidak dibelanjakan RM1 juta lebih bersamaan dengan 2%;
- (v) Jabatan Kerja Raya RM59 juta 2015, perbelanjaan sebenar RM34 juta. Peruntukan yang tidak dibelanjakan RM24 juta.

Figure Jabatan Kerja Raya ini kena *confirm* balik sebab penggal lepas ada minta ada pertukaran tapi setakat ini itulah. Keseluruhannya untuk lima (5) Jabatan ini RM134.46 juta, dan perbelanjaan sebenar RM106 juta dan peruntukkan yang tidak dibelanjakan hampir RM28.3 juta bersamaan dengan 21% yang tidak dibelanjakan untuk lima (5) Jabatan sahaja.

Pada tahun 2015 :-

- (i) Jabatan Pertanian RM12 juta , yang dibelanjakan RM10.9 juta peruntukkan yang tidak dibelanjakan RM1 juta bersamaan dengan 9%;
- (ii) Jabatan Hutan RM6.8 juta yang dibelanjakan, RM5.6 juta, yang tidak dibelanjakan RM1.2 juta bersamaan dengan 18%;
- (iii) Jabatan Kebajikan Masyarakat RM10.4 juta, yang dibelanjakan RM10.3 juta, yang tidak dibelanjakan RM0.144 juta bersamaan dengan 1%;

- (iv) Jabatan Pengairan dan Saliran yang diperuntukkan RM52 juta, yang dibelanjakan RM50 juta, yang tidak dibelanjakan RM1.6 juta bersamaan dengan 3%;
- (v) Jabatan Kerja Jabatan Kerja Raya yang diperuntukkan RM61 juta, yang dibelanjakan RM55 juta, yang tidak dibelanjakan RM5.9 juta bersamaan dengan 10%. Jumlahnya RM142 juta, yang dibelanjakan RM132 juta, yang tidak dibelanjakan RM10 juta bersamaan dengan 7%.

Walaupun kita lihat ada perubahan yang lebih baik, Jabatan Kerja Raya seolah-olah terus menghadapi kekangan pelaksanaan belanjawan kerana 10% dari peruntukkan belanjawan jabatan tidak digunakan.

Manakala Jabatan Ketua Menteri untuk tahun 2016 didapati RM81 juta ataupun 26% tidak dibelanjakan. Peruntukan pada 2014 RM204 juta lebih kurang ya 2014, 2015 RM222 juta, 2016 RM308 juta, 2017 RM862 juta, 2018 RM800 eh RM585 juta.

Saya buat *round up figure* sahaja semua. Perbelanjaan sebenar 2014 RM185 juta, 2015 RM203 juta, 2016 RM227 juta. Jumlah yang tidak dibelanjakan 2014 RM18.8 juta, 2015 RM19.5 juta, 2016 RM81 juta. Dari peruntukan tahun 2014, 9% tidak dibelanjakan, 2015, 9% tidak dibelanjakan bersamaan 2016, 26% tak dibelanjakan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengemukakan beberapa soalan yang telah saya bangkitkan pada sidang DUN November 2016. Adakah pihak Kerajaan Negeri mengkaji punca peruntukan yang tidak dibelanjakan? Adakah ianya tidak perlu atau terdapat kesilapan dalam menetapkan keutamaan semasa belanja dirangka? Bagaimana pula kesannya kepada pihak rakyat yang mengharap kesan positif perbelanjaan tersebut terhadap kehidupan seharian mereka? Adakah pihak Kerajaan Negeri cuba mendapatkan *mileage*...(dengan izin) dari pengekangan perbelanjaan dan menunjukkan penjimatan sebagai satu langkah pengurusan kewangan negeri yang bijak? Apakah tujuan membentangkan bajet defisit jika saban tahun ianya berakhir dengan belanjawan lebihan? Apakah tujuan permainan belanjawan seumpama ini yang diamalkan secara berterusan kerana pihak Kerajaan Negeri seolah-olah sudah pastinya ianya akan mencatatkan lebihan belanja? Dan sebagai tambahan saya ingin tahu, apakah belanjawan besar yang dijimatkan di Jabatan Ketua Menteri menjadi taruhan selamat bagi menunjukkan bahawa Kerajaan ini mengalami defisit? Bahawa Kerajaan tidak mengalami defisit?

Pada hemat saya ini tiada kaitan dengan urus tadbir CAT atau samada bersih atau tidak kepimpinan Kerajaan Negeri. Bahkan ianya adalah satu permainan belanjawan populis yang bertujuan mengaburi mata rakyat yang akhirnya rakyat pula menjadi taruhan. Saya khuatir jika amalan mengekang perbelanjaan kritikal untuk kebajikan rakyat dan dikenakan cukai dengan tujuan semata-mata mencapai bajet lebihan.

Kerajaan Negeri boleh berbangga dengan kedudukan yang baik dari Laporan Audit Negara dan sebagainya. Walau bagaimanapun pada hemat saya, hasil pengurusan kewangan yang baik itu bukanlah hanya diukur dari segi anugerah dan kedudukan yang dicapai semata-mata. Paling penting ialah bagaimana pengurusan kewangan negeri itu dapat dimanfaatkan oleh rakyat.

Sekarang kita boleh lihat kesan-kesan kepada catatan lebihan yang dibanggakan oleh Kerajaan Harapan setiap tahun. Kejadian banjir ini diharap akan memberi iktibar agar perbelanjaan yang penting perlu dan segera mestilah dibelanjakan dengan bijak. Adalah amat mendukacitakan jika amalan sedemikian telah menjadi polisi tidak bertulis dan satu kemestian demi mempamerkan kebijaksanaan mengurus kewangan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Y.A.B. Ketua Menteri bagi penerangan pada tahun lalu bahawa peningkatan drastik dalam peruntukan Jabatan Ketua Menteri adalah disebabkan oleh pinjaman bernilai RM600 juta untuk penggunaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Tujuan pinjaman tersebut dikatakan adalah untuk membiayai kos pengambilan balik tanah dan pembangunan infrastruktur demi memastikan pembangunan yang seimbang terutamanya di bahagian Seberang Perai. Hari ini bahagian Seberang Perai yang menjadi kawasan yang mengalami kemusnahan paling teruk ekoran kejadian banjir baru-baru ini.

Mungkin Y.A.B. Ketua Menteri boleh menerangkan apakah yang dimaksudkan oleh beliau sebagai pembangunan yang seimbang? Kerana apa yang terjadi di Seberang Perai hari ini adalah hasil pembangunan yang tidak terkawal semata-mata. Saya rasa wajar jika saya bertanya apa yang telah terjadi dengan pinjaman bernilai RM600 juta dengan tujuan memastikan pembangunan yang seimbang khususnya di bahagian Seberang Perai kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

Saya juga maklum bahawa sejak mengambil alih pemerintahan negeri pada tahun 2008, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan telah bertindak untuk meningkatkan cas nilai peningkatan nilai tanah (dengan izin)...*charge for enhancement of land value* daripada 25% ke 50% di kawasan Pulau dan 12% buat pertama kalinya di kawasan Seberang Perai. Kenaikan cas peningkatan ini nilai tanah ataupun *charge of enhancement of land value* yang dikenakan terhadap syarikat-syarikat pemaju dikatakan bertujuan untuk mengumpul dana bagi mengadakan program-program untuk rakyat yang memerlukan. Persoalan saya, adakah dana yang terkumpul sejak tahun 2009 ini telah digunakan untuk mengatasi masalah banjir di negeri ini? Jika ya, kenapa nilai peruntukan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri masih berada di tahap yang rendah secara puratanya 3.93% berbanding jumlah peruntukan keseluruhan dan dimanakah dana terkumpul itu telah digunakan?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih YB. Dato' Speaker, dan YB. Telok Bahang nampak semua dah pakat mengantuk dah ini. Ya, YB. Telok Bahang kata tadi *enhancement charges, convention fees, development charges* macam-macam *charges*. Kutipan berlipat ganda dibuat daripada sebelum ini dan kutipan bayaran yang belum pernah dikenakan sekarang dikenakan, satu contoh yang tadi bayaran untuk perparitan naik 500% dari RM10,000 se ekar yang terpaksa dibayar oleh pemaju kepada RM50,000 seekar. Jadi kutipan ini pun sudah melebihi RM100 juta dan tidak dibelanjakan sepenuhnya dan saya rasa perlu diberi jawapanlah kepada perkara-perkara ini.

Satu, kenaikan saya tanya kepada YB. Telok Bahang kesannya kepada pemaju bila semua bayaran-bayaran ini dilipat gandakan tentu ia membebankan pemaju. Mungkin ada sebab-sebab tertentu dikenakan bayaran-bayaran ini tetapi selalunya sebagai pemaju untuk mengekalkan kadar keuntungan semua kenaikan-kenaikan ini akan dilambakkan kepada pembeli, ya. Kalau tidak projek tidak akan menjadi *viable*. Jadi ini adalah satu daripada penyebab kenapa harga rumah dan lepas itu kos sara hidup kepada penduduk Pulau Pinang ini meningkat. Tetapi adakah setimpal kenaikan itu semua kutipan wang yang diperolehi ini dengan pembangunan yang di bawa tambahan kepada infrastruktur yang diberi kepada rakyat Pulau Pinang yang terpaksa ditanggung oleh rakyat dengan kenaikan harga sara hidup?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih YB. Dato' Jahara. Semua kita maklum apa sahaja *fees* yang kita naikkan daripada Kerajaan penanggung akhirnya adalah rakyat. Apa sahaja yang kita naikkan, pemaju akan meletak kenaikan kos ini kepada rakyat. Walau bagaimanapun saya tidak ada apa-apa jawapan. Kita minta kepada Kerajaan Negeri untuk memberi jawapan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, walaupun kejadian banjir yang kini menjadi antara masalah utama rakyat di negeri ini, saya rasa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang tidak memberi penekanan yang sewajarnya untuk menyelesaikan isu ini. Sekali lagi membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang tidak menetapkan *priority*, keutamaan terhadap keperluan rakyat. Bak kata YB. Seri Delima tak ada, YB. Seri Delima, saya ini *gentlement* dia tak ada nak sebut macam mana? Sebut sajalah, bak kata YB. Seri Delima dalam ruang komen media sosialnya "*ask God not the State Government*" apabila ditanya oleh rakyat mengenai punca peningkatan kadar banjir sejak kebelakangan ini. Tunggu dia komen la bila-bila.

Lagi satu perkara yang membuatkan saya terkilan adalah jumlah peruntukan Bahagian Kerajaan Tempatan dibawah Jabatan Ketua Menteri. Pada tahun 2015, Bahagian Kerajaan Tempatan hanya menerima peruntukan bernilai 0.14% daripada jumlah peruntukan keseluruhan, manakala bagi tahun, bagi tahun 2016, ulang balik. Pada tahun 2015, Bahagian Kerajaan Tempatan hanya menerima peruntukan bernilai 0.14% daripada jumlah peruntukan keseluruhan. Manakala bagi tahun 2016, 0.08% bagi tahun dan bagi tahun 2017, 0.05%.

Yang merisaukan saya adalah bagi tahun 2018 pula, Bahagian Kerajaan Tempatan hanya menerima peruntukan bernilai 0.12% sahaja daripada jumlah peruntukan keseluruhannya.

Berpegang pada data ini, saya mempunyai beberapa soalan kepada Kerajaan Pakatan Harapan :

- (i) Bagaimanakah Bahagian Kerajaan Tempatan yang turut terlibat sebahagian besar dalam program-program mitigasi banjir dapat berfungsi secara optimum menggunakan peruntukan yang cukup terhad ini;
- (ii) Adakah dana yang dikutip melalui cas peningkatan nilai tanah disuntik oleh kepada Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Ketua Menteri, jikalau ya, boleh diperincikan;

- (iii) Kenapa dalam keadaan di mana Jabatan Ketua Menteri menerima peruntukan yang sebegitu besar, Bahagian Kerajaan Tempatan yang turut berada di bawah jabatan yang sama menerima peruntukan yang sangat kecil, walhal bahagian tersebut turut berperanan dalam usaha mengatasi masalah banjir di negeri ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, projek-projek pembangunan secara jelas memberi kesan terhadap alam sekitar, terus diluluskan tanpa menghirau kesan dan akibatnya terhadap alam sekitar dan yang paling penting, rakyat negeri ini.

Dalam masa yang sama, peruntukan bagi jabatan dan bahagian-bahagian yang terlibat dalam gerak kerja mengatasi masalah banjir pula, kekal pada tahap yang sangat rendah berbanding dengan jabatan-jabatan lain khususnya Jabatan Ketua Menteri. Dana-dana yang dikumpul, untuk membantu rakyat yang memerlukan pula tidak pasti disuntik dan digunakan untuk tujuan apa. Pelbagai ketidaktentuan dalam kaedah pengurusan negeri oleh Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang, mula menimbulkan keresahan dan persoalan dalam diri saya mengenai hala tuju negeri ini.

Rakyat bertanya di sesi-sesi forum, dan perbincangan awam pula disuruh pula dengan nada *sarcastic*...(dengan izin) untuk menubuhkan parti politik demi tujuan menjatuhkan Kerajaan Negeri. Yang jelas pada hari ini, setelah 9 tahun memerintah bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan harus sensitif terhadap keperluan rakyat negeri ini.

Sepertimana yang saya dengar, keluhan mereka yang penting adalah untuk menjual saki baki tanah di negeri ini, ini luahan di kedai-kedai kopi. Untuk proses permohonan yang tidak terkawal tanpa mengira kesan dan akibatnya terhadap kehidupan rakyat pada hari ini dan masa akan datang. Masalah-masalah rakyat terus dijadikan retorik dalam soal mengekalkan kuasa. Hari ini Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak yang sering dicaci, difitnah, dihina oleh pihak Pakatan Harapan juga menjadi tempat Kerajaan Negeri Pulau Pinang meminta bantuan.

Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dapat kembali kepada realiti sebenar dan melaksanakan dasar-dasar yang benar-benar berteraskan kepentingan rakyat negeri ini. Saya merayu kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tolong berhenti meluluskan projek-projek pembangunan yang dijalankan tanpa kawalan agar kita dapat memastikan kelangsungan kehidupan rakyat Pulau Pinang pada hari ini dan pada masa-masa yang akan datang.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia hari ini saya telah membangkitkan beberapa perkara utama yang pada pandangan saya menjadi masalah utama kepada rakyat negeri ini, dan memerlukan perhatian serius dan tindakan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan Negeri.

Adalah jelas, penyelesaian masalah banjir di Pulau Pinang:

- (i) Dihantui oleh pendekatan mengalih tanggungjawab kepada Kerajaan Pusat;
- (ii) Ianya disentak oleh kecenderungan 'sayangnya' Kerajaan Negeri kepada projek-projek pembangunan yang tidak terkawal dan kedegilan untuk meneruskan projek-projek yang terus memburukkan.
- (iii) Ia disukarkan dengan perbelanjaan yang dikekang demi mencapai anggapan bahawa pengurusan kewangan fizikal yang mencatatkan angka *surplus* adalah mencerminkan kerajaan yang cekap, amanah dan telus.

Sedarlah kita bahawa di saat kita bersidang ini, mangsa-mangsa masih berada di tempat-tempat pemindahan banjir. Mereka begelut dengan keadaan pasca banjir, kemusnahan, kehilangan harta benda, nyawa amatlah perit. Ini belum diambil kira, kesan-kesan tambahan seperti kejatuhan kadar produktiviti, sumber pendapatan, kualiti kehidupan seharian secara umumnya.

Y.A.B. Ketua Menteri di dalam salah satu ceramah, pernah melabelkan PAS sebagai parti yang gagal kerana isu berkaitan banjir. Jadi sekarang, apakah tidak DAP juga adalah sama jika berdasarkan apa yang telah disarankan oleh Y.A.B. Ketua Menteri? Cukuplah dengan apa yang telah berlaku, pandanglah hadapan, eratkanlah silaturrahim, hapuskanlah kebongkakan dan kesombongan bahawa Pulau Pinang adalah terbaik dan lebih baik, manakala negeri-negeri lain adalah gagal dan mundur.

Adakah ini yang dikatakan negeri yang berjaya? Pulau Pinang bukan dilanda beberapa kali banjir, tetapi telah mencapai angka yang lebih 100 kali banjir di tahun-tahun kebelakangan ini. Tidakkah kejadian banjir berulang ini satu cerminan dan prestasi Kerajaan Negeri.

Mengenai dana, saya masih belum berpuas hati. Saya inginlah saya hendak memohon kepada Kerajaan Negeri mengenai dana-dana yang dijual, tanah-tanah yang dijual dan saya telah *search* dalam semua internet saya tidak dapat maklumat-maklumat yang saya perlukan. Saya minta Kerajaan Negeri dapat sediakan dalam bertulis kepada saya.

Tahun 2010, tanah Taman Manggis, pembeli KLIDC, RM12 juta bentuk bayaran atau jangka masa, saya tidak tahu. 2011, 103 ekar (Bayan Mutiara), pembeli Ivory Properties berharga RM1 bilion lebih, jangka masa juga kita tidak tahu, atau dah bayar ke belum bayar. 2013, 110 ekar (Gurney Drive / Tanjong Tokong) pembelinya Consortium Zenith bernilai RM6.3 bilion, jangka masa pembayaran kita juga tidak tahu. 2013, 40 ekar (Batu Kawan) pembelinya PE Land *price* RM67 juta, kaedah pembayaran dan bagaimana kita pun tidak tahu. 2014, *land size* 470 ekar (Batu Kawan) pembelinya Eco World berharga RM1 bilion lebih, kita juga tidak tahu jangka masa bila duit ini dibayar. 2014, 204.67 ekar (Batu Kawan dan Bayan Lepas) pembelinya Temasek Singapore tidak ada maklumat, *undisclosed*. 2014, 245 ekar (Batu Kawan) Aspen pembelinya Aspen Vision, *pricenya* RM484 juta, kita pun tahu kaedah pembayarannya bagaimana. 2015, 4500 (South Penang Island) pembelinya SRS Consortium bernilai RM27 bilion, nak minta *confirmed* balik RM27 bilion pembayaran dan jangka masa kita tidak tahu. (kurang jelas) Kita tidak tahu.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

Tanya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kita tanya ya.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

Tanya, itu pun tidak ada lagi macam mana nak jual.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tanyalah.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

Saya pun hairan. Telok Bahang, itu tempat tidak ada, macam mana nak jual. Saya jual bagi *you*, *you* mahu....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Duduk sat. Duduk sat.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

You mahu. Telok Bahang mahu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) :

Itu saya tanya.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

Saya tahu. *You* tanya, kena tanya tanah itu yang berasaslah. Tanah itu mana, tidak tahu. Adakah?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tidak apalah. Yang Berhormat, janganlah sensitif. Saya tanya.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

Fakta. Ini fakta. Betulkah fakta?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini semua kita tanya. Kita tidak menuduh....(gangguan) Kita tanya.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

Telok Bahang, tanya boleh. Boleh. Tadi *you* sebut panjang-panjang, kita dengar. Boleh, tapi tanah ini SRS Consortium RM27 bilion, mana tanah itu, saya pun tidak tahu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tidak apalah, nanti kita gulunglah.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

Tunjuk itu tempat mana.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Kita tanya *you*. Kita tanya.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

Soalan boleh, tapi tanah itu memang tidak ada. Dewan ini tengok, adakah....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tidak apalah. Cakap tidak ada. Apa *problem*...(gangguan) Okey, Okey. Ini 2015, 19.8 (Batu Kawan) Jebel Group RM30 juta. 2015, 26 ekar (Bayan Mutiara) Ivory Properties *price* RM273 juta, kita hendak tahu disini tempoh pembayaran, jangka masa. Kita hendak tahu itu sahaja. 2015, 6.6 ekar *location* Juru, pembelinya Centurion Group Singapura *price* RM11 juta, kita tidak tahu juga maklumat. 2015, 36.53 (Bayan Baru) Ideal Property harga 382 ekar, RM382 juta, *undisclosed price but estimated*. 2015, 39.2 ekar (Pulau Jerejak) Ideal Property RM156 juta, *share* 49%, so kita hendak tahu *details*. 2016, 7.4 Peel Avenue Island, RM115 juta.

So, kita nak dapat sedikit maklumat mengenai jangka masa, tempoh *collection* wang-wang ini supaya kita lebih telus kepada semua, kepada pembangkang, pada kerajaan dan pada rakyat.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya nak alih kepada isu lain pulalah. Nanti tanya tanah, marah pula.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan sikit.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tanya pun tidak boleh dah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tanya sikit sahaja Dato' Speaker. Sikit, lepas ini Telok Bahang agaknya apa hendak dijual. Pulau, pantai, bukit....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Ini soalan provokasi. Kuat ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Komtar, PDC pun dah jualkan. Tinggal Komtar Road.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya berharap saya dapat jawab, tetapi saya tidak dapat jawablah Dato'. Saya juga ingin membahaskan isu-isu peruntukan dibawah program "*I Love Penang*". Saya sebenarnya amat hairan kerana apa yang dilabelkan sebagai rasuah atau gula-gula pilihanraya, ianya juga diamalkan oleh Kerajaan Negeri atau Pakatan Harapan. Walau bagaimanapun, saya percaya ianya semakin jelas kepada rakyat bahawa apa yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh Barisan Nasional adalah berada dilandasan yang betul. Cubalah kita semua ingat bagaimana dan reaksi Pakatan Harapan ketika BRIM mula-mula dilaksanakan. Ada yang menempelak, ada yang memandang sinis, ada yang menghina seakan-akan ianya satu yang tidak bijak yang dibuat oleh pihak yang terdesak.

Belanjawan Kerajaan Persekutuan dipandang enteng, belanjawan Kerajaan Negeri pula dipuja-puja. Apa lagi yang boleh, apa lagi saya boleh katakan sekarang jika Kerajaan Pakatan Harapan juga saban tahun memperkenalkan program-program yang serupa dan sekarang mendakwa mereka pula lebih hebat.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Pelancongan. YB. Danny. Pelancongan adalah nadi pembangunan dan enjin yang memacukan ekonomi negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, saya amat terkejut dengan laporan yang menyebutkan bahawa YB. EXCO Pelancongan dipetik sebagai berkata (dengan izin)...*"Kickbacks normal in generating business within tourism industry"*. Bahkan YB. Danny juga menyatakan bahawa ianya telah menjadi amalan sejak 30 tahun yang lalu.

Saya berpendapat kenyataan tersebut memberi gambaran yang salah kepada masyarakat, dan menjejaskan imej pelancongan negeri Pulau Pinang jika tidak dipenjelaskan dan diberikan takrifan yang betul. Oleh itu, saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sikit sahaja.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang) :

Saya, saya pun....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak minta....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Saya pun tidak ingat....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB Telok Bahang.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Apa itu?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa dia *kickbacks* ini, saya tidak tahu la *kickbacks*.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang) :

Ya, I pun tidak pernah sebut itu *kickbacks* yang mana.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya tidak pernah dengar.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Surat khabar itu *kickbacks* itu apa?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

You kick whose back?

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Maksud. Ya. Saya yang mana?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rayer) :

I think (Barisan) knows the meaning of kickbacks better than we do.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain jangan ganggu lah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Your back...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

Apa nama, okey Telok Bahang. Telok Bahang. *You* dok cari.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rayer):

Kita cakap fakta.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, ya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) :

Yang Berhormat. "George Town,...(gangguan audio)... *The state has no say when it comes to the issue of giving kickbacks or incentives in the state tourism industry. Penang Tourism Development, Culture, Arts and Heritage Committee Chairman Danny*). Nama Danny kan. *Nak confirmedlah, (in saying this described giving kickbacks as something normal in generating business within the tourism industry. Asked to comment on an article by Malaysia Outlook which had highlighted in the current state of the tourism industry in Penang. So, Yang Berhormat kalau tidak puas hati, berhubung dengan dia oranglah. Sebab yang code in here.*

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Saya pun tidak ingat bila itu cakap.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

So, ini. Ini, ini I give you. If you not right you put, then you correct back.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Untuk apa *kickback* itu apa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Tidak tahu. *You* yang cakap.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti selepas ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebab *I want to help you. You say something not right to the society, then you better do correction. Tidak apa, I show you. You don't do that, you better go and tell them you are not doing or you sue them...(dengan izin). I give to you.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sekejap, ada lagi. Ya, apa ni apakah yang dimaksud kerajaan tersebut sebenarnya. Adakah ianya satu amalan yang boleh diterima atau tidak, adakah ianya akan memusnahkan atau menggalakkan industri pelancongan ini. Saya berharap YB. EXCO Pelancongan dapat memberikan penjelasan mengenai perkara ini. Saya juga ingin menarik perhatian kepada persoalan apakah tempat atau daya tarikan dari *selling point* kepada industri pelancongan.

Kita tahu bahawa Pulau Pinang mendapat banyak pengiktirafan bahasa antarabangsa, terima kasih YB. tetapi adakah kedudukan contoh Fort Cornwallis dari segi penarafan di kalangan pengunjung Pulau Pinang, Fort Cornwallis ini berkedudukan 48 daripada 150 tempat menarik untuk dilawati di Pulau Pinang di Portal Trip Advisor. Pada hemat saya dengan hampir 50% pengunjung yang *berating average*. Ada satu perubahan perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan pihak yang dilantik untuk mengurus dan mengangkat penarafan *rating* pengunjung dalam tempat tarikan pelancong terutamanya di *fort* ini. Selain itu, saya juga ingin mendapatkan kemaskini maklumat mengenai perkara-perkara berikut dan persoalan ini pernah saya utarakan dalam sidang DUN yang lepas. Fokus Kerajaan Negeri terhadap pelancongan muslim dan apakah telah dicapai sehingga kini.

Nombor dua, adakah Kerajaan Negeri mempunyai sasaran atau perancangan tertentu untuk menjenamakan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan muslim? Apakah status bangunan Muzium Islam dan apakah Kerajaan Negeri mempunyai fokus peruntukkan kewangan dalam perancangan jangka panjang dalam memasarkan dan memajukan Program Pelancongan Luar Bandar, contohnya program-program *homestay* yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengambil masa yang lebih panjang, saya sudah ucapkan saya ini. Di Dewan yang mulia hari ini saya telah membangkitkan beberapa perkara utama pada pandangan dan hemat saya memerlukan perhatian serius Kerajaan Negeri. Saya berharap apa yang saya utarakan akan mendapat perhatian dan tindakan oleh Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Telok Bahang, seterusnya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Ya sila, YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Mesyuarat Kedua Pembukaan Persidangan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ketiga Belas.

Dengan ini saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah berjaya mentadbir negeri ini dengan cemerlang. YB. Dato' Speaker dan warga Dewan yang mulia, bahang pilihan raya semakin dirasai. Tempoh pemerintahan kita hampir sampai ke penghujungnya namun Batu Uban telah bersiap siaga untuk menghadapi PRU 14 dengan penuh keyakinan. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutama sekali YB. EXCO Perumahan kerana cukup prihatin dengan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk di kawasan saya. Satu-satunya lif di Flat Taman Jubilee Fasa 1 yang tidak dapat berfungsi lebih daripada empat (4) tahun akhirnya dapat berfungsi secara rasminya pada 1 Julai 2017 setelah dinaiktaraf dengan jumlah kos RM63,612.00 di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang membiayai 80% yakni RM50,896.96 manakala penduduk sekadar membiayai RM12,724.25 iaitu 20% daripada keseluruhan kos tersebut. Keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyentuh hati sebanyak 113 unit rumah flat di Taman Jubilee Fasa 1. Kehadiran lif itu disambut dengan penuh rasa kesyukuran umpama orang yang mengantuk disorongkan bantal. Perasaan gembira yang sama akan berlaku pada penduduk Taman Jubilee Fasa 2 apabila kedua-dua unit lif siap dinaiktaraf pada penghujung tahun ini. Daripada jumlah keseluruhan kos RM148,400.00 penduduk sekadar mengeluarkan RM29,680.00 atau 20% yang selebihnya dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan YB. EXCO Perumahan.

YB. Dato' Speaker yang saya muliakan, selain Taman Jubilee Fasa 1 dan Fasa 2, saya ingin mengambil kesempatan ini memaklumkan bahawa sebanyak 13 unit lif di lima (5) rumah flat di Batu Uban yang telah berjaya mendapat pembiayaan sebanyak 80% melalui tabung penyelenggaraan maksimum 80% Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti yang berikut :

Nama Flat:

- (i) Taman Jubilee Fasa 1, unit lif 1, jumlah kos RM63,612.20 atas pembiayaan ini 50% lebih, pembiayaan 20% penduduk RM12,724.25.
- (ii) Taman Jubilee Fasa 2. Jumlah kos RM148,400.00, pembiayaan 20% penduduk RM43,086.80.
- (iii) Flat Taman Utama Minden Heights, 3 unit lif.

- (iv) Flat Seri Nibong Bukit Jambul 4 unit lif lebih RM259,700.00 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri, RM207,760.00 dan dari pihak penduduk RM51,940.00.
- (v) Blok 33, Taman Pekaka, 3 unit lif. Jumlah kos RM206,700.00, yang kos dari kerajaan RM165,360.00 dan dari penduduk RM41,340.00. So jumlah 13 unit yang diselenggara dan ini saya kena tahniah Kerajaan Negeri tolong kaum-kaum di flat-flat yang duduk sini.

Selain penyelenggaraan lif, Blok 3 yang berdiri megah di Lengkok Nipah 3 juga mendapat pembiayaan projek pengecatan semula daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui YB. EXCO Perumahan. Jumlah kos pengecatan ialah RM165,360.00, Kerajaan Negeri membiayai 20% yakni RM33,072.00 manakala penduduk perlu membiayai 80% yakni RM132,288.00. Setakat awal bulan Oktober 2017, penduduk telah menunjukkan komitmen dengan kejayaan mengumpulkan RM112,288.00 dan masih kekurangan RM20,000 untuk menyempurnakan hasrat penduduk. Saya selaku YB. Kawasan telah membantu dengan RM10,000 manakala YB. Sim Tze Tzin, Ahli Parlimen Bayan Baru telah menyumbangkan RM5,000. Harapan saya dan penduduk untuk mendapatkan RM5,000 daripada ADUN Pantai Jerjak, yang juga TKM I, Pulau Pinang tidak berjaya. Akhirnya penduduk terpaksa memerah otak mencari jalan untuk mendapatkan RM5,000 dengan usaha mereka sendiri. Tahniah kepada penghuni 3, Blok 3 akan berwajah baharu setelah dicat semula sedikit masa lagi.

Blok 38 yang terletak di Tingkat Batu Uban pada tahun-tahun yang lalu kelihatan kusam dan mencacatkan pandangan sesiapa sahaja yang melalui Jalan Sultan Azlan Shah. Akan tetapi atas inisiatif pelbagai pihak, Blok 38 atau Pangsapuri Century dengan jumlah kos RM162,000 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebanyak RM70,600, YB. Sim Tze Tzin, Ahli Parlimen Bayan Baru sebanyak RM16,500. YB. Dato' Haji Rashid bin Hasnon selaku TKM I Pulau Pinang sebanyak RM21,000. Saya selaku YB. kawasan telah memberikan sumbangan yang terbanyak RM23,900.00 manakala penduduk juga membiayai 19.52% iaitu sebanyak RM30,000.00. Sekalung penghargaan saya kepada semua pihak termasuk PDC yang diketuai oleh Datuk Rosli.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada MBPP kerana telah memberikan nafas baharu kepada Rumah Pangsa MBPP Sungai Nibong apabila kedua-dua blok iaitu Blok 715 dan Blok 716 telah dicat semula pada tahun 2015 dengan jumlah kos sebanyak RM148,800.00 yang kesemuanya dibiayai oleh MBPP. Sebanyak 120 unit rumah flat dapat menikmati suasana tempat tinggal yang ceria setelah dicat semula. Begitu juga dengan Flat Halaman Areka yang terletak di Lebuh Nipah, Taman Lip Sin, Flat Halaman Areka yang terdiri daripada 7 blok dengan jumlah 111 unit itu telah dicat semula pada tahun 2015 dengan jumlah kos RM140,000 pembiayaan 80% daripada pihak PDC iaitu sebanyak RM112,000 dan 20% daripada penduduk yakni RM28,000 dan saya ucapkan terima kasih kepada PDC sekali lagi.

YB. Dato' Speaker, Pangsapuri Sri Saujana yang berdiri megah di Lorong Sungai Dua sering ditenggelami air ketika hari hujan. Penghuni pangsapuri ini telah bergelut dengan masalah banjir kilat sejak tahun 90'an lagi. Bagi setiap kali apabila pangsapuri itu ditenggelami air, pasti ada kereta yang rosak dan penduduk terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk membaik pulih *depo* elektrik rosak akibat banjir. Penghuni menghadapi pelbagai kesulitan susulan kerosakan *depo* elektrik. Mereka terpaksa menumpang di rumah kawan dan sanak-saudara sepanjang tempoh kerja-kerja baik pulih *depo* elektrik dijalankan. Akan tetapi, tragedi banjir kilat yang menghantui penghuni Pangsapuri Sri Saujana selama 20 tahun ini akhirnya dapat dielakkan dengan teknikal *input* daripada JPS, JKR dan penduduk itu sendiri. Sebuah kolam takungan air telah dibina untuk menampung lebihan air hujan, tiga (3) pam telah dipasang untuk mengepam air dari kolam takungan ke parit yang ada di luar pangsapuri. Bunyi siren dipasang sebagai tanda amaran kepada penduduk untuk mengalihkan kereta masing-masing jika air hujan itu berada di paras yang berbahaya. Kos pembinaan kolam takungan air dengan pemasangan tiga (3) pam itu adalah lebih kurang RM20,000 yang dibiayai YB Chow, YB Sim dan diri saya sebagai YB kawasan dan penduduk masing-masing sebanyak RM5,000. Sudah terang lagi bersuluh bahawa tiada gunung yang tidak dapat didaki, tiada kusut yang tidak dapat dileraikan. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Musuh tradisi penduduk Pangsapuri Sri Saujana sejak berpuluh-puluh tahun dapat dipatahkan ketika Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Pakatan Harapan. Hujan lebat yang turun pada 15 September 2017 menyaksikan sebahagian kecil tempat letak kereta di bahagian belakang pangsapuri ditenggelami air setinggi paras betis, susulan air yang dipam keluar itu patah balik disebabkan kerosakan parit JKR di Jalan Helang. Hujan luar biasa yang turun pada 4hb November 2017 menyaksikan bahagian belakang ditenggelami air susulan air dari parit dan sungai melimpah masuk ke pangsapuri namun *depo* elektrik langsung tidak terkena walaupun setitis air banjir. Hujan luar biasa yang turun pada 4hb November 2017 menyaksikan air hujan dari parit di luar pangsapuri patah balik ke kawasan rendah di Pangsapuri Sri Saujana. Walaupun kawasan rendah ditenggelami air, namun tiada kerosakkan harta benda termasuk *depo* elektrik. Ternyata pembinaan kolam takungan air dan pemasangan tiga (3) pam itu

agak berkesan untuk membendung Pangsapuri Sri Saujana dilanda banjir kilat. Keadaan akan lebih sempurna lagi jika sebuah *water gate* dan sebuah pam baharu dipasang dengan anggaran kos sebanyak RM12,000.00. YB. Dato' Pantai Jerjak merangkap TKM I telah mengadakan lawatan ke Pangsapuri Sri Saujana atas keprihatinan beliau dengan permasalahan rakyat dan telah bersetuju atas dasar untuk membantu menyelesaikan masalah banjir di Pangsapuri Sri Saujana secara telus. Saya percaya dengan segala usaha ini dan dengan sempurnanya projek pembinaan jambatan *arc* dan pelebaran sungai di Jalan Sungai Dua pada akhir bulan Mac 2018 dan penyempurnaan projek pembinaan asrama di sebelah Pangsapuri pasti akan membebaskan penghuni Pangsapuri Sri Saujana daripada ancaman banjir kilat.

YB. Dato' Speaker yang saya hormati, selain itu, ada banyak projek infrastruktur yang saya jalankan dengan menggunakan peruntukkan KADUN saya sendiri. Penduduk di Taman Dafe atau Dafe Court Blok A yang terletak di Jalan Solok Kampung Relau 1 menghadapi keadaan jalan yang berlopolopak sejak 20 tahun yang lalu. Walaupun, hanyak terdiri daripada 40 unit tetapi kesejahteraan komuniti harus diutamakan dan akhirnya penduduk dapat menikmati keadaan jalan yang telah diturap semula pada 20 Ogos 2017 dengan jumlah kos sebanyak RM30,000.00.

Begitu juga Jambul *Apartments* yang terletak di pinggir Lebuh Bukit Jambul. Kedudukan Jambul *Apartment* nya yang bersempadan dengan Paya Terubong telah menimbulkan salah faham dalam kalangan penduduk sama ada permasalahan mereka perlu dirujuk kepada YB. Paya Terubong atau saya selaku YB. Batu Uban. Bil air kedua-dua blok tersebut mencecah RM85,000.00 disebabkan oleh kebocoran air paip di beberapa lokasi. Ketiadaan anggota perbadanan pengurusan menyukarkan kerja-kerja baik pulih. Saya selaku Yang Berhormat Kawasan terpaksa membantu penduduk mengaktifkan perbadanan pengurusan agar bantuan dapat disalurkan kepada penduduk. Dengan kerjasama penduduk akhirnya segala kebocoran air paip di Jambul *Apartments* dapat dibaiki dengan jumlah kos RM16,000.00 manakala bil tunggakan air sebanyak RM85,000.00 telah diserap oleh pihak pemaju IJM. Saya selaku Yang Berhormat Kawasan memang menyokong agenda *Cleaner, Greener, Healthier* dan *Safer Penang* yang sering diwar-warkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2008 lagi. Agenda ini memang sehati dengan jiwa saya yang juga merupakan seorang aktivitis alam sekitar dan kini merupakan ADUN dan sebahagian daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Namun di sebalik kisah gembira yang saya kongsikan tersebut, Batu Uban juga mempunyai kisah duka yang perlu dihabiskan untuk makluman dan tindakan pihak yang berkenaan. Hujan yang turun mencurah-curah pada 15 September 2017 telah meyaksikan Halaman Bukit Gambir 1, Gelugor dilanda banjir lumpur buat kali ketiga. Susulan tragedi itu, satu lawatan tapak bersama-sama dengan pelbagai agensi seperti JPS, JKR, MBPP, pemaju projek perumahan yang berdekatan iaitu Aroma Development Sdn. Bhd. dan anggota Persatuan Penduduk telah diadakan pada 26 September 2017, jam pukul 10.30 pagi. Hasil daripada lawatan tersebut, saya mendapati bahawa longkang atau parit yang ada di situ dipenuhi pasir atau lumpur sedalam dua (2) meter, longkang yang cetek itu tidak dapat menampung air hujan yang turun mencurah-curah, aliran air sungai yang deras menyebabkan banjir lumpur. Walaupun kawasan tersebut telah diserahkan kepada Majlis untuk tujuan penyelenggaraan, namun pintu *gate* berserta palang yang dipasang oleh penduduk demi keselamatan telah menghalang kemasukan pihak JKR ke situ untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan.

Susulan lawatan tapak tersebut, pihak JKR, JPS dan Kejuruteraan MBPP akan mengemukakan cadangan untuk menaik taraf sistem perparitan di situ agar pisang tidak berbuah kali kedua. Cadangan daripada pihak tersebut diharapkan akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tebatan Banjir nanti yang dipengerusikan oleh YB. EXCO Kerajaan Tempatan dan Tebatan Banjir.

YB. Dato' Speaker dan warga Dewan yang saya sanjungi, menurut penduduk yang tinggal di Halaman Bukit Gambir 1, kawasan tempat tinggal mereka selama ini tidak pernah dilanda sebarang bencana termasuk banjir lumpur. Akan tetapi setelah projek pembangunan bermula, penduduk dipagut kegelisahan setiap kali hujan turun mencurah-curah. Saya telah menulis dua (2) pucuk surat kepada Jabatan Bangunan untuk mengarahkan pemaju memikul tanggungjawab sosial dengan mengambil tindakan proaktif menaik taraf sistem perparitan dari muara sungai ke parit utama Persiaran Bukit Gambir. Namun tiada sebarang tindakan diambil. Saya cukup pelik bin ajaib kerana kepentingan komuniti adalah lebih penting daripada kepentingan individu pemaju itu sendiri. Pemaju Aroma Development Sdn. Bhd. yang telah dikenal pasti sebagai senarai pemaju yang sakit oleh Jabatan Perumahan Negara pada tahun 2015 itu telah mendapat kelulusan untuk pembinaan Projek Starhill Luxury Residence yang terdiri daripada pembinaan rumah teres tiga tingkat sebanyak 31 unit dan satu blok kondominium yang terdiri daripada 35 tingkat dengan jumlah 506 unit.

Sebagai Yang Berhormat Kawasan saya sendiri telah turun ke padang dengan mengadakan lawatan mengejut pada 23 Oktober 2017, saya mendapati bahawa projek itu terlalu dekat dengan bukit, ada kawasan bukit telah gondol sehingga perlu ditutup dengan kalung plastik, struktur pembinaan yang berpaut pada batu di lereng bukit menimbulkan pelbagai kesangsian dari aspek keselamatan dan ketahanan jangka panjang. Tiada sebarang pemantauan dilakukan oleh pihak berkuasa. Pekerja di lokasi kebanyakannya warga asing tidak memakai topi keselamatan dan sarung tangan jelas memperlihatkan aspek keselamatan pekerja telah diabaikan.

Saya cukup bimbang tragedi tanah runtuh yang berlaku di Lengkok Lembah Permai, Tanjung Bungah pada 21 Oktober 2017 berlaku di Bukit Gambir, Gelugor, DUN Batu Uban kerana malang tidak berbau. Berdekatan dengan projek perumahan itu pula ada kegiatan kuari yang menimbulkan pelbagai masalah pencemaran bermula dengan pencemaran bunyi kemudian udara sehingga penduduk rumah teres di kawasan sekitar dapat merasai gegaran setiap kali kegiatan itu dijalankan. Aduan demi aduan telah saya terima daripada penduduk yang mengalami tekanan emosi susulan kegiatan kuari tersebut. Bagaimanakah penduduk setempat dapat merasai suasana tempat tinggal yang *Cleaner, Greener, Safer* dan *Healthier* jika bunyi dentuman dan gegaran berlaku sepanjang masa. Janganlah slogan itu menjadi hiasan di mulut sahaja. Masalah ini kalau *you* kait dengan apa jadi di Tanjong Bunga, isu Tanjong Bunga ada satu kuari ada bangunan dekat lereng bukit dengan masalah yang baru kita timbul ada *flooding*, ada banjir. So bermakna *this is situation we have waiting for an accident to happen. A similar situation as since Tanjong Bunga or the same circumstances. So are we going to allow this accident to happen and then take action or are we going to take proactive action to make sure that this sort of accident are no more occurrence when we use slogan like Greener, Cleaner, Safer and Healthier Penang. I think is a high time.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dengan izin ya.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Dengan izin, *it is high time we started to act and despite all my attempt to raise my fear to this authorities concerned actin has to be taken. My suggestion is ti stop all works, siasat semula and make sure the same thing that occured in Tanjong Bunga will not occur again. We do not want a repeat of the tragedy and unless a cost is benefit is analyed there is a neet to act proact welly.* Lagi satu projek pembinaan bersebelahan dengan sekolah rendah, *I have got some picture I show you.* Kita tunjukkan gambar-gambar banjir. Ini pekerja yang kerja dengan tak ada kawalan *the same project*, banjir, banjir *because the blockage of the surface run off to the point a retaining wall. Retaining wall knock down recently with a heavy downpour, the one the we show you, rakam video we can show you a video is not doctored video it is a video taken by a resident. So please enough is enough, stop.*

Satu lagi projek pembinaan bersebelahan dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Jenis Tamil Subramaniya Barathee, Changkat Minden Jalan 1, Gelugor. Isunya waktu kerja pembinaan yang dibenarkan ialah 8.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali hari Ahad dan cuti umum. Akan tetapi, kerja-kerja pembinaan boleh berlanjut sampai lewat malam dan termasuk hari Ahad dan cuti umum. Dua (2) pucuk surat '*stop order*' saya yang bertarikh 18 Ogos 2017 dan 12 Oktober 2017 telah dihantar kepada Jabatan Kawalan Bangunan untuk tindakan yang sewajarnya tetapi langsung tidak diendahkan oleh pihak pemaju. Sikap pemaju yang beraja di mata dan bersultan di hati telah menyebabkan saya tergerak hati untuk mengadakan lawatan secara mengejut ke tapak pada 23hb Oktober 2017 dan mendapat pengesahan daripada penyelia lokasi di situ. Saya dapat bercakap dengan pengurus projek melalui telefon dan mengarahkannya agar mematuhi segala SOP dan ketetapan daripada pihak berkuasa akan tetapi hingga hari ini Kontraktor UCITA Sdn. Bhd. masih beroperasi seperti biasa seolah-olah mencabar kewibawaan undang-undang. Pihak Berkuasa Tempatan Undang-Undang yang ada umpama seekor singa yang kehilangan kuku dan taringnya.

YB. Dato' Speaker dan warga Dewan yang saya tabikkan seribu kali sanjungan, di sebalik pembangunan fizikal yang kita kejar, pembangunan mental telah kita abaikan, kekotoran kawasan persekitaran yang berpunca daripada tahap kesedaran sivik yang rendah telah menyebabkan beberapa kawasan di Batu Uban seperti Bukit Jambul, Batu Uban dan Flat Hamna Sungai Dua terdedah kepada risiko ancaman wabak demam denggi. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Wabak Denggi Peringkat Daerah Timur Laut Bilangan 42/2017, Batu Uban telah mencatatkan sebanyak 137 kes denggi sebanyak 10 gotong-royong telah diadakan di kawasan-kawasan yang terdedah kepada ancaman wabak demam denggi. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Jalan Perak, Jabatan Landskap MBPP, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) MBPP dan Jabatan

Penguatkuasaan MBPP kerana tidak putus-putus membantu membanteras wabak denggi walaupun aktiviti gotong-royong itu diadakan pada hari Ahad.

Sebaliknya penyertaan penduduk yang terdedah kepada ancaman wabak demam denggi itu amatlah mendukacitakan kerana bilangan boleh dikira dengan batang-batang jari yang turut serta ialah anggota perbadanan pengurusan atau persatuan penduduk, pegawai dari Pejabat KADUN dan staf daripada pelbagai jabatan MBPP. Dalam aktiviti gotong royong di BJ Court Bukit Jambul yang diadakan pada 28 Oktober 2017 memperlihatkan sampah, pukat ada di setiap sudut koridor. Warga asing yang diupah oleh penyelia bangunan untuk menjaga kebersihan kawasan persekitaran menghabiskan masa mengagihkan barang kitar semula di depo sampah untuk menjana sumber kewangan kepada diri sendiri. Langsung tiada pemantauan daripada penyelia bangunan memburukkan keadaan lagi, tayar-tayar buruk dirantai dalam satu ikatan sehingga menjadi tempat pembiakan nyamuk. Tanah yang tidak rata telah menjadi tempat takungan air telah disahkan oleh Pegawai Kesihatan yang hadir sebagai tempat pembiakan nyamuk.

YB. Dato' Speaker, isu di sini JKKK timbul semula Pantai Jerejak, ADUN Pantai Jerejak tiada di sini tetapi walau pun tiada di sini saya hendak ulang juga. Isu JKKK telah dibangkitkan dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu tetapi masih tidak dapat diselesaikan dengan bijak oleh YB. Pantai Jerejak yang juga Timbalan Ketua Menteri 1. Bagaimanakah pelantikan anggota JKKK itu berlaku tanpa pengetahuan dan pengesahan saya sebagai YB. Kawasan? Bagaimanakah anggota JKKK yang telah dilantik untuk bekerja dalam komuniti tanpa kerjasama dengan YB Kawasan? Bagaimanakah anggota JKKK itu berfungsi jika dirinya sendiri langsung tidak mahu tahu menahu tentang kejadian tanah runtuh di belakang rumah bernombor 19 Jalan Permai? Malah anggota JKKK itu begitu berani menegur Penghulu kawasan kerana tidak memaklumkan kejadian itu kepada dia? Bukankah JKKK yang perlu memaklumkan segala bentuk bencana dan masalah komuniti kepada Pejabat Daerah dan Tanah serta YB. Kawasan. Prosedur yang begitu mudah pun tidak difahamkan sedangkan telah memegang jawatan itu lebih daripada lapan (8) tahun. Bagaimanakah anggota JKKK itu menyokong agenda atau program Kerajaan Negeri jika asyik mengkritik YB. Kawasan sendiri? Tugas anggota JKKK ialah berkhidmat kepada pemimpin bukan asyik sibuk berpolitik sehingga tugas dan peranan dipikul oleh pegawai saya di pusat khidmat saya.

Oleh yang demikian sudah tiba masanya kita menyemak semula prosedur pelantikan seorang anggota JKKK. Kita sudah menjadi kerajaan. Kini ialah masa untuk kita *deliver* dan bukannya masa untuk kita menuding jari pada orang lain. Pelantikan JKKK harus berdasarkan prestasi dan bukan berdasarkan penghargaan semata-mata. Pelantikan seseorang anggota yang tidak berdasarkan merit atau taraf pencapaian tetapi semata-mata penghargaan dan pertalian tidak akan menjamin kelangsungan pemerintahan Kerajaan negeri. YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri yang saya muliakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

How long you still have? YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):

I'm about another 10 to 15.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okay.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Dalam belanjawan marhean kelmarin, Bajet Pulau Pinang 2018 yang dibentangkan pada hari Khamis yang lalu telah menyaksikan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk projek pemeliharaan alam sekitar termasuk pemeliharaan lereng bukit. Soalannya adakah peruntukan sebanyak itu akan disalurkan untuk pemeliharaan Bukit Relau atau lebih dikenali sebagai Botak Hills. Adakah pemaju di kawasan itu dipertanggungjawabkan untuk projek pemeliharaan lereng bukit.

Sebagai rumusan, sebelum itu ada satu dua hal saya hendak jelaskan. Ada satu dua pengumuman. Penyakit selepas banjir, selepas berbincang dengan Dato' Ir. Jaseni Maidinsa, CEO Perbadanan Perbekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), saya mendapat sedikit penerangan daripada beliau bahawa air minuman yang dibekalkan kepada orang awam boleh terdedah kepada pencemaran oleh air banjir. Hal ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat kerana memandangkan memang ada jangkitan beberapa penyakit seperti sakit kencing tikus (*Leptospirosis*), demam kepialu (*Typhoid*), *Cholera*, cirit birit yang berpunca daripada kuman-kuman seperti kuman Salmonella, Shigella, E-Coli dan

Amoebiasis serta lain-lain. Kesemua penyakit ini hanya dapat dielakkan jika air minuman dimasak atau dididihkan terlebih dahulu sebelum diminum. Selain itu, Kerajaan Negeri harus memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang penjagaan kebersihan diri dan kawasan persekitaran. Berdasarkan topik ini, tadi ada satu perbincangan berkenaan dengan isu ubat-ubatan dan isu pembaziran ubat-ubatan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan isu berkenaan dengan akses ubat atau akses kepada ubat-ubatan. Tadi YB. Jawi telah sebut pembaziran ubat-ubatan berpunca daripada sikap pesakit yang tidak mengambil ubat yang dibekalkan oleh pihak hospital dan klinik kerajaan apabila dia kurang lega. Oleh sebab inilah pesakit itu membazirkan ubat-ubatan. Hal ini memang tidak betul kerana pada kebiasaannya ubat-ubat yang diberikan seperti ubat antibiotik perlu digunakan selama lima (5) hari tetapi pesakit menghentikan pengambilan ubat apabila dia merasakan diri sudah lega, ini lah satu hal yang membuat ubat-ubatan dibazirkan.

Selain dari itu kami ada buat satu kajian dengan USM yang kaji memang betul ubat memang dibazirkan oleh pesakit, kenapa? Tidak ikut arahan macam mana hendak makan ubat. Nombor 1 tidak ikut arahan atau tidak ikut tiga (3) kali sehari atau dua (2) kali sehari dia tidak ikut apa yang disebut oleh doktor. Ubat-ubat di hospital dan klinik kerajaan selama ini dibekalkan oleh pembekal dari syarikat GLC seperti Pharmaniaga secara konsesi *that's another politics, that is another issue of politics, who give the concession, who doesn't get the concession, that's the issues* yang masalah ini pada masa dahulu ketika tahun 70'an, 80'an dan 90'an, ubat yang dibekalkan kepada pesakit hanya diberikan dua (2) hingga tiga (3) bulan disebabkan kekurangan kakitangan di pusat farmasi hospital kerajaan. Untuk menampung bilangan pesakit yang ingin mendapatkan bekalan ubat, bilangan kakitangan di hospital sekarang ini haruslah cukup. *So memang sampai budget cut tiap-tiap bulan memang dapat satu (1) bulan satu (1) kali sahaja tetapi lepas budget cut, yes this is true, after the budget cut there is prescription are now been gracious kalau you don't have to supply, what they do is I give you the prescription or they tell you to come back giving you short supply. That is because of a budget cut, for that please don't blame the hospital, you have to blame the whole system, the system fault, you can go and there is a political issues and at the moment i'm not going into it.*

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta maaf, minta laluan dan penjelasan daripada YB. Batu Uban. Adakah *budget cut* untuk menyumbang ubat-ubat dapat mengubah sikap pesakit? Adakah *budget cut* boleh mengubah sikap seseorang pesakit yang membazir?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

I agree with you that should not be the case.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Okey, so maksudnya YB. Batu Uban setuju dengan saya bahawa Kerajaan Persekutuan yang potongkan *budget* untuk farmasi dan ubat ini adalah satu tindakan yang salah kerana alasan yang diberi adalah untuk mengelakkan pembaziran ubat, maka kalau kita potong bajet untuk *supply* ubat tidak boleh ubah sikap seseorang pesakit untuk membazir, maka Kerajaan Persekutuan kena teruskan tambah bajet dalam farmasi ini, setujukah YB. Batu Uban?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Setuju. Sementara itu saya ingin menyentuh cadangan YB. Jawi dan YB. Seri Delima untuk menambah bilangan hospital untuk menampung keperluan pesakit. Walaupun kehadiran hospital diperlukan, namun pencegahan penyakit seperti barah yang berkait dengan tabiat buruk merokok harus dilakukan. Seperti sekarang, selepas tragedi banjir, kena ambil langkah-langkah pencegahan perlu diambil kerana rawatan di hospital adalah untuk seseorang yang sudah sakit. Lebih baik mencegah sakit, *the thing is budget yang best spend is pencegahan penyakit, you can build hundreds of hospitals, the infrastructure can never cater, no where in the world is that the answer, the answer is prevention, because remember, access to prevention is medicine. You kena guna ubat, do you know the problem is the ubat. They all are bahan kimia, mesti ada side effect, even your panadol has side effects. The issue is, better solution is prevention. The thing is money well spent in preventing including sanitation...* (dengan izin), *including kawalan in health care . For me health care is better spent than building big hospitals. Anyway, the other side on health care. I am not going into it.*

Lastly, one last part, oleh hal yang demikian, kempen gaya hidup sihat dan kempen penjagaan kesihatan dan kebersihan harus diutamakan. Wang harus disalurkan untuk tujuan itu dan bukannya dengan pembinaan hospital semata-mata. Dengan ini saya ucap terima kasih dan mohon menyokong.

YB Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Silakan YB. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2018 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2018 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari Khamis yang lalu.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah amat membanggakan di mana telah mencapai lebih bajet setiap tahun sejak 2008. Rizab tunai Negeri Pulau Pinang telah meningkat ke RM1.8 bilion manakala hutang Negeri Pulau Pinang telah menurun sebanyak 90%. Oleh itu, pertumbuhan KDNK Pulau Pinang dijangka akan bertambah hingga 6% pada tahun ini menjangkau kadar pertumbuhan KDNK Negara yang diramalkan pada 5.2% sahaja. Namun demikian kita tidak seharusnya terbawa-bawa oleh angka atau statistik sahaja. Ini adalah kerana angka dan statistik tidak semestinya mencerminkan tahap kesejahteraan ataupun kesejahteraan hidup rakyat jelata dengan menyeluruh. Kesejahteraan hidup rakyat Pulau Pinang bergantung kepada keberkesanan dasar dan polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan sama ada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, kos hidup harian rakyat jelata kian hari kian meningkat. Ia sememangnya amat membebankan mereka ataupun golongan yang berpendapatan rendah. Kebanyakan mereka ini sekarang selain daripada bekerja sepenuh masa, mereka banyak juga membuat kerja separuh masa sebagai peniaga atau penjaja pasar malam. Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang menambah jumlah peruntukkan ke dalam program Titian Sama supaya menyediakan satu perkhidmatan pinjaman makro kredit yang lebih banyak bagi membantu golongan-golongan penjaja ataupun peniaga kecil. Selain daripada penambahan jumlah peruntukan, saya juga berharap pengurusan program Titian Sama atau pinjaman makro kredit ini, pengurusan yang lebih profesional ke atasnya termasuklah membuat promosi tentang kemudahan pinjaman mikro kredit ini dan juga mengkaji ataupun mengadakan satu mekanisma yang lebih menyeluruh bagi membuat pengutipan balik pinjaman mikro kredit ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, pembangunan infrastruktur di kawasan desa luar bandar adalah penting bagi memastikan mereka yang duduk di kawasan tersebut dapat hidup dengan lebih selesa. Terdapat tiga (3) aspek pembangunan infrastruktur yang saya maksudkan ini iaitu satu (1), pembinaan atau penurapan jalan *mini tar* kampung, kedua pembinaan sistem perparitan yang lebih sistematik dalam kampung dan juga pemasangan lampu jalan di dalam kampung. Selama ini, sememangnya terdapat sesetengah jalan *mini tar* kampung memang tidak akan didaftarkan dibawah MARRIS. Maka penyelenggaraan jalan-jalan *mini tar* kampung yang telah didaftarkan di bawah MARRIS akan diselenggarakan menggunakan peruntukan di bawah duit MARRIS tetapi ada banyak lagi jalan kampung yang masih berstatus jalan tanah yang belum ada penurapan dengan tar. Jadi, kalau sekiranya jalan-jalan kampung ini serta perparitan di dalam kampung dan juga lampu jalan selama ini kita hanya bergantung kepada peruntukan bagi maksud P16 (02) sahaja dalam usaha kita membangun infrastruktur dalam kampung. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri dapat memperuntukkan satu peruntukan khas yang cukup spesifik bagi tujuan pembangunan infrastruktur iaitu penurapan jalan *mini tar* kampung, menaik taraf sistem perparitan dalam kampung dan juga pemasangan lampu jalan.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya percaya banyak Ahli-ahli Dewan ini telah menyentuh tentang kejadian banjir, bencana ribut yang telah melanda Pulau Pinang pada hujung minggu yang lepas dan kini kebanyakan kawasan yang dilanda banjir itu sedang kita melakukan kerja-kerja pembersihan dan sebagainya. Dalam aspek ini kita nampak pekerja-pekerja khususnya daripada Pihak Berkuasa Tempatan, MPSP dan juga MBPP telah bertungkus-lumus bekerja 24 jam tanpa berhenti bagi memastikan dan membantu mengangkut sampah-sampah daripada yang telah tertinggal akibat daripada bencana banjir ini. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya sebagai tanda penghargaan kepada mereka, bolehlah kita bagikan sedikit elaun tambahan kepada pekerja-pekerja PBT ini sebagai tanda penghargaan.

Dengan ini saya menghabiskan perbahasan ini, saya memohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bukit Tengah. Sebelum saya sambungkan mesyuarat, saya ingin tangguhkan Dewan tiga (3) minit.

Dewan ditangguhkan selama tiga (3) minit.

Dewan disambung semula.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Selesai ya? Terkejut saya..(ketawa). Terima kasih YB. Bukit Tengah. Saya ingin sambung dengan YB. Bertam, silakan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan di atas kesempatan diberikan kepada saya untuk turut bersama-sama dalam perbincangan mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan 2018 dan Usul Anggaran Pembangunan 2018. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dewan kerana setakat sekarang ini Dewan berada dalam suasana yang cukup tenang dan muhibbah.

YB. Dato' Speaker, saya minta izin untuk terus kepada muka surat 30 ucapan Bajet 2018 Negeri Pulau Pinang oleh YAB. Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang di Persidangan Dewan Undangan Negeri 2 November 2017, *paragraph 77* di bawah Kelestarian Alam Sekitar RM10 juta untuk perlindungan bukit. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah mempertimbangkan dan telah memasukkan bajet sebanyak RM10 juta ini ke dalam Bajet 2018. *Paragraph 77* berbunyi, "Kerajaan Negeri telah bertindak secara proaktif terhadap bencana alam dan semasa mengendalikan krisis kita segera turun padang dan memberi khidmat bantuan serta membaiki kerosakan yang berlaku akibat banjir dan tanah runtuh. Walaupun langkah-langkah pencegahan telah pun di ambil oleh Kerajaan Negeri. Perubahan iklim telah mengakibatkan peralihan paradigma sehingga infrastruktur sedia ada menjadi lapuk dan tidak berguna menghadapi cabaran-cabaran yang baru". *Paragraph 78* berbunyi, "Selain urusan krisis Kerajaan Negeri ingin proaktif dalam menangani isu alam sekitar secara bersifat pencegahan RM10 juta akan diperuntukkan bagi perlindungan lereng bukit bersama dengan kajian perubahan alam khususnya pertanian haram dan berdasarkan pemerhatian yang dibuat tanah runtuh kurang berlaku di kawasan yang mempunyai pembangunan berbanding kawasan yang tidak dimajukan. Jelas kerja-kerja tanah dilakukan semasa pemajuan tanah selama ini tidak berlaku dalam kes pertanian haram".

YB. Dato' Speaker, saya sebenarnya amat risau dalam *paragraph 78* ini di mana walaupun sejumlah wang RM10 juta diperuntukkan tetapi kenyataan yang dibuat menyatakan bahawa tanah runtuh berdasarkan pemerhatian yang dibuat tanah runtuh kurang berlaku di kawasan yang mempunyai pembangunan berbanding kawasan yang tidak dimajukan dan ini seolah-olah adalah merupakan satu pegangan ataupun pandangan ataupun polisi Kerajaan Negeri terhadap pembangunan di atas lereng bukit. Di atas kawasan-kawasan bukit bukau yang melebihi daripada 75 meter kaki.

Saya ingin menyatakan bahawa saya amat tidak bersetuju dengan pandangan ini. Bagi saya Pulau Pinang hari ini kita kena ada pendekatan atau meletakkan satu garis panduan bahawa tidak sepatutnya berlaku sebarang pembangunan di atas bukit dan sebentar tadi siang tadi YB. Seri Delima telah merujuk kepada surat khabar *The Star* yang bertarikh 8 November 2017 yang berbunyi tajuk utamanya kita boleh tengok *Land Slide Alert. Land slide* yang berlaku di atas Penang Hill yang berbunyi, "*A Huge Landslide On Penang Hill Leaves Several Building, Mosque And Hindu Temple Perched Dangerously On The Hill Top*".

Kalau YB. Seri Delima berpandangan bahawa gambar yang dipaparkan di dalam surat khabar ini menunjukkan bahawa walaupun tanpa pembangunan *land slide* tetap berlaku itu pandangan YB. Seri Delima. Walau bagaimanapun, saya mengambil pandangan yang berbeza bagi saya bila melihat kepada gambar ini saya meletakkan bahawa mujur tidak ada pembangunan yang melibatkan bangunan-bangunan tinggi perumahan dan sebagainya di atas bukit ini kalau tidak kita akan mendapat mangsa-mangsa tanah runtuh dan sebagainya. Gambar ini juga membuktikan bahawa walaupun tanpa pembangunan yang disebut oleh YB. Seri Delima, bukit bukau di Pulau Pinang sudah mula runtuh. Sudah ada geseran pergerakan tanah dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa bukit bukau di Pulau Pinang adalah bukit-bukit yang telah tua. Bukit-bukit yang telah sampai masanya walaupun tanpa pembangunan ia akan mula runtuh. Oleh yang demikian andai kata seperti yang disebutkan oleh YB. Telok Air Tawar tadi masjid, *hindu temple* ini dibina 30 tahun yang lalu dan mendapat bantahan pada masa tersebut oleh *Penang Forum* dan sebagainya pada masa tersebut tetapi andai kata pada masa tersebut 30 tahun yang lalu ada sekolah di atas tanah ini, ada pembangunan yang hebat di atas tanah ini dan hari ini tanah ini

akan runtuh akan bawa bersamanya bangunan-bangunan tersebut dan kita akan mula mendapat mangsa-mangsa yang terbaru. Ini pandangan saya. Sebab itu saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri bagi RM10 juta itu adalah satu tindakan yang baik tapi pandangan Kerajaan Negeri mengatakan bahawa pemerhatian yang di buat iaitu tanah runtuh kurang berlaku di kawasan yang mempunyai pembangunan berbanding kawasan yang tidak dimajukan.

Saya juga ingin merujuk kepada surat khabar Metro berkenaan dengan banglo yang terbenam. Banglo yang terbenam ini sekali lagi terletak di dalam KADUN Tanjong Bunga. Saya ingin merujuk dan saya menarik pada pemerhatian Kerajaan Negeri, CM dan sebagainya. Hari ini di Pulau Pinang kita ada banyak pemajuan rumah skim perumahan dan sebagainya pemaju pula adalah pemaju-pemaju yang boleh kita katakan berjiwa besar. Pemaju-pemaju yang hendak buat duit, pemaju-pemaju yang akan *when there is a demand there will be a supply* dan hendak jadi cerita pula orang Pulau Pinang di saat kalau ada ADUN-ADUN di sebelah sana mengatakan rakyat Pulau Pinang yang susah rupa-rupanya ada ramai juga di kalangan orang Pulau Pinang ini yang senang-senang rumah yang bernilai berjuta-juta ini pun depa hendak beli. Jadi *when there is a demand there will be a supply*. Jadi pemaju ini dia boleh nampak apa keinginan rakyat kita ini. Kerakusan kita, orang kaya kalau boleh hendak duduk di atas bukit bukau kalau boleh hendak duduk di dalam rumah di mana di belakang rumah ada air terjun semula jadi kalau boleh hendak ada rumah di tepi laut dan sebagainya. Tetapi sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) kerajaan yang bertanggungjawab sepatutnya kita mempunyai polisi walaupun kita mempunyai *developers* yang rakus, kita ada pembeli-pembeli yang bernafsu besar tapi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita perlu mempunyai polisi untuk mencegah perkara-perkara ini berlaku. Bukit bukau bukan milik sesiapa ia milik semua. Jadi kita sebagai sebuah Kerajaan Negeri tentu kena mempunyai dasar dan polisi yang mencegah membendung sikap tamak pemaju sikap rakus pembeli-pembeli yang ingin memiliki rumah-rumah impian mereka dan akibatnya pembeli-pembeli yang berada di golongan-golongan yang bawah akan menanggung apa kah yang akan berlaku? Runtuhan dan sebagainya inilah yang sepatutnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil kira.

Satu lagi saya juga ingin ramai sudah kawan-kawan dalam Dewan pada malam ini siang ini yang bercakap tentang banjir. Saya juga hairan bila Kerajaan Pusat membawa memaklumkan bahawa... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat sedikit.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Ya, sila. Sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya masih berfikir bahawa terdapat perbezaan di antara kedua perkara yang telah ditonjolkan oleh Yang Berhormat tadi. Mungkin pihak YB. EXCO akan jawab tetapi kita daripada pandangan saya pada hemat saya saya bukan seorang jurutera ataupun seorang pakar geologi atas isu ini tapi daripada mata kasar kita lihat terdapat perbezaan. Perbezaan pertama daripada kejadian di *Penang Hill*, Bukit Bendera mungkin disebabkan oleh hujan lebat yang mencecah, hujan lebat yang akan turun sebulan itu telah turun dalam satu hari dan mungkin itu yang menyebabkan tanah runtuh di Bukit Bendera. Kita membanding isu itu dengan isu yang mana Yang Berhormat telah menunjukkan kejadian banglo runtuh. Kejadian banglo runtuh itu mungkin disebabkan jurutera yang terlibat dalam kerja-kerja membina rumah-rumah tersebut tidak mengamalkan beberapa langkah-langkah yang sepatutnya diamalkan *of course* perkara itu merupakan subjek yang lain tetapi sekiranya beliau tidak mematuhi piawaian yang ditentukan bagi memastikan bahawa tanah pada dasar itu dikuatkan sebelum bangunan-bangunan tersebut didirikan ataupun sekiranya beliau tidak mengikut spek membina dasar sebelum mendirikan bangunan tersebut. Itu juga boleh menyebabkan tanah runtuh ataupun dalam kejadian itu kita lebih spesifik dalam Bahasa Inggeris di panggil *sea hole*. So memang ada perbezaan di antara kedua-dua perkara ini. Satu kalau tanah runtuh itu berlaku disebabkan oleh hujan lebat. Apa yang saya cuba ketengahkan di sini adalah dalam kejadian di Bukit Bendera memang tidak ada sebarang pembangunan dan pendirian yang di ambil oleh beberapa pihak sejak kebelakangan ini adalah kononnya semua tanah runtuh yang berlaku di Pulau Pinang adalah diakibatkan pembinaan-pembinaan di lereng bukit itu yang saya cuba bawa ke Dewan yang mulia ini bukan semua tanah runtuh itu disebabkan oleh pembinaan di lereng bukit. Kejadian di Bukit Bendera ini merupakan kejadian yang begitu berbeza sekali dan satu kesimpulan yang boleh saya gunakan untuk menyokong penghujahan saya bahawa bukan semua tanah runtuh itu disebabkan oleh pembinaan di lereng bukit tetapi apa Yang Berhormat perhatian Dewan perkara berbangkit.

Beralih kepada isu banglo yang terbenam itu mungkin saya setuju disebabkan itu pun kemungkinan disebabkan oleh kecuaiannya oleh pihak Jurutera Perunding yang tidak mematuhi langkah-langkah tertentu atau piawaian di dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan. Itu mungkin disebabkan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sambung YB. Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Ya, saya tidak nafikan pandangan Yang Berhormat itu ada kebenaran tetapi kalau kita tengok gambar ini sahaja. Gambar ini menunjukkan satu projek perumahan yang dibina di atas bukit dan setelah berlaku hujan benda ini terjadi. Tiga buah rumah terbenam ada *sink hold* dan sebagainya. Kita tidak nafikan kita boleh meletakkan kesalahan kepada kontraktor pemaju dan sebagainya tetapi kita jangan lupa bahawa tiada mana-mana pemaju boleh memberi satu gerenti bahawa tidak akan berlakunya kecuaiannya. Semua projek perumahan akan ada risiko kecuaiannya tetapi andai kata perumahan ini dibina di atas tanah yang datar tanah yang rendah perkara tersebut tidak akan berlaku. Sebab itu saya kata. Hari ini pemaju rakus. Di atas permintaan oleh pembeli yang teringin hendak duduk di atas tanah tinggi mereka pun buat rumah-rumah yang dirasakan boleh diduduki. Tetapi hari ini apa yang berlaku? Rumah-rumah ini tidak akan ada nilai tidak akan siapa yang akan beli. Pembeli akan menanggung rugi selamanya dan *developers*, pemaju apa yang dia boleh buat ialah dia akan membaiki pulih perumahan ini dia akan baik pulih sebab dia telah mengeluarkan sejumlah wang besar tetapi apakah gerenti bahawa baik pulih itu akan mempunyai kekebalan daripada pergerakan tanah masa depan, kekebalan daripada hujan lebat masa depan dan sebagainya. Perkara ini akan berulang sebab sudah bermula dia akan terus bermula itu saya punya *point* Seri Delima.

Seterusnya saya ingin merujuk Dewan kepada apa yang dilaporkan di dalam Buletin Mutiara berkenaan dengan bantuan oleh Kerajaan Pusat terhadap Projek Tebatan Banjir. Saya sebenarnya agak terkejut apabila YB. Dato', minta maaf. YB. Dato' Zainal Abidin Ketua Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang memaklumkan bahawa Kerajaan Pusat telah pun melaburkan sejumlah RM2.6 bilion untuk projek-projek tebatan banjir di Pulau Pinang bermula daripada 2006 iaitu dua (2) tahun sebelum kerajaan bertukar daripada Kerajaan Barisan Nasional kepada Kerajaan Pakatan Harapan tetapi apa yang mengejutkan kita ialah kenyataan yang dibuat oleh ADUN Padang Kota di bawah tajuk "UMNO seleweng fakta sebenar tentang peruntukan Projek Tebatan Banjir Pulau Pinang". Izinkan saya Yang Berhormat. George Town, 26 September dakwaan kononnya "Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM2.6 bilion bagi projek tebatan banjir di Pulau Pinang adalah tidak benar sama sekali. Menurut EXCO Kerajaan Tempatan Pengurusan Trafik dan Tebatan Banjir YB. Chow Kon Yeow, hanya RM443 juta daripada RM2.6 bilion yang telah dibelanjakan. Sebenarnya RM2.6 bilion saya tidak mahu baca banyak terlalu banyak ini tetapi di dalam kenyataan ini turut dilaporkan mereka dilaporkan berkata bahawa peruntukan yang di sebut oleh YB. Chow Kon Yeow yang turut dilaporkan di dalam Buletin Mutiara untuk edaran kepada rakyat Pulau Pinang seluruh Negeri Pulau Pinang yang menceritakan perkara yang sama tajuknya "Peruntukan tangani banjir Pulau Pinang ke mana baki RM2.15 bilion? Mana hilang RM1.5 bilion? Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan, Dato Seri Zainal Abidin Osman telah mengemukakan senarai projek-projek yang kononnya melibatkan peruntukan Kerajaan Pusat sebanyak RM2.6 bilion. Kemudian daripada maklumat yang disediakan sebenarnya RM2.6 bilion adalah nilai projek-projek yang dipohon oleh JPS Negeri Pulau Pinang tetapi peruntukan asal telah dipinda dan jumlah sebenar yang dibelanjakan adalah hanya RM443 juta seperti berikut. Ini EXCO yang keluar kenyataan. Buletin ini kita edar kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang yang menunjukkan bahawa maklumat daripada Jabatan Pengairan dan Saliran RMK-9, yang peruntukan asal RM1.4 bilion peruntukan dipinda RM306 juta, peruntukan dibelanja RM306 juta. Kemudian untuk RMK-10 dinyatakan bahawa peruntukan yang dibelanjakan hanya RM125 juta. Kemudian untuk RMK-11 dikatakan RM12 juta kemudian dikatakan jumlah keseluruhan peruntukan Kerajaan Persekutuan terhadap program Tebatan Banjir cuma RM443 juta". Ini adalah merupakan hujah Kerajaan Negeri menyangkal apa yang disebut oleh Dato' Seri Zainal Abidin Osman tetapi malangnya di dalam Dewan yang mulia, soalan lisan oleh ahli KOMTAR YB. Teh Lai Heng, kepada Yang Berhormat saya nak mohon saya meminjam jawapan ini daripada soalan lisan beliau. Soalan berbunyi "Sila nyatakan jumlah perbelanjaan dan bilangan projek-projek tebatan banjir yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat di Negeri Pulau Pinang sejak 2008".

Kalau dalam kenyataan ini mengatakan bahawa RM443 juta tetapi tuan-tuan kena dengar. Jawapan oleh YB. Chow Kon Yeow, "Sejumlah RM1.102 bilion telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2008 bagi melaksanakan 39 projek tebatan banjir di Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan 33 projek yang melibatkan sejumlah

perbelanjaan RM1,047,947,585.54. Ini jawapan dalam Dewan dan ini adalah apa yang didedahkan kepada rakyat kemudian pula dalam lampiran ini diletakan di atas meja ini senarai projek yang telah dilaksanakan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan. Kalau tadi disebut di sini dengan bangganya disebut di sini RMK-9 jumlah yang dibelanjakan RM306 juta, saya kira sendiri ni, bukan satu projek, tetapi sampai sembilan projek untuk RMK-9 saja, kita ada 17 projek. Kalau di sini didedahkan jumlahnya RM306 juta apa yang di jawab jumlah yang saya kira adalah sebanyak RM359,959,953.00.

Ini, kemudian diikuti pula RMK-10 didedahkan kepada rakyat yang mengatakan Kerajaan Pusat berbohong RMK-10. Peruntukan dibelanjakan RM125 juta ini depa, dedah kepada rakyat tapi bila di dalam Dewan depa terpaksa cerita yang sebenar, depa tak boleh bohong. Siapa berbohong? Kita akan rujuk kepada Jawatankuasa yang kita telah tubuhkan. Jadi RMK-10 kita ada 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17. Tujuh belas projek bukan RM125 juta. Projek ini bernilai RM727,061,376.00 dan kita membawa kepada RMK-11 dan jumlah keseluruhan yang saya kira adalah sebanyak betul seperti yang telah didedahkan RM1.102 bilion.

Jadi saya nak tanya di sini, macam mana boleh ada dua *figure* yang berbeza didedahkan kepada rakyat Pulau Pinang? Kalau intan kena kata intan, kalau berlian tetap kena kata berlian, kaca kena kata kaca, kita tau tak boleh. Jadi bila tuduh Dato' Seri Zainal Abidin Osman sebagai berbohong. Saya rasa kita kena jawab perkara ini, siapa yang berbohong kepada siapa? Andai kata fakta yang didedahkan ini betul-betul bercanggah dengan apa yang didedahkan rakyat saya rasa tentulah yang berbohong itu Kerajaan Negeri. Dan saya mohon satu permohonan maaf kenalah dibuat terhadap Dato Seri Zainal Abidin Osman dan juga...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, minta laluan. Tentang isu ini tapi Yang Berhormat mengakui bahawa kenyataan yang dibuat oleh YB. EXCO Padang Kota dalam jawapannya adalah jawapan yang betul, jawapan yang dibuat dalam soalan yang ditanya, jawapan YB. Padang Kota kepada soalan yang ditanya, memang jawapan yang betul. Kemungkinan perkara yang diterbitkan, disiarkan dalam surat khabar itu adakah bukan kesilapan YB. Padang Kota, perkara itu mungkin telah diterbitkan oleh penyunting ataupun surat khabar yang diterbitkan. Jadi surat khabar apa yang dirujuk Yang Berhormat? Buletin. Kalau sekiranya ada sesiapa yang perlu memohon maaf saya percaya permohonan maaf itu daripada penyunting surat khabar Buletin Mutiara bukan daripada YB. EXCO. Saya belum habis lagi Yang Berhormat, jadi Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa jawapan yang diberikan oleh YB. Padang Kota memang benar dan memberikan butiran jumlah yang sebenarnya yang dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat setuju Yang Berhormat? Jadi apa yang perlu di mohon maaf?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, dalam perkara ini Yang Berhormat, kita sebagai Ahli-ahli Dewan kita kena bercakap benar kita kena *be gentlemen*. Yang melaporkan ini adalah Buletin Mutiara yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan tentulah kita ada editor dan sebagainya, dan kenyataan ini bukan daripada pandangan editor. Ia adalah merupakan suntingan. Ia adalah merupakan apa yang telah dibuat secara *press conference* sebab dia katakan di sini, kalau silap surat khabar ini maka saya minta surat khabar ini diharamkan, *how come*, betul saya minta maaf sebab *how come* ahli *backbenches* boleh mengatakan bahawa ada kesilapan. Takkan lah tak ada penyunting yang nak baca benda ni. Duduk. Kalau kita tengok ni pun George Town oleh Zainur Faqar Yacob, siapa ni Zainur Faqar pandai hang buat kalau ikut Seri Delima lah...dengar...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Daripada pengalaman saya sendiri Yang Berhormat tentu faham sebagai seorang peguam bahawa ada surat khabar yang melaporkan sesuatu berita itu dengan silap dan selepas beberapa hari mereka sedar bahawa perkara yang dilaporkan itu tidak betul, mereka akan menerbitkan satu permohonan minta maaf di mana kenyataan khabar yang sebenarnya akan diperbetulkan. Jadi sekiranya pun sesiapa perlu memohon maaf Yang Berhormat setuju dengan saya kemungkinan ini adalah penyunting daripada surat khabar Buletin Mutiara lah bukan YB. Padang Kota kerana kenyataan YB. Padang Kota jawapan yang diberikan oleh YB. Padang Kota adalah jawapan yang tepat, butir-butirnya pun memang tepat Yang Berhormat, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

EXCO pun tak ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Tak apa benda ini akan direkodkan dalam hansard dan EXCO akan menjawab tetapi saya tetap menuntut, saya menolak pandangan cadangan yang diberikan oleh YB. Seri Delima mengatakan bahawa kesilapan ini adalah kesilapan yang dibuat oleh wartawan tetapi sebab perkara yang sama juga adalah dilaporkan oleh Rokat Kini. Perkara yang sama mereka cuma *quote* apa yang berlaku cuma saya minta satu saja, YB. Seri Delima kata di dalam Dewan jawapan yang diberikan oleh YB. Chow Kon Yeow adalah jawapan yang tepat dan siapa yang kena minta maaf tentulah EXCO. Tentulah EXCO sebab apabila kita, EXCO sendiri mengeluarkan kenyataan mengatakan bahawa di sebelah sana berbohong, daripada mulut siapa? Mulut *editor*? Tidak. Mulut wartawan? tidak. Tentulah mulut EXCO. Jadi saya minta kita ada Pegawai Kewangan kita pun ada kita punya *Legal Officer* pun ada *check* benda ini sebab ia melibatkan maruah dan nama integriti UMNO. Kita menjelaskan perkara yang sebenar, kita dinafikan. Di dalam Dewan kita mendapat satu jumlah yang berbeza, dikatakan bahawa cuma RM443 juta kejamnya Kerajaan Pusat tapi di sini mereka terlupa sebenarnya adalah RM1.102 bilion dan Kerajaan Pusat kata RM2.6 bilion itu bermula daripada 2006, menunjukkan dua (2) tahun sebelum kerajaan bertukar tangan tak mustahil sebelum itu lebih banyak peruntukan disalurkan ke Pulau Pinang. Tapi dalam jawapan ini 2008 sampai hari ini RM1 bilion lebih. Satu jumlah yang berbeza. Jadi saya minta dalam Dewan yang mulia ini, kalau silap katakan silap tak ada masalah kita minta maaf itu saja dan kita akan teruskan dengan bantuan-bantuan yang selanjutnya dan saya minta juga kepada JPS ini, ni pun sapa dia JPS? Di sini dia bagi fakta yang berbeza, di sini fakta yang berbeza jadi saya minta pegawai yang mengeluarkan jawapan ini juga haruslah kita selidik kalau ada kesilapan dia cuma layak mendapat bonus RM1,000 bukan RM2,000.

Dan saya juga ingin merujuk dah pukul 9.30 kepada soalan lisan, soalan bertulis saya berkenaan kilang-kilang haram, yang berbunyi adakah pihak MPSP mengenal pasti kilang haram yang wujud di Parlimen Kepala Batas dalam soalan yang berbentuk *question marks* kita ada senaraikan mengikut Dewan Undangan Negeri. Jadi saya cakap soalan ini kalau dalam bahasa Inggeris Seri Delima adalah soalan *in the present tense not in the past tense*. Jawapan yang saya terima daripada YB. Chow Kon Yeow, "Jumlah keseluruhan kilang haram yang dikenal pasti di Parlimen Kepala Batas adalah sebanyak 64 buah, dua (2) buah di KADUN Penaga, tiga (3) buah di KADUN Bertam dan 59 buah kilang haram di DUN Pinang Tunggal. Senarai terperinci adalah di Lampiran A. Dan jawapan yang saya terima pun tentulah dalam bentuk *present tense* juga, soalan saya lani hangpa buat apa ni? Dalam kawasan kami sampai ada 64 buah kilang haram di kawasan Pinang Tunggal Dato Lan ni ada sampai 59. Apa dia tindakan yang diambil oleh MPSP? *You all* tahu ada maklumat terdapatnya 64 buah kilang haram, *you can't answer to me direct like that, you know*. Kalau jawapan ini mengatakan bahawa pada satu ketika dulu terdapat nya 64 kilang haram itu saya boleh terima tetapi ini mengatakan bahawa ketika ini dikenal pasti ada 64 kilang haram dan saya bertanya lagi apakah tindakan yang dikenakan kepada kilang yang beroperasi secara haram, ni macam main batu seremban ja, tanya hang, hang jawab, hang sambut. Tindakan yang boleh di ambil ke atas kilang yang didapati beroperasi secara haram adalah seperti berikut, ini seperti kita masuk dalam *library* kita buka buku, nak jawab soalan periksa. Mengeluarkan tawaran mengkompaun kesalahan, mengeluarkan notis mengehendaki aktiviti, mengenakan tindakan mahkamah, semua-semua soalan yang berbentuk jawapan kepada ini.

Kemudian saya juga bertanya, "Berapakah kilang yang melanggar aktiviti Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 di Pulau Pinang. Senaraikan nama mengikut Dewan Undangan Negeri". *This is all the present tense you know, list* dia sepanjang mungkin. *They have this* maklumat, maklumat ada tetapi kenapa tidak diambil tindakan, maklumat ada. Sungai Lembu telah melaporkan tetapi tak ambil sebarang tindakan. Ini 64 kilang haram sebab itu satu-satu yang mencurigakanlah kami di pihak pembangkang, sebab kalau kita tengok KADUN Pinang Tunggal selama dua (2) penggal YB. Dato' Roslan bertanding tidak ada masalah dengan majoriti dan sebagainya. Tetapi 2013, kita mendapati begitu banyaknya kita kehilangan undi daripada tempat yang dinamakan kawasan-kawasan ini. Ini persoalan saja, andaian. Adakah pihak kerajaan, pihak MPSP tidak mengambil tindakan terhadap kilang-kilang ini sebab takut kehilangan undi dan sebagainya.

2013 merekodkan undi kita menurun begitu banyak di tempat yang adanya kilang-kilang ini. Sebab itu kita menjadi hairan. Soalan dalam bentuk *present tense* ini, tidak ada satu pun yang dijawab dalam bentuk *past tense*. Semua mengatakan akan boleh, ini akan boleh, itu akan ..cerita. Ini tidak boleh. Bernama pun kilang haram. Dia bukan kilang yang sah. Jadi kalau dah haram, tindakan-tindakan yang kena diambil, kena diambil. Sebab itu saya minta supaya perkara-perkara ini walaupun dipandang ringan, tetapi ia perlu dipandang berat sebenarnya. Dan saya juga ingin pada satu lagi soalan saya yang berkenaan dengan ini isu tempatan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penanti dulu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan saya ringkas.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Kilang-kilang haram di kawasan Bertam dan Pinang Tunggal tu adakah dia sebelum 2008 ataupun selepas? Yang banyak-banyak tu.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, tidak ada maklumat yang diberikan. Mungkin soalan ini boleh ditujukan kepada EXCO.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan saya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya semua kilang-kilang ini ditutup, dirobuhkan dan diambil tindakan. Yang Berhormat, *for the record* lah, saya ingin bertanya.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, macam yang saya kata tadi ada beberapa tindakan yang boleh diambil. Mengeluarkan kompaun, kesalahan kerana tidak menjalankan aktiviti perniagaan dan sebagainya. Jadi sebagai sebuah Majlis Perbandaran yang bertanggungjawab, kalau sekiranya mereka ini boleh di *legalize* kan, *legalize* kan. Sebab tu saya kata, bila saya tanya, berilah kepada saya jawapan yang lebih bersifat, yang ada tindakan. Kita ada pernah mencatatkan 64, tetapi atas tindakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai, 35 daripada 64 itu telah pun dikompaun dan telah pun diberi lesen dan sebagainya. Itu adalah tindakan. Tetapi jawapan yang diberi setakat hari ini masih ada 64 yang berstatus kilang haram.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jadi Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa sekiranya semua kilang-kilang ini adalah kilang haram, Kerajaan Negeri juga boleh mengambil tindakan untuk memutihkannya kilang-kilang ini. Adakah Yang Berhormat setuju untuk memberikan mereka sijil dan sebagainya untuk menghalalkan operasi kilang-kilang ini. Itu adalah soalan saya.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, yang nak menghalalkan sesuatu operasi perniagaan ataupun kilang terletak pada majlis tempatan. *They have the* kuasa. Kalau mereka rasakan bahawa kilang ini beroperasi secara haram tapi ianya boleh diputihkan, putihkan. Tiada masalah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dan sedarkah juga Yang Berhormat kemungkinan juga kebanyakan kilang-kilang ini dioperasikan oleh pengusaha-pengusaha, pemuda pemudi dan mungkin daripada golongan masyarakat berkaum Melayu juga. Sekiranya diambil tindakan untuk merobuhkan kilang-kilang ini, juga ada tuduhan-tuduhan yang akan dilemparkan tentang Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Adakah Yang Berhormat sedar tentang perkara itu juga?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Jadi, saya nak *throw back the questions to you*. Ini menunjukkan seolah-olah Kerajaan Negeri takut nak ambil tindakan, takut dilemparkan dengan tuduhan oleh golongan-golongan muda dan peniaga-peniaga tadi. *It is not right*, Yang Berhormat. Maksud saya, pisau ada ditangan Majlis Perbandaran, mereka yang tentukan, kalau mereka rasa kedudukan operasi yang haram itu disebabkan bukan mendapat lesen ataupun aktiviti perniagaan itu sendiri adalah satu aktiviti yang haram, tentulah ada berbagai-bagai tindakan yang boleh diambil. Semua terletak pada Majlis Perbandaran. Sebab tu saya cuma bertanya satu soalan, dalam kawasan Parlimen Kepala Batas, ada berapa kilang haram? Jawapan yang saya terima, 64. 64 Yang Berhormat. Ya, Ahli Kawasan Penanti, sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tadi dengar macam MPSP takut ke ape ke. Tapi saya nak tanya la soalan kenapa di kawasan saya Taman Guar Perahu, 60 rumah dapat notis roboh untuk *extension* lah. So maknanya MPSP boleh je buat bagi notis roboh di taman perumahan sampai 60. *No, actually* bukan 60, 100 rumah di Taman Guar Perahu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Takpalah, nanti EXCO yang ni jawablah. Mungkin jawapan kurang jelas ke. Sila sambung.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Berkenaan dengan YB. Penanti, saya tak tahu soalan itu kepada saya ataupun kepada EXCO. Tapi saya menghormati pandangan YB. Dato' Speaker supaya pihak EXCO yang akan menjawab dan saya juga merujuk kepada soalan dua saya berkenaan naik taraf perparitan. Ini adalah di kawasan, isu tempatan. Naik taraf perparitan di Jalan Perak, Permatang Bertam iaitu apakah dari Kerajaan Negeri bercadang menaik taraf parit berkenaan bermula daripada Pekan Kepala Batas ke Pajak Song. Setelah satu lawatan yang dibuat pada 2013, satu lawatan telah pun dibuat tapi sampai hari ini saya masih belum mendapat keputusan walaupun secara bertulis. Apakah *the next cost of action* daripada hasil lawatan tersebut dan berapakah kos yang diperlukan? Dan nyatakan dari manakah sumber dan mengapakah perlu mengambil masa yang lama dan nyatakan sebab dan jawapan yang saya terima adalah begitu ringkas juga daripada YB. Chow Kon Yeow, dan pada masa ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menaik taraf Parit Jalan Perak, Permatang Bertam kerana kapasiti parit sedia ada masih mencukupi. Dan ini adalah jawapan daripada pihak kerajaan cuma bagi saya sebagai ADUN tempatan, setiap kali hujan kalau hujan yang baru-baru ini melibatkan hujan monsoon yang begitu lebat di luar kawalan dan sebagainya, tertentulah berlaku banjir. Seluruh kawasan Bertam, Penaga dan Pinang Tunggal. Tetapi untuk kawasan yang terletak, yang bergantung kepada parit di Jalan Perak ini, apabila berlaku sahaja hujan, maka kampung-kampung yang bersebelahan akan dinaiki air dan menyebabkan banjir kilat dan antara punca yang kita dapati adalah parit tersebut tidak mencukupi untuk menampung bilangan air dan sebagainya.

Oleh yang demikian, apabila pandangan daripada pihak kerajaan yang mengatakan kapasiti parit sedia ada masih mencukupi, saya menyangkal jawapan ini dan saya minta kalau boleh satu lagi lawatan, sesi perbincangan dapat dibuat dengan saya selaku ADUN tempatan.

Dan saya juga ingin sekali lagilah, sedikit tentang portfolio YB. Dato' Malik yang berkenaan dengan Majlis Agama Islam. Ada soalan yang saya kemukakan berkenaan dengan jumlah rakyat Pulau Pinang yang berkahwin dengan orang luar, rekod-rekod yang kita dapati. Tapi jawapan, jawapan tidak bersama dengan saya tapi yang masih saya ingat, adalah disenaraikan jumlah pasangan-pasangan yang berkahwin dengan bangsa-bangsa asing tetapi antara bangsa asing yang tidak termasuk dalam senarai tersebut adalah perkahwinan antara gadis tempatan dengan Bangladesh, dengan orang Pakistan pun tak ada. Tapi di dalam kampung saya, saya sendiri dapat *pin point* siapa yang berkahwin dengan orang Pakistan, siapa yang berkahwin dengan Bangladesh. Tapi dalam laporan, jawapan yang diberikan kepada saya, tak ada langsung gadis-gadis tempatan di Pulau Pinang yang berkahwin dengan golongan pemuda dari Bangladesh dan juga Pakistan dan ini membawa balik kepada, mungkin Dato' sendiri boleh buat kajian balikkah, sama ada jawapan yang diberikan adalah jawapan yang dibuat oleh..jawapan yang tidak lengkaplah, senang. Saya tidak mahu buat sebarang tuduhan sebab saya nak pastikan kalau boleh semua staf-staf di Majlis Agama Islam mendapat bonus sebanyak RM2 ribu hujung tahun ini. Jadi saya tak mau *pin point*lah.

Cuma setakat itu dan sekali lagi saya ucapkan banyak terima kasih kepada Dewan, kepada YB. Dato' Speaker, kepada rakan-rakan Yang Berhormat dan saya percaya ini adalah merupakan persidangan Dewan kita yang terakhir, bagi penggal ini, bagi penggal ini sebelum pilihan raya. Jadi saya yakin akan ada di kalangan kita yang akan bertemu lagi, *Insyah-Allah*. Jadi sekian saya ucapkan terima kasih kepada semua, *wabillahi taufiq wal hidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bertam. Mungkin YB. Penaga nak, sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat malam, selamat bersidang. YB. Dato' Yang di-Pertua serta Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian. Alhamdulillah saya merafakkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana diberi kesempatan untuk hadir di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan mengenai pembentangan bajet Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2018 yang telah disempurnakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang pada 2hb November 2017 dalam Dewan yang mulia ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya merujuk kepada ucapan bajet 2018 Negeri Pulau Pinang oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang bertajuk Belanjawan Marhaen. Di mana, marhaen kalau kita faham, ia adalah belanjawan yang dikatakan untuk rakyat biasa dan dalam belanjawan tersebut, dalam ucapan belanjawan, Y.A.B. telah menyentuh tentang prestasi ekonomi Negeri Pulau Pinang sejak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih tampuk pentadbiran Negeri Pulau Pinang, bermula daripada 2008 sehinggalah kini, lebih kurang 10 tahun Pakatan Harapan mentadbir Negeri Pulau Pinang dan dalam seperti ucapan bajet yang sebelum ini, Y.A.B. Ketua Menteri sentiasa menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan telah dapat membawa negeri ini dengan jayanya di mana dikatakan prestasi ekonomi negeri ini berkembang. Tetapi, kita semua tahu bahawa sebelum 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah di bawah Kerajaan Negeri Barisan Nasional dan pada ketika itu Negeri Pulau Pinang adalah di antara negeri-negeri yang maju dalam negara kita dan majunya Negeri Pulau Pinang adalah disebabkan oleh dasar-dasar yang mesra, dasar-dasar yang baik yang dibawa oleh Kerajaan Persekutuan juga di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi, bagi saya jika keadaan ekonomi Negeri Pulau Pinang hari ini lebih maju daripada dulu, itu adalah disebabkan juga oleh sokongan, bantuan kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional di peringkat persekutuan. Sebagai contoh, dasar-dasar berkaitan dengan pelancongan, memang setiap kali dalam ucapan bajet Ketua Menteri akan menyebut bahawa terdapat penambahan pelancong-pelancong ke Negeri Pulau Pinang. Memang kita suka, kita suka mendengar tentang, lagi ramai pelancong datang ke Pulau Pinang, lagi baik untuk negeri Pulau Pinang dari segi ekonomi kerana mereka akan membelanja lebih tetapi tanpa dasar yang baik, tanpa promosi yang dibuat oleh Kerajaan Pusat, saya rasa kalaulah hanya Kerajaan Negeri sahaja yang menjalankan usaha dan promosi untuk membawa pelancong-pelancong asing ke Negeri Pulau Pinang.

Saya rasa kemungkinan besar kita tidak akan mendapat pertambahan pelancong-pelancong asing ke Negeri Pulau Pinang yang mana itu adalah perkara yang baik bagi rakyat Pulau Pinang. Begitu juga dari segi pelaburan asing. Kita tahu bahawa promosi yang dibuat di peringkat pusat dimana pemimpin ataupun Y.A.B. Perdana Menteri sendiri telah berusaha bersungguh-sungguh keluar negara seperti Negara China, Amerika Syarikat dan lain-lain lagi untuk membawa pelaburan asing ke negara kita dan apa pun sekali yang dikatakan oleh pihak lawan, kita nampak kita dapat melihat sendiri hasil daripada usaha Y.A.B. Perdana Menteri dalam menarik pelaburan asing ke negara kita dan bagi saya kita harap sokongan kerjasama daripada Kerajaan Pusat akan membawa lebih lagi pelaburan asing ke Negeri Pulau Pinang dan kita pun tahu bahawa industri-industri yang ada sekarang ini telah pun wujud sebelum 2008 dan masih lagi beroperasi di negeri Pulau Pinang dan ini semua disebabkan dasar-dasar yang dibuat di peringkat pusat dan kita seharusnya mengakui dan bersyukur dengan apa yang telah dilakukan untuk negeri Pulau Pinang sebab kita mahu negeri kita juga membangun kalau boleh lebih baik daripada negeri-negeri lain di dalam Malaysia ini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, satu perkara yang saya dapati tidak diberi perhatian oleh Bajet 2018 ialah berkaitan dengan sektor pertanian dan para petani saya tidak nampak apa-apa yang disebut di dalam ucapan bajet berkaitan dengan usaha untuk mengembangkan pertanian di Negeri Pulau Pinang apatah lagi sumbangan para petani tidak dihargai kerana mereka tidak diberi sedikit bayaran ataupun imbuhan. Saya amat sedih sebab saya rasa petani di Negeri Pulau Pinang ini sepatutnya diberi penghargaan kerana kita pun tahu bahawa tanpa beras kita rakyat di Malaysia, rakyat negeri Pulau Pinang mungkin akan menderita. Jadi bagi saya Kerajaan Negeri sepatutnya mengambil inisiatif, mengambil dasar supaya mencari jalan bagaimana untuk meningkatkan hasil pertanian kerana kita tahu bahawa pernah terjadi suatu ketika dahulu kita menghadapi masalah dari segi bekalan beras dan pada ketika itu kita cuba untuk membeli mengimport beras daripada negara lain dan saya rasa pada masa itu lebih kurang tahun dua kosong berapa, saya tidak ingat tahun berapa tetapi masalahnya isunya yang ingin disebutkan di sini ialah berkaitan dengan *food security*. Keselamatan makanan di mana saya nampak dari segi penternakan ikan memang Kerajaan Negeri telah berusaha untuk menambahkan penternakan ikan di laut tetapi dari segi pertanian saya kurang nampak hasil ataupun tindakan yang dibuat atau langkah-langkah yang dibuat untuk menambah pengeluaran padi di negeri Pulau Pinang.

Begitu juga dengan tanaman-tanaman lain sebab kita sepatutnya memberi penekanan kepada makanan kerana sebagai manusia kita memang perlu makan setiap hari dan kalau lah kita abaikan, Kerajaan Negeri mengabaikan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan makanan cukup untuk rakyat Pulau Pinang mungkin pada suatu ketika nanti kita akan menghadapi krisis ataupun masalah dan kita seharusnya, Kerajaan Negeri seharusnya mengambil pendekatan supaya mengelak daripada berlakunya krisis di masa hadapan berkaitan *food security*.

Begitu juga saya sebut tentang petani ini bukan apa sebab di kawasan saya ramai petani dan saya tahu bahawa ramai petani memanglah orang kata apa berjasa kepada negara kepada Negeri Pulau Pinang dan oleh sebab itulah saya rasa tindakan yang dibuat di peringkat pusat semasa pembentangan bajet oleh Y.A.B. Perdana Menteri memberi bayaran sebanyak RM600.00 untuk tiga (3) bulan sementara kepada petani sementara menunggu penuaian untuk tempoh tersebut untuk meringankan beban mereka semasa menunggu penuaian padi. Jadi ini adalah satu inisiatif yang baik sekurang-kurangnya kita memberi pengiktirafan penghargaan kepada petani-petani yang banyak berjasa kepada kita semua tetapi dalam Bajet Kerajaan Negeri saya kesal sekali kerana perkara ini dilupai dan tidak ada penghargaan langsung diberi kepada petani.

Berkaitan dengan nelayan, saya selalu bercakap berkaitan dengan nelayan disebabkan di kawasan saya ada lima (5) unit nelayan dan pada sesi mesyuarat yang lepas dan sebelum itu pun saya ada membangkitkan isu berkaitan dengan Program Bantuan Pukat dua (2) kali setahun oleh Kerajaan Negeri yang telah diperkenalkan saya rasa dua (2) tahun yang sudah dan dalam Bajet 2018 ini. Saya dapati kalau saya tidak silap, saya dapati macam dengan bantuan pukat tersebut telah dihentikan dan disebabkan ayat yang disebutkan disini dahulunya mereka menerima pukat tetapi sekarang mendapat RM400.00 setahun, macam dengan Program Pukat itu telah dibatalkan dan sekarang mulai Bajet 2018 ini tahun hadapan mereka akan dibayar RM400.00 setahun (*one-off*). Isu dia dalam Program Bantuan Pukat yang lalu, sebab saya pernah bertanya soalan berkaitan dengan Program Bantuan Pukat ini pada tahun sudah berkaitan dengan bantuan pemberian bantuan pukat kepada nelayan dan ini saya rujuk kepada yang tahun sudah punya dan daripada sini bagi siri ke-6 yang dilaksanakan pada tahun 2016 Kerajaan Negeri telah membuat bancian secara terus kepada pemilih biasa jenis pukat yang dipohon daripada 3,191 responden hanya 1,664 orang nelayan yang telah mengembalikan borang bancian untuk dipertimbangkan bantuan pukat. Jadi sehingga sekarang pun saya rasa isu ini belum diselesaikan lagi, Kalau kita tengok dari jumlah keseluruhannya kalau daripada jawapan yang saya terima dahulu ini yang telah cakap pada November 2016 sebanyak 3,191 tetapi saya difahamkan di kawasan saya masih lagi terdapat nelayan-nelayan yang belum lagi menerima bantuan pukat. Sebelum itu siri ke-4, siri ke-5 tidak ada masalah tetapi apabila datang siri ke-6, 2016 di mana bancian kononnya perlu dibuat tetapi disebabkan bancian itu lah ramai yang tercicir yang tidak dapat pukat sehingga hari ini.

Jadi saya bimbang janji yang hendak diberikan kepada nelayan sebanyak RM400.00 setahun ini, ini pun saya tidak tahu macam mana kaedah yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap nelayan menerimanya, saya bimbang ia akan berlaku seperti mana yang berlaku kepada nelayan-nelayan yang tidak menerima pukat pada tahun yang lepas sehingga hari ini. Jadi saya harap dengan pemberian RM400.00 setahun ini diberi kepada semua yang berdaftar dengan LKIM. Tidak perlu lagi dibuat bancian untuk memberi kepada nelayan-nelayan. Kalau kita tidak dapat menerima daftar nelayan yang dipegang yang dibuat oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) saya rasa agak pelik sedikit sebab mereka adalah satu kuasa yang memiliki rekod nelayan-nelayan yang aktif dan bukan setakat itu sahaja rasa pelik, saya rasa kalau kita kalau Kerajaan Negeri tidak mahu pakai daftar nelayan yang dipegang dibuat oleh LKIM saya rasa ia seolah-olah kita mempertikaikan integriti LKIM itu sendiri. Macam kita tidak percaya kepada sebuah badan yang diberi kuasa untuk mengendalikan urusan para nelayan. Jadi saya harap janganlah buat bancian lagi ikut daftar yang dibuat oleh LKIM.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya ada soalan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Ya, boleh.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Okey, yang berdaftar dengan LKIM itu adakah termasuk juga dengan nelayan sungai dan juga yang saya tahu lah LKIM dia telah bekukan lesenkan, jadi bagaimana pula nelayan-nelayan yang tak dibekukan sebab itulah Kerajaan Negeri membuat bancian supaya nelayan sungai dan mereka yang tidak dapat lesen sebab lesen itu telah dibekukan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya rasa yang lebih sesuai untuk menjawab itu adalah YB. EXCO yang berkenaan tetapi apa yang saya faham saya hendak cuba terangkan disini rekod yang ada di sini sebab soalan saya berapa orang nelayan yang mendaftar, nelayan yang mendaftar 3,191 tetapi yang dapat hanya 1,664. Jadi tidak mengikut daftar ataupun jumlah nelayan yang berdaftar. Jadi berkaitan dengan nelayan sungai, saya rasa nelayan sungai mungkin di bawah Jabatan Perikanan, mungkin jawapan penjelasan selanjutnya itu mungkin Yang Berhormat boleh dapatkan daripada EXCO yang berkenaan.

Satu isu lagi yang pernah saya bangkitkan dan saya rasa amat sesuai sekali pada masa sekarang ia berkaitan dengan pusat perpindahan banjir dalam KADUN Penaga. Walau pun kali ini banjir besar teruk di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk juga di kawasan Kepala Batas, Pinang Tunggul, Bertam dan di tempat-tempat lain ramai sangatlah. Saya dapati Ahli Dewan ini yang membahaskan berkaitan dengan banjir kilat. Di kawasan saya pun berlaku banjir kilat dan saya pernah bangkitkan isu berkaitan dengan pusat-pusat perpindahan banjir, mangsa banjir ini tidak diselenggarakan dengan baik nasib baiklah kali ini tidak berlaku perpindahan di kawasan saya, tidak perlu memindah mangsa-mangsa banjir ke pusat perpindahan banjir, tidak semacam dulu-dulu semasa YB. Dato' Azhar menjadi ADUN di kawasan itu. Itu disebabkan projek tebatan banjir di Sungai Muda, tetapi apa yang ...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Penaga, saya juga ingin minta pandangan YB. Penaga terkini saya baca satu laporan kononnya ada teguran dibuat kepada Jabatan Meteorologi dimana mereka hanya memberi amaran merah selepas hujan lebat mula turun dan teguran itu dibuat oleh seorang pakar meteorologi dan berita itu baru telah saya baca dalam satu laman web yang telah dikeluarkan. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, tentang kecekapan dan kesiapsiagaan Jabatan Meteorologi yang kita berharap dapat memberi amaran yang lebih awal lagi kepada kita supaya kita dapat senantiasa bersiap sedia. Tiap-tiap kali bila berlakunya banjir ini kita dalam keadaan yang tidak bersedia. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Seri Delima

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penaga berapa lama lagi?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

I try to finish within 5 minutes ka apa ka.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Soalannya, saya cuba jawab sedikitlah kalau tak saya hendak *pass* kepada EXCO sahaja tetapi bagi saya lah saya setuju sekiranya kita dapat mempertingkatkan *efficiency* Jabatan Meteorologi sebab bagi saya, saya tidak mahu kata sebab saya tidak pasti tetapi saya tidak pasti sama ada amaran merah telah diberi terlebih awal sebelum berlakunya banjir kali ini. Saya tidak pasti. Saya haraplah jika diberi saya harap mungkin kena cari jalan ataupun langkah yang lebih proaktif ataupun lebih cara untuk menyampaikan kepada masyarakat. Supaya *everybody gets alert. You know*. Dalam hal ini saya terbaca dalam akhbar bahawa dalam kawasan saya sekali ini bukanlah amaran merah hanya amaran kuning. Amaran merah *is the worst case scenario* tetapi dalam hal ini itulah sebabnya mungkin di kawasan saya tidak berlakunya perpindahan. Tetapi apa yang saya hendak katakan di sini dan saya minta saya pernah berucap berkaitan dengan penyelenggaraan pusat-pusat banjir, sebab pusat-pusat banjir perpindahan banjir ini adalah di bawah jajaan Kerajaan Negeri, betul tak?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan. Yang projek di Penaga yang tidak kena banjir sebab buat projek tebatan banjir apa itu? Kenapa? Macam Penanti habislah 3,000 lebih orang mangsa banjir tetapi saya nak tanya sebab Penaga tidaklah jauh sangat kan, tetapi tidak ada mangsa banjir tak ada yang berpindah. Cerita sikit projek yang bagus ini, naikan ban ke, apa ke?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya sebenarnya ialah orang kata dulu, ini cerita-cerita dahululah *in ninety* memang kawasan saya itu kalau tidak hujan pun banjir. Disebabkan air daripada hulu di bawa melalui Sungai Muda dan sampai ke kawasan saya yang paling dekat dengan laut. Jika air laut pasang air, air daripada hulu turun maka bertembung maka banjirlah kawasan tersebut. Walaupun tidak ada hujan lebat. Itu lah yang berlaku dahulu ia saya rasa itu semasa zaman YB. Dato' Azhar Ibrahim dan itu sebabnya di kawasan saya banyak pusat-pusat perpindahan mangsa banjir ini.

Tetapi hari ini pusat-pusat itu tidak digunakan dan tidak diselenggarakan. Itulah sebabnya bagi saya, saya bersyukur sangat sebab kali ini tidak perlu mengendalikan urusan untuk memindahkan mangsa banjir. Kalau lah berlaku seperti di kawasan lain, saya rasa akan menjadi masalah kepada penduduk di kawasan saya itu. *I think* kalau YB. Penanti berminat untuk melihat bagaimana projek tebatan banjir mungkin satu hari nanti boleh datang ke kawasan saya, buat lawatan, saya akan tunjuk bagaimana dibina projek tebatan banjir ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis? Minta 5 minit sahaja tadi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Sedikit lagi, sedikit saja

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, sila, masih ada masa lagi. Saya melawak sahaja

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Sedikit sahaja lagi. Satu isu lagi berkaitan dengan Perbadanan Bekalan Air (PBA). Sebenarnya ini berlaku kat saya tetapi saya tak mahu berlaku kepada orang lain. *That's is the reason why I am bringing this up.* Sebab ini berkaitan dengan pemotongan meter air. Orang rumah sendiri, itu bukan isunya sebab saya bawa saya tidak mahu perkara ini berlaku kepada pengguna lain di Pulau Pinang dan saya rasa mungkin berlaku. Dalam isu ini kalaulah kita lihat mungkin PBA selepas ini mungkin perlu kaji semulalah. Kalau kita lihat dalam bil sebenarnya selepas meter air di rumah saya dipotong, pembayaran dibuat dan saya tak pergi bayarlah saya suruh anak saya pergi bayar tetapi beliau tidak beritahu selepas bayaran itu dibuat di tempat bayaran tidak beritahu kepada kaunter penyambungan. Jadi saya selepas itu tunggu-tunggu tidak ada orang datang sambung balik sehinggalah hari petang Jumaat, *my wife risau because tomorrow Saturday everybody in the office will be close, PBA will be close, so Saturday Sunday sambung lagi tidak ada air lah di rumah.* Jadi saya pun cuba, saya tak dapat pergi ke cawangan PBA di Kepala Batas jadi saya *call centre*, beritahu bahawa saya sudah bayar. Sebelum itu pun selepas dua (2) hari sebelum tu saya sudah bayar saya sudah *call* beritahu tetapi tidak ada *action* yang diambil. Lepas itu pada hari Jumaat itu, tetapi nasib baiklah tangki ada air jadi tidak ada masalah sangatlah, boleh hidup, tangki itu mungkin menyelamatkan kerana tangki besar. Jadi saya pun *call, call centre* saya kata boleh tak saya dapatkan nombor telefon PBA Cawangan Kepala Batas dan dia kata tidak boleh itu hanya *walk in* sahaja. Maknanya *they cannot help me. So it was already 4.00 pm something you know. I was* di Pusat Khidmat lah pada masa itu. *So I have to rush* pergi sendiri ke PBA Cawangan Kepala Batas untuk bagitahu dan tanya kenapa ini, sebab *call centre* tidak boleh beri nombor telefon. *So I was wondering why, what kind of services is that?* Ya, kelemahan *which I think you should rectify.* Jadi itu satu isu, tidak apa lah, akhir sekali saya pergi ke cawangan PBA Kepala Batas dan saya tunjuk resit yang saya sudah bayar *it was two (2) days ago.* Tiada penyambungan. Kaunter dia orang kata pegawai kata di situ selepas bayar bila dipotong kena pergi ke kaunter penyambungan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

3 minit sahaja lagi. Masih ada 3 minit saja.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

This is quite interesting YB. Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kisah peribadi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Isunya di sini, *but luckily* selepas itu *immediately* dia orang pergi hari yang sama sempat lah sambung hari Jumaat itu. Jadi isunya saya *I went thru, as a lawyer I went thru the notice, read notice* ini ataupun sebelum itu *the bill* itu la. Okey kalau ikut bil ini dia kata tarikh akhir bayar sekian-sekian tetapi *I got the answer* daripada kerajaan daripada pihak PBA tetapi isunya sekarang tidak dinyatakan dimana-mana selepas pembayaran jika pemotongan dibuat untuk melaporkan kepada penyambungan. *It was not stated anywhere, I gone thru*, satu. yang kedua, cara bayaran bil ini pun bukan cara pergi bayar di situ sahaja, *online* pun boleh....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penaga saya bagi *chance* sambung esok cerita ini boleh? Cuma ada masa dua (2) minit sahaja lagi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Jadi saya rasa tidak puas hati *you know after that they charge me, the service charge*, untuk pemotongan dan penyambungan dan sebagainya. *My question*, saya tanya soalan kepada Kerajaan Negeri berkaitan dengan ini. Jika berlaku kesilapan pemotongan adakah, sebab *the next month* itu, ini berlaku pada bulan Ogos, bulan bulan 9 dia masukkan *charges* pemotongan, penyambungan dan juga GST. Banyak juga tu bagi orang yang tidak ada duit sebab di kawasan saya ramai juga orang yang datang ke pusat khidmat saya bawa bil air minta tolong saya bayar. Jadi itulah sebabnya saya rasa perlu dilihat semula dari segi ini. Jadi isu ini saya rasa perlu dikaji semula sebab tidak ada dinyatakan disini bahawa perlu diberitahu kepada penyambungan. Faham ya, hendak balik dah kot.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak apa, saya boleh bagi sambung esok

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Jadi saya rasa saya tidak mahu, saya hendak habiskan malam ini, jadi sebelum saya akhiri saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini walaupun saya tidak sempat nak bercakap panjang berkaitan dengan *land slide* dan sebagainya. Yaka? Okey, saya hendak sambung esok. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penaga, kalau hendak sambung esok janganlah bagi *signal* bahawa hanya tinggal satu isu, lima (5) minit boleh habis. Tidak apa.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Tidak apa lah, jadi macam ini lah saya rasa saya tidak mahu sambung dah. Esok kita beri peluang kepada Ahli-ahli Dewan yang lain. Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua, kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya dan kepada mangsa-mangsa banjir saya amat sedih dan bersimpati dengan masalah yang mereka hadapi dan kita berdoa supaya mereka dapat bersabar, hendak jemput rumah semua tidak mampu. Jadi kepada petugas-petugas, kakitangan kerajaan, sukarelawan dan semualah NGO-NGO dan sebagainya yang telah membantu mangsa-mangsa banjir dalam saat-saat yang getir, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kami kepada mereka semua. Saya rasa setakat itu sahaja. Sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Penaga, Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak tangguhkan Dewan dan kita sambung esok pada jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.15 malam.